

92-817

# Menghala Wawasan 2020

Edisi 2

Abu Hassan Adam



Lampiran:

Ucapan Y. A. B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia

Malaysia: Langkah Ke Hadapan (Wawasan 2020)

**Ai**

ARENA ILMU (M)  
SDN. BHD.

92-817

**MENGHALA  
WAWASAN  
2020**

**ABU HASSAN ADAM**

Hakcipta dan cetakan terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindahkan dalam sebarang bentuk dan cara, sama ada secara elektronik, mekanikal dan sebagainya tanpa izin terlebih dahulu dari  
PENERBIT

Cetakan pertama... September 1991

Cetakan kedua... Februari 1992

© Abu Hassan Adam

Harga: \$12.00

Penerbit:



Arena Ilmu Sdn. Bhd.

253, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields,

50470 Kuala Lumpur.

Tel: 2303103

Atur Huruf dan Percetakan:

Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.

2A, Tingkat 1, Bangunan Sri Pantai,

Jalan Pantai Baru, 59200,

Kuala Lumpur.

Tel: 03 - 2824224

Buku ini ditujukan kepada:  
isteri Zamiah Haji Yeob dan anak-anak:  
Farid Aminee  
Faizul Amri  
Firdaus Azali  
Fazlin Azrimi  
Faizal Azreen

103081  
NASKHAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
21 MAR 1992

# KANDUNGAN

## Prakata

1.	<i>'The Way Forward'</i> Wawasan Yang Diterima Semua	1
2.	Perancangan Teliti Dan Wawasan 2020	13
3.	Wawasan 2020 Mendapat Sokongan Rakyat	18
4.	Tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim Patut Disokong	22
5.	Ketegasan Perdana Menteri Semakin Dihormati Dunia	26
6.	Wawasan 2020 KeArah Reformasi Sosial	30
7.	Dr. Mahathir Berjaya Tingkatkan Taraf G15	35
8.	Ekonomi Malaysia Dalam Konteks Pembangunan Ekonomi Dunia Tahun 1990-an	40
9.	Dasar Pembangunan Nasional	50
10.	Projek East Asia Economic Grouping (EAEC) Esprit De Corp Yang Mantap	56
11.	Kabinet Waja Dr. Mahathir: Ke Arah Melahirkan Pengurus Industri	63
12.	Datuk Seri Dr. Mahathir Penyambung Warisan	69
13.	Pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir: Penerusan Dasar Yang Konsisten	76
14.	Dilema Melayu Menjelang Tahun 2020	84
15.	Kemajuan Negara Perlukan Kepekaan Rakyat	99
16.	Tugas Berat Yang Patut Dipikul Bersama	93
17.	Pemimpin: Oleh Rakyat Untuk Rakyat	99
18.	Falsafah Pendidikan Penentu Arah Perjuangan	103
19.	Akta Pendidikan 1990: Satu Kesenambungan	108

20.	'Anti Establishment' Merupakan Budaya Yang Sedang Menular	114
21.	Ilmu dan Sikap Bentuk Kejayaan	118
22.	Sifat Rendah Diri di Kalangan Orang Melayu Apakah Harus Diteruskan?	123
23.	Cabaran Usahawan Bumiputera	128
24.	Cabaran Pendidikan Kurun-21	132
25.	Pengaruh Budaya Luar: Bagaimana Membendungnya	137
26.	UMNO ke Sabah: Ke Arah Integrasi Yang Mantap	142
27.	Perhimpunan Agung UMNO 1990: Mungkinkah akan Wujud Perpecahan Lagi	150
28.	UMNO: Perisytiharan Mahkamah dan Kesannya	158
29.	Satu Pertanyaan Buat Semangat 46	164
30.	Senjata Terakhir Pembangkang	169
31.	Kemenangan Rubber Game Nyata Terbukti	175
32.	Apabila Datuk Seri Anwar Rela disisasat	179
33.	Peranan Budayawan dalam Pencapaian Kemerdekaan	184
34.	Wira Lama Tampil Semula	192
35.	Betulkah Akta Universiti Melemahkan Kegiatan Mahasiswa	196
36.	Antara Sukan dan Nasionalisme	202
37.	LAMPIRAN: Petikan Ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia-Malaysia Langkah ke Hadapan	210

## PRAKATA

Saya telah mengikuti secara serius perkembangan pemikiran dan tindak tanduk politik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semenjak kelahiran *Malay Dilemma* sehingga hari ini. Malah yang menjadi pendorong kepada pengelahiran makalah dan rencana saya adalah tindak tanduk Perdana Menteri sendiri. Ramai yang berpendapat bahawa beliau ialah 'the man' yang akan menentukan jatuh banggunya bangsa kita.

Semenjak menjadi Perdana Menteri sehinggalah hari ini segala dasar dan perjuangannya adalah begitu konsisten sekali. Bermula dengan dasar 'Pandang ke Timur'nya, 'Buy British Last', 'Punch Card' dan berbagai-bagai dasar yang inovatif sehinggalah 'Wawasan 2020' tidak langsung menampakkan penyimpangan daripada hasrat asalnya.

Buku 'MenghalaWawasan 2020' Edisi 2 adalah merupakan kumpulan tulisan yang telah disiarkan melalui akhbar 'Berita Harian' dan majalah 'Dewan Budaya'.

Buku Edisi 1 telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari segenap lapisan pembaca yang ingin mengetahui secara mendalam apakah yang dimaksudkan dengan 'Wawasan 2020'. Dalam Edisi 2 ini ditambah 6 lagi tajuk-tajuk yang menarik mengenai Wawasan 2020

Jika diperhatikan dan dihalusi, maka sebenarnya 'Wawasan 2020' telahpun dirangka lebih awal - mungkin lebih awal daripada kelahiran 'Malay Dilemma' lagi. Kajian saya tidak sampai ke tahap itu, tetapi jelasnya, wawasan itu telahpun tercetus dan terjelma ketika Dr. Mahathir mula menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Sesuatu yang agak menarik mengenai 'Wawasan 2020' ialah persediaan yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan, khususnya ketika diterajui oleh YB Datuk Seri Anwar Ibrahim. Pada zaman pentadbiran beliaulah berbagai dasar yang inovatif dikemukakan di samping mengetengahkan berbagai ungkapan seperti 'Falsafah Pendidikan', 'Pembakuan Bahasa', 'Kempen Kebersihan di Sekolah', 'Insan Kamil', 'Pembelajaran Bahasa Asing', 'Kemahiran Manupulatif' dan lain-lain lagi. Rencana berjudul, 'Cabaran Pendidikan' telah memaparkan segala-galanya. Seolah-olah ada semacam satu bentuk persefahaman ketika sesuatu dasar pendidikan diumumkan. Misalnya Falsafah Pendidikan Negara adalah merupakan arah tuju kepada tahun 2020.

Falsafah Pendidikan diungkapkan seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri sendiri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.

Oleh hal yang demikian rencana yang berjudul, '*Falsafah Pendidikan Penentu Arah Perjuangan*' sebenarnya memaparkan tentang arah mana yang hendak dituju oleh rakyat dengan pemimpin yang ada sekarang. Arah tuju Falsafah Pendidikan itu tidak akan sampai ke mana juga sekiranya tidak didasari oleh akta Pendidikan 1990. Penjelasan lanjut berkaitan dengan hal tersebut terdapat dalam rencana yang berjudul, '*Akta Pendidikan 1990 - Satu Kesenambungan*'.

Berkaitan dengan persoalan pendidikan tentulah peranan kaum guru. Kumpulan ini amat besar jasanya kepada negara. Mereka bukan sahaja berperanan mendidik anak-anak tetapi mereka juga yang mempelopori perjuangan kemerdekaan tanah air. Perjuangan mereka ini diabadikan dalam rencana, '*Wira Lama Tampil Semula*'.

Isu kedua yang banyak juga disentuh dalam koleksi ini ialah mengenai usahawan dan keusahawanan, terutama yang berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh para usahawan kita. Banyak persoalan yang telah ditimbulkan. Misalnya salah satu yang sering menjadi isu kerajaan ialah tentang kegagalan kebanyakan usahawan Bumiputera. Apakah punca terjadi demikian? golongan usahawan adalah merupakan elemen penting yang akan mendokong Wawasan 2020 itu. Di antara rencana yang berkaitan dengan permasalahan tersebut ialah, '*Ke Arah Melahirkan Pengurus Industri*', '*Ilmu dan Sikap Bantu Kejayaan*' dan lain-lain.

Buku ini tidak membincangkan 'Wawasan 2020' secara tersendiri, tetapi merupakan satu penyorotan fikiran yang akhirnya menjurus ke arah pencapaian wawasan itu. Selaku penulis yang sedar tentang banyak kele-



mahan yang ada dan hakikat itu tentunya tidak dapat dielakkan. Oleh itu saya sentiasa mengharapkan agar buku ini dapat dimanfaatkan bagi sesiapa yang ingin memanfaatkannya.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih terutamanya kepada YB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Omar bin Mohd Hashim (bekas Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia), Datuk Dr. Wan Mohd Zahid bin Nordin (TKPP 1), Cikgu Nordin Mahmud (Bekas Presiden KGMMB) dan orang perseorangan lain yang telah banyak membantu dan memberi dorongan ke arah pengalihan buku ini. Sekiranya '*Berita Harian*' dan '*Dewan Bahasa dan Pustaka*' tidak menyiarkan rencana-rencana saya itu maka tidak mungkin pula rencana itu dapat dibaca oleh pembaca. Maka terhutang budilah saya kepada Ketua Pengarang, Para Pengarang '*Berita Harian*', majalah '*Dewan Masyarakat*' dan '*Dewan Budaya*' yang telah sanggup menyunting karya asal saya.

Abu Hassan Adam  
Lembah Ledang, Damansara  
Kuala Lumpur  
1hb. Feb. 1992

# 1

## “The Way Forward” WAWASAN YANG DI TERIMA SEMUA

**W**alaupun tidak dinyatakan secara specific, namun ramai yang merasakan bahawa kertas kerja Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang berjudul “Arah Ke hadapan” (*The Way Forward*) itu merupakan dasar baru negara yang ingin di perkenalkan oleh beliau. Ia juga dapat di anggap sebagai satu kesinambungan kepada dasar ekonomi baru yang telah tamat tempohnya pada tahun 1990. Mungkin sengaja Perdana Menteri mahu menguji sentiman masyarakat Malaysia dengan mengemukakan kertas yang sedemikian, semata-mata untuk melihat apakah sambutan yang akan diberi oleh masyarakat terhadap ideanya itu. Sehingga kini tidak terdapat seperti sebarang reaksi yang negatif terhadap yang akan menuju sasaran pada tahun 2020 itu. Itu juga bermakna bahawa rakyat Malaysia dari semua kaum memberikan satu ‘anggukan kepala’ kepada gagasan yang ingin di perkenalkan itu. Jikalau adapun kebimbangan, ia bukannya datang dari rakyat Malaysia tetapi dari pihak-pihak tertentu yang sentiasa iri hati tentang perkembangan dan kemajuan yang ingin kita tuju itu.

Sehingga kini tidak terdengar suara penentangan secara terbuka terhadap pandangan dan wawasan Perdana Menteri itu. Mungkinkah semua kaum yang ada di Malaysia sudah mula faham tentang hasrat Dr. Mahathir yang benar-benar ikhlas dan berusaha ke arah mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu-Bangsa Malaysia. Jika diteliti dan dihalusi kertas kerja berkenaan memang tidak terdapat sebarang tindakan ke arah mendiskriminasikan suatu kaum di negara ini. Dan jikalau ada pula kaum bukan Bumiputera

yang merasakan bahawa 'The Way Forward' ini akan memberikan tumpuan istimewa kepada kaum Melayu, maka pandangan sedemikian adalah salah. Namun begitu tidak pula diketepikan usaha ke arah memajukan Bumiputera itu.

Dengan jelas disebut oleh Perdana Menteri tentang betapa perlunya kaum Bumiputera itu dimajukan dalam segenap bidang. Bumiputera seharusnya duduk sama rendah dan berdiri sama tegak dengan kaum-kaum lain yang ada di negara ini. Alasan bukanlah disebabkan oleh Bumiputera itu sebagai putera bumi lantas diberikan segala pertolongan, tetapi adalah dari segi peratusan penduduk. Tidak munasabah, kata Perdana Menteri sekiranya separuh daripada penduduk sesebuah negara tidak mendapat nikmat daripada kekayaan negara yang didiami. Ini bermakna Perdana Menteri menekankan tentang konsep perkongsian. Berat sama dipikul dan ringan sama dijinjing.

Tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mempersiapkan negara untuk menghadapi hari muka serupa dengan cara tindakan yang dilakukan oleh Tun Razak dalam mempersiapkan rakyatnya, khususnya orang Melayu agar dapat bertanding dan bersaing dengan orang lain dalam segenap bidang. Cuma yang berbeza ialah suasana negara dan keadaan rakyat ketika sesuatu dasar itu dilancarkan Datuk Seri Dr. Mahathir mengemukakan wawasannya itu ketika masyarakat Malaysia dalam keadaan bersatu dan bersedia untuk bergerak maju sedangkan Tun Razak melancarkan Dasar Ekonomi Baru selepas selesai sahaja peristiwa perbalahan kaum pada tahun 1969 dan ketika orang Melayu amat ketinggalan dalam segenap lapangan.

Dalam tahun 1970 dapat dikatakan yang orang Melayu terlalu sedikit menikmati hasil dalam negaranya sendiri. Dari segi perbandingan terdapat hanya 26% saja kaum Cina yang hidup di bawah paras kemiskinan berbanding dengan angka 65% yang menimpa orang Melayu, suatu yang amat menyedihkan. Sungguhpun bilangan orang Melayu (Bumiputera) melebihi separuh daripada penduduk di negara ini tetapi pengawalan mereka kepada modal ekuiti negara hanya sebanyak 2.4%, sedangkan orang Cina menguasai 27.2%. Tambah mengejutkan lagi keadaan itu ialah kedudukan orang asing yang menguasai 63.3% ekonomi negara kita.

Keadaan yang sedemikian tentunya menyedihkan. Selepas 17 tahun mencapai kemerdekaan, kedudukan ekonomi Bumiputera masih dalam peringkat yang amat daif dan tentunya memerlukan pembelaan pula. Dengan

itulah dicari penyelesaian segera oleh Tun Abdul Razak. Secara kebetulan pula peristiwa 13 Mei itu meletus dikatakan berpunca daripada keadaan sedemikian. Orang Melayu merasakan mereka cukup terhimpit dan sungguh terhina menjadi miskin melarat di tanah tumpah darah sendiri.

Tun Razak memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru tahun 1970, satu eksperimen perencanaan sosial (*Social Engineering*) yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Malaysia di samping menghapuskan pekerjaan yang dikaitkan dengan asal keturunan. Hasilnya diharapkan akan dapat diketahui pada tahun 1990 (dua puluh tahun kemudian). Tun Razak mengharapkan bahawa pemilihan saham korporat mestilah dibahagikan mengikut formula seperti berikut iaitu 30% Melayu, 40% bukan Melayu dan 30% bagi orang asing. Harapan Perdana Menteri pada ketika itu ialah orang Melayu tidak terikat kepada sawah padi semata-mata, tetapi akan terlibat juga dalam bidang perindustrian.

Itulah mimpi dan cita-cita YAB Tun Abdul Razak, selaku Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1970. Itulah wawasan pemimpin yang '*farsighted*' dan '*Forward looking*'. Kini mimpinya itu telah menjadi satu realiti bagi orang Melayu. Apa yang diharapkan oleh pemimpin yang disayangi rakyat itu telah menjadi kenyataan walaupun kejayaannya tidak sepenuhnya. Sayangnya beliau tiada lagi. Beliau mengharapkan agar orang Melayu tidak hanya menumpukan kepada bidang pertanian tetapi sebaliknya menumpukan kepada perindustrian. Kita telah dapat melihatnya kini keadaan itu telah menjelma walaupun pada tahun 1970 ramai yang merasakan yang impian itu hanyalah seperti angan-angan Mat Jenin semata-mata.

Pada tahun 1991, Datuk Seri Dr. Mahathir pula mengajak kita untuk memikirkan tahun 2020 (tiga puluh tahun akan datang). Peristiwa ini seolah-olah seperti satu perlumbaan lari berganti-ganti. Kayu *baton* kini telah diserahkan kepada Dr. Mahathir dan beliau akan menentukan agar *baton* tidak terjatuh ketika berlari dan akan diserahkannya pula tiga puluh tahun kemudian. Mungkin pada ketika itu juga beliau sudah tiada lagi. Bagi pemimpin yang berwawasan dan '*prophetic*' persoalan itu tidak penting. Yang dipentingkannya ialah kesinambungan bangsa yang bermaruah. Satu *target* perlu diletakkan dan usaha kearah mencapai *target* itu harus berterusan dan terpulanglah kepada bangsa itu sendiri untuk menjalankan usaha bagi menuju *target* yang diletakkan. '*Dream*' Martin Luther King menjadi kenyataan setelah beliau meninggal dan begitu jugalah '*dream*' pemimpin besar yang lain yang pernah didengar dan tercatat dalam sejarah.

Mimpi Tun Razak menjadi kenyataan kerana 'keberanian' beliau mengemukakan beberapa 'innovation' yang kadang-kadang merupakan satu tindakan yang tidak sesuai bagi sesuatu pihak yang merasakan bertentangan dengan *human rights* atau melanggar '*freedom of speech*'. Bagi Tun Razak, "The nation cannot system that permits anybody to say or do things that are likely to engender racial tensions" (TIME 18-9-78)

Berdasarkan kepada hakikat itulah agaknya beliau mengemukakan beberapa pindaan perlembagaan (yang pada anggapan setengah pihak) yang telah melenyapkan kebebasan bersuara. Telah diwartakan bahawa ada terdapat empat perkara yang tidak boleh diperbahaskan walaupun di Parlimen. Di antaranya ialah hak keistimewaan orang Melayu/Bumiputera, segala peruntukan yang berkaitan soal-soal Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu), hak kedaulatan Raja-raja Melayu dan perkara yang berkaitan dengan kerakyatan.

Masyarakat Malaysia pada ketika itu menerimanya dengan hati yang penuh terbuka terhadap pindaan perlembagaan yang dikemukakan. Mereka memikirkan pindaan itu penting berdasarkan kepada kepahitan yang dialami semasa berlaku peristiwa hitam 13 Mei. Walaupun pada anggapan setengah pihak pindaan itu merupakan satu tekanan, namun bagi pihak yang lain itu merupakan satu kemestian demi untuk menjamin masa depan Malaysia yang cemerlang. Jika keempat perkara di atas dibiarkan diperbahaskan secara berleluasa sama ada di Parlimen ataupun di kalangan media massa, maka kemungkinan besar sehingga kini kita masih bercakaran dan terlalu sedikit pembangunan yang dapat dilakukan.

Bandungkanlah dengan negara lain di dunia ini yang mempunyai berbilang kaum dan ciri-ciri persamaan yang lain, maka akan kita dapati bahawa negara kita jauh lebih baik daripada negara yang dibandingkan itu. Sungguhpun pada dasarnya seolah-olah berbagai sekatan dikenakan, namun dari segi kebahagiaan hidup maka rakyat Malaysia hidup dengan aman dan bahagia. Anggapan pihak tertentu yang mengatakan bahawa orang Cina dan India di Malaysia sebagai '*second class citizen*' tentulah tidak berasaskan sama sekali. persoalannya ialah pernahkah Kerajaan menindas kaum-kaum tertentu sehinggakan kaum-kaum itu terlalu sukar untuk hidup dan mencari kekayaan. Soalan ini tidak perlu dijawab. Cukup sekadar memerhatikan keadaan yang sebenar wujud dalam negara ini.

Berdasarkan kepada hakikat itu tidaklah menghairankan kepada kita pada hari ini jikalau ada pula pihak-pihak tertentu yang cuba menggugat

perencanaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir. Mungkin kumpulan tertentu merasa bimbang dan mungkin juga cemburu kalau-kalau apa yang direncanakan oleh Perdana Menteri itu akan menjadi kenyataan seratus peratus. Apatah lagi pada ketika ini berkembang dengan kadar yang amat pesat. Negara-negara luar mula menaruh kepercayaan kepada kepimpinan Dr. Mahathir. Tambahan pula gagasan EAEG(kini EAEC) yang ditaja oleh Perdana Menteri itu telah mendapat sambutan bukan sahaja dari negara ASEAN tetapi juga dari negara-negara maju yang lain seperti Jepun dan New Zealand. Dengan demikian kegiatan penyebaran khabar angin dan hasut menghasut tentulah lebih giat dijalankan. Jikalau Tun Razak dulu berjaya mengatasi masalah yang sedemikian mengapa pula tidak berlaku kepada kepimpinan kini?

Di samping menyediakan asas pembendungan keadaan, Tun Razak juga telah 'meneroka' dan melaksanakan satu bidang yang amat penting bagi menentukan 'survival' orang Melayu menempuh hari muka. Peruntukan perbelanjaan yang berlebihan telah disediakan untuk pembinaan sekolah-sekolah (terutama sekolah-sekolah di kawasan luar bandar), pembinaan dan penyediaan tempat yang lebih di pusat pengajian tempatan di samping berusaha pula untuk menghantar para pelajar ke luar negeri.

Sebenarnya Tun Razak telah menyediakan 'tapak' yang amat sesuai bagi pembentukan sebuah negara Malaysia makmur dan bahagia bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi dalam segenap bidang lain. Malangnya beliau tidak dapat menyambung jasa baktinya kepada negara dan bangsa kerana kematiannya. Tugas itu telah disambung oleh Tun Hussein Onn. Tetapi bagi Tun Hussein tugasnya sebagai Perdana Menteri hanyalah untuk sementara. *'I was thrust into a job that I didn't expect or want. There are others more educated, more inspiring. But it is an honour to serve one's country, so I'll do my best. My job is to help build a nation on the foundation already laid. If I can add a brick here and there, I will have done my part'* (TIME 18-9-78)

Apabila Datuk Seri Dr. Mahathir mengambil alih teraju pemerintahan beliau terus membuat beberapa pembaharuan yang sebelum ini tidak pernah dirasai oleh rakyat Malaysia. Rakyat terkejut dengan beberapa perubahan *innovatif* sejurus selepas beliau memegang teraju pentadbiran tahun 1981.

Di antara yang cuba diyakinkan kepada rakyat pada ketika itu ialah soal penswastaaan yang dirasakannya amat perlu bagi menentukan pertumbuhan ekonomi. Dan setelah diujikaji penswastaaan beberapa agensi kerajaan seperti Telekom dan Lembaga Letrik Negara dan menampakkan kejayaan

pula, maka tidak ada sebab yang konsep tersebut harus diberhentikan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri dalam kertas kerjanya itu, *"for the foreseeable future, Malaysia will continue to drive the private sector, to rely on it as the primary engine of growth"*. Pada para yang lain beliau menekankan lagi tentang *"Privatization will continue to be an important cornerstone of our national efficiency strategy"*.

Sepuluh tahun kemudian sekali lagi Perdana Menteri menggariskan beberapa panduan yang harus dilakukan oleh rakyat Malaysia untuk menuju ke satu tahap kemajuan. Harapannya pada tahun 2020 Malaysia akan menjadi sebuah negara perindustrian, sebuah negara yang boleh diiktiraf sebagai 'maju'. Tetapi kemajuan yang dikejar bukan sekadar kemajuan dari segi ekonomi semata-mata tetapi meliputi berbagai sudut yang termasuk dari segi politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan. Kita tidak seharusnya meniru kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara yang sedia maju tetapi kemajuan yang hendak kita tuju adalah berdasarkan cara kita, mengikut acuan kita. *"Economic development must not become the be-all and the end-all of our national endeavours"* (Dr. Mahathir *"The way Forward"*)

Ada sembilan cabaran yang telah digariskan oleh Perdana Menteri dalam kertas kerjanya yang mesti diatasi oleh rakyat. Secara ringkasnya segala cabaran adalah seperti berikut:

1. Cabaran untuk mewujudkan Bangsa Malaysia bersatu yang dapat hidup dengan aman dan bahagia dan sentiasa taat setia kepada negara Malaysia.
2. Cabaran untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bebas dan penuh keyakinan diri dan sentiasa pula sanggup menghadapi cabaran demi menuju kecemerlangan yang akan dihormati oleh negara luar.
3. Cabaran untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang demokratik supaya menjadi model kepada negara luar.
4. Cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral tinggi berpegang kepada nilai murni yang berlandaskan agama.
5. Cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang toleran, dapat mene-

rima hakikat yang negara mengandungi berbagai kaum yang menganuti berbagai-bagai agama.

6. Cabaran untuk melahirkan sebuah masyarakat saintifik, progresif, *innovatif* dan berpandangan jauh kemudiannya menjadi penyambung kepada peradaban teknologi dan bukan sebagai pengguna teknologi.

7. Cabaran untuk mewujudkan masyarakat penyayang yang merupakan pasak kepada sistem berkeluarga.

8. Cabaran untuk mewujudkan Masyarakat adil yang sedar tentang keperluan pembahagian hasil negara secara adil yang boleh dipraktikkan melalui perkongsian dalam pembangunan ekonomi di samping menghapuskan fahaman dan prasangka yang mengkaitkan sesuatu sektor ekonomi dengan sesuatu kaum tertentu.

9. Cabaran untuk mewujudkan masyarakat makmur yang dapat dicapai melalui kegiatan ekonomi yang *competitive*, dinamik, *robust* dan *resilient*.

Secara umumnya menampakkan bahawa negara yang diimpikan oleh Perdana Menteri nanti ialah sebuah negara yang seolah-olah tidak lagi mempunyai berbilang kaum, tetapi hanya satu bangsa iaitu bangsa Malaysia. Hasrat yang sebegini mungkin lah asing dan '*absurd*' bagi rakyat Malaysia yang hidup 20 tahun yang lampau tetapi bagi masyarakat kini, ia sudah merupakan satu kemungkinan besar. Kalau kita yakin bahawa satu bahasa boleh menyatukan kaum dan telah terbukti mampu berbuat demikian, maka kerajaan hendaklah memperteguhkan elemen itu, walaupun menghadapi berbagai rintangan. Yakinkan rakyat yang cuba menentang bahawa perubahan yang diperkenalkan adalah untuk kebaikan dan bukan kehancuran.

Cabaran kedua yang harus dihadapi oleh masyarakat Malaysia yang penuh yakin kepada diri dan berusaha menuju ke arah kecermerlangan. Dalam satu temuramah yang dibuat oleh Perdana Menteri dengan majalah *Newsweek*, beliau telah meramalkan tentang Malaysia pada tahun 2020. Katanya, "*We feel that by then, there will be less emphasis on race. The Malays will gain more confidence. They will be able to compete better. There will be more professionals. The nonindigenous people (predominantly Chinese) would understand the need to accommodate to work together. Those*



*who cannot accomodate (will find) this is not good society for them..."*  
(Newsweek May 2, 1988)

Apa yang diucapkan oleh Perdana Menteri pada tahun 1988 itu seolah-olah sudah dekat dengan kenyataan melihat kepada perkembangan yang ada pada hari ini, yang berkaitan dengan kedudukan orang Melayu yang sudah mula peka dan bergiat dalam bidang-bidang yang sebelum ini diterokai. Mungkin berasaskan kepada keadaan sedemikian jugalah agaknya maka Perdana Menteri yakin yang wawasan 2020 itu dapat dipenuhi.

Masyarakat Malaysia menjelang tahun 2020 adalah bersendikan kepada nilai-nilai baik. Konsep penerapan nilai murni ke dalam jiwa masyarakat Malaysia masih merupakan satu kesinambungan kepada hala cara yang ditentukan pada awal pentadbiran beliau pada awal tahun 80-an dulu. Dasar penerapan nilai-nilai Islam itu adalah juga penerapan nilai yang baik. Dengan jelas menampakkan tentang harapan Perdana Menteri agar wujud satu keadaan masyarakat yang unik berbanding dengan masyarakat lain di dunia yang telah menempuh zaman yang dikatakan moden. Walaupun kita mengejar kemajuan dalam bidang ekonomi namun pegangan kita kepada nilai-nilai murni sesuai dengan budaya kita masih tetap didokong.

Mewujudkan masyarakat yang hidup harmoni memerlukan perasaan toleransi di kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Keadaan yang sebegini telah wujud dan perlu dipupuk dan dibaja. Tidak timbul sebarang pertelingkahan diantara penganut agama di negara ini walaupun masing-masing menganut agama yang berlainan. Sudah wujud satu keadaan toleransi di antara satu dengan lain. Dari segi agama, boleh dikatakan Malaysia telah berjaya mencipta satu suasana yang harmoni di antara kaum. Perayaan agama dirayakan oleh semua rakyat Malaysia tidak mengira kaum. Inilah harapan dan matlamat yang ingin dituju.

Cabaran keenam yang digariskan oleh Perdana Menteri ialah mewujudkan satu masyarakat yang *saintifik* dan *innovatif*. Ini merupakan satu harapan yang tidak pernah difikir dan dilahirkan dalam zaman Tunku Abdul Rahman. Tun Abdul Razak pernah juga menyarankan keadaan demikian tetapi masyarakat pada ketika itu sangat tebal dengan berbagai fahaman yang lebih condong kepada arah yang negatif. Jikalau adapun saranan yang sedemikian rupa itu hanyalah merupakan satu angan-angan sahaja- 'harap ada percaya tidak'. Apa tidaknya. Orang Melayu telah disumbatkan dengan satu 'falsafah' yang mengatakan orang Melayu tidak layak mendapat kemer-

dekaan kerana tidak boleh membuat sebatang jarum!!! Selepas itu orang Melayu telah didendangkan dengan irama sumbang yang mengatakan bahawa orang Melayu lemah dalam mata pelajaran Sains dan Metametrik. Prasangka ini telah dapat dipecahkan dengan terbinanya puluhan Sekolah Menengah Sains dan penghantaran ribuan pelajar ke pusat pengajian tinggi yang mengambil jurusan sains. Dengan demikian mengharapakan wujudnya satu masyarakat *saintifik* dan *innovatif* pada tahun 2020 bukan merupakan sesuatu yang mustahil.

Hasrat DEB yang dikatakan belum selesai itu akan diteruskan. Dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat adil, persoalan ekuiti dalam bentuk peratusan tidak ditimbulkan. Tidak wujud lagi angka 30% ataupun 40% sebagaimana yang terkandung dalam DEB. Yang dinyatakan dalam kertas kerjanya itu ialah. *"...by legitimate means we must ensure a fair balance with regard to the professions and all the major categories of employment. Certainly we must be as interested in quality and merit. But we must ensure the healthy development of a viable and robust Bumiputera commercial and industrial community"*. Pada para yang lain Perdana Menteri telah menekankan tentang... *"a need to ensure the creation of an economically resilient and fully competitive Bumiputera community 30 as to be at par with Non-Bumiputera community"*

Ini jelas menunjukkan tentang kesediaan pihak kerajaan untuk berkongsi hasil negara dengan adil. Dengan ini juga tentu tidak timbul lagi rasa kurang senang masyarakat bukan Bumiputera terhadap kaum Bumi seperti mana yang pernah berlaku semenjak terlancarnya DEB dulu. Segala ketidakpuasan yang wujud semenjak zaman berzaman berkaitan dengan hal ini telah pun dimansuhkan. Inilah senjata politik pembangkang zaman berzaman bagi tujuan meniupkan semangat kebencian bukan Melayu terhadap kerajaan Barisan Nasional.

Seperti mana yang dijelaskan oleh Perdana Menteri bahawa Malaysia maju tidak seharusnya mempunyai masyarakat di mana kemajuan atau kemunduran ekonomi dihubungkan dengan sesuatu kaum. Dan tidak pula bermakna yang masyarakat Malaysia itu harus berpendapatan yang sama bagi semua orang, yang pada anggapannya merupakan sesuatu yang mustahil. *"But I do believe that the narrowing of the ethnic income gap, through the legitimate provision of opportunities, through the development of the appropriate economic culture and through full human resource development, is both necessary and desirable. We must aspire by the year 2020 to reach a*

*stage where no one can say that a particular ethnic group is inherently economically backward and another is economically inherently advanced. Such a situation is what we must work for- efficiently, with fairness and dedication"*

Perdana Menteri menyebut juga tentang program '*national human resource development*'. Negara-negara yang dianggap sebagai negara baru perindustrian telah memberikan penekanan kepada bidang pembangunan sumber insan. Kemajuan Singapura, Hong Kong, Korea Selatan misalnya tidak bergantung kepada sumber alam seperti bijih, getah atau minyak tetapi bergantung kepada keupayaan dan kebolehan rakyatnya menggembelingkan setiap peluang ekonomi yang berada di hadapan mereka. Dan Malaysia juga akan bergerak dengan lebih pantas ke arah itu. Strategi ekonomi yang mengharap kepada sumber alam semata-mata telah jelas tidak membawa kemajuan negara sebagaimana yang diharapkan.

Sebagai perbandingan elok kita tinjau tentang sebuah negara jiran iaitu negara Thai yang dikatakan sedang bergerak juga menuju ke arah pewujudan sebuah negara NIC pada tahun 1992. Perancangan ekonomi negara itu meramalkan kadar pertumbuhan negara mereka pada tahun 1988 sebanyak 9% dan dirasakan pertumbuhan yang sebegitu akan berterusan sehingga tahun 1992. Pada ketika itu mereka juga mengharap yang sektor pembuatan dan industri akan memberikan sumbangan besar kepada pengeluaran negara kasar yang sekaligus dapat meletakkan negara itu seiring dengan rangkaian negara NIC yang lain.

Seperti mana yang pernah diulas oleh seorang penulis mengenai negara Thai, "*Thailand's economy hasn't boomed by accident. Its success is the product and survey government planning. Such growth has spawned a new wave of Thai entrepreneurs and has given a generation of technocrats the chance to apply thier know-how*" (Newsweek June 27, 1988)

Ramai yang mengatakan bahawa semasa pertumbuhan ekonomi tahun 70-an, Malaysia telah tidak menggunakan sepenuhnya hasil negara yang diperolehi untuk berkembang dan mempelbagaikan industrinya berbanding dengan apa yang dilakukan oleh negara-negara lain yang kini telah tergolong dalam negara NIC seperti Taiwan dan Korea Selatan. Bagi kedua-dua negara ini, pada ketika itulah mereka menumpukan kepada kegiatan perindustrian. Mungkinilah mereka amat sedar yang negara mereka tidak mempunyai tanah yang luas untuk menanam getah dan kelapa sawit seperti Malaysia.

Telah sekian lama bijih dan getah merupakan hasil eksport utama kita.

Ini ditambah pula dengan keluaran hasil minyak. Namun negara kita masih tidak maju seperti yang dijangkakan sehinggalah strategi mempelbagaikan pengeluaran bahan mentah pertanian diperkenalkan oleh Tun Razak. Strategi itu juga rupanya hanya sesuai untuk zaman itu. Dengan demikian maka apabila Dr. Mahathir menerajui negara, satu strategi yang lebih mantap perlu diperkenalkan. Kini strategi mempelbagaikan pengeluaran barang-barang industri pula diperkenalkan.

Perlu difahami juga bahawa arah tuju ekonomi negara sehingga tahun 2020 ialah kita akan keluar dari orbit yang dipanggil "*industrialisasi*" dan akan bergerak menuju ke satu era yang dinamakan "*Post-industrial stage*". Inilah sebenarnya matlamat kita pada tahun 2020, dan untuk menuju ke arah itu, Perdana Menteri telah menggariskan tentang perlunya masalah '*narrow manufacturing base*' diselesaikan dengan segera. Misalnya pada tahun 1988, 63% daripada jumlah eksport barangan siap kita datangnya daripada industri elektrikal, elektronik dan tekstil. Barangan elektronik sahaja merupakan 50% daripada keseluruhan eksport barangan siap. Dengan itu perlu dipelbagaikan.

Satu lagi bidang kegiatan ekonomi yang diambil perhatian tetapi kurang dipedulikan ialah tentang teknologi tradisional yang sebahagian besar diusahakan oleh Bumiputera. Ini juga merupakan strategi yang akan digunakan memajukan SMI (Industri kecil dan sederhana) yang akan menghasilkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya masyarakat Melayu.

Semenjak tahun 1981 lagi Dr. Mahathir telah beberapa kali menegaskan tentang usaha yang gigih untuk memajukan Bumiputera. Dalam satu temuramahnya dengan wartawan *Far Eastern Economic Review* pada 30 Oktober 1981 beliau telah menyatakan yang masalah itu hendaklah diselesaikan dengan segera. Masalah Bumiputera bukanlah diserahkan kepada kerajaan semata-mata tetapi melalui dayausaha Bumiputera sendiri dengan cara meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu.

Dalam kertas kerjanya pula beliau dengan jelas menyatakan bahawa dalam usaha untuk memajukan sumber manusia, kita tidak harus melupakan separuh daripada penduduk yang tinggal dalam negara ini iaitu Bumiputera. Sekiranya mereka tidak akan dapat mencapai kemajuan sebagaimana yang kita harapkan. Tidak ada sebarang negara di dunia ini mencapai kemajuan sepenuhnya dengan hanya bergantung kepada kemampuan separuh daripada penduduknya. Bumiputera mestilah memainkan peranannya yang sebenar dalam mencapai matlamat nasional.

Setelah menyatakan beberapa perancangan untuk masa hadapan, Perdana Menteri sedar yang beliau dan ramai pemimpin yang ada pada hari ini mungkin tidak sempat melihat hasil pada tahun 2020 kesan dari jerih payah yang cuba diusahakan kini. Namun begitu, satu tapak yang sesuai perlu disediakan oleh kita bagi menyenangkan bakal pemimpin masa hadapan, anak dan cucu kita melengkapkan dan menyudahkan kerja yang kita akan wariskan kepada mereka. Insyallah.

25 Mac 1991

# 2

## PERANCANGAN TELITI DAN WAWASAN 2020

MALAYSIA DIHORMATI NEGARA MAJU

**P**engiktirafan Presiden George Bush, terhadap kemajuan Malaysia pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah satu 'penceraman' yang dibuat oleh seorang pemimpin dunia dari sebuah negara 'superpower'.

Mungkin terlalu berat bagi seorang Presiden Amerika, untuk melafazkan pujian itu kerana kesannya adalah pelbagai. Namun demikian, Bush tentulah tidak dapat lari daripada media massa dunia keseluruhannya.

Rata-rata penulis dari Barat atau Timur mengakui haikat bahawa Malaysia sudah menempa sejarah sebagai salah sebuah negara maju dan akan 'duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi' dengan negara-negara di dunia amnya, setidak-tidaknya pada tahun 2020.

Robert Elegant dalam bukunya, *Pacific Destiny*, mengulas mengenai Malaysia, "Bagaimanapun, Malaysia adalah sebuah negara mewah hari ini dan berpeluang mengekalkan prestasi itu. Beberapa faktor jangka pendek dan jangka panjang yang sedang dirancang adalah puncanya. Kebanyakan orang Cina dan Melayu mahu menikmati kehidupan yang baik itu sekarang. Kedua-duanya tidak digerakkan oleh satu cita-cita besar atau dihantui oleh rasa tidak puas hati... Malaysia akan terus makmur selagi dua perkara dipenuhi: Selagi generasi muda - 37 peratus penduduknya berumur bawah 15 tahun - menolak sikap fanatik; dan selagi perimbangan kuasa di rantau ini tidak berubah secara mendadak."

Tidak ketinggalan juga untuk memberikan ulasan mengenai Malaysia ialah John Naisbitt & Patricia Aburdene dalam buku mereka berjudul *Megatrends 2000*. Kata mereka, "*Malaysia kini menikmati pertumbuhan ekonomi yang galak. Pertumbuhan paling pesat dalam dekad lalu (8.7 peratus), dicatatkan pada 1988. Ekonomi Malaysia pasti mengulangi kejayaan itu pada 1989 dan 1990. Jumlah eksport meningkat 26 dan 23 peratus bagi kedua-dua tahun berkenaan. Pencapaian ekonomi yang baik itu pasti dikekalkan untuk tahun 1989 dan 1990.*"

Berdasarkan ulasan di atas, maka tepatlah gelaran yang diberikan oleh majalah *Far Eastern Economic Review* kepada Malaysia sebagai *The Mahathir Decade* (*FEER* 18 Julai 1991). Dalam rencananya, majalah itu menyorot fungsi yang telah dimainkan oleh Perdana Menteri dalam menerajui negara ini bermula daripada tindakannya menentukan setiap pegawai memasuki pejabat dengan 'punch card' dan pemakaian tanda nama. Dasar-dasar yang diperkenalkan selepas itu seperti 'Pandang Ke Timur', 'Penswastaan', 'Kepimpinan Melalui Teladan'. *Malaysia Incorporated*, sebenarnya meletakkan kedudukan negara sebagaimana yang dapat kita lihat pada hari ini.

Awal tahun 1980-an, iaitu sebaik sahaja menerajui negara sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 16 Julai 1981, beliau menekankan dasar Pandang Ke Timur. Rakyat Malaysia seolah-olah terpingpinga pada ketika itu mengenai apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri mereka. Tidak kurang juga terhadap keraguan yang ditimbulkan oleh penyokong kerajaan sendiri. Sebenarnya ramai yang 'tidak nampak' wawasan Perdana Menteri pada etika itu. Lantas mereka memberikan tafsiran yang pelbagai. Ada yang mengatakan bahawa pentadbiran Dr. Mahathir pada ketika itu terlalu 'laju' dan sukar bagi rakyat untuk mengikutinya. Sebenarnya bukan beliau yang terlalu laju tetapi hakikat yang sebenarnya ialah ada di kalangan rakyat yang terlalu 'lambat'.

Majalah *Asiaweek* terbitan 23 September 1983 ada menyiarkan satu temuramah dengan Dr Mahathir berkaitan dengan isu di atas.

*Asiaweek*: "Adakah pentadbiran YAB bergerak terlalu laju untuk difahami oleh orang awam?"

"*Dr Mahathir*: Dasar-dasar itu saling berhubung kait, semuanya adalah satu. Saya perlu menonjolkan beberapa aspek tertentu untuk memastikan ia bergerak ...Pandang ke Timur bererti melihat ke Jepun dan Korea Selatan... saya melihat kejayaan usahawan swasta di sana. Maka

*timbul soal penswastaan. Saya melihat kejayaan kerjasama kerajaan dan sektor swasta, maka ditonjolkan soal Persyarikatan Malaysia; dan kita juga lihat cara kerja Jepun. Presiden syarikat turun ke kedai dengan memakai baju yang sama dengan pekerja lain. Itu adalah Kepemimpin Melalui Tindakan..."*

Yang jelasnya sekarang ialah tindakan Dr. Mahathir itu mendedahkan kesan yang amat positif. Apa yang dibayangkan pada 1983 menjadi kenyataan pada tahun 1991 dan hendaknya apa yang diunjurkan pada tahun 1991 itu akan menjadi kenyataan pada 2020. Malaysia kini menjadi sebuah negara maju, malah boleh dipanggil sebagai salah sebuah negara perindustrian baru.

Prof. Dr. Fong Chan Onn (Timbalan Menteri Pendidikan), pernah menulis dalam *Asian Development Review* pada 1990, berhujah mengenai Malaysia yang menjadi sebuah negara perindustrian seperti juga Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan. Jikalau dulu masih ada juga yang mempersoalkan mengapa Dr. Mahathir tidak menjadikan negara Amerika ataupun Great Britain sebagai contoh, maka jawapan kepada soalan itu telah terjawab kini.

Masyarakat dunia, sama ada pakar ekonomi negara Barat atau Timur sebulat kata mengatakan bahawa kurun ke-21, adalah milik negara Asia di segi ekonomi. Kawasan Asia Pasifik adalah medan kegiatan ekonomi bagi negara-negara yang berada di pesisiran Pasifik. Di antara hujah yang dikemukakan oleh mereka ialah di segi kepesatan perkembangan ekonomi dan penduduk bagi negara-negara di rantau ini. Misalnya, 20 peratus daripada penduduk dunia datangnya dari negara China dan 20 peratus lagi datangnya dari negara India, Pakistan dan Bangladesh.

Di segi ekonomi pula, Jepun adalah sebuah negara yang amat pesat membangun di samping Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan dan Singapura. Tidak dilupakan juga ialah kepesatan pembangunan negara-negara seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia. Faktor-faktor ini tentunya tidak dapat menyekat arus pembangunan di kawasan Pasifik. Lambat laun ia pasti akan menjadi kenyataan juga.

Banyak diperkatakan bahawa tenaga manusia adalah lebih penting daripada sumber alam dalam memajukan sesebuah negara. Malaysia amat bertuah kerana memiliki pelbagai sumber alam seperti bijih, getah dan petroleum berbanding negara 'four tigers' di atas. Tetapi mengapa Malaysia ketinggalan berbanding mereka?



Kenichi Ohmae dalam bukunya *The Borderless World* memberikan satu analisis yang menarik mengenai isu berkaitan. Malaysia mengalami satu peristiwa yang amat pahit kesan daripada tindakan penjajah British yang dengan sengaja memajukan sektor perladangan dan perlombongan dan mengabaikan langsung usaha ke arah perindustrian dengan tujuan hasil yang dikeluarkan dari negara ini tidak dapat menyaingi hasil yang dikeluarkan dari Great Britain. Walaupun beliau tidak menyentuh pentadbiran Perdana Menteri yang lalu, jelas kepada kita bahawa "Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu mereka bahawa itu adalah jalan mati. Dengan slogan 'Pandang ke Timur' beliau menggerakkan rakyatnya belajar daripada etika kerja Jepun, Korea Selatan dan Taiwan... Hari ini, Malaysia adalah pengeksport bahan *semi conductor* di dunia, lebih besar daripada Jepun di segi kuantitinya. Lebih banyak daripada bahan mentah sekarang ini.."

Tidak hairanlah jika Perdana Menteri selama ini sentiasa melaungkan persoalan perubahan sikap di kalangan rakyat Malaysia, bergerak ke arah sesuatu yang inovatif, berfikiran terbuka dan global.

*"Daripada pengalaman dua dekad lalu berhubung kejayaan ekonomi di negara yang miskin di segi sumber semula jadi, adalah jelas bahawa sumber utama mana-mana negara ialah bakat, kemahiran, kepakaran, kekreatifan dan semangat rakyat. Apa yang kita ada dalam kepala kita, pada tulang empat kerat dan dalam hati pada tulang empat kerat dan dalam hati kita adalah lebih penting daripada apa yang kita ada di bawah tapak kaki dan sekeliling kita. Rakyat itu adalah sumber paling utama. Tanpa ragu-ragu lagi, pada 1990-an dan selepas itu, Malaysia mesti memberi penekanan sepenuh mungkin kepada pembangunan sumber utama ini."* (Dipetik daripada "*Malaysia: The Way Forward*").

Di segi penyediaan sumber manusia, sebenarnya langkah sedemikian dirintis oleh Tun Abdul Razak lagi, ketika menjadi Perdana Menteri yang kedua. Pembinaan sekolah-sekolah berasrama penuh, penambahan beberapa universiti dalam negeri dan penghantaran beramai-ramai pelajar menuntut di luar negara adalah langkah positif ke arah itu. Lapangan pendidikanlah yang menjadi kejayaan terbesar kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Usaha gigih itu menampakkan kesannya pada hari ini dan pada hari akan datang. Benih yang ditanam beberapa tahun lampau kini mula menampakkan hasilnya. Cuma yang perlu dilakukan kini, ialah pembentukan nilai dan penyemaian semangat agar golongan ini dapat memberi sumbangan

dalam erti kata yang sebenarnya kepada negara.

Dalam konteks persediaan ke arah Wawasan 2020, sesuatu yang agak menarik juga ialah di segi persediaan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Sejak tahun 1989 pelbagai dasar inovatif diwujudkan di samping mengetengahkan pelbagai ungkapan seperti Falsafah Pendidikan, Pembakuan Bahasa, Insan Kamil, Pembelajaran Bahasa Asing dan Kemahiran Manipulatif. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah jelas bertujuan ke arah melahirkan pelajar untuk mengisi masa hadapan negara. Yang pentingnya ialah fungsi agama yang kelak menunjangi setiap tindak tanduk individu terpelajar itu pada hari muka.

Akta Pendidikan dan Falsafah Pendidikan Negara adalah dua elemen yang akan menunjangi mantap tidaknya persediaan kita menghadapi kurun ke-21 dan kelengkapan Wawasan 2020. Falsafah Pendidikan yang menjadi pasak akta Pendidikan amat jelas fungsinya sebagai sendi yang akan mengukuhkan pelaksanaan Wawasan 2020. Falsafah Pendidikan diungkapkan seperti berikut, "*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis di segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.*"

Berdasarkan kepada pengalaman negara maju seperti Korea dan Taiwan, sememangnya tanaman modal utama negara itu ialah dalam bidang pendidikan. Buku *Megatrends 2000* mengatakan bahawa "*komitmen Korea dan Taiwan kepada pendidikan melebihi atau boleh menyaingi mana-mana negara maju kecuali Amerika Syarikat dan Jepun*".

Jika didasarkan kepada perangkaan bilangan pelajar luar yang berada di universiti Amerika Syarikat pada 1985 Taiwan menduduki tempat pertama dan diikuti Malaysia. Dalam hal ini tanaman modal yang dibuat oleh Malaysia seharusnya mendapat sanjungan.

# 3

## WAWASAN 2020 MENDAPAT SOKONGAN RAKYAT

**D**alam suasana negara memperkatakan Wawasan 2020, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dan Rancangan Malaysia Ke-6, serta Barisan Nasional (BN) menang dalam pilihanraya kecil Kawasan Prai.

Dengan kejayaan BN menawan kerusi Dewan Undangan Negeri Kawasan Prai dari tangan DAP itu bermakna BN menambah kerusinya dalam Dewan Undangan negeri Pulau Pinang.

Yang lebih penting ialah kesan daripada pilihanraya kecil pada 27 Julai 1991 lalu itu, ialah merosotnya moral parti DAP yang sentiasa mendakwa mereka sebuah parti yang kuat, terutama di kalangan yang majoriti penduduknya terdiri daripada kaum bukan Melayu. Kini hakikat itu terbukti meleset.

Kemenangan itu tentulah bersandar kepada beberapa dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan dan kini mulai dapat meyakinkan rakyat. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin rakyat percaya kestabilan politik yang sedang dinikmati sekarang dan mahu keadaan demikian berterusan supaya perancangan dan kegiatan ekonomi yang dirangka dapat berjalan lancar dan berkesan.

RRJP2 yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini tidak mendapat tentangan menyeluruh daripada anggota Dewan Rakyat. Ini bererti mereka sudah ternampak kesan yang akan diperolehi daripada dasar itu. Mengenai RRJP2 Perdana Menteri, dalam kata pendahuluannya menyatakan,

*"Matlamat Dasar Pembangunan Baru (DPB - kemudian diubah menjadi Dasar Pembangunan Nasional - DPN) adalah untuk mencapai pembangunan ekonomi bagi mewujudkan sebuah negara yang lebih bersatu padu dan adil.*

*"DPN adalah berasaskan kepada pencapaian pengalaman dalam dekad-dekad yang lampau dan akan meneruskan lagi proses pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.*

*"Dasar ini akan dilaksanakan berasaskan kepada prinsip pertumbuhan dengan pengagihan saksama untuk mencapai keadilan pengagihan bagi semua lapisan masyarakat."*

Dalam konteks pilihanraya di Prai, pengundi seolah-olah yakin dengan apa yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan, terutama memandangkan kepada prestasi kerajaan di segi pelaksanaan DEB dan dasar-dasarnya yang lain. Pengundi di Prai yang terdiri daripada golongan yang sentiasa mengikuti perkembangan dalam negara memberikan satu petunjuk kepada pengundi di tempat lain bahawa mereka begitu jelas dengan apa yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan.

Mereka faham dengan wawasan yang hendak diserapkan oleh kerajaan. Berbanding BN, DAP masih lagi memperkatakan isu lama yang sudah tidak dapat diterima oleh masyarakat Malaysia. Sekiranya DAP masih mahu mempersoalkan mengenai kedudukan dan hak istimewa sesuatu kaum di Malaysia, nyatalah DAP agak ketinggalan dalam hal ini. Isu demikian boleh dianggap sudah usang dan hanya dijadikan sebagai satu bahan sejarah. Kalau ada di kalangan masyarakat kita yang masih ghairah dengan isu demikian tentulah mereka lambat laun akan ketinggalan dalam segala bidang.

Masyarakat dunia sedang memperkatakan mengenai kawasan Asia Pasifik yang akan menjadi medan kegiatan ekonomi antarabangsa. Jikalau lima ratus tahun yang lampau, kegiatan perdagangan berpindah daripada Mediterranean ke kawasan Atlantik tetapi hari ini akan berpindah daripada Atlantik ke Pasifik. Hakikat demikian pernah dilafazkan oleh John Hay, bekas Setiausaha Negara Amerika.

Katanya, *"Mediterranean adalah lautan untuk masa lalu, Atlantik adalah lautan masa kini, tetapi Pasifik adalah lautan perdagangan untuk masa depan."*

Masyarakat antarabangsa juga sudah sedar kewujudan dan kehebatan sebuah negara Malaysia yang sudah hampir setanding dengan negara-negara maju lain di dunia. Negara maju perindustrian dunia sudah mula menganggap yang Malaysia sudah tergolong dalam golongan negara yang

bakal mendominasi senario ekonomi abad ke-21. Tanpa disedari oleh banyak orang, sebenarnya Malaysia sudah boleh dianggap sebagai sebuah negara yang tergolong dalam negara perindustrian baru.

Ulasan John Naisbitt & Patricia Aburdene dalam buku mereka *'Megatrends 2000' mengenai Malaysia amat menarik seali: "Meskipun pada asasnya ia adalah sebuah negara pertanian, Malaysia kini sudah menduduki tempat ketiga di dunia sebagai pengeluar litar bersepadu di belakang Amerika Syarikat dan Jepun. Adalah menakjubkan 53.8 peratus daripada eksport Malaysia adalah semi conductor dan peralatan pendingin hawa, radio dan televisyen."*

Sekiranya begitulah keadaannya amat sesuaih Perdana Menteri menyediakan kepada kita satu perspektif untuk kita tujui bagi mengharungi kurun ke-21 yang akan tiba tidak berapa lama lagi. Pemikiran masyarakat Malaysia seharusnya juga selari dengan hasrat Perdana Menteri, iaitu penumpuan ke arah memikirkan hari esok - persiapan apa yang harus dibuat.

Pilihanraya Prai sebenarnya memberikan satu isyarat kepada keseluruhan rakyat Malaysia bahawasanya kita perlu bersatu menyokong rancangan yang konstruktif yang dianjurkan oleh kerajaan. Pengundi Prai begitu peka terhadap perlunya sokongan kepada kerajaan yang ada dan penerusan dasar-dasar yang ingin dilaksanakan. Kestabilan politik akan melahirkan kestabilan ekonomi. Justeru itu, setiap pembangunan dalam negara walau dalam aspek apa pun memerlukan keadaan yang stabil. Suasana stabil yang ada pada hari ini harus dipelihara demi menuju pematapan ekonomi negara.

Tentu banyak faktor yang membawa kejayaan BN di kawasan itu, tetapi yang jelas ialah kemenangan BN itu wujud ketika negara sedang sibuk memperkatakan tiga isu besar iaitu Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Nasional dan Rancangan Malaysia Ke-6. Dengan kemenangan BN itu seolah-olah tiga isu besar negara ini lulus ujian dan rakyat bersedia menerimanya sebagai satu gagasan yang akan menentukan masa hadapan mereka.

Kejayaan BN di Prai tidak boleh diperkecilkan. Sebenarnya ia adalah satu permulaan sejarah yang akan dikenang oleh rakyat Malaysia. Satu garis pemisah di antara satu zaman sebelum dan zaman selepasnya. Ia boleh dikatakan sebagai satu *'watershed'* dalam sejarah Malaysia. Ada beberapa faktor penting yang boleh menyokong hujah ini.

- \* Kawasan Prai adalah kawasan 'milik' parti DAP. Kebiasannya adalah terlalu sukar untuk menebus kembali kawasan yang terlepas ke tangan pembangkang terutama apabila majoriti pengundi di kawasan itu adalah kaum bukan Melayu.

- \* Calon BN Encik V Muthusamy berjaya bukan sahaja menewaskan calon DAP, Encik Karpal Singh malah berjaya menambah majoriti undi daripada apa yang diperolehi oleh DAP dalam Pilihanraya umum lalu. Majoriti yang diperolehi oleh Muthusamy ialah 862 undi berbanding undi yang diperolehi oleh calon DAP yang hanya berjumlah sebanuak 355 undi.

- \* Kukuhnya keyakinan rakyat terhadap kepimpinan dua orang tokoh muda iaitu Dr. Koh Tsu Khoon dan Dr. Ibrahim Saad. Mereka adalah gandingan tenaga muda yang sedang diperhatikan oleh negara. Di samping itu, mungkin juga kita kurang sedar bahawa keadaan kepimpinan yang wujud di Pulau Pinang ini adalah satu-satunya contoh yang wujud di dunia. Lantas kita harus berbangga dengan keadaan demikian.

Kerajaan Barisan Nasional sudahpun 'lulus' satu ujian yang paling getir di Prai diukur di segi penerusan dasar-dasar baru yang terjelma dalam Wawasan 2020 Perdana Menteri. Masyarakat berbilang kaum di Prai mengiakan apa yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan. Kini dua lagi pilihanraya kecil menanti di Kelantan yang majoritinya pengundinya adalah Melayu. Kita belum pasti tentang sikap dan pandangan mereka hari ini. Mungkin mereka sudah menyedari hakikat sebenarnya. Pilihan raya yang bakal diadakan akan menentukan segala-galanya.

# 4

## TINDAKAN ANWAR PATUT DISOKONG

**K**ata pepatah Melayu, '*kalau tidak ada angin takkanlah pokok bergoyang*'. Dalam konteks ini tiupan angin dari manalah agaknya yang menyapa telinga Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyebabkan beliau 'menyinga' dan lantas berikrar akan terus membentaras sebarang penyelewengan dan pembaziran khususnya dalam badan-badan berkanun bagi memastikan agensi berkenaan tidak rosak akibat masalah itu.

Mungkinkah 'pisang' akan berbuah dua kali? Diharapkan tidak akan berulang peristiwa seperti skandal Bank Rakyat dan Bumiputera Malaysia Finance (BMF). Masyarakat Melayu khususnya sudah begitu perit dengan peristiwa beberapa skandal kewangan yang hampir meruntuhkan keyakinan masyarakat terhadap agensi-agensi kerajaan yang diasaskan oleh orang Melayu. Kesannya orang Melayu hampir tidak percaya kepada syarikat yang ditubuhkan bangsanya sendiri. Memang ada asasnya mengapa mereka bertindak demikian. Hampir keseluruhan syarikat yang dikuasai oleh orang Melayu lambat laun akan runtuh akhirnya, atau sekurang-kurangnya diceramahi oleh skandal kewangan dan salahguna kuasa-orang Melayu telah hampir percaya dan menerima bulat-bulat hakikat ini.

Mujur perasaan begini belum meluas. Sedikit demi sedikit rekod kejayaan beberapa kerat anak Melayu dapat mengikis prasangka ini. Dengan munculnya beberapa syarikat yang diasaskan oleh orang Melayu dan berjaya pula maka keyakinan positif itu mulai berputik. Masyarakat Melayu mulai memiliki perasaan yakin terhadap usaha mereka dalam bidang

perniagaan. Masyarakat Melayu mula merenung jauh ke hadapan kepada Wawasan 2020 bersama dengan pemimpin yang mereka kasihi. Masyarakat Melayu mulai berjinak-jinak dengan bursa saham. Masyarakat Melayu juga mulai meneroka alam eksport-import.

Apakah keyakinan yang positif ini akan terus mekar?

Persoalan inilah yang mungkin 'menghantui' pemikiran Menteri Kewangan itu. Beliau mungkin menghidu sesuatu yang tidak diinginkan akan berlaku. Beliau juga mungkin sudah dapat mengenal pasti 'bangkai' yang akan terdedah dan pastinya akan mencemarkan suasana 'harum' yang sedang kita nikmati kini. Sudah tentu beliau tidak rela melihat berlakunya sekali lagi skandal penyelewengan yang akan meruntuhkan terus keyakinan bangsa Melayu terhadap tindak tanduk segelintir manusia dari kalangan bangsanya sendiri.

Bangsa Malaysia pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mula mendapat sanjungan bangsa-bangsa maju dunia. Kejituan Perdana Menteri dalam arena politik antarabangsa sentiasa mendapat perhatian pemimpin dunia yang lain, ditinjau di segi sumbangan beliau terhadap kesejahteraan penduduk dunia ketiga khususnya. Dalam lapangan perdagangan, Malaysia sudah mula dihitug sebagai negara yang sedang bergerak maju dengan cepat hampir setanding dengan negara-negara 'Tigers' yang lain. Di segi pertumbuhan ekonomi, prestasi negara kita tidak mengecewakan. Begitu juga jika diukur di segi keadaan inflasi yang masih dapat dikawal dengan jayanya.

Pendek kata kita sedang bergerak maju dalam pelbagai lapangan. Dengan demikian kita tidak mahu langsung ada halangan yang akan melambatkan proses kemajuan yang sedang kita tujui itu. Atas alasan itulah maka mungkin Datuk Seri Anwar Ibrahim beria-ia benar ingin mendapat simpati daripada ahli UMNO untuk bersama beliau memerangi sebarang penyelewengan yang akan berlaku.

*"Saya akan berdepan dan menceritakan hal seumpama itu pada orang ramai, khususnya ahli UMNO dan berharap mendapat sokongan mereka.*

*"Jika usaha saya membentaras penyelewengan dan pembaziran tidak mendapat sokongan, saya rela meletakkan jawatan. Jika usaha itu diterima, serahkan saja pada orang yang hendak mengikut cara lama yang pernah mereka amalkan.*

*"Hanya melalui kebenaran sahaja satu cabaran baru dan wawasan yang diimpikan akan terlaksana sepenuhnya," kata beliau.*



Masyarakat Malaysia walau dari keturunan apa pun akan bersama dengan Menteri Kewangan dalam perjuangan ini. Ahli UMNO pula tentu tidak akan berbelah bagi untuk memberikan sokongan moral kepada Naib Presiden mereka.

Malah, adalah difikirkan sesuai jika ahli UMNO mahu menjadikan 'membasmi penyelewengan' sebagai tema persidangan kali ini. Mungkin ini akan menjadi satu '*watershed*' dalam siri perjuangan UMNO menegakkan bangsa yang tercinta. Jika dulu ahli UMNO sibuk mempersoalkan siapa yang akan menjadi bakal pemimpin mereka akan datang, tetapi pada persidangan kali ini perwakilan membincangkan cara-cara mengatasi penyelewengan dalam badan-badan berkanun.

Persoalan penyelewengan nampaknya tidak pernah selesai. Mungkin boleh dapat diredakan sekiranya perwakilan UMNO yang mengambil sesuatu tindakan tegas. Ini tidak pula bermakna bahawa persidangan UMNO tidak pernah membincangkan soal-soal penyelewengan ini. Tetapi yang dimaksudkan ialah tindakan bersepadu seluruh ahli UMNO yang sedar tanggungjawab terhadap bangsa dan negaranya.

Skandal Bank Rakyat masih segar di benak kita. Kisah penyelewengan dalam BMF juga masih segar dalam ingatan. Begitu juga dengan beberapa skandal yang kecil-kecil yang kadang-kadang ditutup sahaja. Ahli UMNO yang datang tidak tahu hal itu. Ahli UMNO dari kampung dengan penuh ikhlas menyerahkan mandat mentadbirkan negara kepada pemimpin yang mereka pilih sendiri. Ahli UMNO dari kampung tidak tahu yang ada di kalangan pemimpin mereka yang cuba menyeleweng daripada perjuangan asal mereka dengan menjalankan pelbagai kegiatan penipuan, penyelewengan, rasuah dan perkara yang terkutuk. Ada ahli UMNO kadang-kadang tidak tahu hal yang sebegini berlaku, kadang-kadang dilakukan oleh pemimpin yang mereka sanjung tinggi.

Ahli UMNO dari kampung sudah agak faham dengan hasrat Perdana Menteri untuk menjadikan negara ini dan bangsa Malaysia sebagai sebuah negara yang maju pada tahun 2020 iaitu bukan sahaja maju dalam lapangan ekonomi dan perdagangan tetapi maju kita adalah bersendikan kepada budi dan ditunjangi pula dengan kekuatan keimanan.

Dasar Ekonomi Baru tamat tempohnya. Ada yang mengatakan kita berjaya dengan rancangan itu tetapi tidak kurang pula yang meragui pencapaiannya. Satu hal yang jelas ialah kita tidak dapat memenuhi hasrat untuk mencapai pemilikan untuk ekuiti 30 peratus bagi Bumiputera. Mengapa?

Di antara sebab yang dikemukakan ialah adanya penyelewengan oleh pihak-pihak tertentu. Kegiatan rasuah berleluasa. Misalnya, dulu kita sering mendengar perniagaan yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri yang tidak pernah untung. Yang anehnya hampir 90 peratus daripada perniagaan yang dijalankan oleh perbadanan kemajuan negeri mengalami kerugian.

Bagaimanapun kini kita boleh bersyukur kerana ada perbadanan kemajuan negeri yang berjaya mencatatkan keuntungan. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor adalah satu contoh cemerlang.

Tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim membanteras kegiatan terkutuk ini tentunya amat dialu-alukan oleh seluruh masyarakat Malaysia walaupun tindakannya berkemungkinan mendapat tentangan daripada pihak-pihak tertentu. Beliau tentu prihatin, Rancangan Malaysia Keenam dan Rangka Rancangan Jangka Panjang 1991-2000 adalah program raksasa yang terletak secara langsung di bawah Kementerian Kewangan.

# 5

## KETEGASAN PERDANA MENTERI SEMAKIN DIHORMATI DUNIA

**M**esyuarat Menteri-menteri Ekonomi Asean akhirnya sebulat suara menerima gagasan EAEG (Kumpulan Ekonomi Asia Timur) yang diutarakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Walaupun namanya ditukar kepada EAEC (Perundingan Ekonomi Asia Timur), namun konsepnya tidak berubah. Hasrat dan tujuannya masih sama. Ia tetap menjadi satu forum untuk membincangkan masalah ekonomi negara-negara anggota.

Pencapaian itu penting kerana pentafsiran mengenai fungsinya adalah berbeza di kalangan negara-negara yang sentiasa curiga akan penubuhan perkumpulan itu. Namun demikian, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz hasrat dan fungsi perkumpulan tetap sama. Misalnya, jika timbul sesuatu isu ekonomi dan perdagangan di rantau ini yang menjadi masalah bersama, maka perkumpulan ini akan membincangkannya dari masa ke semasa.

Tentu ramai yang tertanya-tanya mengenai kepentingannya, khususnya hubungannya dengan Wawasan 2020 yang kini hangat diperkatakan kini. Ramai yang ingin tahu mengapa Datuk Seri Dr. Mahathir bersungguh-sungguh menaja idea ini, walaupun kadang-kadang terpaksa mendapat tentangan pelbagai pihak. Sebenarnya ada sebab-sebab tertentu yang mendorong Perdana Menteri terus memperjuangkan konsep ini. Suasana politik dan ekonomi dunia yang berubah dengan pesat ini adalah salah satu faktor.

Konsep EAEC ini bertujuan menghadapi saingan dan rintangan daripada dasar perlindungan yang diwujudkan oleh negara Eropah ataupun

negara Amerika Utara. Hasrat Perdana Menteri yang sebenarnya ialah agar anggota Asean mengambil pendirian sama mengenai sebarang isu yang timbul berkaitan soal ekonomi antarabangsa. Sebagaimana yang difahamkan, Amerika Syarikat sememangnya menentang cadangan gagasan ini kerana bimbang ia menjadi ancaman kepada pertubuhan APEC (Persidangan Ekonomi Asia Pasifik) yang direstui oleh Amerika sendiri. Namun begitu Dr. Mahathir berpendapat:

*"Jika kita tidak mempunyai kumpulan ini, Asean dan sesiapa pun akan terpaksa bergantung kepada ihsan blok perdagangan Eropah dan Amerika. Mereka akan mengenakan pelbagai syarat dan kaitan dengan isu bukan perdagangan hingga boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi Asean. Kalau begitu keadaannya, maka kita akan kekal sebagai negara membangun sampai bila-bila." (The Asian Wall Street Journal October 8, 1991).*

Anehnya, sehingga saat akhir masih ternampak usaha pelbagai pihak untuk menggagalkan penubuhan EAEC itu. Ini jelas dilihat daripada usaha sesetengah media massa Barat yang cuba mempengaruhi perwakilan Asean agar memikirkan secara mendalam sebelum memberikan persetujuan ke arah penubuhan ini. Mereka seolah-olah cuba melaga-lagakan antara gagasan yang dikemukakan oleh Malaysia dengan cadangan daripada anggota Asean yang lain. Misalnya, mereka cuba mengketengahkan cadangan Thailand berkaitan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dalam jangka masa sepuluh tahun.

*"Penubuhan AFTA, iaitu perdagangan boleh dibuat dengan bebas tanpa mengenal sempadan keenam-enam negara anggota Asean dalam tempoh 15 tahun akan datang untuk mewujudkan sebuah pasaran yang mempunyai Keutamaan Tarif Bersama yang Berkesan (CEPT) di antara kosong dan lima peratus bagi bahan-bahan pembuatan bolehlah disifatkan sebagai kejayaan besar dalam kerjasama Asean,"* lapor sebuah media barat.

Mengikut pandangan sesetengah pihak kononnya cadangan Thailand itulah yang akan memberi kesan yang mendalam kepada kerjasama Asean sekiranya cadangan itu diterima.

Soalnya ialah, "apakah cakap-cakap mengenai program ekonomi yang dijadualkan untuk 15 tahun dari sekarang tidak akan luntur apabila berhadapan dengan soal pelaksanaan yang nyata akan menjadi yang lebih besar. Apakah keazaman politik dan ekonomi akan terus menyala untuk melaksanakannya apabila diambil kira bahawa pada masa lalu anggota Asean

cepat menerima sesuatu idea tetapi kerap tidak melaksanakannya.”

Dan akhbar itu yakin kedua-dua cadangan itu tidak akan mejadi kenyataan berdasarkan keyakinan yang berbeza-beza antara perwakilan yang hadir. Malangnya bagi mereka cadangan Dr. Mahathir untuk menubuhkan EAEC itu mendapat sokongan daripada perwakilan dan diterima.

Apa pula untungnya kepada kita?

P Drysdale dalam karyanya berjudul, *'The Pacific Basin and its Economic Vitality'* telah menyatakan, *"Pusat kegiatan ekonomi dunia kini beralih dengan pesatnya ke arah Asia dan Pasifik yang menjadikannya menjadi antara pusat kuasa ekonomi utama dunia."*

Robert Elegant pula dalam bukunya, *'Pacific Destiny'* ada mengatakan: *"Asia Timur dengan Jepun mendahuluinya, kini adalah pusat ekonomi dunia yang paling dinamik. Selepas berkurun dijajah dan hidup dalam kemunduran, rakyat Asia kini mengukuhkan kedudukan dalam bidang yang sebelum ini dikuasai oleh warga Eropah dan Amerika – inovasi teknologi, pengeluaran industri dan pemasaran secara besar-besaran. Kekuatan baru ini adalah satu cabaran kepada barat yang dipimpin oleh Amerika Syarikat yang ternyata gagal memberi saingan."*

Perkembangan ekonomi yang pesat di Asia sudah pun bermula dan Amerika Syarikat pula telah banyak terhutang kepada negara-negara Asia. Jepun sahaja menjual barangan yang bernilai \$55 bilion kepada Amerika Syarikat. Korea dan Taiwan mempunyai lebih dagangan dengan Amerika; masing-masing \$9 bilion dan \$11 bilion. Hong Kong pula menjual barangan bernilai \$9.9 bilion kepada Amerika tetapi hanya membeli barangan bernilai \$3.4 bilion sahaja daripadanya.

Perangkaan membuktikan bahawa Asia Timur akan menjadi pusat kegiatan ekonomi bagi dunia sebelah sini. Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong dan Singapura sudah menampakkan 'belang' ekonomi mereka. Indonesia dan Thailand sedang bergerak dengan pantas juga. Persoalannya ialah apakah Malaysia hanya bertindak sebagai pemerhati? Apakah masyarakat Malaysia tidak merasa iri hati melihat kejayaan bangsa lain? Apakah kita sudah berpuas hati berada di 'takuk' lama?

Lantas Perdana Menteri menyarankan Wawasan 2020 bagi rakyat Malaysia. Ia bertujuan supaya masyarakat Malaysia dapat bergerak maju bukan sahaja setanding tetapi dapat mengatasi masyarakat maju di dunia.

Apa pula hubungan di antara Wawasan 2020 dengan penubuhan EAEC?

EAEC harus dimanfaatkan oleh Malaysia. EAEC tidak akan memberi makna dalam ertikata sebenarnya jika Malaysia tidak dapat 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah' dengan negara-negara maju yang lain. Sekiranya bangsa kita tidak maju dalam bidang ekonomi seperti bangsa yang telah maju, tentu sekali kita tidak dihormati. Setiap idea kita akan dipandang rendah. Jika perkembangan ekonomi negara kita tidak sepesat perkembangan ekonomi negara maju, takut pula kita 'bercakap berlainan bahasa' dengan gergasi ekonomi lain.

Namun begitu sesuatu yang agak menggembirakan kita kini ialah pengiktirafan ramai pemimpin dunia yang mengatakan Malaysia sedang bergerak maju dan ada di antara mereka yang tidak segan melahirkan keinginan mencontohi kejayaan kita. Misalnya Chief Anyaoku selaku Setiausaha Komanwel menyatakan "*Negara Malaysia yang sedang mekar ekonominya di bawah pimpinan Perdana Menteri yang dinamik mencapai kemajuan ekonomi yang dicemburui oleh banyak negara membangun.*"

Mereka kagum dengan kepesatan perkembangan ekonomi kita. Mereka kagum dengan program penswastaaan kita yang menelurkan hasil yang membanggakan. Dan kini kita akan merealisasikan pula program Persyarikatan Malaysia yang sentiasa dilaungkan oleh Perdana Menteri dengan memberikan pelbagai insentif kenaikan gaji dan elaun kepada pekerja perkhidmatan awam. Jika kita berjaya kita ingin dijadikan contoh oleh negara-negara sedang membangun.

*Berita Harian, 28 Oktober 1991*

# 6

## WAWASAN 2020 KE ARAH REFORMASI SOSIAL

**S**ekali imbas Belanjawan 1992 yang diutarakan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1 November, 1991 serupa dengan pembentangan Belanjawan Menteri Kewangan lalu. Namun, jika diperincikan dan dihalusi, Belanjawan 1992 bersendikan satu falsafah terselindung yang hanya dapat dicungkil dengan membuat penelitian jitu.

Ia mengambil kira semua aspek fizikal, mental dan kerohanian negara dan bangsa Malaysia, dan paling penting penentuan titik tolak bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

Mukadimah pembentangan Belanjawan 1992 telah diselitkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai arah yang hendak dituju iaitu:

*"Belanjawan 1992 dirangka bagi menghadapi cabaran-cabaran strategik dan menterjemahkan hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam Wawasan 2020. Justeru itu strategi Belanjawan ini dan langkah-langkah yang diambil cuba memenuhi keperluan dan tuntutan Dasar Pembangunan Negara dan Rancangan Malaysia ke Enam (RM6) kerana dan rancangan itu adalah langkah pertama ke arah mencapai matlamat wawasan" (Berita Harian 2 November, 1991).*

Pendek kata Belanjawan 1992 adalah titik tolak ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia yang maju, bukan sahaja diukur dari kacamata orang Asia tetapi dari sudut kacamata dunia keseluruhannya.

Kemajuan yang hendak dituju oleh negara tidak pula bererti maju dalam lapangan ekonomi semata-mata tetapi tidak harus pula menyetepikan faktor lain.

Sudah beberapa kali ditekankan bahawa dalam mencapai matlamat wawasan, faktor masyarakat penyayang dan berbudi adalah sendinya dan penghayatan nilai murni adalah tunjang pencapaian itu.

Di samping itu, ia memberi pertimbangan wajar kepada pertumbuhan budaya ilmu, penerapan nilai Ilmu Islam, perkembangan pendidikan, sumbangan Malaysia dalam arena politik dan ekonomi antarabangsa dan aspek lain yang menjurus ke arah pencapaian matlamat wawasan.

Datuk Seri Anwar dalam ucapannya memuji bekas Menteri Kewangan kerana memperkenalkan langkah tegas dan berani dalam usaha memulihkan ekonomi negara ketika negara dalam keadaan agak tenat.

Ada Perbezaan di antara senario' di antara dua Menteri Kewangan itu.

Tun Daim menjadi menteri kewangan ketika negara dalam keadaan kemelesetan sedangkan Datuk Seri Anwar mengendalikan kementerian ketika negara menikmati kemakmuran.

Oleh demikian langkah Menteri Kewangan kini tentulah berbeza dengan yang lampau. Misalnya Tun Daim pernah memperkenalkan pemotongan dalam perbelanjaan kerajaan dengan tujuan memulihkan ekonomi ketika itu dan tindakan sedemikian tentu sekali tidak akan dilakukan oleh Datuk Seri Anwar.

Tugas dan tanggungjawab Datuk Seri Anwar dari satu segi menentukan ekonomi negara seperti yang ditinggalkan Tun Daim dan dari segi lain menentukan masyarakat dan bangsa terus maju sebagaimana diperlukan matlamat wawasan.

Kita tidak mahu negara maju dari satu segi tetapi mundur dalam segi lain. Lantas reformasi sosial amat diperlukan seiring dengan pembaharuan dan kemajuan ekonomi.

Langkah ke arah '*social restructuring*' tentu sekali dialu-alukan sebagaimana yang terpancar dalam Belanjawan 1992 dan pada fikiran ramai langkah ini wajar.

Sekiranya '*social engineering*' ini tidak diambil, besar kemungkinan masyarakat kita akan menjadi seperti yang sedang dihadapi Korea Selatan.

Ramai pihak di Korea dalam perbincangan dengan penulis telah menyatakan bahawa mereka dalam kebimbangan, takut kalau-kalau Korea terkandung separuh jalan dalam usaha menjadikan negara mereka sebagai anggota G8.

Perlu diingat bahawa kemajuan Korea sebagai sebuah negara maju disebabkan ketekunan dan kerajinan masyarakatnya. Antaranya ajaran *Con-*



*fucious* dan konsep bekerja yang berteraskan prinsip '*Samuel Undung*'.

Korea kini sudah maju tetapi kebimbangan yang sedang melanda masyarakat tua di Korea ialah sama ada kemajuan ini akan berterusan. Ini disebabkan kelunturan dua faktor yang membawa kepada kemajuan mereka iaitu kelunturan Samuel Undung dan terhakisnya keyakinan kepada *Confucious*.

Bersandarkan kepada hujah itu dan dibuat pula perbandingan dengan apa yang kita lakukan kini, kita bergerak di atas landasan yang betul.

Wawasan 2020 mengharapkan bangsa Malaysia akan menjadi satu bangsa maju bukan sahaja dalam lapangan ekonomi tetapi dalam segala hal. Perdana Menteri telah menyatakan bahawa maju kita bukan seperti maju Amerika atau Jepun tetapi maju kita berteraskan prinsip kita, bersendikan keluhuran budi dan bertunjangan amalan beragama yang kuat.

Pemantapan budaya ilmu adalah antara ciri yang terselindung di sebalik perencanaan Belanjawan 1992.

Mungkin ini kali pertama penekanan diberikan oleh menteri Kewangan terhadap kepentingan dalam pemantapan budaya ilmu dalam pembentangan Belanjawan negara.

Dengan demikian kerajaan mencadangkan pengecualian bagi pendapatan yang diterima daripada terjemahan buku dan karya sastera dinaikkan daripada \$3000 kepada \$6000.

Selaras dengan itu juga diberikan satu peruntukan lumayan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mewujudkan Biro Terjemahan.

Tindakan dan penumpuan kerajaan ke arah ini memberi satu isyarat kepada ilmuan di pusat pengajian tinggi agar dapat menghasilkan karya bermutu untuk menjadi bahan bacaan ramai.

Menerapkan nilai murni di kalangan rakyat Malaysia adalah usaha berterusan semenjak beberapa tahun lampau. Dan kini usaha sedemikian masih diteruskan.

Sebagai langkah ke arah menerapkan nilai murni di kalangan rakyat ialah dengan tidak menggalakkan rakyat negara ini minum minuman keras. Lantas cukai yang tinggi dikenakan ke atas minuman keras iaitu di antara 50 peratus hingga 185 peratus.

Mungkin ada pihak tertentu kurang senang dengan pengenalan cukai yang tinggi ini. Namun rata-rata masyarakat Malaysia menyambut baik langkah begitu.

Kerajaan juga peka dengan perkembangan politik dan ekonomi dunia

yang kian mencabar. Perkembangan politik uang amat pesat berlaku di Russia dan Eropah Timur, begitu juga dengan perkembangan ekonomi yang berlaku di Amerika dan Eropah, memaksa kita mengubahsuaikan dasar negara kita.

Hakikat bahawasanya dunia akan menajdi sebuah '*global village*' atau '*the borderless world*' perlu diambil pertimbangan serius dalam merangka Belanjawan negara, khususnya bagi negara yang sedang menuju ke taraf perindustrian seperti Malaysia.

Ditinjau dari segi peruntukan kewangan bagi kementerian, jelaslah bahawa kementerian Pendidikan masih menjadi kementerian yang banyak menerima peruntukan dan masih menjadi kementerian yang diberi keutamaan.

Sebagai menteri yang pernah menerajui Kementerian Pendidikan, beliau amat peka mengenai fungsi pendidikan dalam membentuk generasi baru untuk mendokong matlamat wawasan.

Justeru, Kementerian Pendidikan diberi peruntukan \$6.7 bilion iaitu pertambahan \$1.142 bilion atau 20.5 peratus melebihi peruntukan 1990.

Menitikberatkan lapangan pendidikan bererti merealisasikan hasrat dan matlamat wawasan. Kejayaan negara seperti Amerika Syarikat, Jepun atau Korea berpunca daripada ramainya golongan profesional mereka yang berusaha membina negara.

Dengan demikian, sekiranya negara kita ingin mencapai kemajuan seperti negara berkenaan, langkah memajukan pendidikan dan meramaikan golongan profesional kita adalah wajar.

Kita harus bersyukur kerana sememangnya langkah demikian telah kita atur iaitu semenjak awal tahun 1970-an lagi dengan pengenalan Dasar Ekonomi Baru. Dan semenjak itu ratusan ribu pelajar dihantar ke pusat pengajian tinggi dalam dan luar negeri.

Pelbagai perkara diberi penekanan dalam merangkakan Belanjawan 1992 itu, namun golongan berpendapatan rendah tetap tidak dilupakan.

Kerajaan amat peka mengenai masalah kesukaran mendapat pinjaman membeli rumah bagi golongan berpendapatan rendah. Ada peminjam enggan memberi pinjaman kepada golongan yang ingin membeli rumah di bawah paras \$100 000 dengan alasan kadar faedah 9 peratus tidak menguntungkan.

Memandangkan kepada betapa perlunya kerajaan campur tangan dalam hal ini, kadar faedah 9 peratus yang dikenakan sebelum ini tidak akan

diubah iaitu terus berada di tahap 9 peratus.

Belanjawan 1992 adalah permulaan kepada satu perjalanan panjang iaitu bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

Selaras dengan hasrat mencapai matlamat wawasan 2020, kerajaan memperkenalkan satu program bina semangat dan perubahan sikap yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Memperuntukkan wang sebanyak \$100 juta semata-mata untuk melaksanakan Program Bina Negara bagi memupuk semangat *patriotisme* dan setiakawan adalah pengorbanan yang bukan kepalang.

Penekanan demikian memberi erti bahawa kerajaan, khususnya Perdana Menteri, amat mengharapkan satu perubahan sikap positif lahir daripada kalangan rakyat Malaysia sekurang-kurangnya menjelang tahun 2020.

*Berita Harian*, 19 Nov. 1991

# 7

## DATUK SERI DR. MAHATHIR BERJAYA TINGKATKAN TARAF G15

**S**elesainya Persidangan Perkumpulan Negara-negara G15 di Caracas, Venezuela, baru-baru ini seolah-olah memberi satu petunjuk kepada dunia bahawa kini muncul seorang pemimpin dari perkumpulan itu yang bakal memperjuangkan nasib rakyat dan masyarakat dari Dunia ketiga. Pemimpin itu pernah pada satu ketika dulu mengecam dengan hebat Persidangan Negara-negara Komanwel dan juga Persidangan Utara-Selatan yang dianggapnya tidak banyak mendatangkan faedah kepada negara-negara yang sedang membangun. Tujuannya jelas. Beliau ingin meletakkan perjuangan di atas landasan yang benar. Beliau ialah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Sepuluh tahun lampau, sebaik sahaja mengambil alih kepimpinan negara, Dr. Mahathir enggan menghadiri dua persidangan antarabangsa. Ini terkeluar daripada kebiasaan tiga Perdana Menteri sebelumnya. Dua persidangan itu ialah Sidang Komanwel di Australia dan Persidangan Utara-Selatan di Cancun, Mexico.

Dilaporkan pada ketika itu ada beberapa perkara yang menyebabkan beliau enggan menyertai kedua-dua persidangan itu. Sebenarnya ketika itu beliau kurang senang dengan tindakan negara-negara maju (negara Utara) yang seolah-olah 'bercakap tak serupa bikin'. Sebab lain berlegar pada persoalan:

\* Sifat persidangan itu yang lebih banyak bercakap daripada bekerja, pada pendapat Dr. Mahathir lebih menguntungkannya berada di Ma-

laysia daripada membuang masa menghadiri persidangan seperti itu.

\* Persoalan yang berkaitan dengan kenaikan yuran di Great Britain, yang membabitkan Malaysia kerana penuntut negara ini adalah paling ramai belajar di sana. Pentadbiran British mengenakan yuran yang begitu tinggi terhadap penuntut dari negara yang tidak tergolong dalam kumpulan Pertubuhan Negara Ekonomi Eropah dan ini membebankan Malaysia.

\* Keengganan British membenarkan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) menambah penerbangannya ke London, sedangkan pertambahan itu perlu memandangkan kepada pertambahan penumpang yang ingin ke sana.

\* Kedinginan sambutan negara-negara maju memberikan bantuan teknikal kepada negara membangun, sedangkan bantuan sedemikian diperlukan oleh negara-negara berkenaan.

Yang mengejutkan dunia pada ketika itu ialah kenyataan Dr. Mahathir bahawa tidak ada keikhlasan dari pihak negara-negara 'Utara' untuk membantu negara-negara Selatan di segi ekonomi. Kenyataan ini dikeluarkan dalam hubungannya dengan Persidangan Cancun itu. Alasan yang dikemukakannya ialah yang berkaitan penjualan stok bijih timah oleh Amerika Syarikat pada ketika itu.

Amerika Syarikat sedar pada ketika itu bekalan bijih timah tidak berkurangan di pasaran dunia. Namun Amerika Syarikat berdegil dan melambakkan stok simpanannya di pasaran dunia. Kesannya ialah kejatuhan harga bijih dan keadaan itu menghimpit ekonomi Malaysia yang menjadi negara pengeluar bijih terbesar dunia.

Apakah ekor dari beberapa peristiwa itu yang menyebabkan Perdana Menteri kini bersungguh-sungguh merealisasikan kewujudan G15? Hal ini tidak sukar dipastikan. Namun hingga kini dan kesan daripada persidangan yang diadakan di Caracas itu jelas menampakkan bahawa apa yang diimpikan oleh beliau pada satu ketika dahulu hampir menjadi kenyataan dengan syarat adanya keakraban yang tulen di kalangan ahli.

Ketua-ketua G15 yang bersidang di Caracas baru-baru ini dalam pernyataan bersama mereka mengambil ketetapan menyarankan dibentuk sistem perdagangan antarabangsa yang terbuka. Ia mengalu-alukan tindakan ke arah integrasi yang bertujuan meluaskan pemasaran membaiki pengeluaran dan persaingan serta memajukan pelaburan berasaskan global. Di samping itu, pernyataan itu mengajak masyarakat antarabangsa berusaha mengalihkan halangan perdagangan yang ada dan menghalang melahirkan yang baru

yang tidak sesuai.

Apakah konsep ekonomi global yang diutarakan oleh G15 itu bersesuaian dengan konsep global yang dikemukakan oleh John Neisbit dalam bukunya, *'Megatrends 2000'*. Dalam buku itu beliau menulis; *"Bagi memastikan sistem ekonomi sejagat – satu pasaran – berkesan, kita mesti mengizinkan hubungan perdagangan bebas sebenar-benarnya di kalangan negara dunia, seperti yang diamalkan di setiap negara. Tiada siapa tahu bagaimanakah ketidakseimbangan dagangan antara Frankfurt dan Dusseldorf, Tokyo dan Osaka, di antara Denver dan Dallas, begitu juga di antara Amerika Syarikat dan Jepun"*.

Namun demikian ini bermakna bahawa Kumpulan G15 ini perlu berusaha ke arah satu kerjasama antarabangsa yang akan menitikberatkan kepentingan dan kesejahteraan masyarakat dunia keseluruhannya dan negara-negara membangun khususnya.

Dalam pernyataan itu ada ditegaskan, *"bahawasanya kami akan menggandakan usaha mewujudkan dunia yang makmur, adil dan bebas untuk semua, tidak ada istilah Selatan, Utara atau Timur, tetapi sebuah keluarga manusia yang memberi peluang sama rata kepada semua ahlinya, sebuah dunia tunggal"*.

Nampaknya pemimpin negara G15 bercakap dalam 'bahasa dan irama' yang berlainan dengan perkumpulan negara-negara maju dunia. Misalnya, Amerika dan Kanada tidak berhasrat untuk kesejahteraan dunia sejagat tetapi mereka lebih mementingkan menjadikan Amerika Utara sebagai zon perdagangan bebas yang luas. Jika bukan itulah hasratnya tentu mereka tidak menandatangani perjanjian kawasan perdagangan bebas Amerika utara, pada 1988.

Begitu juga dengan tindakan beberapa negara maju lain. Pada tahun hadapan, negara-negara yang menggelarkan diri mereka *'European Community'* akan melenyapkan segala halangan perdagangan di antara dua belas negara yang menganggotai kesatuan itu. Itu bermakna bahawa pada tahun 1992 peguam dari Greece akan menubuhkan firma guamannya di Copenhagen dan Syarikat membuat kasut Sepanyol akan membuka perniagaan kasutnya di Dublin tanpa sebarang halangan dan rintangan.

Di sebelah Pasifik pula, Australia dan New Zealand juga membuat satu perjanjian perdagangan bebas pada 1988 yang tentunya mirip dengan perjanjian yang dibuat oleh suku sakatnya di Amerika dan Eropah. Bukan itu sahaja. Di sebelah Amerika Selatan pula, Brazil dan Argentina juga

merangka satu perjanjian perdagangan bebas yang serupa, yang akhirnya akan mewujudkan apa yang dinamakan pasaran bersama Amerika Selatan.

Kedengaran juga desas desus kemungkinan terjalannya perjanjian perdagangan bebas di antara Amerika dan Jepun. Jika semuanya ini terjadi dan pasti berlaku, maka dunia tidak lagi terbahagi kepada beberapa negara tetapi akan terbahagi kepada beberapa zon. Yang terkeluar daripada zon itu tentunya negara-negara dunia ketiga ataupun negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia.

Yang anehnya, negara-negara Selatan yang 'dhaif' ini masih lagi memperjuangkan sesuatu yang luhur bagi masyarakat dunia. Pemimpin negara G15 masih mahu '...keadilan dan kebebasan bagi semua di mana tidak ada Selatan, Utara, Timur atau Barat'.

Pemimpin berkenaan juga sedar potensi yang ada di negara-negara Selatan di segi pasaran, bahan mentah, teknologi tempatan dan tenaga manusia. Oleh demikian, demi kemajuan, mereka akan terus menekankan pentingnya pembangunan tenaga manusia melalui dasar yang sesuai untuk memajukan pendidikan dan kesihatan rakyat. Ternampak beberapa kesan hasil daripada perjumpaan itu. Di antaranya:

- \* Penubuhan SITTDEC (Pusat Pertukaran Data Pelaburan Perdagangan dan Teknologi Selatan) yang akan berpusat di Kuala Lumpur.

- \* G15 menjadi sebuah pertubuhan yang mantap dan bakal dapat menyelesaikan banyak masalah yang berkaitan negara Selatan, di samping dapat menyuarakan pandangan mereka secara bersepadu di persidangan antarabangsa seperti di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

- \* Menteri-menteri Luar G15 ditugaskan menyiapkan kertas kerja yang memaparkan pandangan negara-negara anggota berkaitan Orde Baru Dunia. Dr. Mahathir menyatakan bahawa pandangan negara Selatan berhubung dengan Orde Baru Dunia ini adalah amat penting kerana tidak mahu orde itu dibentuk oleh negara-negara Utara yang tentunya mengambil kira kepentingan mereka sahaja.

- \* Persoalan alam sekitar juga dibincangkan dalam persidangan ini dan memutuskan pandangan negara-negara membangun diambil kira di Persidangan Alam Sekitar anjuran PBB yang akan diadakan di Rio de Janerio pada Jun tahun hadapan.

- \* Pertemuan diantara usahawan dari negara-negara G15 memberikan peluang untuk mereka bertukar-tukar fikiran dan mencari jalan memajukan perdagangan di antara negara-negara ahli. Dengan cara itu, mereka

dapat bertukar-tukar maklumat perdagangan di kalangan mereka.

Pendek kata, persidangan itu memberi satu isyarat kepada pemimpin negara-negara maju bahawa segala pandangan, aspirasi, pemikiran daripada pemimpin dunia ketiga seharusnya juga diambil perhatian secara serius. Pemimpin negara maju seharusnya menoleh ke belakang dan merenung sejenak bahawasanya negara-negara dunia ketiga yang wujud kini bukanlah lagi entiti yang boleh diperkotak-katikkan oleh mereka sebagaimana yang pernah mereka lakukan dalam zaman penjajahan dahulu. Walaupun tugas mereka kini berubah daripada penjajahan politik kepada penjajahan ekonomi, namun pada hakikatnya segala rupa bentuk penjajahan seharusnya dilenyapkan di mukabumi ini.

*Berita Harian, 5 Disember, 1991*



perancangan ekonomi perlu dilakukan secara berhati-hati agar kedudukan yang sebegini dapat diatasi.

Di seluruh Asia ahli perniagaan memperkatakan perkara yang sama mengenai kedudukan ekonomi tahun 1991, iaitu penjimatan dan berjaga-jaga apabila menghadapi tahun 1991 dan tahun-tahun selepasnya. Ada beberapa perkara yang boleh mencetuskan keadaan yang tidak selamat itu. Walaupun Perang Teluk sudah berakhir namun ada perkara lain yang perlu diawasi seperti turun naiknya harga minyak dan kegagalan rundingan Pusingan Uruguay. Penekanan para pemimpin negara Asia di persidangan GATT (Pusingan Uruguay) ialah ke arah perdagangan bebas dua hala di antara negara blok barat dan timur dan menghindarkan sebarang bentuk *protectionism* yang hanya bertumpu di kalangan negara-negara Amerika Utara dan Eropah semata-mata. Matlamat setiap pemimpin negara Asia yang menghadiri Persidangan GATT itu ialah agar hasil pengeluaran negara mereka dapat menembusi pasaran Amerika dan Eropah.

Ramai pemerhati ekonomi meramalkan yang pertumbuhan ekonomi di Asia secara keseluruhannya akan menurun dan pertumbuhan yang diramalkan bagi tahun 1991 ialah di antara 3% hingga 8%. (*Asiaweek* 11-1-1991) Bagi sesetengah negara keadaan buruk telah pun lama menyerang negara mereka. Misalnya krisis di Teluk itu telah menyerang India, Sri Lanka, Pakistan dan Filipina di mana kenaikan harga minyak di negeri itu telah menjulang tinggi. Di negara Thai pula misalnya, kadar faedah adalah terlalu tinggi dan terdapat pula kekurangan bahan binaan yang kesannya tentu sekali menimpa pemaju-pemaju perumahan di negara itu.

Walaupun menghadapi pertumbuhan yang lambat ekonomi Asia akan terus berkembang kerana perbelanjaan yang besar dibelanjakan ke atas pembinaan infrastruktur yang kesannya akan membawa kepada pertumbuhan ekonomi di hari muka. Begitu juga halnya sekiranya sesebuah kerajaan itu bertindak menswastakan beberapa agensi miliknya seperti mana yang dilakukan dan akan dilakukan oleh negara kita. Satu perkara lain yang sedang diperhatikan oleh dunia barat ialah tentang keadaan Asia sendiri yang akan memainkan peranan sebagai tempat kegiatan ekonomi dunia yang boleh menggantikan peranan Amerika Utara dan Eropah.

Satu hal yang sedang diperhatikan secara teliti oleh negara Barat ialah tentang kawasan ini yang mengandungi lebih kurang 40% daripada penduduk dunia. Dengan sendirinya menampakkan bahawa di sini jugalah tempat para pengguna yang akan membeli barangan yang dikeluarkan.

Sekiranya banyak barangan yang boleh dikeluarkan di Asia dan dibeli oleh orang Asia sendiri maka itu akan menjadikan satu pukulan kepada negara Barat. Tambah menakutkan lagi ialah kemunculan negara Jepun yang sudah teruji merupakan gergasi ekonomi dunia di samping kewujudan negara-negara baru perindustrian seperti Korea Selatan, Taiwan, Singapura dan Hong Kong. Adalah berkemungkinan besar negara ini boleh menyamai perkembangan di Barat itu kalau tidak pun menewaskannya.

Prestasi yang baik yang telah dicapai oleh Malaysia adalah berpunca daripada tanaman modal yang besar daripada sektor persendirian. Mengikut laporan Bank Negara, tanaman modal persendirian telah meningkat sebanyak 30.3% berbanding dengan 31% pada tahun 1989. Pertumbuhan yang dikira hasil daripada tanaman modal persendirian ini dianggarkan dalam lingkungan 11%. Nilai pelaburan yang dijangkakan berlaku pada tahun 1991 adalah berjumlah \$30.6 bilion berbanding dengan \$26.2 bilion pada tahun 1990. Ada dilaporkan tentang MIDA (*Malaysian Industrial Development Authority*) yang telah membenarkan operasi 196 projek bernilai \$12.8 bilion yang akan memberikan peluang 47 000 pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Berita sedemikian tentulah menggembirakan kita.

Di samping perkembangan ekonomi yang begitu baik, satu hal yang tidak dapat dielakkan ialah tentang kemungkinan berlakunya inflasi yang sukar untuk dikawal. Biasanya dalam keadaan harga barangan dan perkhidmatan yang meningkat inflasi mungkin pergi ke paras 4.5% pada tahun 1991. Teori ekonomi mengatakan juga bahawa inflasi akan dapat dibendung sekiranya dapat dikawal penawaran wang di pasaran.

Mungkinkah itu dapat dilakukan? Kenaikan gaji sebanyak 5% kepada kakitangan kerajaan sedang dilaksanakan. Kenaikan ini merupakan satu galakan kepada kakitangan kerajaan tetapi keadaan ini juga yang akan mewujudkan inflasi sepertimana yang pernah berlaku pada masa lampau apabila berlaku kenaikan gaji kakitangan kerajaan. Namun begitu pada kali ini kita merasa bersyukur kepada kerajaan kerana telah mengambil tindakan yang wajar dengan menyenaraikan beberapa barangan perlu sebagai barangan kawalan kerajaan. Ini bermakna bahawa pihak tertentu tidak boleh menaikkan harga barangan kawalan dengan sewenang-wenangnya. Sekurang-kurangnya dapat sedikit sebanyak mengawal inflasi. Syabas!!

Pihak kerajaan juga telah melakukan perubahan dari segi kenaikan kadar sewa hotel bagi pegawai kerajaan yang menginap di hotel ketika menjalankan tugas luar pejabat. Kenaikan itu memang dialu-alukan oleh

pegawai kerajaan yang sentiasa mengalami masalah ketika menginap di hotel disebabkan kadar yang diberikan tidak seimbang dengan harga sewaan hotel. Apatah lagi dalam keadaan di mana kadar sewa hotel begitu meningkat sekali disebabkan oleh kedatangan beramai-ramai pelancong asing bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia. Pegawai kerajaan tidak mampu untuk tinggal di hotel-hotel yang biasa didiaminya kerana kenaikan kadar itu.

Atas pertimbangan itulah agaknya maka kerajaan telah menaikkan kadar sewa hotel. Tetapi kesan daripada kenaikan itu, kemungkinan pemilik hotel pula akan menaikkan kadar sewaan mereka tanpa memikirkan yang kenaikan yang berlebihan itu akan membebankan kewangan kerajaan. Oleh itu satu-satu langkah perlu diambil oleh pihak-pihak yang berkaitan agar keadaan ini dapat dibendung, takut kalau-kalau 'nikmat' yang sepatutnya dikecapi oleh pegawai kerajaan itu berpindah kepada pemilik hotel yang tidak bertanggungjawab.

Gabenor Bank Negara dalam laporan tahunannya telah membayangkan tentang kekurangan Imbangan Pembayaran. *New Sunday Times* keluaran 31 Mac 1991 telah menyatakan tentang import yang akan mengatasi eksport yang bernilai \$8 bilion. Kekurangan yang berlaku kini sebenarnya telah mengejutkan banyak ahli ekonomi yang tidak meramalkan keadaan yang sedemikian akan wujud. Datuk Paduka Daim Zainuddin (Bekas Menteri Kewangan) telah merancang kekurangan ini empat bulan yang lalu memandangkan yang tindakan sedemikian tidak akan menjejaskan ekonomi negara sekiranya langkah perlu diambil secara serius. Kelebihan Imbangan pembayaran pada tahun 1990 adalah berpunca daripada beberapa faktor. Di antaranya ialah:

1. Pengaliran pelaburan asing yang begitu banyak masuk ke dalam negara
2. Pengurusan simpanan luar yang cekap lagi menguntungkan
3. Pendapatan yang berlipat ganda hasil daripada kegiatan pelanconga yang berpunca daripada kempen Tahun Melawat Malaysia 1990

Seorang ahli ekonomi dari Merrill Lynch & Co ada menyatakan, *"The Current-account deficit is not a structural issue. It can be corrected overtime.....certainly by 1993, it should start shrinking. But if (Malaysian*

*economic planners) don't bite the bullet before this time next year, then I would be concerned"* (AWSJ 1-4-1991)

Dalam hal ini tidak semua ahli ekonomi yang sependapat dengan pendapat di atas. Namun demikian kebimbangan kebanyakan ahli ekonomi ialah tentang turunnya nilai mata ringgit dan kesannya ialah inflasi. Dan persoalan yang sedang dihadapi oleh Bank Negara ialah bagaimana untuk mengatasi keadaan ini. Dan tugas penting sekali yang sedang dihadapi ialah bagaimana caranya untuk menambahkan eksport.

Ini tentulah tidak begitu membimbangkan kerana kekurangan yang sedemikian akan dapat diatasi sekiranya langkah-langkah perlu diambil. Misalnya suasana pelaburan di Malaysia mesti ditingkatkan agar lebih ramai pelabur asing datang untuk menanam modal di negara kita. Perkembangan seperti yang ditegaskan pada awal rencana ini adalah menggalakkan. Di samping itu kerajaan juga akan cuba mengurang dan mengawal import seiring dengan usaha untuk menambahkan eksport. Sekiranya banyak barangan yang dieksport maka ini tentunya akan menolong mengatasi nilai import yang kesan akhirnya ialah kelebihan dalam imbalan pembayaran negara. Satu perkara yang perlu difahami juga ialah jikalau kita mahu meng-eksport dengan lebih tentulah terpaksa terlebih dahulu mengimport segala jentera yang akan menghasilkan barangan eksport itu. Dengan sebab itulah, Gabenor Bank Negara telah membayangkan yang keadaan ini akan pulih dengan baiknya pada tahun 1993, yang bermakna negara akan mengalami kelebihan dalam imbalan pembayaran.

Mengapa hanya pada tahun 1991 tindakan yang sedemikian diambil oleh kerajaan? Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan telah mengawal dan mengurangkan import barangan dan dengan demikian imbalan pembayaran negara telah meningkat kepada \$54 billion. Dalam pusingan ekonomi sesebuah negara adalah menjadi perkara biasa sesuatu kekurangan imbalan pembayaran itu berlaku setelah beberapa tahun mengalami kelebihan. Dalam hal negara kita, apa saja tindakan yang dilakukan pada tahun 1991 ini akan dapat dinikmati kesannya pada tahun 1993. Pada tahun itu adalah dijangkakan akan berlaku pula pertambahan imbalan pembayaran ini. Salah satu puncanya ialah mengalirnya pelaburan asing yang banyak.

Sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan merupakan sektor yang paling banyak menyumbang kepada ekonomi negara dan dalam masa lima tahun berturut-turut sektor pembuatan telah mencatatkan pertumbuhan

12%. Dalam *'The Way Forward'* kertaskerja yang dibentangkan oleh PM di satu persidangan ekonomi telah menyatakan yang sektor perindustrian adalah merupakan penyumbang 50% kepada perkembangan eksport negara dan dengan demikian saranan beliau ialah agar ada usaha mempelbagaikan kegiatan ekonomi dan bukan tertumpu kepada satu-satu sektor sahaja. Lantaran itu beliau telah menyarankan tentang penumpuan kepada usaha untuk memajukan ekonomi tradisional orang Melayu dengan melipatgandakan kepada penambahan nilai (*Value added*) sesuatu barangan itu.

Pakar ekonomi meramalkan yang kawasan Asia Pasific akan terus dapat menarik pelabur-pelabur asing yang bukan sahaja datangnya dari Jepun tetapi dari negara-negara NIC wilayah Asia. Mr. Hajime Ohta selaku pengarah "*International economies of the Keidanren (Japan)*" telah menyatakan, "*Asean countries will be ranked as the top priority investment site by Japanese Companies, followed by the EC and the US*" (NST 30-3-91)

Berdasarkan kepada hakikat itu maka Malaysia sudah tentu termasuk dalam senarai negara-negara yang akan menarik pelabur asing itu. Justeru itu Malaysia seharusnya pula bersedia untuk 'memikat' pelabur-pelabur itu. Satu peristiwa yang cukup penting yang tentunya dapat memikat hati para pelabur itu ialah perkembangan politik yang sedang berlaku kini. Kestabilan politik negara seolah-olah sudah akan terjamin dalam masa lima tahun yang akan datang. Jikalau dulu pelabur-pelabur asing bimbang dengan keadaan perpecahan yang berlaku di negara kita, tetapi kini ancaman yang sedemikian seolah-olah akan dapat di atasi dalam jangka masa yang amat singkat ia itu dengan kemasukan beberapa orang kuat Semangat 46 ke dalam UMNO.

Kemasukan mereka dalam UMNO itu tidak penting tetapi keluarnya mereka dari pakatan Semangat 46 itu yang memberikan kesan yang positif kepada negara kerana lama kelamaan Semangat 46 bukan lagi merupakan parti alternatif kepada UMNO dan Barisan Nasional. Jikalau sebelumnya pemerhati luar negeri mungkin menganggap yang Semangat 46 akan dapat memberikan saingan hebat kepada UMNO dan Barisan Nasional, tetapi dengan kekalahan mereka dalam pilihanraya tahun lalu telah meyakinkan pelabur asing yang kehadiran mereka tidak akan memberikan kesan kepada negara. Apatah lagi apabila melihatkan tentang keretakan yang berlaku kini yang sudah menunggu masa untuk belah. Keadaan ini amat memberikan kesan positif kepada perkembangan ekonomi negara pada masa-masa akan datang.

Perkembangan yang sebegini tentulah selaras dengan usaha yang

dilakukan oleh Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyarankan tentang penubuhan EAEG (*East Asia Economic Grouping*) kini EAEC. Rasional penubuhan EAEC ini adalah ke arah penubuhan satu gagasan kumpulan negara yang terdiri daripada negara-negara ASEAN, Jepun, China, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Vietnam. Telah ditegaskan beberapa kali bahawa gagasan EAEC ini bukanlah bertujuan untuk bersaing dengan blok perdagangan Amerika Utara dan Eropah tetapi hanya sekadarakan merupakan satu pakatan ekonomi di dunia sebelah sini (Asia pasifik).

Persoalan yang timbul beberapa ketika dulu ialah tentang kemungkinan dan kemampuan para pemimpin Asia untuk menubuhkan satu pakatan ekonomi di Asia sendiri seperti mana yang dilakukan oleh para pemimpin negara barat. Sehingga tercetusnya konsep gagasan EAEC ini tidak pernah wujud satu syor atau cadangan untuk menubuhkan satu pakatan yang sebegini. Orang Melayu merasa bangga yang Dr. Mahathir telah memulakan era baru dari segi penerokaan alam yang tidak pernah diterokai oleh bangsa Asia yang lain sebelum ini.

Kesediaan Perdana Menteri untuk melayang gagasan itu tentunya terpaksa menghadapi risiko yang bukan kecil. Berbagai kemungkinan boleh berlaku kepada negara Malaysia, apatah lagi apabila disedari benar-benar yang kegiatan itu tentunya akan menggugat pakatan-pakatan ekonomi yang telah sedia wujud di Barat. Dan pakatan di barat itu boleh melakukan apa saja kepada negara kecil seperti negara kita ini. Soalnya mengapakah Perdana Menteri kita begitu berani menangani masalah yang begitu runcing itu.

Perasaan yakin diri itulah yang patut dicontohi oleh rakyat di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu. Ini yang dikatakan kepimpinan melalui Teladan. Dr. Mahathir menyatakan bahawa Malaysia terpaksa menerajui langkah itu memandangkan tidak adanya negara lain di Asia ini yang sedia 'berkorban' ke arah itu. Beliau yakin bahawa kejayaan gagasan itu nanti tentunya terletak kepada kesediaan untuk bekerjasama di antara negara-negara besar Asia seperti Jepun, China, Indonesia dan lain-lain. Sehingga kini Jepun dan China masih mengamalkan sikap 'tunggu dan lihat' walaupun mereka tidak menolak mentah-mentah cadangan itu. Mungkin lah mereka bimbang tentang 'apa orang lain kata' sekiranya mereka awal-awal lagi sudah menyertainya. Perasaan "rakan lama" harus diambil kira juga. "*Japan's leaders feel that supporting an Asia trading block will incur the wrath of Europe and the U.S. in return for very limited rewards*".

Jepun sentiasa berhati-hati untuk melibatkan dirinya dalam sebarang pakatan ekonomi (di Asia khususnya) takut kalau-kalau dengan penglibatannya itu menjejaskan kedudukannya sebagai gergasi ekonomi yang sentiasa mahu bersahabat dengan semua orang (tentunya yang boleh memberikan keuntungan kepada diri sendiri). Sebaliknya jika sekiranya Jepun mendapati yang gagasan itu nanti dapat berdiri teguh dan mewujudkan daya saing yang mantap dengan blok perdagangan dari Barat, apakah tidak Jepun juga akan terlibat secara langsung? Sama-sama kita perhatikan.

Bagaimana dengan penglibatan China dan India pula. Majalah 'Asiaweek' keluaran 11 Januari 1991 ada memaparkan tentang pandangan Perdana Menteri China Li Peng terhadap gagasan itu. Katanya, "*Because Asian countries differ in their economic systems and also in the level of the economic development, this cooperation should be developed into a kind of loose association*" Secara diplomasi, China tidak menampakkan yang ia menentang gagasan ini secara terang tetapi membayangkan ia masih tidak begitu bersedia untuk tampil ke hadapan sebagaimana yang dijangkakan.

Berbanding dengan India pula telah agak jelas sikapnya yang tidak mahu berdagang dengan negara-negara jiran seperti mana yang pernah disuarakan oleh seorang ahli ekonomi dari Bombay yang mengatakan, "*India finds it difficult trading with neighbours let alone with other (Asian) countries*". Dari satu segi yang lain pula, dikatakan negara-negara Asia Selatan bimbang untuk mengadakan pakatan dengan India takut kalau-kalau India akan menguasai syarat-syarat perdagangan.

Pandangan di Indonesia mengenai gagasan EAEC menampakkan ketidaktentuan. Ada pihak yang menyokong dan ada pihak yang mengamalkan sikap 'tunggu dan lihat' tetapi bagi Mochtar Riady, Ketua Eksekutif Bank Pusat Asia merasakan bahawa setiap perkembangan di Eropah Timur berkemungkinan akan menghadkan pengaliran tanaman modal kedunia sebelah sini, sementara harga buruh yang rendah di rantau itu akan menyebabkan mereka mengamalkan dasar "*protectionism*" dengan lebih giat lagi Jepun tentu juga memikirkan keadaan yang sama bagi menentukan sikapnya pada masa akan datang sekiranya ia mahu kekal sebagai gergasi dunia yang mantap. Jepun tentunya juga sudah mula melihat negara China dan Indonesia sebagai tapak untuk melambakkan barangan mereka pada masa akan datang apatah lagi memikirkan tentang potensi dan perkembangan ekonomi yang begitu jelas bagi kedua-dua negara itu.

Sebagai kesimpulan dengan perkembangan ekonomi yang ama

memberangsangkan kita telah berjaya 'menewaskan' pertumbuhan negara-negara yang bergelar 'negara baru perindustrian' kecuali Korea Selatan. Dengan perkembangan yang sedemikian tidak hairanlah kalau ada di antara negara yang bergelar 'negara maju' mula beriktir untuk mencari jalan memburuk-burukan dan memperkecilkan negara Malaysia timbul dari hasad dengki dan dendam kesumat yang berlanjutan. Ada dilaporkan tentang usaha sebuah negara maju yang cuba 'memujuk' negara-negara Indonesia dan Jepun agar tidak menyertai gagasan EAEC yang ditaja oleh Malaysia. Kita harapkan usaha tidak akan berjaya dan semangat setiakawan negara rantau ini akan bertambah mantap.

1 April, 1991



# 9

## DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL

**D**alam satu Majlis Makan Malam anjuran *Harvard Club of Malaysia* pada 22 Ogos 1990 di sebuah hotel, Perdana Menteri telah menyampaikan satu ucapan penting mengenai 'Post 1990 - Economic Policy of Malaysia'. Di antara lain katanya, "*The NEP is an experiment in social engineering. When it was drafted we knew our goals - poverty eradication and the restructuring of society to remove the identification of race with economic functions. But we had no experience and no models to fall back on in order to achieve these objectives. We had already rejected socialism and communism. We believe in a free market system, which means that we must submit to the constraints imposed by market forces which tend to increase disparities rather than to reduce them. We had to accelerate the growth of one segment of the society without causing a sense of deprivation of the society of the other segments.*"

*It was altogether a tall order for a government and a bureaucracy which was, not only 12 years ago, a purely administrative set-up.*" Kenyataan ini disuarakannya ketika dasar baru ekonomi negara selepas tahun 1990 masih dalam peringkat perencanaan yang diusahakan oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN). Kini laporan yang setebal 600 muka itu siap dan diserahkan kepada kerajaan oleh Pengerusi MAPEN Tan Sri Ghazali Shafie. Dalam ucapannya ketika menerima laporan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah menyatakan yang program 'social engineering' yang dijalankan oleh negara-negara Komunis dan Sosialis telah

gagal dan telah diberhentikan, tetapi Dasar Ekonomi Baru kita telah berjalan selama 20 tahun walaupun tidak semua matlamat dan tujuannya telah dicapai.

Selanjutnya beliau telah menegaskan bahawa DEB yang dilaksanakan dengan tidak mempunyai apa-apa pengalaman sebelum ini telah berjaya menolong rakyat dari segenap lapisan dan juga telah membantu ke arah perkembangan ekonomi Malaysia. Dengan pengalaman yang telah diperolehi ini, Malaysia yakin akan dapat mengemukakan satu lagi dasar ekonomi negara yang akan dapat menggantikan DEB yang telah tamat tempohnya ini.

Sepanjang pelaksanaan DEB selama 20 tahun jelas menunjukkan yang dasar itu bukan merupakan satu dasar penindasan, walaupun ada pihak-pihak tertentu yang cuba menghujah dan meyakinkan pihak-pihak tertentu bahawa DEB telah menindas satu kaum di negara ini di samping membantu kaum yang lain. Percubaan itu gagal. Rata-rata rakyat yakin dengan apa yang dapat dilakukan oleh DEB. Kaum bukan Bumiputera yang sebelum ini agak merasa ragu-ragu dengan DEB telah mula menyedari bahawa sangkaan mereka itu meleset. Sebaliknya dasar inilah yang telah dapat menimbulkan keadaan harmoni dalam negara di samping menikmati perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Thomas Sowell, dalam bukunya berjudul "*Preferential Policies*" (*An International Perspective - New York 1990*) telah meninjau tentang dasar yang mirip dengan DEB di beberapa buah negara di dunia. Kajian yang telah dibuat meliputi keadaan Maoris di New Zealand, Sephardim di Israel, orang Asia Tengah di Soviet Union dan golongan '*Untouchables*' di India. Satu ciri yang terdapat pada semua dasar istimewa di negara-negara yang mengamalkan dasar yang sedemikian ialah tentang ciri 'sementara' yang diamalkan oleh pembuat dasar itu, walaupun dasar itu dihasratkan untuk diteruskan buat beberapa lama. Bukan itu sahaja, malah ia akan melibatkan banyak lagi kumpulan yang boleh menikmati dasar itu. Satu program serupa itu yang dilancarkan di India dan Pakistan misalnya sudah jauh melampaui tarikh tamat yang telah ditetapkan.

Satu hal yang agak ketara mengenai dasar istimewa ini ialah tentang sebilangan kecil penduduk yang menikmati hasil daripada dasar sedemikian. Di sesetengah negara (yang mengamalkan dasar itu) golongan yang betul-betul memerlukan pembelaan telah diketepikan dan sebaliknya segala kemudahan dapat dikecapi oleh golongan yang berpengaruh. Di Malaysia misalnya, walaupun pihak kerajaan cuba dengan sedaya upaya untuk memberikan nikmat dari DEB itu pada golongan yang tidak bernasib baik namun

ada pula golongan berada yang sentiasa mencari kesempatan untuk diri sendiri. Satu contoh yang amat baik ialah mengenai adanya golongan pelabur ASN (bumiputera) yang diperalatkan oleh bukan Bumiputera dengan cara memberikan wang untuk dilaburkan dalam ASN, yang kemudiannya telah mendapat teguran daripada Perdana Menteri sendiri.

Thomas Sowell cuba mengetengahkan tentang kewujudan polarisasi kaum kesan daripada pengenalan dasar keutamaan ini. Ada terdapat di setengah negara di mana golongan yang tidak berpeluang untuk terlibat dengan dasar itu mengambil pelbagai tindakan negatif yang kadang-kadang boleh membawa kepada pertumpahan darah. Dalam hal ini tentulah ada kelainannya jika diambil negara kita sebagai contoh. Wujudnya pertumpahan darah di antara kaum di Malaysia (1969) bukan disebabkan oleh dasar keutamaan kerajaan tetapi adalah berpunca daripada tiadanya dasar yang serupa itu. Dan semenjak DEB diwujudkan maka tidak pun terdapat sebarang perbalahan kaum (yang besar) yang membawa kepada pertumpahan darah seperti mana yang pernah berlaku pada tahun 1969 itu. Jika ada yang cuba mempersoalkan di mana letaknya kejayaan DEB, maka di sinilah terletak letaknya kejayaan yang paling besar iaitu tentang kejayaan mewujudkan harmoni di antara kaum.

Hakikat yang menjelaskan bahawa kerajaan seharusnya menolong kaum Bumiputera tidak perlu dipersoalkan lagi. Dan tidak perlu rencana ini menghuraikan secara terperinci mengapa kerajaan seharusnya berbuat begitu kerana memang telah banyak rencana dan buku-buku yang menghurai dan menganalisis keadaan sedemikian. Cukup sekadar ditekankan tentang perlunya Bumiputera dibantu agar dapat berdiri sama tinggi dan tegak sama dengan kaum lain di negara ini sekiranya kedamaian dan perpaduan yang hendak kita cari.

DEB dilancarkan selepas peristiwa 1969. Orang Melayu yang merupakan 47% daripada penduduk di negara ini hanya memiliki 4% sahaja daripada harta korporat. Keadaan itu tentulah amat menyedihkan. Tidak mungkinlah 'ayam mati di kepuk padi dan itik mati kehausan di air tenang'. Dengan demikian orang Melayu telah diberikan peluang untuk memajukan diri mereka dari segi pendidikan, ekonomi dan sosial yang lain.

Orang Cina dan India yang telah pun memiliki saham negara yang bernilai 34% pada tahun 1970 akan menikmati kenaikan sebanyak 10% kepada 40% pada tahun 1990. Ini bermakna tidak terniat di pihak kerajaan untuk menindas kaum lain dalam masa melancarkan DEB itu. Ini menampakkan satu bentuk pembangunan yang seiring dan seimbang di antara kaum. Di samping itu pemilikan ekonomi negara oleh pemodal asing akan

menurun daripada 62% pada tahun 1970 kepada 30% sahaja pada tahun 1990. Secara keseluruhannya tidak seorang pun yang akan rugi dari segi pembahagian ini. (*Asiaweek* Jun 15 1986)

Selepas 15 tahun pelaksanaannya harta korporat Melayu telah mencapai 12.5% pada tahun 1980 dan 18.7% pada tahun 1983. Tetapi penghujung 1985 telah menurun semula kepada 17.8%. Pemodal asing memiliki 25.5% dan orang Cina dan India memiliki sebanyak 56.7%. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa yang meraih untung ialah orang-orang Cina dan India. Jikalau matlamat pembangunan mereka hanya di sekitar 40% tetapi pada hakikatnya ialah apabila telah terlaksana maka hak pemilikan mereka telah meningkat kepada 57%. Bukankah ini merupakan satu kejayaan kepada mereka juga?

Sekiranya rencana ini meninjau tentang keadaan di negara lain yang agak serupa dengan keadaan yang ada di Malaysia, maka itu hanyalah sekadar untuk menyedarkan kita bahawa negara lain juga menghadapi masalah yang sama seperti negara kita dan tindak tanduk kerajaannya juga serupa dengan tindak tanduk yang dibuat oleh pemimpin negara kita. Malah ada pemimpin negara lain yang lebih zalim dan tidak bertimbang rasa terhadap kaum mendatang yang membolot segala ekonomi negaranya.

Sebagai perbandingan elok perbincangan ini dimulakan dengan keadaan yang wujud di India. Thomas Sowell telah mengatakan, "... *Historically the difference between the Brahmin and an untouchable has dwarfed intergroup differences in all but the most racist societies in the world. Clashes between Hindus and Moslems in India have produced some of the great bloodbaths in human history, including an estimated half million deaths from mob violence at the time of independence*" (Thomas Sowell hlm. 52)

Perlembagaan India seperti juga perlembagaan Amerika Syarikat telah menetapkan syarat layanan sama rata kepada semua rakyat. Namun begitu secara terselindung ada juga peruntukan dalam perlembagaan itu yang menghalang sebarang program yang boleh memberikan kemajuan kepada golongan '*untouchables* dan juga golongan yang tidak dipedulikan oleh kerajaan.

Jika ditinjau di Assam, sebuah kawasan di India yang mempunyai keluasan lebih kurang 30 000 batu persegi, menyerupai keadaan di Malaysia. Perkembangan ekonomi moden dalam sektor perindustrian dan perdagangan bukan dimonopoli oleh anak negeri itu tetapi oleh orang luar. Puncanya serupa dengan keadaan yang wujud di Malaysia dulu. Disebabkan

oleh orang Assam tidak berminat untuk bekerja di ladang-ladang teh, maka pihak British (dalam zaman penjajahan) telah mengimport orang-orang Cina untuk bekerja sebagai buruh di ladang-ladang teh di Assam.

Orang Benggali diimport juga oleh British untuk bekerja di jabatan-jabatan kerajaan dan juga dalam lapangan pertanian. Di samping itu kumpulan Benggali inilah yang berjaya dalam lapangan pendidikan dan ramai di antara mereka yang memegang jawatan sebagai peguam, doktor, guru, wartawan dan lain lain. Kumpulan inilah yang telah banyak mengerjakan tanah-tanah yang tidak dikerjakan oleh orang Assam. Lantas mereka merebut peluang yang sedemikian untuk memperkayakan diri mereka.

Penduduk asal Assam tinggal dalam keadaan kemiskinan menjadi petani yang tidak tentu arah tujuannya. Satu lagi kumpulan penduduk Assam yang memainkan peranan dalam perkembangan ekonomi Assam ialah kaum Marwaris, satu kumpulan kaum peniaga yang kemudiannya menjadi satu kaum yang amat berjaya dalam bidang perniagaan di Assam. Penduduk Assam sendiri menjadi miskin dan tidak bertanah.

Di Nigeria pula terdapat satu kaum Nigeria yang berasal dari Selatan yang telah menguasai kaum yang tinggal di sebelah Utara Nigeria. Dalam beberapa lapangan, penduduk Selatan lebih ketara menonjol berbanding dengan kaum dari Utara Nigeria. Misalnya sehingga tahun 1950, hanya terdapat seorang sahaja doktor dari utara daripada 160 orang doktor yang ada di seluruh Nigeria. Dan dalam bidang tentera, 70% daripada tentera berpangkat rendah datangnya dari utara sedangkan 80% yang berpangkat tinggi pula datangnya dari sebelah selatan Nigeria. Dengan sebab itulah setelah mencapai kemerdekaan penduduk dari kawasan utara memperjuangkan satu dasar "*Nigerianization*" iaitu memberikan hak istimewa kepada penduduk dari utara dalam segenap lapangan seperti ekonomi sosial dan politik.

Sekiranya dianalisis secara terperinci tentang pemberian hak keistimewaan kepada penduduk-penduduk yang kurang bernasib baik di negara-negara tertentu maka tentulah memakan halaman yang banyak. Yang penting untuk disedari oleh rakyat negara ini ialah tentang tindakan negara-negara lain dalam menangani masalah sosial, ekonomi dan politik negara tersebut. Jadi ini tentunya dapat mengubah pandangan sesetengah penduduk negara ini yang sentiasa mencemuh tindakan kerajaan yang kononnya sentiasa menitik-beratkan tentang kebajikan Bumiputera sahaja, terutama dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Masyarakat kita di Malaysia sentiasa didendangkan dengan irama yang sumbang apabila kita memperkatakan sesuatu mengenai pentadbiran negara ini. Jikalau kita mempersoalkan tentang hubungan kaum di Malaysia, seolah-olah di sinilah berlakunya segala penindasan dan sebarang bentuk kezaliman. Begitu juga apabila kita memperkatakan tentang kedudukan kaum bukan Bumiputera pula, seolah-olah kerajaan kitalah yang paling zalim yang sentiasa menindas orang lain dan memberikan keutamaan kepada Bumiputera. Sudah sampai masanya rakyat di negara ini menghilangkan perasaan syak wasangka di antara kita sekiranya kita betul-betul ikhlas berhasrat untuk membangunkan negara yang tercinta.

Dasar Ekonomi Negara selepas 1990 akan diperkenalkan tidak lama lagi. Justeru itu tentulah lebih ramai pihak-pihak tertentu yang akan memberikan syor dan cadangan tentang pembentukan dasar yang baru ini. Dan yang pastinya ialah kebanyakannya akan mempersoalkan tentang kewajaran penerusan konsep Dasar Ekonomi Baru yang lepas. Ada golongan tertentu yang merasa cemburu dengan penekanan dan tumpuan yang akan diberikan oleh Kerajaan kepada golongan yang tidak berdaya di negara ini iaitu golongan Bumiputera.

Kerajaan sepatutnya memberikan pertimbangan untuk meneruskan dasar pembelaan ini. Dasar sedemikian tidak harus diertikan sebagai satu dasar untuk menindas kaum lain, dan tidak juga bererti yang dasar itu akan terus memberikan keistimewaan agar kaum Bumiputera terus bermanja dan tidak berjaya berdikari. Dasar itu terpaksa diteruskan demi untuk mengelakkan sebarang perkara buruk yang tidak diinginkan seperti yang pernah berlaku pada 13 Mei dulu. Walaupun DEB telah agak berjaya menyempitkan jurang perbezaan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera, namun jurang sedemikian harus disempitkan lagi demi untuk menjamin keutuhan bangsa Malaysia yang bermaruah.

Pengalaman yang dilalui oleh DEB tidak menjejaskan dan menggugat ekonomi kaum bukan Bumiputera malah kaum bukan Bumi yang banyak dapat mengecapi nikmat yang dihidangkan oleh DEB walaupun pada dasarnya nikmat itu khusus untuk kaum Bumiputera. Pencapaian yang diharapkan kepada kaum Bumiputera tidak tercapai sedangkan bagi bukan Bumi melebihi daripada apa yang dijangkakan. Oleh itu persoalannya ialah apakah bukan Bumiputera semestinya merasa curiga dan irihati tentang pengenalan dasar itu kelak.

11 Februari 1991

# 10

## PROJEK "EAST ASIA ECONOMIC GROUPING" (EAEC) ESPRIT DE CORP YANG MANTAP

**K**ejayaan Perdana Menteri menaja projek Kumpulan Ekonomi Asia Timur (East Asia Economic Group - EAEG) kini EAEC dan berjaya pula mempengaruhi pemimpin negara-negara ASEAN supaya menerima gagasan itu menjadi kebanggaan rakyat Malaysia keseluruhannya. Tidak mudah untuk mengemukakan satu konsep seperti projek EAEC ini yang belum tahu lagi tentang realiti pelaksanaannya. Apatah lagi jikalau konsep yang dikemukakan itu sentiasa dicurigai oleh pihak-pihak tertentu dan berkemungkinan pula menjadi sebagai satu ancaman.

Itulah rupa senario yang terpaksa dilalui oleh Perdana Menteri kita dalam usahanya untuk mewujudkan EAEC ini. Hasrat penubuhan EAEC dimulakan oleh Perdana Menteri pada bulan Disember 1990 iaitu selepas rundingan pusingan Uruguay (di Brussels) mengenai *General Agreements on Tariff and Trade* yang telah gagal menyelesaikan masalah besar yang berkaitan isu perdagangan. Malaysia meletakkan kegagalan rundingan itu kepada Amerika Syarikat dan European Community (EC). Pada ketika itulah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed telah mencadangkan penubuhan EAEC yang termasuk di dalamnya keenam-enam negara anggota ASEAN, Indochina, Jepun, Korea Selatan, China, Taiwan dan Hong Kong. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan ialah sebagai usaha untuk melindungi dari sebarang ancaman perdagangan dari blok-blok perdagangan yang ditubuhkan di Eropah dan Amerika.

Malaysia terpaksa mengambil inisiatif berkenaan walaupun terpaksa menghadapi risiko yang agak berat. Negara-negara maju dari Barat tentunya merasa bimbang dengan langkah dan tindakan yang diambil oleh Malaysia terutama memandangkan kepada perkembangan ekonomi dunia yang akan berpindah daripada Barat ke Timur menjelang Kurun ke-21. Hakikat yang sedemikian telah diramalkan oleh pakar-pakar ekonomi dunia dan tentunya negara-negara seperti Amerika dan Eropah peka juga dengan perkembangan sedemikian.

Hujah ini didasarkan kepada beberapa perkara pokok. Majalah *Asiaweek* dalam keluarannya beberapa minggu yang lalu telah memberikan satu gambaran tentang kawasan Asia yang akan menjadi medan kegiatan ekonomi menjelang Kurun ke-21. Di antaranya ialah dari segi kedudukan penduduk dunia yang dianggarkan sebahagian besarnya datang dari dunia sebelah sini. Sebanyak 40% daripadanya datang dari negara China dan India yang sekaligus merupakan pengguna kepada barangan yang dikeluarkan. Kedua dengan adanya jaguh ekonomi dunia iaitu Jepun yang berkebetulan salah sebuah negara Asia akan meletakkan kawasan ini sebagai kawasan ekonomi penting dunia menjelang Kurun ke-21. Selain daripada Jepun kemunculan negara-negara seperti Taiwan, Hong Kong, Singapura, Korea Selatan adalah negara-negara yang berpotensi besar mewujudkan suasana ekonomi cemerlang. Tidak ketinggalan ialah negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand yang juga sedang bergerak dengan pesat ke arah itu.

Namun begitu satu hakikat yang tidak boleh diselindungi ialah tentang kerisauan negara Asean kepada beberapa perkembangan yang berlaku di Amerika dan Eropah yang mungkin mempengaruhi pemikiran pemimpin rantau ini ke arah penubuhan EAEC. Kemunculan pakatan *European Community Internal Market* pada tahun 1992 dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara yang mengandungi Kanada dan Mexico tentunya merunsingkan juga pemimpin negara Asia yang pada anggapan mereka memerlukan juga kepada satu tindakan untuk menubuhkan pakatan yang serupa demi untuk mengimbangi kemunculan kuasa-kuasa tersebut, khususnya dalam lapangan perdagangan dan ekonomi.

Jadi jika kita ingin memperkatakan tentang tujuan penubuhan EAEC maka dapatlah disimpulkan sebagai satu usaha untuk mewujudkan satu forum untuk memelihara kepentingan ekonomi negara-negara anggota. Dengan hal demikian kumpulan negara-negara ini boleh juga dianggap



sebagai satu 'pressure group' untuk melobi dan mempertahankan hak kepentingan bersama di persidangan antarabangsa yang lain seperti di *Uruguay Round*. Bagi negara-negara yang menganggotai ASEAN pula, EAEC dapat dijadikan alat untuk mencapai matlamat kepada integrasi ekonomi negara-negara ASEAN. Kehadiran Jepun dan negara-negara lain seperti Korea Selatan, Hong Kong dan Taiwan dalam perkumpulan itu nanti dapat pula sedikit sebanyak menangkis serangan yang berkaitan dengan isu perdagangan sekiranya ada serangan dari negara Barat.

Sungguhpun pada asalnya projek ini ditaja oleh Malaysia tetapi setelah diadakan rundingan dan perbincangan yang panjang lebar dengan Presiden Suharto dari Indonesia dan pemimpin lain dari negara ASEAN, maka ia telah merupakan projek tajaan bersama ASEAN. Dengan adanya kerjasama demikian telah memberikan satu gambaran keakraban dan kemandapan perasaan kekitaan (*Esprit de corp*) dari kalangan pemimpin negara anggota ASEAN. Mengikut kata Datuk Seri Dr. Mahathir, "semua negara-negara ASEAN menyokong projek berkenaan. Mereka telah menerimanya sebagai projek yang wajar dan menyatakan kesediaan untuk menajanya mulai dari sekarang" (*New Straits Times* 3 March 1991)

Malaysia, khususnya Perdana Menteri kita sentiasa menghadapi berbagai cabaran dalam usahanya menubuhkan EAEC. Walaupun begitu Malaysia masih mencuba untuk mempengaruhi negara-negara yang berada di Asia Timur agar dapat sama-sama menyokong dan mendukung konsep berkenaan. Malaysia cuba menghilangkan sebarang keraguan yang mungkin timbul berkaitan dengan usaha tersebut.

Usaha 'merisik' telah dilakukan oleh Dato' Seri Rafidah Aziz yang telah mengadakan beberapa lawatan ke negara-negara ASEAN bagi meninjau dan 'menjual' idea yang ingin diketengahkan. Ada di antara pegawai dari Kementerian Luar Thailand menganggapkan yang lawatan Rafidah Aziz ke negara-negara Asia Timur tempoh hari sebagai sesuatu yang meninggalkan banyak persoalan yang masih belum berjawab dengan tegas. "It seems to us that it a trial idea that's adapted and fleshed out as each country is visited" (*Asian Wall Street Journal* 1 March 1991)

Pegawai dari Kementerian Luar Thailand itu pada mulanya seolah-olah menampakkan sedikit keraguan tentang cadangan Malaysia itu. Mereka mempersoalkan tentang peranan ASEAN dalam EAEC nanti. Namun begitu Kementerian Luar Malaysia tidak bimbang dengan tohmahan demikian malah mereka (Kementerian Luar Thailand) perlu dijelaskan tentang strategi

'dual-track' yang akan digunakan untuk mendapatkan sokongan padu. Satu langkah segera yang telah diambil ialah untuk melobi negara-negara sahabat yang berada dalam ASEAN. Di samping itu telah difahamkan bahawa Dato Seri Rafidah Aziz akan membuat satu lagi siri lawatan ke negara-negara seperti Jepun dan negara-negara yang bukan anggota ASEAN.

*"The game plan is to have ASEAN discuss this and develop the idea"* kata Dr. Noordin Sopie. Dan lawatan Dr. Mahathir ke Indonesia dan Bali adalah merupakan strategi ke arah itu. Pada bulan ini satu perundingan peringkat pegawai tinggi ASEAN akan diadakan di Bandung dan akan diikuti dengan satu perjumpaan lagi di Kuala Lumpur untuk membincangkan bagaimana ASEAN boleh memainkan peranan mempengaruhi negara Asia Timur lain untuk menyertai projek berkenaan.

Kesan daripada lawatan Rafidah Aziz itu dijangkakan akan ada satu perjumpaan di antara pegawai tinggi Kementerian Luar dari Negara-negara Asean yang akan diadakan di Jakarta. Di samping itu adalah dijangkakan juga yang Dato Seri Rafidah Aziz akan melawat Jepun pada bulan April akan datang bagi 'melamar' Jepun untuk memasuki perkumpulan ini, dengan sebuah janji untuk meletakkan negara Jepun sebagai pemegang peranan utama dalam EAEC itu nanti. Tan Sri Ghazali Shafie, bekas Menteri Luar Malaysia ketika berceramah di Jepun baru-baru ini telah menyarankan agar Jepun *'join a bigger circle of East Asia'* di mana *"it could perform a role of a leader with full responsibility"*. Itu juga dengan sendirinya memberikan satu tanggapan kepada dunia luar tentang peranan Jepun dalam arena perdagangan dan ekonomi di rantau Asia.

Tetapi dalam satu temuramah yang diadakan di Jakarta baru-baru ini Dr. Mahathir telah membayangkan tentang tidak sedianya Jepun untuk memainkan peranan utama dalam sebarang perkumpulan negara Asia Timur. Namun begitu katanya, *"saya percaya sekiranya kesemua negara di Asia ini menyertainya, tentulah sukar juga bagi Jepun untuk mengasingkan dirinya"*.

Perdana Menteri juga menghujahkan tentang manfaat yang diperolehi oleh Jepun sekiranya menyertai projek ini. Selama ini Jepun adalah merupakan 'jurucakap' bagi negara-negara Asia Tenggara dalam apa juga forum yang dianjurkan oleh *The Group of Seven* iaitu perkumpulan negara-negara maju perindustrian. Jadi tidak janggal sekiranya Jepun di samping menyuarakan pandangan negara-negara Asia Tenggara di persidangan *Group of Seven* dapat pula menyuarakan pandangan *The Group of Seven* tentang EAEC.

Persoalannya pula ialah apakah Jepun dengan senang hati menerima hakikat itu. Jepun sebagai sebuah negara yang berdagang tentunya sentiasa berhati-hati takut kalau-kalau terancam 'periuk nasinya'. Jepun tentu bimbang dengan persoalan 'apa kata Amerika dan Eropah?' Sekiranya ia memainkan peranan penting dalam EAEC itu nanti. Dan dalam APEC pula Jepun telah menekankan tentang komitmennya bersama-sama dengan Amerika Syarikat dan Australia. Satu hakikat yang tidak dapat disembunyikan oleh Jepun nanti ialah tentang keadaan dilema yang dihadapinya, iaitu persoalan "ditelan mati emak dan diluahkan mati bapak". Apa tidaknya. Kedudukan negaranya ialah di Asia tetapi rakan perniagaannya ialah dengan Barat.

Sikap berhati-hati Jepun itu tidak dapat disembunyikannya. Para Pegawai dari Kementerian Luar Jepun ada mengatakan yang tindakan itu adalah masih terlalu awal. Mereka masih lagi memerlukan penjelasan yang lebih lanjut dari Malaysia. Ada dilaporkan yang para diplomat dan pegawai perdagangan dari negara-negara Asia masih lagi mengamalkan sikap tunggu dan lihat tentang struktur dan arah yang ingin dituju oleh Malaysia dalam merangkakan konsep EAEC itu. Sebelum ini misalnya pernah Timbalan Menteri Perdagangan Indonesia, Soedrajat Djiwandono dilaporkan oleh "The Asian Wall Street Journal" 1 Mac 1991 sebagai berkata, "...masih banyak yang masih belum jelas (mengenai EAEC). Ada juga yang berpendapat bahawa pandangan di atas mewakili sebahagian daripada pandangan negara-negara yang bakal menganggotai EAEC.

Ada pula terdapat tuduhan yang mengatakan bahawa langkah Malaysia itu adalah sebagai satu cara bagi menubuhkan Blok Perdagangan Asia. Dengan demikian ada juga yang terus meragukan bahawa rancangan ini tidak dapat menjadi satu realiti ditinjau dari segi kekaburan konsep yang ingin diketengahkan itu. Pihak-pihak tertentu yang agak 'cemburu' dengan usaha Malaysia itu berani mengandaikan yang negara-negara Asia lebih mengharapkan kepada pertubuhan-pertubuhan seperti GATT, APEC atau ASEAN sebagai saluran untuk menyuarakan pandangan mereka mengenai isu-isu ekonomi dan perdagangan. Tetapi sebenarnya "We have to get away from the impression that this is a trade grouping. It's also about cooperation in investment, tourism and financial flows - a range of common consents." Kata Dr. Nordin Sopie, Pengarah ISIS yang juga secara langsung terlibat dalam usaha penubuhan EAEC ini.

Goh Chok Tong, Perdana Menteri Singapura menyokong penubuhan EAEC ini sebagai satu langkah untuk memberikan suara yang agak lantang

di arena persidangan ekonomi antarabangsa. Negara-negara lain yang pernah dibisikkan tentang hasrat Malaysia ini ialah China dan Vietnam. Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah meyarakan hasrat itu kepada pemimpin-pemimpin China dan Vietnam ketika berada di Kuala Lumpur dalam masa lawatan mereka ke negara ini satu ketika dulu. Namanya pemimpin China Li Peng dan Vo Van Keat telah menunjukkan reaksi yang positif ke arah cadangan Malaysia itu.

Amerika sendiri pada awalnya telah dilaporkan sebagai meragui penubuhan EAEC ini yang terang-terang tidak menyenaraikan Amerika dalam perkumpulan itu. Ini menimbulkan keraguan Malaysia terhadap sikap Amerika yang sedemikian rupa. Namun begitu dalam satu majlis perjumpaan yang dihadiri oleh peniaga-peniaga, Duta Amerika Syarikat ke Malaysia Paul Cleveland telah menjelaskan, *"I'd like to state plainly that our government is not 'opposed' to the East Asia Economic Group. The fact is, the....proposal is still evolving, and is not yet defined to the extent that we or anyone else can reach conclusions about it"* (*Asian Waall Street Journal*) *"Whatever the case the Malaysian move took another Asian -Pacific countries by surprise and spawned weeks of confusion over the aims of the initiatives and what form the proposed grouping would take. In particular the prospective members of the group recoiled from the perception that Malaysia wanted to create a regional trade bloc- an idea most countries in trade-dependent Asia have long pledged to resist"* (*Asian Wall Street Journal Mac 1991*)

Tetapi Perdana Menteri belum pernah menyebut perkataan *"bloc"* walaupun pada ketika awal-awal mengemukakan konsep itu. Dan Perdana Menteri ketika berada di Indonesia pernah menyatakan bahawa projek EAEC bukannya Economic Community Asia Timur. Kata Perdana Menteri, *"bukanlah tujuan kita untuk menubuhkan Economic Community of East Asia dan tidak pula satu blok perdagangan yang boleh menyekat perdagangan bebas"* (*NST 3 March 1991*)

Dari satu aspek yang lain ada pihak tertentu yang merasakan bahawa penubuhan EAEC itu nanti akan merupakan satu ancaman kepada pertumbuhan Kerjasama Ekonomi Asia Pacific (APEC) yang mana kumpulan itu disertai oleh negara-negara besar dan gagah seperti Amerika Syarikat dan beberapa buah negara yang tergolong dalam negara *Pacific Rim*. Negara-negara tersebut tentunya tidak dimasukkan ke dalam senarai negara yang akan menyertai EAEC itu nanti.

Malaysia mestilah meyakinkan negara-negara yang berkemungkinan

memasuki EAEC ini tentang hakikat bahawa EAEC tidak akan mengancam kewujudan APEC iaitu sebuah kumpulan 12 buah negara bukan komunis *Pacific Rim* (yang tidak termasuk China, Taiwan, Hong Kong dan Indochina) yang telah ditaja oleh Australia pada tahun 1989. Tujuan penubuhannya ialah tidak lain dan tidak bukan untuk mewujudkan kerjasama ekonomi di antara negara-negara anggotanya.

Tindakan Perdana Menteri menaja projek EAEC di peringkat antarabangsa sesuai dengan tindakannya di peringkat dalam negeri. Baru-baru ini Dr. Mahathir telah menyarankan tentang menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020. Rakyat Malaysia rata-rata seolah-olah tidak gentar mendengar saranan itu, berbanding dengan saranan "Memandang ke Timur" ataupun "Penduduk 70 Juta" yang disuarakan oleh Perdana Menteri sepuluh tahun yang lampau. Perubahan sikap rakyat Malaysia ini dengan jelas membayangkan yang rakyat negara ini sudah bersedia bergerak ke arah itu. Mungkin pula tersentak dengan seruan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyarankan agar kita segera keluar dari tempurung.

4 Mac 1991

# 11

## KABINET WAJA DR. MAHATHIR: KE ARAH MELAHIRKAN PENGURUS INDUSTRI

**P**engenalan beberapa orang Menteri Kanan dalam kabinet baru Dr. Mahathir telah memberikan satu gambaran bahawa negara pada masa kini adalah dalam proses pembinaan dan pencapaian kemajuan yang amat membanggakan. Lantas segala kemajuan dan pembangunan yang sedang berlaku itu seolah-olah tidak harus diganggu gugat dengan perubahan-perubahan yang drastik dari segi perantikan Menteri Kabinet. Rentak dan tempo pembangunan negara itu seolah-olah juga tidak mahu dihentikan walaupun seketika tetapi terpaksa juga 'terhenti' buat seketika, sementara menunggu selesainya pilihanraya umum. Dan setelah mandat baru diberikan semula oleh rakyat maka arus kemajuan itu akan berterusan seolah-olah tidak dapat diempang dan disekat.

Di sinilah terletaknya kewajaran Perdana Menteri meletak atau melantik semula menteri-menteri kanan seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Paduka Daim Zainuddin, Dato' Seri Rafidah Aziz, Datuk Seri Ling Liong Sik, Datuk Seri S. Samy Vellu, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yik dan Datuk Leo Moggie ke dalam kabinet baru yang boleh juga diberikan nama jolokan sebagai kabinet waja. Di samping itu harus juga disedari bahawa tidak kekalnya seseorang menteri dalam kabinet lamanya tidak pula bererti bahawa yang menteri-menteri itu tidak menjalankan tugas dengan berkesan dalam kabinet yang lepas.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dikekalkan memandangkan tugas raksaksa yang memerlukan perhatian beliau iaitu yang berkaitan dengan Akta

Pendidikan dan reformasi pendidikan yang jelas menjurus ke arah pembinaan insan yang berteraskan keagamaan dengan tidak mengketepikan keperluan negara yang sedang bergerak ke arah kemajuan perindustrian. Penggubalan Akta Pendidikan telah pun berada di tahap yang paling akhir dan sedang diperbincangkan dalam Majlis Perbincangan Akta Pendidikan yang beliau sendiri mempengeruskannya. Kepentingan dan signifikan akta tersebut tentulah tidak dapat dipertikaikan kerana ia bakal menentukan jatuh bangunnya bangsa Malaysia pada masa yang akan datang.

Di samping itu setiap pertumbuhan ekonomi yang dialami oleh negara pada masa kini, seiring dengan limpahan kemasukan pelabur asing tentulah amat rapat kaitannya dengan peranan yang telah dimainkan oleh dua orang Menteri iaitu Datuk Paduka Daim Zainuddin dan Datuk Seri Rafidah Aziz. Mereka bolehlah dipertanggungjawabkan kepada kemajuan dan pertumbuhan ekonomi kini. Dan yang pentingnya ialah tentang keupayaan negara ini bangun dan tegak semula, selepas mengalami keadaan kemelesetan yang membimbangkan.

Penubuhan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang diterajui oleh Dato' Seri Rafidah itu dengan sendirinya menjelaskan arah dan tuju hala negara yang akan dibawa oleh Perdana Menteri. Mungkin idea kepada penubuhan ini tercetus, memandangkan kepada kejayaan negara yang telah dapat membawa pelaburan luar negara yang tidak kecil jumlahnya. Misalnya dalam masa lapan bulan pertama tahun ini pelaburan luar yang masuk ke negara ini berjumlah \$24 bilion ringgit berbanding dengan \$11 bilion ringgit pada tahun 1989 (NST 28 Oktober 1990).

Sebagai perbandingan tentulah amat menarik jika ditinjau tentang perkembangan yang berlaku pada tahun lepas. Dalam masa lima bulan pertama tahun 1989 misalnya, nilai pelaburan yang telah diluluskan oleh MIDA (*Malaysia Industrial Development Authority*) ialah M\$3.79 bilion iaitu satu pertambahan sebanyak 120% daripada tahun sebelumnya (1988), dan projek yang telah diluluskan pada tahun 1988 pula menampakkan pertambahan sebanyak 127% yang bernilai sebanyak \$M4.88 bilion.

Tanaman modal dari negara luar ini telah mempergiatkan bidang industri seperti National Semiconductor, Motorola, Grundig dan BASF (dari German Barat) Sony dan Hitachi (dari Jepun) dan industri lain. Kewujudan industri-industri ini bukan sahaja dapat menyumbangkan kepada ekonomi negara tetapi yang lebih penting lagi ialah sumbangannya ke arah penyediaan pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Jika diperinci maka sebenarnya pada

tahun-tahun kebelakangan ini industri elektroniklah yang telah berperanan menukarkan corak ekonomi Malaysia daripada berperanan sebagai pengeluar barang-barang mentah bertukar menjadi satu kuasa pembuatan. Pada ketika ini Malaysia seharusnya berbangga kerana telah menjadi pengeksport terbesar dunia alat-alat semi conductor dan pengeluar yang ketiga bahan tersebut selepas Jepun dan Amerika Syarikat.

Eksport bahan-bahan industri negara pada tahun 1988 adalah berjumlah MS\$14.7 bilion. Ini merupakan 56% eksport dalam bidang perindustrian. Dalam tahun 1980 peratusan itu cuma 48% sahaja. Sepanjang tahun-tahun 1980-1988, sumbangan barangan pembuatan terhadap jumlah eksport negara secara keseluruhannya telah meningkat daripada 22% kepada 49%. Dengan jelas menunjukkan peranan elektronik dalam sektor ekonomi Malaysia sebagaimana yang dijelaskan pada awal rencana ini.

Satu ciri yang agak luar biasa yang kita amalkan ialah tentang kepelbagaian negara yang mengimport barangan kita. Berbanding dengan negara-negara Asia yang lain Malaysia tidaklah bergantung semata-mata kepada negara Amerika untuk mengeksport barangannya. Tidak ada sebuah negara pun yang dapat mengimport lebih daripada 20% daripada eksportnya. Negara pengimport utama barangan kita ialah Singapura yang bernilai 19%, sementara Jepun dan Amerika Syarikat hanya dalam lingkungan 17%. Ini juga merupakan kebijaksanaan pemerintah yang tidak mahu 'terhutang budi' hanya kepada sebuah negara.

Jika negara pengimport barangan kita dapat dipelbagaikan maka keadaan yang sama juga dilakukan kepada negara-negara yang ingin menanam modal ke dalam negara. Misalnya Malaysia tidak semata-mata bergantung kepada negara Barat seperti Amerika dan Great Britain untuk membuat pelaburan di sini tetapi sebaliknya kita mengharapkan tanaman modal dari negara Asia sendiri. Misalnya tanaman modal Jepun berjumlah sebanyak MS\$1.2 bilion yang diikuti oleh Taiwan (MS\$816 milion) dan Singapura (MS\$533 milion).

Pada dasarnya Malaysia telah pun mencapai taraf sebagai sebuah negara baru perindustrian (*Newly industrialised country -NIC*) tetapi bagi Datuk Seri Dr. Mahathir gelaran yang sedemikian tidak perlu. Beliau pernah menyatakan yang "*Malaysia does not intend to become a NIC*" (FEER - 7 September 1989). Baginya kebahagiaan rakyat dan negara adalah lebih penting daripada simbol status ekonomi. Pendek kata hasrat Perdana Menteri itu dapatlah disimpulkan sebagai "apalah ada pada nama!!".



Namun begitu harus pula disedari bahawa sikap Dr. Mahathir itu bukanlah pula bermakna yang beliau anti pembangunan tetapi tentulah mempunyai sesuatu muslihat mengapa ia bersikap demikian. Satu daripadanya ialah kebimbangan beliau tentang hilangnya keistimewaan yang telah diberikan di bawah GSP. Apa tidaknya, pada tahun 1988 sahaja Malaysia telah berjaya mengeksport barangan yang bernilai M\$5.4 bilion di bawah GSP iaitu peningkatan 30% berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Justeru itu tentulah tidak lojik menolak keistimewaan yang sebegini semata-mata untuk mendapat gelaran sebagai sebuah Negara Baru Perindustrian.

YB Prof. Fong Chan On dalam rencananya yang berjudul, '*In Pursuit of Newly Industrialised Country*' dalam '*Asian Development Review*' telah menyatakan tentang 'beruntung'nya nasib negara yang bernama Malaysia ini. Seolah-olah negara ini memiliki segala-galanya; bahan mentah, infrastruktur yang baik, tenaga buruh yang memadai, dan yang lebih penting lagi ialah kestabilan politik yang jarang dapat dinikmati oleh negara-negara lain di rantau ini kecuali Singapura.

Dari segi pengeluaran bahan mentah, bijih timah dan getah misalnya adalah merupakan bahan eksport yang amat penting kepada Malaysia semenjak zaman berzaman. Lembah Kinta telah mula dikenali dunia semenjak dari zaman sebelum merdeka lagi. Nadi ekonomi negara amat bergantung kepada kedua-dua pengeluaran ini. Namun begitu ada juga yang telah mempersoalkan tentang kemungkinan kedua-dua bahan eksport ini yang telah bertanggungjawab kepada kelemahan bangsa Malaysia dari segi ekonomi ditinjau dari sudut penggantungan yang berlebihan kepada bahan-bahan mentah. Hakikat ini mungkin ada juga betulnya. Negara-negara yang menganggotai NIC di Asia kini, seperti Hong Kong, Singapura, Korea Selatan dan lain-lain adalah negara-negara yang tidak mempunyai bahan mentah sepertimana yang dimiliki oleh Malaysia. Tetapi mereka telah muncul sebagai negara maju dalam perindustrian. Keadaan itulah yang telah memberikan dorongan kepada pemimpin negara kita untuk bergerak di atas landasan yang sama seperti negara-negara itu yang telah dapat membuktikan keutuhan mereka dari segi ekonomi.

Persoalannya ialah apakah kaitannya pula di antara perkembangan ekonomi negara seperti yang dihuraikan itu dengan tindakan pengekalan Menteri-menteri Kanan dalam kabinet waja Dr. Mahathir itu?

Tidaklah dapat dinafikan bahawa pada saat ini gandingan tiga kemen-

terian (kewangan/perdagangan/pendidikan) adalah amat penting bagi menentukan arus pembangunan negara. Perkembangan dan pemantapan ekonomi negara amat berkait rapat dengan bidang pendidikan. Maju mundurnya ekonomi negara bergantung kepada '*industrial managers*' yang dapat dilahirkan melalui sistem pendidikan negara. Kemajuan negara yang dicapai oleh '*the five lions of Asia*' itu adalah berteraskan kepada kemahiran tenaga manusianya.

Justeru itu penggubalan Akta Pendidikan dan reformasi pendidikan yang sedang dilaksanakan itu adalah bergerak ke arah itu. Melipatgandakan pembinaan sekolah-sekolah teknik dan vokasional dalam negara adalah semata-mata bertujuan untuk melahirkan seberapa ramai tenaga kolar biru yang akan mengisi segala keperluan yang diperlukan oleh negara kelak. Penghantaran puluhan ribu pelajar keluar negara adalah semata-mata untuk mengisi keperluan '*industrial managers*' yang diperlukan, khususnya bagi menghadapi program penswastaaan kerajaan yang sudah mula digerakkan.

Perkembangan yang berlaku kini adalah merupakan satu pertukaran budaya di negara kita yang masih belum dapat difahami oleh ramai rakyat Malaysia. Program '*social engineering*' yang sedang berlaku kini seharusnya dapat difahami dalam ertikata yang sebenarnya. Ia bukan hanya harus difahami oleh beberapa orang '*jurutera*' sahaja tetapi juga dapat dihayati oleh ramai '*jurutera*' terutamanya yang telah mendapat gelaran '*Yang Berhormat*'. Selama ini anggapannya ialah seolah-olah golongan rakyat sahaja yang perlu disedarkan dan golongan yang memimpin tidak. Pada hakikat sebenarnya ramai lagi para pemimpin dan wakil rakyat kita di peringkat negeri dan kebangsaan yang tidak begitu peduli dan tidak mahu ambil peduli tentang wawasan Dr. Mahathir itu.

Pilihanraya yang baru saja selesai itu sepatutnya telah dapat memberikan pengajaran yang paling bermakna kepada kita, khususnya para wakil rakyat yang baru terlantik. Mereka harus sedar bahawa ramai di antara wakil rakyat yang menang itu terpaksa '*menumpang kasih*' kepada parti dan kepada satu '*blessing in disguise*' yang terjelma dalam bentuk penarikan keluar PBS dari Barisan. Kedua perkara ini tidak dapat dinafikan peranannya untuk '*menyelamatkan*' setengah wakil rakyat dalam Barisan Nasional.

Tidak keterlaluan jika sekiranya dikatakan bahawa ada di antara calon (yang telah beberapa kali bertanding) yang sudah tidak dapat diterima oleh rakyat kerana beberapa sebab peribadi. Namun begitu rakyat terpaksa juga mengundi disebabkan oleh '*segan silu*' kepada Perdana Menteri, Timbalan

Perdana Menteri dan beberapa orang Menteri Kanan yang sememangnya amat disenangi oleh rakyat. Dan kini wakil rakyat yang berciri demikian sudahpun diberikan peluang sekali lagi untuk menjadi wakil mereka. Dan sampailah masanya untuk mereka menyedari hakikat bahawa mereka seharusnya berganding bahu dan sentiasa berada di hadapan Perdana Menteri membawa obor kemajuan sebagaimana yang disarankan oleh pemimpin itu. Wakil rakyat tidak seharusnya merupakan kumpulan yang lebih jahil daripada rakyat yang dipimpinnnya. Sudah sampai masanya untuk mereka menyedari hakikat yang sebenarnya dan mula bertindak selaras dengan hasrat dan aspirasi kerajaan yang ada.

Kesimpulannya ialah dengan perlantikan semula Menteri-menteri Kanan untuk menerajui kementerian yang pernah mereka terajui itu menampakkan usaha gigih Perdana Menteri ke arah '*social engineering*' dan penghasilan '*industrial managers*' yang berwibawa, demi untuk kemajuan bangsa dan negara di hari muka. Hakikat ini harus disedari oleh semua pihak bukan sahaja oleh rakyat terbanyak tetapi yang paling pentingnya ialah para pemimpin negara lain yang masih belum peka dengan wawasan dan arah yang hendak dituju oleh Perdana Menteri. Rakyat telah awal-awal meramal-kan yang kabinet baru Dr. Mahathir ini akan merupakan yang terbaik yang pernah dilahirkan oleh Dr. Mahathir. Kita sama-sama berdoa kepada Allah.

*Berita Harian*, 30 Oktober 1990

# 12

## DATUK SERI DR. MAHATHIR PENYAMBUNG WARISAN

**S**audara Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura pernah mengatakan bahawa beliau meramalkan YAB Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan terus menerajui pemerintahan negara ini buat beberapa lama lagi. Walaupun tidak dijelaskan secara terperinci rasional beliau membuat kenyataan demikian, namun ramalan itu bukan datangnya dari calang-calang pemimpin. Sekiranya difikirkan secara terperinci tentulah tidak ada 'untung'nya beliau membuat kenyataan demikian baik dari segi politik ataupun dari segi ekonomi, melainkan dari hasrat untuk menyatakan sesuatu yang ikhlas, timbul dari pemikiran yang matang.

Ramai pula di antara kita yang ingin mempersoalkan. Betulkah begitu? Dalam mempersoalkan perkara yang sensitif ini, tidak usah kita menyebelahi mana-mana pihak. Maksudnya sama ada pihak penyokong kerajaan ataupun pihak pembangkang yang sentiasa mencari di mana cacat celanya pentadbiran pada hari ini. Mari kita lihat secara objektif dan rasional berdasarkan kepada '*facts and figures*'. Dengan berbuat demikian barulah segala hujah dan kesimpulan yang bakal dibuat menampakkan sesuatu yang logik dan rasional juga tentunya.

Kenyataan Perdana Menteri Singapura itu dibuatnya semasa diadakan Persidangan Negara-negara Komanwel di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1990. Ramai para pemerhati dalam dan luar negara berpendapat bahawa persidangan itu benar-benar telah mengetengahkan negara Malaysia di mata dunia. Seiring dengan itu tentulah pemimpin utamanya juga telah

mendapat perhatian dunia. Dan berdasarkan kepada prestasi cemerlang CHOGM itu jugalah agaknya yang menyebabkan Saudara Lee Kuan Yew membuat ramalan berkenaan. Mungkin beliau juga kagum dengan keupayaan kita mengendalikan persidangan yang penting itu. Apatah lagi apabila setiap syor dan cadangan kita telah dipersetujui oleh perwakilan. Lantas Dr. Mahathir telah dilantik sebagai pengerusi sebuah jawatankuasa untuk mengkaji kedudukan Komanwel pada masa akan datang dan mengesyorkan langkah-langkah untuk mempertingkatkan keupayaan pertumbuhan ini.

Perlantikan sebagai pengerusi ini besar maknanya kepada rakyat Malaysia. Ini bererti bahawa beliau telah mendapat kepercayaan pemimpin negara Komanwel untuk berada di arena politik antarabangsa buat beberapa lama lagi. Juga bererti bahawa para pemimpin Komanwel meramalkan dan mengiktiraf yang beliau akan terus memimpin negara Malaysia buat beberapa lama lagi. "*Gesture*" yang telah ditunjukkan oleh para pemimpin luar itu dapat dijadikan pedoman bagi kita untuk menentukan pemimpin kita pada masa akan datang.

Dr. Mahathir telah dianggap sebagai '*controversial figure*' dalam arena pentadbirannya. Bermula dengan inovasi "*memulas jarum jam*" satu jam ke hadapan dan memperkenalkan dasar "Memandang Ke Timur" yang diikuti dengan 'punch-card' telah juga diperkenalkan beberapa inovasi lain yang agak 'memeningkan' kepala rakyat Malaysia pada awal pentadbirannya. Ramai juga yang mengatakan yang Perdana Menteri kita itu bergerak terlalu cepat (sedangkan pada hakikatnya mereka itu yang bergerak lambat).

Di arena antarabangsa, masyarakat dunia agak 'terkejut' dengan sikap yang ditunjukkan. Tentulah tidak pernah terfikir oleh kebanyakan pemimpin dunia sebelum ini tentang wujudnya pemimpin dari negara Dunia Ketiga dan dari Malaysia khususnya yang enggan untuk hadir dalam persidangan 'Utara-Selatan' di Cancun Mexico dan Persidangan Komanwel (di Australia pada tahun 1982). Bukan itu sahaja, malah kegiatan kedua-dua pertumbuhan itu juga telah dikritik dengan teruknya oleh Perdana Menteri kita. Selanjutnya selepas itu sebiji 'bom' lagi telah diletupkan oleh Perdana Menteri dengan dasar "*Buy British Last*"nya. Ekoran daripada peristiwa itu bukan sahaja Great Britain yang bergegar, malah dunia keseluruhannya mula menumpukan perhatian kepada negara yang kecil ini. Perhatian dunia telah tertumpu kepada kita, khususnya kepada Perdana Menteri yang baru memegang jawatan pada ketika itu.

Ada terdapat segelintir rakyat Malaysia pada ketika itu yang agak ragu-ragu dengan beberapa tindakan Perdana Menteri kita. Bagi mereka apa yang dilakukan adalah terlalu jauh menyimpangnya daripada yang pernah dilakukan oleh Perdana Menteri sebelumnya. Ramai yang khuatir kalau-kalau segala perubahan itu tidak sampai ke mana akhirnya. Namun demikian, disebabkan keyakinannya yang begitu menebal terhadap dasar yang dilakukannya, maka Dr. Mahathir tidak pernah sedikitpun 'menoleh' apatah lagi untuk berundur ke belakang.

Cabaran demi cabaran dihadapi dalam masa pentadbirannya. Setiap cabaran dihadapi dengan penuh ketabahan. Ada saat dan ketikanya yang cabaran yang melanda itu seolah-olah tidak termampu bagi beliau untuk menghadapinya. Namun dengan kebijaksanaan dan ketabahannya, masalah dapat diselesaikan dengan sempurna.

Kemelesetan ekonomi 1982-1983 adalah di antara cabaran dan cubaan yang mula-mula dihadapi oleh Dr. Mahathir. Pertumbuhan ekonomi pada ketika itu tidak sampai pun ke tahap 6%. Keadaan ekonomi yang runcing ini timbul ekoran daripada kejatuhan bahan-bahan komoditi dan tentunya memberikan kesan yang amat teruk kepada ekonomi kita. Pada penghujung tahun 1985 terdapat seramai 100 000 pekerja yang dibuang kerja. Ini bukan angka yang kecil bagi sebuah negara seperti Malaysia. Mengikut anggaran MTUC, seramai 15 000 orang pekerja kilang tekstil yang telah hilang pekerjaan pada masa itu. Jika ditinjau dari sektor-sektor lain pula, keadaannya lebih kurang sama. Dalam bidang elektronik (14 000), perlombongan bijih (14 000), pembalakan (9000), pembinaan (6200) dan estet getah (6000). Ini bermakna bahawa itulah agaknya julung-julung kali Malaysia menghadapi tekanan ekonomi yang serupa itu.

Skandal BMF turut menggoncang pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad. Nasib malang yang menimpa Bank Bumiputera ini terlalu berat untuk dideritai oleh orang Melayu. Juga merupakan satu tamparan yang amat hebat ke muka para pemimpin Melayu khususnya pemimpin UMNO. Kepercayaan yang diberikan kepada 'pagar' rupanya telah memakan 'padi'. Dan yang menyedihkan lagi ialah pegawai keturunan Melayu sendiri yang mengkhianati institusi kewangan kepunyaan orang Melayu. Hati manalah yang tidak sedih. Sehingga kini kesnya belum selesai. Golongan terlibat masih terus dibicarakan. Kumpulan pembangkang kerajaan sentiasa mencari isu baru untuk dieksploitasi, berkaitan dengan peristiwa BMF. Namun demikian, berkat penjelasan yang ikhlas dari Perdana Menteri, kes ini sudah mula reda

dan Bank Bumiputera terus menerus mendapat keyakinan rakyat.

Dalam arena politik, sengketa dalam MCA mengganggu gugat juga pentadbiran Dr. Mahathir buat sementara waktu. Perebutan kuasa di antara Neo Yee Pan dan Tan Koon Swan untuk merebut jawatan Presiden MCA berlaku beberapa seketika. Tetapi dalam pemilihan pucuk pimpinan MCA pada bulan November 1985, Tan dan rakan-rakannya telah menyapu bersih jawatan penting dalam MCA. Tidak beberapa lama selepas itu Tan telah ditangkap. Penangkapan Tan Koon Swan, adalah ekoran daripada kes penipuan jutaan ringgit yang mengakibatkan kejatuhan Pan Electric Industri di Singapura. Keadaan ini juga telah menggegarkan pasaran saham Kuala Lumpur. Peristiwa ini ada juga kaitannya dengan pergelutan dalam parti MCA sendiri di mana Tan yang menjadi Presidennya.

Di samping beberapa peristiwa yang telah dicatatkan itu ada lagi rentetan peristiwa malang yang telah menimpa bangsa kita. Di antaranya ialah:

1. Peristiwa Memali yang telah berlaku di Baling Kedah di mana 14 orang awam dan polis telah terbunuh dalam satu pertempuran yang berlaku akibat daripada tindakan yang dilakukan oleh Ibrahim Libya, seorang pemimpin parti PAS.

2. Krisis perlembagaan yang berkaitan dengan pindaan Perlembagaan 1983. Akhirnya krisis ini dapat diatasi dengan persefahaman di antara dua pihak.

3. Masalah kaum, dan agama masih merupakan masalah yang sentiasa ada dan perlu diselesaikan di samping masalah fahaman kedaerahan yang menghantui pemikiran orang-orang Sabah dan Sarawak. Isu perkauman merupakan agenda penting kepada DAP bagi mempengaruhi pengundi-pengundi Cina sedangkan isu agama (keislaman) adalah isu yang sentiasa digemblengkan oleh PAS.

4. Perbalahan dalam merebut pucuk pimpinan UMNO sendiri merupakan kemuncak daripada beberapa masalah yang telah dihadapi oleh Dr. Mahathir. Perebutan kuasa itu rupanya telah merebak kepada keadaan yang membawa kepada perpecahan orang Melayu sendiri yang sehingga kini masih dalam proses penyatuan walaupun kemantapan dalam UMNO itu sudah terbayang dengan jelasnya.

Agak panjang rencana ini sekiranya hendak dihuraikan satu persatu segala rentetan peristiwa penting yang dihadapi oleh Perdana Menteri kita. Namun begitu segala peristiwa yang disenaraikan sudah jelas dapat membayangkan tentang ketabahan pemimpin untuk menghadapi masalah itu dan lantas menelurkan kejayaan akibat daripada tindakan yang cekap dan beraninya.

Apakah kejayaan-kejayaan yang telah dapat dilihat?

Kebijaksanaan Dr. Mahathir mentadbirkan kewangan negara dengan dibantu oleh Datuk Paduka Daim Zainuddin, seorang Menteri Kewangan yang cekap telah dapat meletakkan ekonomi negara dalam keadaan yang membangun. Pada keseluruhannya ekonomi negara sedang berkembang dengan kadar di antara 7-8% setahun. Para penganalisis ekonomi luar negeri yang meramalkan sesuatu yang buruk akan berlaku pada Malaysia pada tahun 1986 terpaksa membuat penilaian sekali lagi disebabkan apa yang diramalkan pada tahun berkenaan telah tidak tepat sama sekali.

Kedudukan ekonomi negara pada tahun-tahun 1985 dan 1986 banyak sekali mendapat perhatian dan kritikan ramai. Pihak pembangkang kerajaan sentiasa membuat berbagai tohmah mengenai kepincangan ekonomi negara pada ketika itu. Ada pula yang mengaitkan dengan kepentingan peribadi pemimpin-pemimpin seperti Dr. Mahathir dan Daim Zainuddin. Walaupun tuduhan mereka itu tidak berasas, namun telah dapat juga mengaburi mata masyarakat tentang tuduhan dan fitnah mereka itu. Kini segala kritikan dan tohmahan mereka itu sudah tidak dapat dipertahankan lagi. Apatah lagi apabila dapat dilihat dengan jelas tentang kemajuan dan perkembangannya.

Pada tahun 1984 nilai eksport telah meningkat kepada \$68.6 bilion. Keluaran Negara Kasar telah meningkat daripada 5.6% kepada 7.3% dalam masa dua tahun. Ekoran daripada keadaan yang sesuai ini maka kerajaan telah dapat menjalan dan menyempurnakan projek-projek seperti Jambatan Pulau Pinang, Kereta nasional Proton Saga, Gas Sabah, Perwaja Terengganu dan lain-lain.

Tindakan kerajaan melonggarkan sekatan equiti (*Equity restriction*) pada 1 Oktober 1986 telah membawa kesan yang sangat positif kepada usaha kerajaan menarik pelaburan dari luar negeri. Selepas sahaja pengumuman kelonggaran itu dibuat, pelabur-pelabur dari luar negeri telah mula datang untuk menanam modal di sini. Begitu juga dengan sambutan yang ditunjuk-



kan oleh pelabur-pelabur (bukan Bumiputera) dari dalam negeri sendiri. Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah melaporkan bahawa jumlah pelaburan dari dalam negeri adalah dalam lingkungan \$532.6 juta dalam jangka masa enam bulan bagi tahun 1988 berbanding dengan hanya \$272 juta sahaja dalam jangka masa yang sama pada tahun 1987, melambangkan pertambahan sebanyak 96%. Pertambahan ini dapat dianggap kecil berbanding dengan pertambahan pelaburan luar negeri iaitu 205%, dalam jangka masa enam bulan bagi tahun 1988.

Salah satu langkah yang dijalankan pada tahun 1986, iaitu ketika ekonomi negara dalam keadaan tenat ialah dengan cara menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Banyak kesan negatif yang diramalkan akan timbul ekoran daripada penjimatan itu. Salah satu di antaranya ialah pengangguran di kalangan rakyat yang menjangkau ke paras 10%. Dasar penjimatan yang diperkenalkan dapat dikatakan sebagai tindakan berani kerana pada tahun 1986 itulah diadakan pilihanraya umum. Namun demikian, Barisan Nasional (UMNO) terus memenangi pilihanraya tersebut dengan hanya hilang satu kerusi parlimen kepada PAS. Pada tahun berikutnya pula telah berlaku perhimpunan UMNO. Kedua-dua peristiwa yang genting ini telah memberikan kemenangan kepada Dr. Mahathir.

Pentadbiran Dr. Mahathir telah mendapat keyakinan rakyat. Apa tidaknya, selepas sepuluh bulan sahaja beliau menerajui negara ini, pilihanraya umum telah diadakan pada bulan April 1982. Barisan Nasional telah memperolehi 132 kerusi daripada 154 kerusi parlimen yang dipertandingkan. Kemenangan Barisan itu mungkin disebabkan oleh slogan kerajaan pada ketika itu iaitu "Bersih, Cekap dan Amanah". Lagipun ternampak yang rakyat memang perlukan perubahan yang besar dan keyakinan rakyat tertumpu kepada pentadbiran Dr. Mahathir itu.

Penentang Dr. Mahathir selalu membangkitkan tentang tidak adanya kebebasan akhbar di negara ini dan tuduhan bahawa kebanyakan akhbar adalah dipunyai oleh kerajaan. Ini bererti bahawa akhbar terlalu berat sebelah. Namun begitu jika diteliti dan dihalusi maka akan didapati bahawa dalam zaman inilah terdapat kebebasan akhbar yang tidak pernah dialami sebelum ini. Ada terdapat akhbar-akhbar di Malaysia kini yang jelas menentang ataupun memburuk-burukkan pentadbiran kerajaan. Menfitnah dan memburuk-burukkan pemimpin sudah merupakan amalan biasa bagi setengah akhbar yang menentang kerajaan. Apakah ini bukan kebebasan akhbar namanya?

Di samping berbagai masalah yang dihadapinya, beliau terus berusaha untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang aman makmur di samping membasmi apa saja bentuk kegiatan rasuah dan lain-lain kegiatan yang bertentangan dengan perkembangan kemajuan bangsa. Malah beliau berhasrat untuk menanamkan perasaan 'takutkan Tuhan' di hati dan sanubari pegawai-pegawai kerajaan agar menjauhi perbuatan rasuah. Selepas sahaja beliau menerajui negara, beliau telah berhasrat untuk membangunkan ekonomi negara setanding dengan negara-negara yang telah maju, iaitu negara-negara perindustrian yang baru seperti Korea Selatan, Singapura, Hong Kong dan Taiwan.

# 13

## PIMPINAN DATUK SERI DR. MAHATHIR: PENERUSAN DASAR YANG KONSISTEN

**A**da kedengaran komen dari kalangan tertentu yang mengatakan bahawa apa yang dikotakan oleh Dr. Mahathir kini tidak sama seperti yang dikatakannya dulu. Ini bermakna bahawa apa yang ditulis oleh Dr. Mahathir dalam *'The Malay Dilemma'* atau yang sering diperkatakannya ketika beliau dalam 'buangan' misalnya tidak selaras dengan dasar yang dilaksanakannya ketika menjadi Perdana Menteri. Dengan kata lain "kata tidak serupa bikin!!"

Apakah anggapan ini betul? Untuk itu penulis telah cuba meneliti dan membongkar (setakat kemampuan yang ada) bahan-bahan lama yang mengandungi ucapan dan isi wawancara Dr. Mahathir dengan wartawan sama ada dalam ataupun dari luar negeri. Dr. Mahathir Mohamad sentiasa memberikan peluang kepada wartawan untuk menemuramahnya mengenai beberapa isu yang ada kaitan dengan era pentadbirannya. Victor Laniauskas selaku ketua penyunting majalah *'Readers Digest'* Edisi Asia, telah bertembung dengan Perdana Menteri dan hasilnya ialah sebagaimana yang telah di siarkan dalam *'Readers Digest'* keluaran bulan April 1982. Sejurus selepas sahaja Barisan Nasional menyambut kemenangannya pada tahun 1983 Dr. Mahathir telah ditemuramah oleh wartawan *'Asiaweek'* Berton Woodward, David Lazarus dan Assif Shameen. Dalam keluaran majalah *'Asiaweek'* bertarikh 23 September 1983, sekali lagi dimuatkan temuramah Assif Shameen dengan Dr. Mahathir. Pada bulan Mei 1988 Carroll Bogert dari majalah *'Newsweek'* pula telah membuat wawancara dengan Perdana Menteri.

Baru-baru ini pula iaitu pada 29 Disember 1989 adalah kali terakhir wawancara wartawan Malaysia dengan Perdana Menteri.

Secara umum berasaskan kepada beberapa wawancara yang dinyatakan di atas, penulis mendapati bahawa apa yang telah dikatakan oleh Dr. Mahathir beberapa tahun yang lampau adalah sama nadanya dengan yang diperkatakannya hari ini. Dengan ini juga dapat membayangkan tentang konsistennya dasar dan perjuangan yang dilakukan oleh Perdana Menteri. Yang agak memeranjatkan kita ialah pendapat yang dihamburkanya pada ketika dia berada dalam 'buangan' dalam tahun 1970 tidak banyak berbeza daripada pandangannya ketika menjawat jawatan Perdana Menteri.

Dalam tahun 1983, majalah '*Far Eastern Economic Review*' keluaran 23 September 1983, telah menjelaskan 'vision' Dr. Mahathir. Beliau menyatakan (pada ketika itu) bahawa kita memerlukan sebuah negara yang kuat, stabil, makmur, di mana rakyat dapat hidup dalam keadaan harmoni. Katanya lagi bahawa beliau tidaklah berhasrat untuk menggelarkannya '*great society*', tetapi setiap pemimpin tentulah berhasrat untuk memimpin sebuah negara yang kuat dan bermaruah. Apabila ditanya pula oleh para wartawan Malaysia pada 29 Disember 1989 yang lalu mengenai wawasannya, beliau mengatakan,

*"Mengenal wawasan, sebenarnya ia tidak lebih daripada hasrat setiap rakyat Malaysia untuk menjadi lebih baik daripada keadaan mereka hari ini, untuk dihormati, untuk lebih sejahtera... untuk menikmati kestabilan politik"*

Malaysia kini jelas lebih dikenali. Perlantikan kita ke majlis keselamatan PBB satu kejayaan yang kita perolehi dengan sokongan kuat daripada negara-negara yang sebelum ini tidak mengenali kita. Saya rasa untuk terpilih ke majlis keselamatan itu, pastilah memerlukan penghormatan negara luar kepada negara kita. Baru-baru ini pula kita menjadi tuan rumah CHOGM yang mana pencapaiannya agak berbeza berbanding dengan kebiasaannya.

Kesanggupan Malaysia dan khususnya kesediaan Dr. Mahathir untuk menjadi tuan rumah persidangan negara Komanwel tentunya mengejutkan banyak negara pada mulanya. Apa tidaknya. Bukankah Perdana Menteri kita yang enggan pergi ke Australia untuk menghadiri persidangan Komanwel yang diadakan di sana pada tahun 1982 dulu. Masih terdengar dengan agak nyaring di telinga kita tentang rasional yang beliau tidak mahu mengikuti persidangan itu.

'Readers Digest' keluaran bulan April 1982 ada memetik wawancara Perdana Menteri mengenai perkara ini. Apabila dikemukakan soalan mengenai keenggannya untuk menghadiri Persidangan Komanwel di Australia pada tahun 1982, Perdana Menteri menjelaskan,

*"Saya ada mempunyai sedikit pengalaman menghadiri persidangan antarabangsa serupa ini dan saya dapati terlalu sedikit yang dicapai dalam ertikata sebenarnya. Adalah lebih baik sekiranya kita dapat tumpukan kepada satu dua perkara dan melaksanakannya daripada kita hanya bercakap mengenai hasrat dan cita-cita murni kita tetapi tidak melaksanakannya. Memikirkan banyak beban tugas yang terpaksa saya lakukan di negara saya, maka saya membuat keputusan tidak akan mengahadirinya. Tetapi ini tidak pula bermakna yang saya tidak yakin kepada Komanwel sebagai satu pertubuhan....."*

Selepas tujuh tahun kata-kata ini diucapkan oleh Perdana Menteri, maka kita dapati prinsip dan pegangan beliau masih diteruskan. Persidangan Komanwel yang berlangsung di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1990. Sesungguhnya mengkotakan apa yang dikatakannya dulu. Upacara itu bukan upacara pesta-pestaan, tetapi telah menelurkan resolusi yang konkrit. Deklarasi Langkawi yang mempersoalkan tentang pencemaran alam sekitar dan isu mengenai Apartheid telah menarik perhatian dunia. Dengan jelas menampakkan bahawa sesungguhnya CHOGM itu dapat berbuat sesuatu yang konkrit sebagaimana yang disarankan oleh Dr. Mahathir dulu.

Yang paling membanggakan kita sebagai rakyat Malaysia ialah perlantikan Dr. Mahathir sebagai Pengerusi sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pertubuhan Komanwel ini dari segi peranan dan tanggungjawab untuk menempuh dekad 90-an. Tentunya Komanwel akan diberi nafas baru sesuai dengan perkembangan yang begitu pesat dari kalangan negara-negara ahli. Tentunya juga Komanwel akan bergerak seiring dengan masa dan zaman yang berubah.

Keengganan beliau untuk menghadiri Persidangan Komanwel di Australia pada tahun 1982 itu telah ditafsirkan oleh banyak pihak sebagai sikap anti British kerana pada anggapan setengah pihak bahawa persidangan Komanwel itu terlalu rapat kaitannya dengan Great Britain. Apatah lagi apabila diperkenalkan pula oleh Perdana Menteri tentang dasar 'Buy British Last' yang terang-terang merupakan penentangan yang jelas kepada Britain. Seiring dengan dasar itu Dr. Mahathir memperkenalkan pula dasar 'Memandang ke Timur'nya.

*"Memandang ke Timur bermakna memandang ke Jepun dan Korea Selatan. Apa yang dapat dilihat di sana? Kita tidak seharusnya memikirkan tentang melakukan 'Harakiri' dan dengan demikian kita tekankan tentang etika kerjanya. Saya juga dapat melihat tentang kejayaan perusahaan persendirian di sana. Dengan demikian saya bercakap mengenai penswastaaan. Saya lihat tentang kerjasama di antara sektor persendirian dengan kerajaan. Jadi dicadangkan Persyarikatan Malaysia. Dan perhatikan juga bagaimana orang Jepun bekerja: seorang Presiden akan turun ke bawah memakai uniform sebagaimana yang dipakai oleh pekerja biasa. Itu yang dinamakan Kepimpinan Melalui Teladan."* (FEER 23 September 1983)

Dasar "Pandang ke Timur" Dr. Mahathir bukan dasar yang diperkenalkannya secara *Ad Hoc*. Sudah hampir lapan tahun umurnya, namun dasar ini masih lagi dititikberatkan, walaupun keghairahannya agak tidak seperti dulu lagi. Namun begitu dasar ini tidak bererti digugurkan atau ditinggalkan. Pada anggapan Perdana Menteri dasar sedemikian perlu diteruskan, walaupun terpaksa mengalami beberapa penyesuaian. Ketika bercakap kepada wartawan pada 29 Disember 1989 yang lalu Perdana Menteri masih menekankan,

*"....tetapi bagaimana kita hendak mengawasi kemelesetan? Kita mesti faham apa yang dunia kehendaki. Jika ada kemelesetan kita mesti mengendalikannya. Sebab itu saya seringkali menyarankan supaya memandang ke timur, khususnya ke Jepun. Jepun telah melalui beberapa kejutan....Jepun kini berkembang dengan pesat....Jepun masih lagi meng-eksport dengan banyaknya barangan. Ia soal pengurusan."*

Mencontohi Jepun bukanlah bererti mengikut secara membuta tuli apa yang dilakukan oleh orang Jepun. Penekanan Dr. Mahathir adalah dari segi nilai dan budaya bekerja orang-orang Jepun itu. Kerajinan bangsa Jepun itu yang harus diteladani. Kata Dr. Mahadhir,

*"Rakyat Malaysia bukan 'workaholics. Kita rasakan kita harus jadi demikian. Dengan demikian kita harus keluar daripada nilai tradisional kepada nilai moden di mana kita harus bekerja keras. ...kita perlu berubah dari aspek budaya."* FEER 7 Mei 1982

Sama ada konsisten tidaknya perjuangan Dr. Mahathir akan dapat dilihat dengan lebih jelas lagi apabila kita meninjau tentang isu Dasar Ekonomi Baru iaitu tentang perjuangan berterusan untuk menyeimbangkan

kedudukan ekonomi dan peluang pelajaran di antara kaum di Malaysia. Dalam satu dialog yang telah diadakan pada tahun 1971 di Singapura iaitu ketika beliau berada dalam 'buangan'. Dalam majlis yang diwakili oleh para cerdik pandai Malaysia dan Singapura itu Dr. Mahathir telah disoal tentang kedudukan orang Melayu dari segi ekonomi. Beliau berpendapat,

*"Adalah perlu bukan sahaja menghapuskan kemiskinan, tetapi sekiranya kita tidak mengurangkan hartawan Cina kita sepatutnya menambahkan lagi hartawan Melayu supaya menampakkan satu gambaran tentang kedudukan sebenarnya masyarakat Malaysia.....dalam usaha kerajaan untuk mengurangkan ketidakseimbangan, adalah penting juga untuk memberikan perhatian kepada orang Melayu, iaitu melahirkan lebih banyak pengusaha Melayu, menjadikan orang Melayu jutawan supaya bilangan orang Melayu yang kaya sama dengan bilangan orang Cina yang kaya. Orang Melayu yang miskin sama juga bilangannya dengan orang Cina yang miskin, bilangan Melayu yang menganggur sama dengan bilangan orang Cina yang menganggur. Itu baru dikatakan persamaan telah tercapai"*

*"Trends in South East Asia" No 2 Proceedings and Background Paper of Seminar on "Trends in Malaysia" July 1971 Institute of South East Asian Studies*

Ini dengan jelas menampakkan bahawa dalam usaha beliau untuk memajukan orang Melayu dari segi ekonomi tidak pula terlintas untuk menekan bangsa-bangsa lain yang telah maju. Dasar inilah yang diteruskan sehingga hari ini. Dan kemungkinan besar itulah juga asas pembentukan Dasar Ekonomi Negara yang sedang dirangkakan itu. Pencapaian kaum Bumiputera dalam apa juga lapangan tentulah tidak boleh dihadkan oleh masa dan waktu. Penentuan sesuatu tarikh sebenarnya adalah sebagai satu garis panduan untuk melaksanakan dasar itu dan tidak pula dijadikan tarikh penentuan tamatnya sesuatu dasar.

Apabila beliau mula menerajui pemerintahan negara beliau amat bimbang tentang pencapaian DEB khususnya dalam hal meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi. *"Apa yang membimbangkan kita ialah sungguhpun senang untuk mendapatkan 30% penglibatan dalam ekonomi, yang menyusahkan ialah bagaimana mengawalinya. Kecualilah rakyat (Bumiputera) tahu menguruskan saham mereka. Kita terpaksa mengkaji dengan teliti apa yang harus dilakukan. Kita tidak mahu mero-sakkan orang lain tetapi tentulah satu perkara yang sia-sia juga jika pada penghujung 1990 nanti kesemua 30% hilang disebabkan rakyat menjualnya*

dan apabila sampai ke tahun 1991, kedudukan orang Melayu sudah kembali seperti asal. Dari segi perlanjutan DEB haruslah dilihat dari segi aspek kestabilan dan tidak semata-mata kepada soal perangkaan. FEER 23 September 1983

Berdasarkan kepada temuramah yang diadakannya pada 29 Disember 1989 'irama' dan 'tempo' Dr. Mahathir sudah bercampur antara bangga dengan apa yang telah dicapai dengan kekecewaan yang dialami oleh sebahagian besar golongan Bumiputera ketika merebut peluang yang telah disediakan oleh DEB. Kegagalan kaum Bumiputera banyak bergantung kepada sikap dan nilai yang dijiwai oleh kaum Bumiputera sendiri. Ditinjau dari segi kebanggaan beliau, terus terang dia melahirkan,

*"Pada fikiran saya dalam masa 20 tahun dengan mengambil kira kadar pertumbuhan beberapa buah negara, DEB telah dapat dilaksanakan dengan baik. Jika kita ambil kadar pertumbuhan 10% bagi sebuah negara, ia satu kadar yang tinggi. Bagi DEB kadar pertumbuhan Bumiputera dari 1% kepada 19% atau 20% dalam masa 20 tahun. Kita berjaya mengurangkan kemiskinan dan ini juga satu kejayaan besar. Juga jika kita ambil negara mana sekalipun mereka tidak mampu mencapai kejayaan seperti mana yang kita capai dengan DEB. Satu lagi aspek dalam DEB ialah meningkatkan kemahiran Bumiputera melalui pendidikan."*

(Berita Harian 29 Disember 1989)

Namun demikian Dr. Mahathir tidak dapat menyembunyikan kekecewaannya. Walaupun dengan hati dan perasaan yang amat berat beliau terus melahirkan agar dapat dijadikan ubat dan panduan bagi kejayaan masa hadapan "Tetapi saya harus mengaku bahawa saya kecewa dengan sikap Bumiputera yang melihat sebagai cara untuk cepat kaya, bukan untuk menambah kemahiran. Mereka sanggup menggadaikan hak mereka dalam DEB untuk mendapat keuntungan segera. Dengan menjual nama, lesen-lesen. Mereka fikir inilah cara yang DEB hendakkan mereka buat.....sememangnya mereka salah. Mereka sebenarnya merosakkan diri sendiri. Saya bimbang di sini kita tidak hanya boleh menyalahkan Bumiputera, kita juga harus menyalahkan kerajaan kerana terlalu bertolak ansur. Kita tidak ambil tindakan, misalnya apabila Bumiputera menjual lesen....Kita hanya tutup mata kerana itu kerajaan juga silap. Kemudian ada pula bukan Bumiputera yang sanggup membayar kepada Bumiputera supaya mereka tidak perlu bersusah payah. Akhirnya Bumiputera sendiri tidak dapat menimba sebarang kemahiran pun."



Satu perkara lagi yang terus-menerus diperjuangkan oleh Dr. Mahathir dalam usahanya memantapkan pentadbiran negara ialah 'peperangan'nya memerangi rasuah. Konsep "Bersih, Cekap dan Amanah" adalah merupakan prinsip dan falsafah yang menegakkan kerajaan pimpinan Dr. Mahathir. Ramai juga yang mempertikaikan tentang kesanggupan dan keupayaan beliau menentang perbuatan terkutuk itu memandangkan bahawa ramai juga di antara yang mengamalkan perbuatan ini adalah terdiri daripada mereka yang berpengaruh.

Sehingga kini kita boleh berbangga dengan apa yang dilakukan ke arah memerangi rasuah, walaupun masih banyak yang perlu dibersihkan. Dan ini tentulah tidak terkecuali juga para menteri dan wakil rakyat yang sentiasa melaungkan pembasmian rasuah di kalangan rakyat. Tindakan yang dilakukan oleh Dato' Hassan Ibrahim dalam pembersihannya di RISDA telah membayangkan kepada kita tentang peningkatan usaha kerajaan ke arah peperangan terhadap rasuah. Apatah lagi apabila tertangkapnya Pengarah Yayasan Sabah terus menebalkan keyakinan kita terhadap usaha yang cemerlang itu. Rakyat mendoakan agar dapat diterus dan dipertingkatkan.

## MASA DEPAN PM

*FEER* 7 Mei 1982

*"Saya tidak berhasrat untuk terus menerajui kerajaan sekiranya tidak diperlukan oleh rakyat. Saya ada pekerjaan untuk dilakukan. Saya seorang doktor. Saya boleh cari makan.....apabila sampai masanya saya akan keluar".*

## DASAR PERINDUSTRIAN

*FEER* 23 Sep 1983

*"...Kita sentiasa diberitahu bahawa adalah lebih bermanfaat membeli sesuatu jenis barangan daripada mengeluarkan sendiri. Ini adalah merupakan dakyah negara-negara maju: agar negara sedang membangun terus menjadi pasaran barangan mereka. Lihat sahaja Korea Selatan sebagai contoh. Apabila negara berkenaan hendak mengwujudkan kilang mengeluarkan besi, ia telah dinasihatkan agar mengeluarkan sebanyak 600,000 tan sahaja tetapi sebaliknya mereka mengeluarkan sehingga 1.5*

tan. Ramai berpendapat yang Korea Selatan itu bodoh kerana lebih murah membeli barangan itu dari Jepun sahaja. Tapi sekarang Korea Selatan telah dapat mengeluarkan 11.5 juta tan besi dan sebahagian daripadanya dijual ke Jepun."

## **PERSYARIKATAN MALAYSIA**

*BH* 29 Disember 1989

"Saya fikir adalah jelas bahawa kita telah mencapainya. Sikap pegawai kerajaan terhadap sektor swasta telah berubah. Kini peranan sektor swasta lebih difahami dan kaitannya dengan sektor awam. Sebelum ini ia adalah persoalan."

## **PENGSWASTAAN**

*BH* 29 Disember 1989

"Kita telah melihat bahawa agensi-agensi yang diswastakan itu kini telah menunjukkan prestasi yang lebih baik. Mereka bukan lagi menjadi beban kepada kerajaan. Malah mereka telah berjaya memberi kakitangan mereka gaji yang lebih baik dan juga bonus yang tidak mungkin diberikan jika diuruskan oleh kerajaan. Kini mereka lebih cekap, mereka bekerja dengan lebih pantas, ini turut juga berjaya dihasilkan".

## **BERSIH, CEKAP DAN AMANAH**

*BH* 29 Disember 1989

"Kita telah berjaya membuang setengah daripada pekerja yang telah tidak mematuhi prinsip ini. Pegawai kerajaan kini lebih mudah dikenali.....mereka terpaksa memakai tanda nama".

## **RASUAH**

*FEER* 23 Sep 1983

"Sekiranya ada bukti, tindakan akan diambil."

# 14

## DILEMA MELAYU MENJELANG TAHUN 2000

**D**alam keghairahan orang Melayu memperkatakan tentang bonus khas yang disediakan oleh ASN, Perdana Menteri 'meletupkan' satu lagi 'tembelang' kaum Bumiputera yang 'menjijikkan' berkaitan dengan pembelian saham ASN oleh orang Melayu tetapi mungkin dimodali oleh orang lain. Kononnya ada kaum Bumiputera yang sanggup menjual nama kepada orang lain semata-mata untuk mengejar keuntungan yang boleh diberikan oleh ASN apabila diniagakan di pasaran saham mulai tahun 1991. Hal yang sebegini tidak ubahlah seperti amalan-amalan 'Ali Baba' yang pernah berlaku dan terus berlaku di kalangan masyarakat Bumiputera. Orang lain yang makan isi sedangkan kaum Bumiputera hanya dapat menikmati kuahnya sahaja.

Berapa lama lagi agaknya hal yang sebegini akan terus berlaku?

Tentulah amat sukar sekali untuk diramalkan tarikh dan jangka waktunya. Cuma yang diharapkan ialah agar Perdana Menteri tidak kecewa dengan sikap Bumiputera yang sebegini, setelah 33 tahun mencapai kemerdekaan. Setelah selesai satu pusingan Dasar Ekonomi Baru masih ada lagi kaum Bumiputera yang bersikap seperti orang Melayu yang belum merdeka tindak tanduknya. Inilah satu perkara yang amat memalukan dan sebenarnya satu kenyataan yang berlaku. Dan sekiranya ramai pemegang saham ASN bersikap demikian apakah akan tercapai hasrat ASN (PNB) menepati tujuan asal penubuhannya seperti mana yang pernah dilahirkan oleh Perdana Menteri, "*Kalau kita menjual saham itu, maka kuranglah penyertaan Bumiputera*

dalam bidang perniagaan dan perusahaan. *Matlamat Dasar Ekonomi Baru juga tidak akan tercapai*" (Berita Minggu 30 Disember 1990)

PNB ditubuhkan bukan semata-mata untuk memberikan keuntungan kepada pelabur-pelaburnya tetapi yang lebih besar lagi ialah untuk memenuhi dan menepati hasrat Dasar Ekonomi Baru yang memperuntukkan agar orang Melayu dapat menguasai sekurang-kurangnya 30% daripada harta negara ini. Pemberian bonus khas ASN merupakan satu peristiwa yang amat bersejarah kepada orang Melayu. Belum pernah wujud dalam sejarah Malaysia dan sejarah orang Melayu khususnya, satu peristiwa yang betul-betul menunjukkan kejayaan mereka dalam perniagaan dan sekaligus memberikan keyakinan dan kebanggaan kepada mereka. Sebelum ini orang Melayu sentiasa didendangkan dengan cerita-cerita kegagalan dan kekecewaan sehinggakan ada di kalangan orang Melayu sendiri yang 'malu' mengakui yang mereka itu keturunan Melayu.

Tetapi nampaknya peristiwa kejayaan ASN ini juga tidak boleh hendak dibanggakan sangat oleh orang Melayu terutamanya apabila terbongkar 'skandal' sebagaimana yang didedahkan oleh Perdana Menteri itu. Perasaan terhina sekali lagi menimpa orang Melayu. Ramai yang beranggapan bahawa pengenalan skim ASN inilah satu cara yang sebaik-baiknya untuk memberikan peluang kepada orang Melayu terlibat sama dalam perniagaan negara dan inilah caranya juga yang dapat mengawal agar orang lain tidak turut campur tangan dalam perniagaan yang dikhususkan kepada Bumiputera.

Rupa-rupanya hasrat murni kerajaan itu meleset juga. Keadaan yang wujud kini tidak ubah seperti dalam keadaan pertengahan tahun-tahun 70-an dulu. Pada ketika itu orang Melayu telah digalakkan untuk membeli saham dan diperlukan mendaftar dengan Kementerian Perdagangan mengikut giliran. Maka ramailah orang Melayu yang mendaftar dan ramai jugalah orang Melayu yang melabur. Kerajaan merasa lapang dada pada mulanya tetapi rupa-rupanya wang yang dilaburkan oleh orang Melayu itu adalah wang kepunyaan orang lain!. Kerajaan amat kecewa.

Apabila agensi-agensi kerajaan diswastakan, sekali lagi membuka peluang pelaburan kepada orang Melayu. Saham-saham melalui 'pink form' ditawarkan kepada orang Melayu (dan juga bukan Melayu) yang menjadi pekerja di sesebuah syarikat. Dan orang Melayu tidak melepaskan peluang ini. Yang anehnya ada terdapat pekerja-pekerja yang bergaji kecil pun mampu untuk membeli saham yang di luar kemampuannya. Dari manakah

agaknyanya datangnya wang yang sebegitu banyak? Mungkinlah 'dari bawah bantal....tetapi soalnya ialah dari bantal siapa?' Sekali lagi kerajaan kecewa!

Selama mana lagi agaknya kerajaan akan kecewa, dan khususnya Dr. Mahathir Mohamad?

Tahun 70-an kita didedahkan dengan peristiwa skandal Bank Rakyat dan pada awal tahun 80-an pula sekali lagi kita dilanda dengan satu skandal BMF yang melibatkan orang Melayu juga. Dan yang menyedihkan kita ialah yang melakukan skandal itu ialah golongan bijak pandai Melayu, tokoh yang berpengaruh yang sentiasa diletakkan harapan oleh orang Melayu agar dapat memulihkan kedudukan orang Melayu dari segi perniagaan. Rupa-rupanya harapkan pagar, pagar makan padi.

Dua peristiwa pahit itu masih dikenang oleh orang Melayu, malah dalam setiap perjumpaan penting orang Melayu, episod sejarah itu sentiasa dikaitkan. Ibarat luka yang sentiasa berdarah walaupun parut menampakkan sudah sembuh. Di samping itu cerita kegagalan orang Melayu dilanjutkan lagi dengan peristiwa kegagalan perbadanan kemajuan negeri dan anak-anak syarikatnya yang ditubuhkan semata-mata untuk meningkatkan tahap kemajuan ekonomi orang Melayu. Kesemua cerita kegagalan itu didedahkan akhirnya, walaupun ada usaha pihak-pihak tertentu yang cuba menutup 'bangkai gajah dengan nyiru'.

Para pemimpin negara yang betul-betul komited dengan wawasan yang diperjuangkan seolah-olah bingung dengan keadaan yang berlaku. Tetapi bersyukur lagi kepada Allah yang telah menguat dan mengukuhkan perjuangan para pemimpin ini untuk terus berjuang tanpa menoleh ke belakang bagi menegakkan maruah bangsanya sendiri, walaupun tidak sunyi dengan cabaran-cabaran yang mendatang.

Entah macam mana Permodalan Nasional Berhad (PNB) diasaskan. Kewujudan PNB rapat kaitannya dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang telah dilancarkan oleh kerajaan pada tahun 1971. PNB ditubuhkan pada bulan Mac 1978 dengan modal berbayar sebanyak \$100 juta. Dalam masa sepuluh tahun kewujudannya PNB telah menjadi pelabur yang terbesar dan paling aktif di pasaran saham di Malaysia. Perangkaan dalam tahun 1986 menunjukkan bahawa PNB telah pun menanam modal di 154 syarikat yang mana 95 daripadanya didagangkan di pasaran saham dan hampir kesemuanya mendatangkan keuntungan. Di antara saham syarikat korporat yang dimilikinya termasuklah Malayan Banking, Harrisons Malaysia Plantation, Malaysia Mining Corporations dan lain-lain.

Sejarah kejayaan ASN (PNB) ini tentulah ada kaitan rapat dengan sejarah yang tercatat dalam tahun 1981 dulu apabila berjayanya kita memajukan pasaran saham London dengan tindakan '*Dawn Raid*' yang mungkin buat pertama kalinya membingungkan ahli ekonomi Great Britain. Pada ketika itulah bermulanya sejarah cemerlang PNB yang dengan berani dan pintar berjaya menguasai sebahagian besar saham Guthrie yang merupakan perniagaan gergasi menguasai hartanah di negara kita.

Kejayaan PNB itu tidak diketahui oleh ramai rakyat disebabkan oleh kejahilan sebahagian besar masyarakat kita tentang hal-hal yang berkaitan dengan pasaran saham. Jika diteliti dan dihalusi, sebenarnya kejayaan PNB itu telah membuka tirai ke arah menebus kembali maruah bangsa Melayu. Apa tidaknya. Dengan pengambilan sebahagian besar saham Guthrie itu oleh PNB telah meninggalkan kesan yang amat buruk kepada perniagaan Guthrie di seberang laut. Apabila di '*refloated*' pada tahun 1986 dulu, nilai sahamnya hanya bernilai 25 pence bagi satu saham berbanding dengan saham yang dipegang oleh Malaysia yang bernilai 270 pence - keuntungan 1000%. Dan perniagaan yang dijalankan oleh Guthrie selepas itu hanyalah dalam bentuk permaidani dan alat-alat letrik. (*Asiaweek* May 20 1988)

Bersyukurlah kepada Allah atas kekayaannya memberikan satu nafas baru kepada orang Melayu, memberikan satu dorongan dan semangat untuk meyakinkan diri mereka untuk memujuk hati kecil (yang telah hampir punah-ranah) bahawa sebenarnya bangsa yang sentiasa dianggap hina ini mempunyai kebolehan dan keupayaan seperti juga orang lain. Sekiranya orang lain berjaya dalam perniagaan, maka kita telah membuktikan bahawa kita juga boleh berjaya.

Soalnya sekarang ialah masih ada lagi saki baki Melayu yang ingin menjual maruah bangsanya. Mereka tidak peduli sama ada tindakan yang mereka lakukan itu bertentangan dengan perjuangan bangsa atau tidak. Matlamat mereka ialah bagaimana untuk memberi kekayaan kepada mereka, walau dengan cara apa sekalipun. "*...Kerajaan tidak mampu mengawal kegiatan itu selagi orang Melayu sendiri tidak berusaha mengubah sikap*" demikian kata Perdana Menteri. Dan beliau kesal kerana segala rancangan kerajaan untuk membantu Bumiputera digagalkan oleh Bumiputera tertentu.

(*Berita Harian* 30 Disember 1990)

Sekali lagi seolah-olah kerajaan akan berada di satu persimpangan yang penuh dilema berkaitan dengan kedudukan orang Melayu. Tahun 1990 adalah tahun penentuan bagi nasib masa depan orang Melayu dalam bidang

ekonomi. Apatah lagi apabila mengenangkan yang Dasar Ekonomi Baru telah tamat tempohnya pada tahun 1990. Ini bermakna orang Melayu sudah wajar dibiarkan bersendirian, bersaing dengan kaum-kaum lain di negara ini. Persoalan yang berada di hadapan kita ialah apakah kerajaan sampai hati membiarkan orang Melayu menentukan nasibnya sendiri.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah membuat satu saranan penting di satu majlis makan malam anjuran Harvard Club of Malaysia pada 22 Ogos 1990. Katanya, "...Thus when the NEP put wealth into Bumiputera hands without first training them in the management of wealth, the results is a foregone conclusion. Without the government controlled agencies such as the PNB and PERNAS, the NEP would not have achieved the 19% Bumiputera equity but probably 4%. Given time that 4% too could disappear as the Bumiputera dissipate their assets"

Dalam majlis itu juga disarankannya tentang perlunya kaum Bumiputera diberi latihan dari segi etika dan pengurusan kerana dalam setiap usaha ke arah 'social engineering' penekanan haruslah diberikan kepada kedua-dua bidang ini. Kerajaan telah memulakan usaha yang sebegini dengan memasukkan mata pelajaran "Kemahiran Hidup" dalam kurikulum sekolah menengah. Diharapkan usaha itu akan memberi manfaat kepada setiap rakyat kemudian hari kelak.

Jadi jawapan kepada penyelewengan, skandal, tindakan mengAli Babakan sesuatu perniagaan adalah berpunca daripada kurangnya latihan dari segi etika dan pengurusan di kalangan Bumiputera. Dan usaha ke arah itu sedang dilaksanakan kini. Apakah kita terpaksa menunggu sepuluh tahun lagi untuk dapat kita melihat orang Melayu yang betul-betul berjaya dalam perniagaan. Jika ini dianggapkan sebagai satu hakikat ini bermakna orang Melayu akan benar-benar mantap dalam segenap bidang apabila menjelangnyaa fajar Kurun ke-21. Kita berdoa. Insya Allah.

31 Disember 1990

# 15

## KEMAJUAN NEGARA PERLUKAN KEPEKAAN RAKYAT

**M**asih ramai rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu yang 'bercakaran' dan bertelagah pendapat kerana kurang faham mengenai peranan masa depan yang harus kita mainkan bersama. Lantaran itu sukar untuk mencapai kata sepakat walaupun seruan perpaduan sering dilaungkan oleh pemimpin kita.

Wujudnya satu kumpulan pemimpin yang sentiasa memikirkan kepentingan diri mengelirukan pemikiran rakyat. Rakyat Melayu sentiasa disogok dengan unsur yang boleh menimbulkan rasa curiga-mencurigai dan hasad dengki antara satu sama lain.

Antara ratusan ceramah yang diadakan, di bandar atau di kampung (tidak kira dari kampung mana) berapa ramaikah penceramah yang menjelaskan kedudukan ekonomi negara kita. Jika ada pihak yang berbuat demikian berapa keratkah yang dapat memberi gambaran yang sejelas-jelasnya agar rakyat tidak kabur dan sekaligus pula dapat menanamkan rasa cinta kepada bangsa dan negara.

Rakyat Malaysia seharusnya berbangga dengan pencapaian yang diperolehi oleh Malaysia. Negara ini berjaya menduduki tempat ketiga dunia dalam bidang pengeluaran '*semiconductors*' selepas Amerika Syarikat dan Jepun. Sementara dalam bidang elektronik pula, satu pertiga daripada eksport Malaysia ialah di segi pengeluaran komponen elektronik. Apakah ini bukan satu kejayaan bagi negara kita? Kalau dulu kita hanya menganggap getah dan bijih timah yang boleh menjadikan bahan pengeluaran



utama kita, tetapi kini kita telah berpindah kepada pengeluaran alat-alat elektronik.

*Asian Wall Street Journal* keluaran 17 Mei 1989, melaporkan bahawa pengeluar alat elektronik Amerika Syarikat bercadang menanam modal berjumlah M\$1,500 juta di Malaysia dalam jangka masa lima tahun akan datang. Sejak tahun 1984 sebanyak 16 syarikat pengeluar dari Amerika Syarikat telah menanam modal di negara kita dalam lingkungan purata \$380 juta setahun.

Tahun lalu saja mereka menanam modal di sini berjumlah \$415 juta. Kehadiran pelabur Amerika Syarikat di Malaysia telah 'membuka mata' negar-negara lain yang ingin juga turut sama.

Rakyat Malaysia seharusnya sedar dan peka dengan perkembangan ini. Harus ditanya mengapa timbul keinginan dan hasrat pelabur asing untuk menanam modal di sini. Jawapannya tidak lain dan tidak bukan ialah prospek kestabilan politik bagi negara kita pada tahun-tahun akan datang. Dan ini harus dipelihara oleh rakyat agar keyakinan pelabur asing itu akan terus berkekalan dan lebih banyak lagi pelabur asing datang ke negara kita.

Kesan kemasukan pelabur asing yang banyak ke Malaysia tentunya akan dapat menyelesaikan masalah penganggur yang telah kita hadapi sekian lama. Masalah penganggur tidak dapat diselesaikan dengan hanya meniupkan semangat rakyat untuk menentang kerajaan, ataupun dengan hanya mengadakan kempen memburuk-burukkan kerajaan, sebaliknya ia memerlukan satu dasar dan perancangan yang teliti agar wujud pertumbuhan ekonomi yang segar yang dapat membendung masalah itu.

Kerajaan sudah sekian lama sedar mengenai keperluan negara membangun kepada tenaga mahir. Justeru itu, terlancarlah Dasar Ekonomi Baru pemerintah telah menghantar ribuan pelajar kita ke pusat pengajian tinggi untuk melengkapkan diri sebagai tenaga mahir. Entah berapa ratus juta ringgit dibelanjakan oleh kerajaan bagi tujuan itu. Tindakan kerajaan itu juga adalah ekoran daripada kesedaran bahawa pelabur yang paling bermakna bagi sesebuah negara adalah dalam lapangan pendidikan.

Dalam hal penghantaran pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi pelajar Melayu yang diutamakan, selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyusun semula masyarakat berbilang kaum dan Dasar Ekonomi Baru. Penghantaran pelajar ke pusat pengajian tinggi dalam negeri itu bukan sahaja terhad kepada pusat pengajian tinggi dalam negeri tetapi di luar negeri juga. Mengikut perangkaan tahun 1985, sebilangan pelajar Malaysia

yang menuntut di Amerika Syarikat berjumlah 35,000 orang, iaitu menduduki tempat kedua selepas Taiwan. Selain Amerika Syarikat, kita juga menghantar ribuan pelajar ke United Kingdom, Australia, New Zealand dan negara-negara lain.

Di segi ini, tentulah kerajaan tidak dapat dipersalahkan. Malangnya keadaan kemelesetan ekonomi dunia di sekitar tahun 1986 dan 1987, memberi kesan yang teruk kepada ekonomi negara kita. Negara Malaysia pada ketika itu telah menghadapi pelbagai masalah seperti kejatuhan harga bahan mentah, hutang negara yang bertambah dan sebagainya. Dan yang amat malang sekali ialah wujudnya pengangguran di kalangan siswazah kita. Kesannya agak berat kepada mental dan psikologi rakyat negara ini.

Salah satu jawapan kepada persoalan ini ialah wujudnya lebih banyak industri yang boleh menampung pekerja mahir. Ini telah dan sedang dilakukan. Sekiranya berjaya segala usaha menarik pelabur asing maka masalah ini akan dapat diatasi dalam masa yang singkat. Sekiranya berhasil tanaman modal yang akan dibuat oleh pelabur dari Amerika Syarikat itu maka ia memerlukan 37,000 pekerja. Bayangkanlah lebih banyak pelaburan asing datang ke negara ini, maka tentulah dapat mengurangkan beban pengangguran.

Jika ditinjau perkembangan ekonomi Malaysia secara keseluruhannya kita dapat lihat perkembangan yang begitu menggalakkan pada tahun lepas. Pengeluaran Dalam Negara Kasar kita telah mencatatkan pertumbuhan 8.1 peratus, satu pertumbuhan yang paling tinggi dalam dekad ini. Malah sebagaimana yang telah dikatakan oleh Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin pada ketika itu, semua sektor ekonomi telah mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan. Misalnya pertambahan sebanyak 52.7 peratus dalam pengeluaran hasil getah dan 17.7 peratus komponen elektrik.

Persoalan yang perlu difikirkan kini ialah berapa 'keratkah' antara kita yang sedar perkembangan ini. Apakah sumbangan yang harus diberikan kepada proses penggubalan dasar ekonomi selepas 1990? Apakah perencanaan kita agar setiap prinsip yang digubalkan nanti tidak akan menjejaskan kedudukan ekonomi orang Melayu? Dan sekiranya DEB selepas 1990 memerlukan satu perubahan yang drastik, maka apakah pula perubahan yang perlu ada? Apakah fungsi kita sebagai rakyat biasa untuk menentukan perubahan itu?

Antara beberapa isu yang ditimbulkan dalam perhimpunan Agung

UMNO tahun 1986 yang telah mendapat tepukan gemuruh daripada perwakilan ialah mengenai isu perlanjutan Dasar Ekonomi Baru selepas 1990. Perwakilan Umno pada ketika itu (dan mungkin pada ketika ini juga) begitu peka dengan nasib DEB yang pada anggapan mereka tempat orang Melayu 'menyangkutkan dagu'. Sekolah-olah mati hidup orang Melayu bergantung terlalu kuat kepada DEB.

Demi perpaduan kaum di negara ini dasar ekonomi selepas 1990 harus menyimpang jauh daripada dasar yang ada pada DEB sekarang. Rakyat yang bertanggungjawab harus mengerti dan faham hakikat ini. DEB yang direncanakan pada tahun 1970 itu telah banyak memberi kesejahteraan hidup kepada bangsa Malaysia. Tidak pernah berlaku pertumpahan darah di antara kaum sepanjang tempoh antara tahun 1969 sehingga sekarang. Ini bermakna dalam jangkamasa 20 tahun itu, salah satu faktor yang telah dapat mententeramkan keadaan negara ialah DEB.

Keutuhan negara dan keharmonian kaum selepas 1990 akan bergantung kuat kepada dasar ekonomi yang sedang dinikmati pada tahun-tahun 1988 dan 1989 akan berlanjutan sekiranya dasar ekonomi negara direncanakan mengikut landasan yang sesuai. Hasrat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara NIC akan tercapai sekiranya perkembangan ekonomi yang positif kini berterusan, yang salah satu faktornya bergantung kuat kepada kestabilan politik.

Malaysia-American Electronics Industry, satu pertubuhan yang mewakili 16 buah syarikat dari Amerika Syarikat telah memberikan pangkat 'A' kepada Malaysia di segi tempat untuk menjalankan perniagaan. Pengiktirafan yang sedemikian bukan mudah untuk diperolehi dan besar pula maknanya kepada perkembangan ekonomi negara ini. Oleh itu ia harus dipelihara. Bukanlah satu tugas pemimpin semata-mata untuk memeliharanya, tetapi ia juga tugas semua rakyat yang sedar dan peka mengenai keutuhan negara pada masa yang akan datang.

*Berita Harian, 3 Jun 1989*

# 16

## TUGAS BERAT YANG PATUT DIPIKUL BERSAMA

**D**atuk Seri Dr. Mahathir Mohamad seolah-olah menyediakan beberapa bahan dan isu penting untuk dibincang, diuli dan diperbahaskan oleh masyarakat umum, khususnya di kalangan orang Melayu sendiri sesuai dengan keadaan kini di mana mesyuarat perwakilan UMNO sedang rancak diadakan di seluruh negara.

Sehubungan itu, pemimpin UMNO sama ada di peringkat cawangan, bahagian ataupun pusat seharusnya sudah peka dan bersedia menyata dan membincangkan secara terperinci hasrat yang terkandung dalam pemikiran pemimpin mereka itu.

Akhir-akhir ini ada beberapa perkara dan isu yang dianggap penting, sepatutnya diketahui oleh setiap anggota masyarakat kerana perkara-perkara itu sedikit sebanyak akan menyentuh kehidupan kini dan masa akan datang. Dalam persidangan Parlimen lalu, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke lima diketengahkan oleh Perdana Menteri dan seterusnya dibincangkan dengan panjang lebar. Sehubungan itu juga isu yang hangat diperkatakan ialah mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pelbagai perkara diperkatakan ialah mengenainya. Satu pihak mengatakan DEB benar-benar dapat mengangkat kedudukan orang Melayu dari pelbagai aspek ke tahap sebagaimana yang dikehendaki oleh dasar itu dan justeru itu dasar itu tidak harus dihentikan. Sementara itu juga ada pihak yang merasakan bahawa orang Melayu belum begitu berjaya sebagaimana yang diharapkan.

Selepas itu isu NIC dikemukakan pula. Dalam menghuraikan isu itu, Perdana Menteri mengatakan bahawa negara tidak seharusnya tergesa-gesa menjadi "Negara Industri Baru" atau NIC. Pelbagai alasan dan rasional diketengahkannya. Pendek kata Perdana Menteri kita dengan ringkasnya mengatakan: "Apa ada pada nama?" Yang lebih penting untuk diusahakan ialah meningkatkan taraf hidup rakyat dan perkembangan ekonomi negara. Selaras hasrat itu pula, orang Melayu mesti berperanan dalam perkembangan ekonomi negaranya. Tentunya sekali beliau tidak mahu hanya negara dipanggil maju dan moden sedangkan anak negerinya hidup dalam keadaan menderita.

Kini timbul pula satu isu yang dikira penting juga untuk diketahui oleh anggota masyarakat iaitu mengenai hasrat kerajaan Singapura memberi kemudahan penempatan tentera Amerika di negara itu. Malaysia mendahului negara-negara Asean yang lain dalam menyatakan ketidaksenangannya dengan tindakan Singapura itu. Tindakan Singapura itu bukan sahaja bertentangan dengan konsep Zopfan (Zon Aman, Bebas dan Berkecuali) Asean tetapi tentunya akan menjejaskan juga ruang udara Malaysia, ditinjau di segi kedudukan negara itu yang sangat berhampiran dengan Malaysia.

Yang menjadi persoalan ialah berapa peratuskah agaknya bilangan rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu yang dapat memahami keadaan dan isu-isu dan cabaran yang mengekorinya yang dilemparkan oleh Perdana Menteri itu?

Pemimpin dan cendekiawan Melayu harus memberi penjelasan kepada rakyat mengenai perkara-perkara ini kerana adalah tidak adil menyerahkan tugas berat itu kepada Perdana Menteri sahaja, kerana ia adalah persoalan rakyat juga.

Mesyuarat perwakilan UMNO di peringkat cawangan dan bahagian sedang rancang dijalankan kini. Sepatutnya pemimpin mengambil peluang seluas-luasnya menggunakan medan ini untuk menerangkan beberapa isu ini kepada rakyat. Inilah masa dan ketikanya pemimpin (yang layak digelar pemimpin) sama ada di peringkat cawangan, bahagian ataupun pusat menjelaskan kepada rakyat mengenai perjuangan kerajaan kini.

Umumnya, masih ramai pemimpin peringkat bawahan yang tidak tahu langsung mengenai apakah masalah sebenar dihadapi oleh negara kini. Ini adalah sesuatu yang malang. Rata-ratanya mereka lebih gemar memperkatakan tentang siapa yang akan jadi ketua, timbalan, naib (cawangan atau bahagian) dan siapa pula yang akan terlekat menganggotai jawatankuasa

Bahagian. Jika si anu menang sebagai Ketua maka apa pula akan jadi kepada si polan yang tidak menyokong si anu. Berapa banyakkah wang si anu dibelanjakan untuk mendapatkan undi ahli. Siapakah pula yang duduk dalam kem si anu dan siapa pula yang 'member' dengan si polan. Siapakah pula pemimpin pusat yang berdiri di belakang si anu yang menyebabkan si anu memenangi kerusi itu? Tidak ketinggalan juga penonjolan fahaman-fahaman kekampungan dan kedaerahan yang menebal seperti persoalan "dia bukan orang kampung ini ataupun beliau berasal dari daerah sana". Lantaran itu persoalan kecekapan, daya kepimpinan, kejujuran dan keikhlasan seseorang pemimpin itu diketepikan.

Rumusan yang dapat dibuat ialah, meskipun semakin ramai pemimpin yang bercakap mengenai perpaduan, namun di peringkat bawahan kegiatan politik yang berlebihan (*political overdose*) masih berlaku. Seolah-olah perpecahan menjadi satu kecenderungan (*obsession*) di kalangan anggota parti pula. Ini tidak sihat dan berbahaya.

Pemimpin pusat sedang berusaha memerangi politik wang tetapi masih ramai yang menggunakan wang untuk kepentingan merebut sesuatu jawatan dalam parti (walaupun terlalu sukar untuk membuktikan perbuatan itu). Pemimpin sedang berusaha membasmi politik kumpulan dan berpuak-puak tetapi ada juga di kalangan ahli UMNO yang sentiasa mengapiakan perasaan berpuak-puak dalam parti.

Petualang-petualang dalam UMNO akan sentiasa menabur fitnah di samping mengadu-domba pemimpin-pemimpin atasan dalam parti. Lantaran itu sering kedengaran kenyataan seperti "pemimpin X tidak sesuai dengan pemimpin Y" ataupun "pemimpin R lebih suka kepada Y".

Ramai yang mengatakan dan bersetuju bahawa perbuatan terkutuk ini membahayakan bangsa Melayu sendiri dan amat merugikan negara. Tetapi perkara yang sebegini terus juga berlanjutan. Apakah orang Melayu tidak sedar bahawa yang menyebabkan UMNO hancur berpunca daripada masalah yang sebegini? Apakah mereka lupa bahawa kegiatan "fitnah-memfitnah" telah banyak membawa kecelakaan dalam sejarah bangsa sendiri? Setiap peristiwa sejarah yang membawa kehancuran kepada bangsa Melayu adalah berpunca daripada perasaan hasad dengki!

Memang banyak sudah diperkatakan mengenai hal ini. Tetapi soalnya mengapa terus berlaku dan berleluasa? Banyak pemimpin agung bangsa telah 'gugur' akibat kegiatan 'fitnah-memfitnah' ini. Tidak pernahkah bangsa Melayu cuba menganalisis fenomena ini secara terperinci?

Jika ditinjau pendapat beberapa pihak sama ada dalam UMNO ataupun anggota masyarakat yang tidak menganggotai mana-mana parti politik mereka rata-rata berpendapat bahawa yang sebenarnya 'bergaduh' ialah sebahagian daripada pengikut (boleh dianggap sebagai petualang juga pemimpin itu sendiri. Pengikut-pengikut ini mahu agar 'taukeh'nya sahaja senang, dengan harapan akan mendapat sesuatu imbuhan. Itu adalah hanya anggapan, harapan dan impian mereka. Malangnya, bukan semua pemimpin sanggup 'membalas jasa' dengan berbuat demikian. Hanya pemimpin yang kurang 'substance' sahaja sanggup berbuat apa sahaja demi menjamin kemenangan pemimpin yang mereka sokong.

Bagaimanapun yang sedihnya pengikut-pengikut ini tidak pernah memikirkan mengenai kehendak dan keperluan negara dan bangsa mereka. Yang diutamakan hanya kepentingan diri mereka sendiri.

Sudah sampai masanya masyarakat Melayu khususnya diajak berbilang perkara-perkara serius yang berkaitan dengan kehidupan pada masa akan datang. Orang Melayu harus disedarkan bahawa mereka sedang berada dalam zaman yang penuh cabaran. Perjuangan mereka seharusnya bukan sekadar di peringkat daerah atau negeri tetapi mereka harus pandai 'bersilat' di medan antarabangsa. 'Kokok' Melayu bukan lagi terhad di kawasan sawah dan bendang dan tidak pula hanya untuk menyedarkan pak-pak tani di lereng-lereng gunung atau pak nelayan di pesisiran pantai, tetapi 'kokok' mereka harus menyelinap dan menggegarkan gunung-gunung ais di Antartika ataupun gurun pasir di Sahara.

Bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sallehuddin Mohamad juga menggesa semua ketua jabatan agar mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai yang melakukan penyelewengan dalam tugas harian mereka, dan hendaklah dilaksanakan tanpa ada perasaan takut dan segan. Gesaan sebegini hendaklah didokong dan dihayati dengan sepenuhnya agar dapat dilaksanakan dengan segera, apatah lagi dalam suasana 'peperangan' yang ada sekarang.

Masyarakat sedar mengenai adanya kegiatan penyelewengan di kalangan tertentu dalam pentadbiran kerajaan sehingga kadang-kadang hairan bagaimana pegawai rendah dalam sebuah jabatan kerajaan yang berpendapatan tak seberapa misalnya mampu untuk membeli barang-barang keperluan yang dikira terlalu lumayan. Ada juga golongan tertentu yang mampu bercuti ke luar negara setiap kali menjelang musim cuti. Dan ada pula di antara wakil-wakil rakyat yang mempunyai bilangan kereta yang agak banyak sehingga ada yang tidak digunakan (kerana terlalu banyak).

Rakyat sudah jemu mendengar kritikan sesetengah pihak terhadap fungsi BPR. Badan ini sentiasa ditempelak kerana bertindak hanya ke atas 'ikan-ikan bilis' semata-mata sedangkan 'ikan-ikan Yu' dibiarkan begitu saja. Masyarakat sudah sekian lama merasakan tindakan sedemikian amat tidak adil. Ini tidaklah pula bermakna bahawa masyarakat mengizinkan rasuah dan penyelewengan berlaku tetapi yang ditentukan adalah keadilan di segi tindakan.

Semua orang yang cintakan negara amat mengharapkan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim akan berfungsi dan dapat memenuhi kehendak dan idaman rakyat terbanyak yang sudah terpendam sejak sekian lama. Lakukanlah sebagaimana tindakan yang dijangkakan oleh Datuk Harun Hashim terhadap bekas Menteri Besar Perak, Datuk Ahmad Said. Hasrat Datuk Seri Anwar itu adalah hasrat rakyat. Tentunya ia akan mendapat keredaan Allah.

Sekiranya berkesan hasrat Datuk Seri Anwar untuk membersihkan rasuah di kalangan Menteri atau bekas Menteri, Wakil Rakyat atau bekas Wakil Rakyat, maka usaha itu tentu sangat dialu-alukan. Apatah lagi kepada golongan bekas Menteri dan Menteri Besar yang sentiasa sahaja melaungkan mengenai soal anti rasuah itu. Sudah sampai masanya mereka itu dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tindakan tidak amanah mereka pula. Serahkan perkara itu ke muka pengadilan dan di situlah nanti akan diadili secara saksama.

Selama ini rakyat Malaysia sering diperdayakan oleh golongan ini. Mereka mudah ditipu dengan kata-kata manis dan mereka mudah percaya pula. Sudah sampai masanya masyarakat yang berbudi itu didedahkan dengan realiti sebenarnya. Barulah kita tahu nanti siapa sebenarnya yang berbudi.

Kewujudan sistem *ombudsman* di negara ini adalah amat tepat pada masanya. Dikatakan begitu kerana pada ketikanya inilah negara sedang mengalami pertumbuhan ekonomi dengan kenaikan harga kebanyakan bahan mentah. Di samping itu impian untuk menjadikan negara ini sebuah Negara Perindustrian Baru (NIC) tentu tidak akan tercapai sekiranya ramai pegawai dan Menteri yang terbabitkan dengan rasuah dan penyelewengan.

Kegagalan orang Melayu untuk memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru (DEB), khususnya dalam bidang perniagaan korporat sedikit sebanyak berpunca daripada kegiatan rasuah di kalangan pegawai yang bertanggungjawab, walaupun ia bukanlah faktor terpenting. Ini adalah satu



hakikat. Menafikan hakikat bahawa rasuah sebegini tidak berlaku di kalangan kita adalah perbuatan yang sia-sia. Cuma yang memeningkan kita ialah kegiatan rasuah ini dilakukan dengan cara yang amat licin sehingga terlalu sukar untuk mengesannya.

Jika begini keadaannya apakah boleh Anwar menjalankan tugasnya dengan berkesan? Berpandukan kepada rekodnya yang lepas, rakyat tentunya menaruh kepercayaan dan menyerah tugas yang amat besar ini kepada beliau. Namun begitu masyarakat umum haruslah pula memberikan kerjasama dalam apa juga bentuk bagi menjayakan program raksasa ini, sekiranya kita mahu negara ini mencapai kejayaan seperti negara lain yang maju di dunia ini.

*Berita Harian, 21 Ogos 1989*

# 17

## PEMIMPIN – OLEH RAKYAT, UNTUK RAKYAT

**S**aya ingin menyentuh satu episod sejarah yang amat penting dalam persejaraan Malaysia sebelum melangkah lebih jauh. Detik sejarah yang penting itu ialah saat-saat Datuk Onn bin Jaafar hendak meletak jawatan dalam UMNO.

Mengikuti Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris dalam bukunya *25 Tahun Merdeka*:

*"Sebelum Datuk Onn meninggalkan UMNO satu perhimpunan Agung Khas telah diadakan di Hotel Majestik pada 23 dan 26hb. Ogos, 1951. Dalam perhimpunan itu Tunku Abdul Rahman Putra telah dipilih menjadi Yang Dipertua Agung baru setelah mengalahkan lawan-lawannya dalam pertandingan tiga penjuru. Nama Tuanku Abdul Rahman Putra dicalonkan oleh Encik Bahaman b. Shamsuddin. Beliau ditentang oleh Tuan Haji Ahmad Fuad, calon yang dikemukakan oleh Datuk Onn, Encik C.M. Yusof dicalonkan oleh Raja Ayub bin Raja Bot dan Encik Tajuddin bin Uda Isa".*

Banyak kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan episod di atas dan banyak pengajaran yang boleh diperolehi. Salah satu daripadanya ialah tentang adanya tandingan tiga penjuru merebut jawatan Yang Dipertua Agung (kini dipanggil Presiden) dan telah ada kempen-kempen yang dijalankan bertujuan untuk menaikkan calon masing-masing.

Misalnya Datuk Onn dalam ucapannya telah menyokong Haji Ahmad Fuad Hassan sebagai Yang Dipertua Agung dengan alasan bahawa beliau adalah seorang haji dan ulamak berkemampuan untuk memimpin.

Persoalan yang ingin diketengahkan ialah adakah calon itu sendiri yang mendabik dada mengatakan yang dia seorang pemimpin yang berkebolehan dan berkelayakan untuk menjadi pemimpin? Tidak, malah Tunku Abdul Rahman sendiri tidak pernah mendabik dada, menyorongkan hidung yang tak mancung mengatakan bahawa beliau adalah calon yang paling layak bagi jawatan Yang Dipertua Agung.

Menurut satu sumber, Tunku Abdul Rahman telah 'dipujuk' oleh Tun Abdul Razak agar menyertai UMNO. Pada pendapat Tun Abdul Razak, Tunkulah orang yang layak dijadikan pemimpin dalam UMNO berdasarkan kepada kewibawaannya ketika memimpin kesatuan Melayu United Kingdom iaitu ketika beliau menuntut di United Kingdom.

Dalam mesyuarat itu Tunku Abdul Rahman telah dipilih menjadi Yang Dipertua Agung. Mengikut Tan Sri Samad Idris pula pemilihan Tunku berdasarkan kepada status Tunku yang berdarah Raja. Kebetulan pada masa itu Istana masih dipandang mulia.

Suatu hal yang unik dalam pemilihan itu ialah tentang sikap calon-calon yang kalah dalam pemilihan. Mereka tidak terus menarik diri tetapi sebaliknya mereka patuh kepada keputusan mesyuarat yang berkehendakkan mereka menjadi Ahli Jawatankuasa Majlis Tertinggi UMNO. Misalnya Tuan Haji Ahmad Fuad dan Datuk C.M. Yusuf.

Saya sengaja mengambil peristiwa sejarah ini untuk membandingkan keadaan pada zaman itu dengan keadaan yang berlaku pada hari ini terutama dalam saat-saat perebutan jawatan dalam pucuk pimpinan UMNO, sama ada di peringkat Bahagian atau Cawangan.

Ada calon-calon yang ingin bertanding untuk merebut satu-satu jawatan telah menggunakan berbagai-bagai cara untuk memenangi kerusi itu. Ada yang terpaksa menyuruh kawan dan kuncu-kuncunya mencalonkan beliau untuk memegang satu-satu jawatan dan bukan di atas kerelaan hati 'kawan' untuk mencalonkan dia. Calon akan berusaha sedaya upaya berkempen ke sana ke mari sambil mendabik dada mengakui yang dialah calon yang paling layak untuk jawatan itu.

Keadaan yang sedemikian rupa tidak pernah berlaku kepada ahli UMNO zaman merebut kemerdekaan. Jikalau pun ada hanyalah berlaku pada seorang dua sahaja. Sejarah Melayu juga tidak pernah mencatatkan tentang

trend sedemikian berlaku dalam sistem politik orang Melayu.

Dewasa ini trend yang demikian berlaku di mana-mana, asalkan ada perebutan untuk satu-satu jawatan penting dalam UMNO ataupun parti politik yang lain. Ada yang mengatakan trend demikian merupakan satu pertandingan yang sihat dan menunjukkan kematangan ahli-ahli dan kewarasan cara berfikir mereka

Persoalan itu tidak perlu dijawab dengan tergesa-gesa. Yang jelasnya ialah apabila ada unsur-unsur 'mendabik dada', penggunaan wang yang berleluasa untuk mempengaruhi pengundi, adanya sungutan yang mengatakan bahawa cara pemilihan pemimpin kita telah terkeluar dari landasan sebagaimana yang biasa diamalkan dalam budaya Melayu.

Orang Melayu tidak harus memberi pengiktirafan pada dirinya. Sekiranya seseorang itu merasakan yang dirinya pandai, maka orang lain yang mengukur dan orang lain juga yang mengiktirafnya. Begitu juga seterusnya seseorang itu layak menjadi pemimpin, maka orang lain yang memberi pengiktirafan. Orang Melayu sentiasa berpegang kepada rasmi padi, semakin berisi semakin tunduk dan menghindari rasmi lalang.

Jika keadaan hari ini dibandingkan dengan keadaan zaman Datuk Onn dahulu tentulah nampak jelas sebagai satu "*departure*" daripada norma-norma yang diikuti oleh orang Melayu dahulu. Apakah punca yang boleh menyebabkan keadaan sedemikian berlaku? Mungkinkah disebabkan oleh terlalu ramai golongan bijak pandai yang menyebabkan ramai juga yang mahu jadi pemimpin? Atau pun mungkinkah ternampak sesuatu ganjaran di sebalik kemenangan satu-satu jawatan itu yang menyebabkan begitu ramai berminat untuk menjadi pemimpin.

Kemungkinan-kemungkinan yang dikemukakan itu tentulah tidak ada sesiapa yang dapat menafikannya. Telah terbukti bahawa tangga pertama untuk mencapai kejayaan dalam politik ataupun dalam perniagaan, ialah dengan memenangi satu-satu jawatan dalam Parti. Ekoran daripada itu nanti akan menyusul pula pelbagai kemudahan untuk menempa kekayaan.

Tetapi apakah itu yang telah menyebabkan anggota masyarakat kita menyimpang jauh daripada budaya datuk nenek kita? Atau pun mungkinkah trend itu merupakan satu proses perubahan?

Satu kesan yang mungkin timbul ialah munculnya pemimpin di negara kita yang tidak menepati erti kata yang sebenarnya ataupun boleh dipanggil pemimpin plastik. Kita khuatir hal yang sebegini mungkin berlaku.

Sekiranya tohmah sedemikian betul berlaku (kerana jikalau tidak ada

angin tidak mungkin pokok akan bergoyang) maka dapatlah dikatakan bahawa wang adalah merupakan satu-satunya kriteria bagi memenangi satu-satu jawatan. Kriteria-kriteria lain seperti kebolehan, kelulusan, kejujuran telah tidak berguna lagi.

Hal yang demikian juga telah menyimpang jauh daripada amalan budaya Melayu. Hang Tuah dilantik menjadi laksamana adalah disebabkan kegagahan dan sifat kepahlawanannya. Datuk Bahaman bergelar orang kaya Semantan adalah disebabkan oleh kegagahannya. Datuk Onn dimuliakan berdasarkan kepada kepandaian dan kebolehannya menyatukan orang Melayu dan menubuhkan UMNO. Begitu jugalah dengan pemimpin-pemimpin seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail, Tun Hussein Onn dan sampai kepada Dr. Mahathir, kesemuanya dipilih berdasarkan kualiti dan daya kepimpinannya.

Mungkinkah akan muncul pada masa akan datang Perdana Menteri Malaysia yang menggunakan wang untuk mempengaruhi pemilihannya?

*Dewan Budaya, Julai 1985*

# 18

## FALSAFAH PENDIDIKAN PENENTU ARAH PERJUANGAN

**S**empena perasmian Hari Guru di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya pada 28 Mei 1988 lalu, Ketika itu Menteri Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan:

*"Pendidikan ilmu serta pembacaan adalah tiga serangkai yang paling berkaitan di antara satu dengan yang lain. Dalam konteks pendidikan di negara kita, asas ini adalah titik tolak yang kita gunakan dalam usaha mengembangkan pendidikan.*

*Penggabungjalinan ketiga-iga bidang ini telah kita cuba sepadukan semasa menggubalkan falsafah pendidikan negara pada tahun lalu.*

*Berteraskan matlamat itu, pendidikan negara adalah untuk memperkembangkan potensi individu secara bersepadu bagi mewujudkan insan yang seimbang harmonis di segi keintelektualan, kerohanian, jasmani dan emosi. Ia juga berhasrat untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berakhlak mulia, bertanggungjawab serta berkeupayaan memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.*

*Falsafah ini bukan saja mencerminkan idealisma yang ingin kita capai melalui pendidikan, malah ia dapat menampilkan satu tuju hala dan kriteria penilaian yang jelas bagi membolehkan kita melaksanakan amanah pendidikan itu dengan sepenuhnya-penuhnya."*

Dalam usaha mencapai cita besar seperti yang digariskan di atas maka tidak dapat tidak perlu semua pihak mencurahkan jasa bakti dengan tulus ikhlas. Namun haruslah diinsafi untuk menjadikan hasrat falsafah

pendidikan itu suatu kenyataan maka tentulah ia membebankan banyak pihak.

Dalam hal ini tentulah pihak sekolah, khususnya pengetua sekolah yang benar-benar bertanggungjawab. Ada ketikanya pihak pengetua khususnya dalam suasana yang penuh dilema mendapati sekolahnya menjadi sasaran Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan sesuatu dasar yang dihasratkan.

Ini semua sebenarnya bertolak dari falsafah pendidikan hinggalah ke usaha memperkembangkan budaya ilmu, budaya membaca dan pelbagai lagi yang boleh mengukuhkan usaha pembentukan insan mulia.

Pengetua sekolah menengah khususnya diminta agar menentukan disiplin pelajar mengikut landasan sebagaimana yang dikehendaki dan bersesuaian pula dengan nilai dan budaya masyarakat Malaysia.

Beberapa "serang hendap" dilakukan untuk menjamin agar sekolah sentiasa peka dan bersedia mengotakan apa yang dikata. Akhbar-akhbar tempatan turut berfungsi dalam usaha memperkemaskan disiplin sekolah. Mereka diberikan "lesen" untuk mendedahkan dengan seluas-luasnya kegiatan melanggar disiplin di sekolah.

Tentulah ada pihak yang berasa kurang senang dengan tindakan itu. "Tetapi", kata Menteri Pendidikan ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim, "*usaha pendedahan itu bukanlah bererti mendedahkan kelemahan pengetua tetapi sekadar menyedarkan seluruh rakyat bahawa itulah sebenarnya keadaan yang berlaku*".

*"Oleh itu semua pihak harus sedar, sama ada pihak pengetua sekolah guru-guru, murid-murid dan yang lebih penting lagi tentulah ibu bapa mengenai perkara ini"*.

Walaupun ada sebilangan kecil pengetua yang agak kecewa dengan pendedahan yang dibuat oleh akhbar itu, namun golongan yang berasa kecewa itu tentulah golongan yang tidak peka dengan perubahan.

Kesan beberapa tindakan yang dijalankan menelurkan kejayaan. Kita tidak perlu mendabik dada memberitahu dunia bahawa sistem pendidikan kita adalah di antara yang terbaik di dunia. Kita tidak perlu masuk bakul dan angkat sendiri. Masyarakat Melayu khususnya dan orang Malaysia amnya tidak biasa buat begitu. Kita biasa menyerahkan kepada orang lain untuk membuat penilaian mengenai apa yang dilakukan.

Apa yang kita lakukan rupa-rupanya mendapat perhatian negara luar khususnya negara-negara yang sedang membangun. Dalilnya ada

lawatan beberapa Menteri Pendidikan dari negara-negara seperti Brunei, Maurities, Sychelles dan sebagainya yang kagum dengan pencapaian sistem pendidikan di Malaysia.

Apakah pujian itu ditujukan kepada pelaksana pendidikan? Soalnya apakah yang mampu dibuat oleh Menteri Pendidikan sekiranya pihak pengetua tidak peka dengan apa juga saranan yang dibuat?

Tegasnya, semua pihak harus diberikan pujian dan sanjungan, tidak kira sama ada ia sebagai pegawai kementerian, pegawai di Jabatan Pendidikan negeri dan daerah, pengetua, guru, pelajar, dan juga masyarakat umum yang sentiasa memberikan kerjasama ke arah memajukan pendidikan negara. Tetapi tentunya tidak harus membuat rakyat Malaysia berpuas hati. Adalah lebih munasabah jika dibandingkan kejayaan itu dengan negara yang lebih maju seperti Amerika Syarikat, Great Britain ataupun sekurang-kurangnya dengan negara Jepun dan Korea.

Ini bermakna 'pengembaraan' menempah kecemerlangan akademik masih belum sampai ke matlamat. Berasaskan hakikat ini maka adalah perlu pendokong sistem pendidikan berbuat sesuatu yang boleh mencapai tahap kecemerlangan.

*"Seringkali saya katakan bahawa kecintaan terhadap ilmu pengetahuan harus diperbetulkan segera, sekiranya tidak, tidak ada makna erti pembangunan, kerana cita-cita besar kita untuk melahirkan tamadun Bahasa Melayu tidak akan lahir tanpa kesungguhan dan minat membaca. Dan di kalangan golongan inteligensia atau terpelajar, harus di desak supaya lebih banyak mengikuti perkembangan semasa secara serius melalui pembacaan."* (Datuk Seri Anwar Ibrahim di Majlis Pelancaran Pameran Buku Pengajian Tinggi di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 12 Disember 1987 dulu).

Saranan menteri itu diperkuatkan pula oleh Prof. Tan Sri Ahmad Ibrahim yang mengesyorkan agar sarjana tempatan diberi kemudahan menulis dan menerbitkan karya sambil menegaskan bahawa usaha itu hendaklah dilakukan demi kepentingan perkembangan ilmu pengetahuan dan bukannya untuk mengaut keuntungan semata-mata.

Kejayaan dalam bidang akademik semata-mata tidak menjamin masa hadapan seseorang pelajar itu untuk menjadi manusia yang seimbang. Dengan hal yang demikian bidang kokurikulum juga harus dititikberatkan.

Sehubungan usaha untuk merealisasikan hasrat itu maka pihak Mara pernah menegaskan betapa perlunya kegiatan kokurikulum bagi membantu



seseorang pelajar itu mendapat biasiswanya.

Kerap ditegaskan bahawa setiap pelajar yang ingin mendapatkan bantuan kewangan daripada Mara perlulah cemerlang dalam kedua-dua bidang itu. Kegiatan berpersatuan seseorang pelajar misalnya perlu dipertimbangkan untuk sebarang tawaran biasiswa atau dermasiswa.

Begitu juga soal penguasaan bahasa. Meskipun ada penentangan terhadap penekanan yang diberikan kepada pembelajaran bahasa Inggeris, demi mencapai kecemerlangan ilmu, soal meluaskan pengetahuan bahasa pelajar haruslah diitikberatkan. Ini kerana bahasa Inggeris masih menjadi bahasa ilmu antarabangsa.

Sudah pasti ini akan dapat menyingkap pelajar Malaysia daripada dikongkong oleh peribahasa "hidup di bawah tempurung lagi". Dalam soal ini bangsa Malaysia perlu mempelajari bukan sahaja bahasa Melayu dan Inggeris tetapi bahasa lain seperti Arab, Perancis, Cina dan sebagainya.

Dalam soal ini sudah pasti mempelajari pelbagai bahasa tidak akan melunturkan keyakinan bahasa negara. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Datuk Seri Anwar dalam ucapannya di majlis Penyampaian Anugerah Sasterawan Negara di bangunan Parlimen pada 18 Jun 1988:

*"Bahasa Melayu kini bukan sahaja berperanan sebagai bahasa budaya dan sastera, bahkan juga sebagai bahasa ilmu pengetahuan. Bahasa ini sudah mampu dan dapat digunakan untuk menulis, menyampaikan serta menterjemah karya-karya ilmiah dan ilmu pengetahuan secara berkesan. Ia juga membuktikan sebagai satu bahasa yang boleh mengungkapkan pengucapan seni melalui karya-karya kreatif.*

*"Kepesatan tersebut bertambah-tambah lagi dengan kemunculan cendekiawan muda yang terdidik di bawah dasar pendidikan kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai media penerokaan ilmu. Sehubungan itu, muncul pula sasterawan yang timbul dari gelombang sejarah bangsa yang membuktikan kesanggupan dan mempunyai bakat alam yang dipertajamkan untuk mengangkat kemampuan bahasa ini sebagai bahasa pengucapan hati nurani manusia dalam genre sastera kreatif.*

*Mereka ini bukan sahaja berkemampuan menggarap nilai-nilai tradisi dan mengadunkannya secara berkesan dan mempesonakan bahkan berjaya pula menggabungjalinkan unsur-unsur pemikiran moden dengan alam persekitaran budaya dan masyarakat kita. Melalui bahasa inilah juga, jiwa dan semangat manusia Melayu telah menerobos ke dunia antarabangsa".*

Kesimpulannya ialah bahawa falsafah pendidikan negara adalah titik tolak, sebagai penentu arah perjuangan bangsa. Harus disedari bahawa bangsa Melayu dan budayanya tidak akan mendapat pengiktirafan dunia selagi ada masyarakatnya yang berfikiran sempit dan terikat kepada tradisi melulu, iaitu yang masih duduk di dalam pemencilan.

Dengan fikiran yang sempit dan terbatas seperti itu usaha untuk menjadikan bahasa dan budaya Melayu sebagai budaya besar dan iktiraf oleh dunia sudah tentu tidak akan tercapai. Masyarakat Melayu seharusnya mempunyai budaya yang unggul, kuat supaya dapat menghadapi pertembungan dengan budaya-budaya lain di rantau ini atau dunia seluruhnya.

*Berita Harian*, 20 September 1988

# 19

## AKTA PENDIDIKAN 1990: SATU KESINAMBUNGAN

**W**alaupun apa pun hujah dan rasional yang digunakan, ramai yang berasaskan bahawa satu reformasi pendidikan perlu wujud di negara ini. Apatah lagi jika kita benar-benar sedar tentang pelbagai perkembangan sosio-ekonomi-politik negara yang amat membanggakan. Tidak dapat tidak ia menuntut agar satu reformasi dalam bidang pendidikan diadakan segera. Sebaliknya jika ada pula pandangan yang mengatakan bahawa reformasi berkenaan tidak perlu maka itu adalah satu pandangan yang agak terbelakang dan berasaskan sentimen yang sempit.

Bee Lan Chan Wang dalam rencananya yang berjudul, "*Educational Reforms for National Integration: The West Malaysia Experience*" menyatakan bahawa objektif utama reformasi pendidikan dalam masa dua dekad yang lampau adalah ke arah mencapai dua aspek integrasi nasional iaitu penyusunan semula struktur ekonomi negara "untuk menghapuskan pengenalan sesuatu bangsa dengan kegiatan ekonomi" dan untuk melahirkan perasaan kebangsaan (nasionalisme) khususnya di kalangan orang bukan Melayu.

Wujudnya reformasi pendidikan selepas merdeka yang berteraskan matlamat penyatuan kaum, adalah disebabkan longgarnya hubungan antara kaum di Malaysia yang berpunca daripada pemerintahan British yang tidak berusaha serius untuk menyatukan kaum-kaum ini. Dengan demikian apabila negara ini mencapai kemerdekaan, maka tugas utamanya ialah memantapkan penyatuan kaum-kaum dan menimbulkan perasaan nasionalisme

yang tinggi di kalangan masyarakat bukan Melayu khususnya. Hasrat ini dijemlakan dalam Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman Talib(1960).

Jawatankuasa Pelajaran 1956 mencadangkan "sebuah sistem pendidikan yang boleh diterima oleh rakyat Persekutuan keseluruhannya yang akan memenuhi keperluan dan membangun budaya, keperluan sosial, ekonomi dan politik sebagai satu bangsa, dengan hasrat menjadikan Bahasa Melayu bahasa Kebangsaan sementara memelihara perkembangan bahasa dan budaya kaum-kaum lain dalam negara ini" (Persekutuan Malaysia, Kementerian Pelajaran, Bahasa Penyelidikan dan Perancangan Pelajaran, Statistik Pelajaran Malaysia 1938 hingga 1967, Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur, 1968).

Hasrat, perancangan dan strategi reformasi pendidikan yang terjelma dalam Penyata Razak dan Rahman Talib itu menampakkan kejayaan (walaupun tidak sepenuhnya). Dengan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan di sekolah-sekolah dengan jelas menunjukkan hasrat kerajaan menyatukan kaum-kaum di negara ini melalui penggunaan satu bahasa dan menggunakan kurikulum yang sama.

Bagaimanapun, (kata Bee Lan Chan Wang) tidak ternampak usaha ke arah mengintegrasikan sekolah-sekolah itu. Di antara sebab yang dikemukakan ialah pola tempat tinggal kaum-kaum yang berada di sini. Misalnya, orang Melayu tinggal di kampung, kaum Cina di lombong dan kaum India dikaitkan dengan perusahaan ladang getah. Dengan demikian tentulah sukar bagi menyatukan kanak-kanak dari berbilang kaum itu.

Reformasi pendidikan yang berjalan di sekitar tahun 60-an dan 70-an melahirkan banyak peluang pelajaran di pelbagai peringkat. Ramai pelajar Bumiputra yang sebelum ini tidak berpeluang untuk menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan berkesempatan berbuat demikian hasil pelajaran tinggi yang mereka perolehi. Namun demikian, dalam tahun 70-an orang Melayu masih ketinggalan dalam bidang sains dan teknologi. Di samping itu, bidang profesional seperti akauntan masih lagi berkurangan di kalangan orang Melayu walaupun ia nyata amat diperlukan dalam saat negara menuju kecemerlangan itu.

Sekali air bah sekali pantai berubah. Ini bermakna akta Pendidikan 1961 yang diasaskan pada cadangan Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib itu perlu juga mengalami perubahan bersesuaian dengan perubahan. Kita tidak mampu untuk menyekat perubahan yang sedang berlaku sama ada di negara kita ataupun di dunia. Mahu tidak mahu kita harus seiring

dengan perubahan yang sedang berlaku. Masyarakat di sesetengah negara dunia mula memikirkan tentang kedatangan kurun ke-21, walaupun mereka masih lagi berada pada kurun ke-20. Sesetengah negara dunia sudah mula memperkatakan "*computer literacy*" dan tentulah ketinggalan zaman jika kita masih berhadapan dengan soal buta huruf. Begitu juga dengan fungsi yang boleh dimainkan oleh pendidikan untuk membawa pertumbuhan sektor ekonomi kepada sesebuah negara. George Psacharopoulos dalam bukunya "*Education for Development*" menyatakan bahawa guna tenaga yang mahir adalah sesuatu yang mesti dalam ekonomi moden. Dengan demikian, katanya, untuk membawa pertumbuhan ekonomi (dan untuk mengelakkan kekurangan dan berlebihan tenaga) perancang pendidikan seharusnya merancang satu sistem pendidikan yang dapat melahirkan tenaga manusia yang mahir dalam bidang teknikal dan profesional sesuai dengan keperluan dan kepentingan pembangunan negara.

Ini adalah antara beberapa perkara yang sedang dirancangan oleh perancang pendidikan negara kita. Beberapa peruntukan dalam akta Pelajaran 1961 yang difikirkan sudah tidak begitu sesuai dengan keadaan semasa digantikan. Namun demikian beberapa peruntukan mengenai soal bahasa, agama dalam Akta Pelajaran 1961 tetap kekal dan dimantapkan. Pengekalan sebegini ada juga kaitannya dengan persoalan dan permasalahan yang belum selesai iaitu tentang usaha pemupukan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Di samping itu, semangat dan falsafah yang tersirat dalam akta bersejarah itu akan tetap dipertahankan.

Hakikat ini dijamin oleh Menteri Pendidikan dalam kenyataan yang disiarkan melalui media massa. Malah dalam bukunya yang berjudul "*Menantani Perubahan*" Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjelaskan bahawa falsafah itu harus diikat dan dihubungkan dengan asas kekuatan falsafah sedia ada. 'Falsafah Pendidikan Negara' dalam bentuknya yang baru ini berasaskan pernyataan matlamat dalam Penyata Rahman Talib (1960) dan diperluas dalam Penyata Mahathir. Tugas kita ialah merumuskan matlamat dan idea-idea di belakangnya secara keseluruhan".

Ramai yang belum dapat melihat draf Akta Pendidikan 1990 apatah lagi untuk membacanya. Dengan sedemikian kalau ada suara-suara sumbang yang membuat tuduhan melulu terhadap keluhuran tujuan akta yang baru itu tentulah amat dikesali. Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan tegas menyatakan objektif Reformasi Pendidikan. Katanya, "*Rumusan itu harus menggabungkan keperluan sejarah ketuanan bangsa, keperluan semasa;*

dan keperluan semasa itu termasuklah keperluan yang disebut 'utility' iaitu keperluan melatih generasi muda dalam bidang kemahiran dan keterampilan untuk memungkinkan anak-anak kita bekerja dan bertugas sebagai tenaga terlatih dan tenaga mahir dalam sistem ekonomi yang pesat berubah dalam masyarakat teknologi dan industri". (Menangani Perubahan).

Oleh itu, beberapa peruntukan yang ada dalam draf Akta Pendidikan 1990 tidak ada dalam Akta Pendidikan 1961. Misalnya, Akta 1961 tidak memaparkan tentang falsafah pendidikan dan pengawalan ke atas sekolah-sekolah swasta sedangkan ini adalah sesuatu yang perlu dalam dekad 1990-an. Pengawalan ke atas sekolah-sekolah berkenaan dengan memperkenalkan sistem peperiksaan dan kurikulum yang dikawal oleh kerajaan adalah sesuatu yang difikirkan sesuai dilaksanakan kini. Kepentingan dan fungsi sekolah swasta dalam suasana negara sedang membangun harus diambil perhatian serius oleh kerajaan.

Penswastaan dalam bidang pendidikan adalah sesuatu yang ganjil bagi masyarakat kini tetapi mungkin lagi tidak ganjil bagi masyarakat kita yang hidup dalam tahun 2000 kelak. Tentu ramai di antara kita yang tidak terfikir tentang kemungkinan sekolah kerajaan yang ada kini akan diswastakan pada suatu hari nanti. Keadaan ini serupalah dengan kebingungan kita beberapa tahun lampau apabila disarankan tentang kemungkinan Lembaga Letrik Negara diswastakan. Kini kebingungan itu sudah susut kerana penswastaan LLN sudah menjadi kenyataan.

Pengubalan Akta Pendidikan 90 berfirasat jauh. Ia sebenarnya satu dokumen atau "*sosial-contract*" yang akan menjadikan panduan oleh bangsa Malaysia bagi menempah kemajuan hidup pada masa akan datang. Ia satu kesinambungan beberapa peruntukan Akta 1961. Perkara-perkara yang ada kaitan dengan persoalan bahasa dan agama akan terus dipertahankan dalam Akta Pendidikan 90. Namun begitu tentulah ada juga beberapa peruntukan dalam Akta Pendidikan 1961 itu yang memerlukan pengubahsuaian bersesuaian dengan keperluan semasa negara.

Semua pihak harus faham bahawasanya tugas untuk menyediakan Akta Pendidikan 1990 ini tidak harus dipolitikkan kerana akta inilah yang akan menentukan jatuh bangunnya bangsa Malaysia pada masa akan datang. Kini draf akta itu dikemukakan kepada satu badan perundangan yang dinamakan Majlis Perundangan Akta Pendidikan. Seharusnya ia dibahaskan dalam keadaan suasana yang betul-betul terbuka oleh individu yang sewajarnya melupakan kepentingan kaum dan fahaman politik yang di

wakilnya tetapi sebaliknya menumpu kepada tugas untuk melahirkan bangsa Malaysia yang mantap.

Telah dilaporkan bahawa ada wakil dari kumpulan politik pembangkang yang tidak hadir dalam majlis itu. Apakah sebenarnya motif mereka berbuat demikian? Mereka seharusnya sedar bahawa Akta Pendidikan 90 bukan kepunyaan kerajaan Barisan Nasional semata-mata. Ia adalah milik semua. Penyertaan yang ikhlas dari semua pihak akan menjamin kemantapan akta itu nanti.

Sikap parti pembangkang khususnya Pas terhadap penggubalan Akta Pendidikan 90 ini amat jauh berbeza dengan sikap parti itu ketika menggubal Akta 1961. Perkara ini dijelaskan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila beliau berkata, "*Adalah tidak adil jika Pas hanya berdiam tanpa menyertai Majlis Perundingan Akta Pendidikan tetapi secara diam-diam mereka membuat kenyataan di kampung-kampung mendesak kedua-dua jenis sekolah (Cina dan Tamil) ditutup. Pas sendiri tidak faham sejarah perjuangan partinya dahulu. Dalam pindaan Akta Pelajaran 1961; pemimpin parti itu menyokong akta bagi menjamin kedaulatan bahasa Melayu dan pendidikan*".

Penyertaan pelbagai pihak dalam majlis perundingan itu menunjukkan sikap keterbukaan kerajaan dan segala cadangan yang dikemukakan oleh wakil bukan Melayu (yang dikira tidak begitu munasabah) mengenai akta ini harus juga mengambil kira tentang perasaan orang Melayu. Persoalan sensitif mengenai bahasa dan agama sebagaimana yang diputuskan dalam Akta 61 dan Perlembagaan negara seharusnya tidak diungkit-ungkit lagi demi hubungan baik diantara kaum. Adalah difahamkan bahawa ada pertubuhan bukan Melayu yang masih mempersoalkan tentang wajar tidaknya bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan di sekolah-sekolah dan bersesuaian tidaknya agama Islam diajar di sekolah-sekolah.

Isu yang sebegini tidak patut timbul, terutama apabila kita menyedari yang kita telahpun mencapai kemerdekaan lebih tiga puluh tahun. Walaupun persoalan yang sebegini hanya ditimbulkan oleh segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab, namun ia tetap mengganggu perasaan orang yang telah menanamkan perasaan penuh kesetiaan kepada negara ini.

Harus difahami dengan jelas bahawa Akta Pendidikan 1990 bukan untuk satu-satu kaum tetapi sebaliknya adalah untuk kepentingan rakyat Malaysia keseluruhannya. Andaian kita ialah bahawa Akta Pelajaran 1961 telah pun menyempurnakan tugasnya bagi tujuan menyatukan kaum di negara ini. Lantas Akta Pendidikan 1990 pula akan memberikan penekanan

kepada bidang yang lebih mencabar, selari dengan hasrat yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara.

*Berita Harian*, 19 September 1990



# 20

## “ANTI ESTABLISHMENT” MERUPAKAN BUDAYA YANG SEDANG MENULAR

**K**ita akan terhenti dan termenung sejenak apabila melihat kelakuan sebilangan besar pelajar sekolah menengah yang membiarkan baju mereka lepas keluar, dalam perjalanan pulang dari sekolah. Yang anehnya ialah apabila mereka keluar saja dari kawasan sekolah, mereka terus menarik baju masing-masing keluar dari bendungan seluar mereka.

Sekali imbas perbuatan mereka itu sebagai tindakan melepaskan perasaan atau membuang geram. Dikatakan begitu kerana, disiplin sekolah memastikan setiap pelajar berpakaian kemas dengan memasukkan baju ke dalam seluar. Hakikat ini memang dipatuhi oleh pelajar-pelajar walaupun hati kecil mereka memberontak, menentang kepada peraturan sedemikian.

Jika difikirkan secara mendalam, tentulah timbul soalan di kepala kita. Mengapa para pelajar bersikap demikian? Apakah salahnya memasukkan baju dalam seluar? Bukankah dengan berbuat demikian kelihatan lebih kemas dan lebih terurus? Mungkinkah telah menjadi fesyen anak muda zaman ini membiarkan baju lepas keluar? Berbagai-bagai soalan boleh timbul. Tetapi jelasnya ialah perbuatan itu membayangkan yang mereka mahu bebas, tidak boleh dikongkong. Dengan perkataan lain boleh juga disimpulkan sebagai *anti-establishment*. Mereka menentang apa yang telah digariskan dalam peraturan sekolah. Mereka mahu membuat sesuatu yang terkeluar dari garis-garis normal.

Bertolak daripada dalam situasi yang '*simple*' itu, akan dapat dilihat bagaimana budaya '*anti-establishment*' itu menular di dalam masyarakat

yang lebih besar dan dengan gaya yang tersendiri.

Di kalangan pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi, perasaan *anti-establishment* dilahirkan dalam bentuk yang berbagai-bagai. Ada kumpulan yang cenderung ke arah keagamaan akan menentang apa sahaja rancangan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak pentadbiran yang pada anggapan mereka bertentangan dengan nilai-nilai Islam, walaupun pengetahuan agama mereka agak cetek.

Kumpulan yang condong kepada politik pembangkang akan menyuarakan penentangan mereka terhadap apa sahaja dasar dan rancangan yang diusahakan oleh kerajaan, walaupun pada anggapan umum usaha kerajaan itu memang berfaedah.

Yang anehnya mereka tidak dapat mengutarakan hujah yang konkrit mengapa mereka menentang sesuatu tindakan. Bagi mereka menentang sesuatu rancangan itu sudah merupakan *a way of life* yang amat menyeronokkan. Pada penghujung tahun 60-an dan awal 70-an kampus Universiti Malaya boleh dikatakan merupakan gelanggang gerakan *anti-establishment*. Ketika itu kampus merupakan tempat yang amat bebas bagi melahirkan perasaan penentangan, ketidakpuasan dan dendam kepada sesiapa saja, terutama kepada pemerintah.

Pemerintah digambarkan sebagai lembaga hitam yang diselubungi dengan berbagai dosa dan seolah-olah menjadi tugas dan tanggungjawab para pelajarlah yang membetulkan keadaan itu. Rundingan demi rundingan diadakan dan delegasi demi delegasi diadakan dihantar untuk menyuarakan sesuatu kepada kerajaan. Dan pada setiap hati kecil mereka yang *anti-establishment* itu mendoakan agar rundingan akan gagal untuk membolehkan mereka berdemonstrasi. Harus disedari bahawa kumpulan yang *anti-establishment* itu akan menentang apa saja yang dirancang dan yang dikemukakan oleh kerajaan atau sesuatu pentadbiran. Mereka menentang kerana semata-mata ingin menentang. Jikalau kita tinjau dalam masyarakat kita hari ini dapat dilihat *anti-establishment* telah merupakan satu cara hidup atau satu budaya yang sedang menular.

Kerajaan terpaksa mengenakan denda \$500 00 kepada sesiapa sahaja yang membuang sampah merata-rata di bandaraya. Kementerian Penerangan mengadakan kempen secara besar-besaran memujuk rakyat agar membarui lesen Radio/TV, dan Polis terpaksa mengadakan sekatan jalan raya bagi memeriksa pemandu yang tidak mempunyai lesen. Banyak lagi contoh-contoh yang membayangkan sikap *anti-establishment* masyarakat kita.

Jika difikirkan secara mendalam bukanlah merupakan perkara yang sukar bagi sesiapa saja untuk tidak membuang sampah-sarap merata-rata. Dan amat tidak lojik jika terdapat orang yang menyatakan bahawa lesen Radio yang berharga \$12.00 itu terlalu mahal sedangkan ia mampu membeli sebuah Radio. Begitu juga dengan soal-soal membaharui lesen kereta dan cukai jalan.

Keengganan setengah anggota masyarakat kita mematuhi segala perintah kerajaan bukanlah disebabkan oleh soal-soal tidak mampu tetapi adalah berpunca dari sikap *anti-establishment* tadi.

Di kalangan pelajar-pelajar kita di luar negeri, sikap *anti-establishment* sudah berleluasa dan amat sulit membendungnya. Telah menjadi satu macam tradisi bagi pelajar kita di luar negeri yang mereka mesti mengamalkan sikap anti kerajaan atau *anti-establishment* itu. Berbagai tuduhan yang dilemparkan oleh mereka itu tidak mempunyai asas yang kukuh.

Budaya *anti-establishment* mungkin lahir setelah kita diajar dan diasuh agar berfikir secara kritikal, dan tidak selalu menjadi 'yesman'. Memanglah baik sekiranya diamal dan disalurkan kepada perkara-perkara yang memberi faedah tetapi jika diamalkan kepada yang tidak kena tempatnya, sudah tentu akan menggugat budaya kita.

Kita merasa amat sedih apabila mendengar kisah adanya anak-anak yang berhujah dengan ibu bapanya dengan cara yang biadap. Kita merasa pilu mendengar ada anak-anak (yang kononnya berpelajaran tinggi) telah cuba mengajar bapa, dan sentiasa bertentangan dengan pendapat yang dikeluarkan oleh ibu bapa.

Walaupun cara perbincangan yang sebegini diredai oleh masyarakat Barat, tetapi bagi masyarakat Melayu yang berorientasikan Budaya Timur, masih menganggap perbuatan sedemikian sebagai biadab atau tidak beradab. Ada cara tertentu dalam Budaya Timur yang boleh membenarkan perbincangan di antara anak dengan ibu bapa.

Berdasarkan kepada analisis yang telah dibuat, bolehlah kita sampai kepada kesimpulan bahawa pelajarankah yang menjadi penyebab rakyat kita bersikap *anti-establishment* itu? Mungkin andaian yang sedemikian berat sebelah.

Ada faktor-faktor lain yang boleh mendorong seseorang ke arah itu, seperti kurangnya nasionalisme seseorang itu, kurangnya menitikberatkan tentang adab sopan dan tatasusila budaya Melayu, kegilaan dan pemujaan

terhadap budaya Barat yang diimport secara *total* dan nipisnya nilai-nilai Islam di dalam hati dan sanubari.

*Dewan Budaya, April 1985*

# 21

## ILMU DAN SIKAP BANTU KEJAYAAN

**A**khir-akhir ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad beberapa kali menyentuh keadaan ahli-ahli perniagaan Bumiputra terutama dalam menghadapi kelembapan ekonomi dunia yang kesannya terkena kepada negara ini...

Dalam temuramah yang disiarkan dalam majalah *Malaysian Business* keluaran Januari 1988, menjelaskan hakikat ahli perniagaan Melayu masih terlalu awal memerlukan sokongan kerajaan bagi menjayakan perniagaan mereka.

Ketika berucap di majlis makan malam anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu pada 17 Januari, sekali lagi Perdana Menteri menyentuh perkara yang sama. Beliau menyarankan agar pengusaha Bumiputera mengkaji semula kelemahan yang dihadapi bagi mengenalpasti masalah dan puncanya. Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus memberikan sebarang pertolongan kepada golongan itu.

Harus diakui golongan pengusaha Bumiputera sememangnya lemah dalam bidang-bidang tertentu. Dengan itulah golongan ini amat teruk dilanda 'recession' yang mengakibatkan terganggunya usaha kerajaan mewujudkan golongan pengusaha yang maju, sebagaimana yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dengan demikian maka matlamat DEB yang dilancarkan 17 tahun yang lampau juga tergugat.

Kewujudan DEB yang pada hakikatnya untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di Malaysia, memberi peluang

kepada sesetengah peniaga Bumiputera merangkul kesempatan berkecimpung dalam lapangan perniagaan. Tambahan pula pihak kerajaan sentiasa memberikan peluang kepada siapa sahaja menceburkan diri dalam lapangan itu, terutama apabila pihak kerajaan amat menyedari hakikat kaum Bumiputera sememangnya lemah dalam lapangan ekonomi.

Kesan daripada pengenalan dasar itu maka muncullah peniaga dan pengusaha Melayu yang menubuhkan pelbagai syarikat menjalankan beraneka perniagaan. Rata-rata mereka menjalankan perniagaan dengan cara usaha sama dengan kaum bukan bumiputera. Sememangnya begitu hasrat kerajaan agar setiap perniagaan dijalankan bersama di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Namun begitu ada juga kumpulan peniaga Melayu yang berani tampil menjalankan perniagaan secara persendirian.

Zaman kemakmuran tahun 70-an melahirkan pelbagai syarikat secara kilat kerana telah 'terhidu' peluang yang dapat diperolehi daripada kerajaan yang menjanjikan keuntungan berjuta-juta ringgit. Ramai Bumiputera yang termasuk dalam golongan '*businessman*'.

Tidaklah dapat dinafikan mengenai keuntungannya yang diperolehi oleh peniaga baru itu. Sekiranya tidak beroleh keuntungan, masakan ada deretan BMW dan Mercedes di perkarangan hotel-hotel besar setiap kali berlangsungnya persidangan agung UMNO. Dan ketika itu jugalah akan dapat dilihat kewujudan sebenar masyarakat peniaga Bumiputera. Mungkin tidak ramai pula yang memikirkan pada ketika itu keadaan yang sedemikian akan wujud hanya untuk sementara waktu sahaja.

Sejarah bukan tidak pernah mengajar kita keadaan yang sebegini. Kenaikan harga getah selepas Perang Dunia kedua menyebabkan orang Melayu lupa. Masyarakat Melayu, khususnya tidak sedar keadaan kemakmuran hanya hadir untuk seketika sahaja. Kita bukan tidak pernah mendengar pelbagai cerita (kebanyakannya lucu!) mengenai cara orang Melayu membelanjakan wang ketika mewah. Sayangnya kita tidak membuat kajian terperinci jumlah orang Melayu yang menjadi kaya kesan kenaikan harga getah itu.

Kesan kenaikan harga getah juga telah memperkayakan khazanah cerita lucu yang menjadi bahan ketawa masyarakat terpelajar kini. Tetapi rupa-rupanya masyarakat terpelajar kini, yang ramai antaranya golongan peniaga akan menjadi bahan ketawa masyarakat akan datang. Tentunya cerita-cerita seperti kisah bagaimana si anu yang dulunya ke sana ke mari menggondol '*briefcase*', tetapi kini kembali semula ke keadaan asalnya

iaitu menggondol guni yang berisi getah sekerap. Ada juga terdengar kisah beberapa buah Mercedes yang tersadai di pondok-pondok buruk kepunyaan 'taukeh balak yang sudah merempat kerana kehilangan perniagaan. Dan tidak kurang juga berita akhbar yang menyiarkan beberapa orang tokoh politik yang juga ahli perniagaan yang menjadi muflis.

Jikalau kita menungkan sejenak, tentu kita akan bertanya, mengapa keadaan terjadi demikian kepada kaum Bumiputera? Apakah keadaan yang sedemikian hanya menimpa kaum Bumiputera semata-mata? Apakah begini keadaan dan arah yang terpaksa dilalui oleh masyarakat yang sedang peralihan, ataupun adakah keadaan yang sebegini hanya menimpa orang Melayu sahaja? Apakah negara lain di dunia yang mengalami nasib yang sama seperti mana yang dialami oleh masyarakat Melayu ini?

Tidak sukar untuk dijawab dan dianalisa satu persatu. Bagaimanapun sekadar rumusan, faktor besar dan mutlak yang menjadi dan menjadikan keadaan sedemikian ialah disebabkan oleh kekurangan ilmu dalam hal ini iaitu yang berkait dengan harga perniagaan. Kebanyakan kaum Bumiputera yang turut serta dalam perniagaan adalah 'Pak Turut'. Mereka berniaga disebabkan peluang yang disediakan oleh Kerajaan. Pihak kerajaan menyediakan 'hidangan', di hadapan mata yang tugasnya hanyalah untuk 'menyuapkan ke mulut sahaja. Tidak banyak risiko yang terpaksa ditempuhi, keuntungan pula sudah boleh diramalkan.

Dalam keadaan yang sebegini memang tidak memerlukan kepakaran berniaga yang tinggi.

Jadi kalau begitulah keadannya kebanyakan ahli perniagaan kita memanglah tidak dapat maju dalam bidang yang mereka ceburi. Malah mereka sentiasa mengharapkan pertolongan daripada kerajaan dan menumpang tuah orang lain. Dulu kita sering juga mendengar beberapa andaian yang dibuat oleh bijak pandai mengenai nasib peniaga Melayu di hari muka. Selalu ditanyakan apakah akan terjadi kepada peniaga Melayu sekiranya kerajaan menghentikan pertolongan. Ada juga yang sangsi mengenai keupayaan saudagar Melayu meneruskan perniagaan sekiranya tidak dibantu oleh bukan Bumiputera.

Saudagar dan peniaga Bumiputera adalah diibaratkan seperti seorang yang dalam keadaan kelemasan yang hampir tenggelam dengan tangan yang melambai-lambai mengharapkan pertolongan. Dan sekiranya dapat mencapai walaupun seketul sabut yang hanyut sudah boleh diharapkan tempat berpaut.

Keadaan ekonomi dunia yang tidak menyenangkan ini rupa-rupanya membawa rahmat juga kepada kita, sekurang-kurangnya menyedarkan orang Melayu untuk berbuat sesuatu. Dengan terdedahnya pelbagai perkara yang menyedarkan kita, selama ini rupanya ada di antara kita yang hidup dalam kepura-puraan. Barulah disedari sebenarnya segala Mercedes dan BMW yang berderet itu sebenarnya bukanlah kepunyaan si pemilik yang sebenarnya, tetapi adalah kepunyaan bank. Barulah kita sedari ramai di kalangan orang Melayu yang menggelarkan diri mereka '*businessman*' itu sebenarnya masih belum bertaraf demikian.

Untuk menempuh hari muka, terutama dalam soal perniagaan kaum Bumiputera tentunya akan lebih berhati-hati. Kaum Bumiputera seharusnya menghindarkan diri daripada hanya menjadi '*sleeping partner*' dan hendaklah rebah dan bangun bersama-sama dengan rakan daripada kaum bukan Bumiputera. Biarlah sedikit keuntungan yang diperolehi asalkan pengalaman berharga dapat ditimba.

Diukur pula disegi tenaga manusia disediakan oleh kerajaan untuk menempuh hari muka, kita tidak perlu bimbang. Di segi teori kita tidak perlu berasa bimbang. Di segi teorinya, melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi sama ada di dalam atau di luar negeri baik kepada sesebuah negara. Negara kita kini mengalami lebihan siswazah yang bermakna kita tidak lagi mengalami kekurangan tenaga manusia. Cuma yang menjadi persoalan kita ialah sama ada bidang kajian siswazah berkenaan bersesuaian dengan kehendak dan keperluan negara. Kita bimbang kalau-kalau kita banyak menghasilkan graduan yang berkelulusan '*civil engineering*' sedangkan negara memerlukan siswazah yang berkelulusan '*mechanical*' dan '*electrical engineering*'.

Jika negara-negara lain menjadi ukuran pula, maka antara ribuan siswazah yang dapat kita hasilkan itu tentu ramai yang berhasrat bekerja sendiri. Dalam hal ini kita masih belum dapat menentukan haluan siswazah kita. Yang jelasnya ramai antara mereka mengharapkan kerajaan mencarikan pekerjaan. Masih ramai yang sanggup bekerja dengan kerajaan walaupun gaji yang diberikan tidak seberapa. Dan anehnya walaupun kerajaan memberikan kelonggaran pada perjanjian mereka namun masih ramai yang menadah kepada kerajaan.

Usah dinafikan ramai ahli perniagaan Bumiputera banyak bergantung kepada rakan niaga daripada kalangan bukan Bumiputera. Tugas rakan tadi ialah untuk membuat perhubungan (contact) dengan pihak-pihak tertentu



bagi mendapatkan satu-satu projek itu ialah bukan Bumiputera.

Dalam hal ini jangan dipersalahkan kaum bukan Bumiputera kerana mengaut keuntungan yang lebih, kerana dia sebenarnya menjalankan perniagaan.

Yang agak membahayakan kepada pemikiran orang Melayu khususnya yang terbiar secara langsung dalam perniagaan ialah anggapan kerajaan akan sentiasa memberikan 'perlindungan' kepada peniaga-peniaga Bumiputera. Dengan itu juga harapan sentiasa diletakkan ke atas bahu kerajaan untuk menyediakan bantuan dalam pelbagai bentuk. Ekoran daripada keadaan yang sedemikian jugalah yang melahirkan gelaran jolokan masyarakat subsidi.

Kumpulan masyarakat yang mendapat jolokan demikian bukanlah terhad kepada yang tinggal di kawasan luar bandar sahaja tetapi juga masyarakat di kota-kota besar yang termasuk golongan elit yang sentiasa 'minta-minta' kepada kerajaan.

Kita akan menempuh hari muka yang penuh cabaran. Kita meletakkan harapan yang penuh kepada golongan peniaga Bumiputera untuk menebus kembali maruah bangsa. Kita sentiasa dikaitkan dengan satu bangsa yang lemah dalam lapangan ekonomi. Oleh itu haruslah kita mengorak langkah sekali lagi atau beberapa kali lagi bagi menjamin agar kita tidak akan kecewa lagi.

*Berita Harian, 28 Februari 1988*

# 22

## SIFAT MERENDAH DIRI DI KALANGAN ORANG MELAYU APAKAH HARUS DITERUSKAN?

**K**adang-kadang kita seolah-olah berada di satu persimpangan yang penuh kontroversi apabila cuba mempersoalkan dua sifat asas yang dipusakai oleh orang Melayu iaitu sifat 'merendah diri' dan sifat 'menghormati' orang lain. Mungkin telah banyak makalah yang telah mengupas kedua-dua sifat ini, namun kerana memikirkan sifat-sifat ini boleh menentukan sikap dan pendirian orang Melayu maka apalah salahnya dianalisa sekali lagi dari sudut yang lain pula.

Ramai pemikir Melayu telah mula mengetengahkan pendapat yang mencadangkan agar orang Melayu harus menghapuskan sifat-sifat ini kerana kedua-dua sifat ini telah banyak menjejaskan perkembangan kemajuan orang Melayu dalam beberapa aspek kehidupan. Dan sebaliknya mengesyorkan agar orang Melayu bersifat 'kurang ajar' dalam konteks budaya Melayu.

Sebelum kita pergi lebih jauh membincangkan persoalan ini harus ditanya dulu, apakah benar sifat 'murni' orang Melayu itu yang menyebabkan orang Melayu ketinggalan dalam mengejar kemajuan. apakah benar sifat-sifat ini telah menjadi batu penghalang dalam kemajuan orang Melayu. Ataupun boleh dipersoalkan juga bahawa kedua-dua sifat itu telah menonjolkan kepada dunia tentang kemurnian keagungan bangsa Melayu yang terkenal dengan sifat lemah lembut, berbudi bahasa, merendah diri dan sentiasa menghormati orang lain.

Sebelum kita sampai kepada kesimpulan yang jitu, harus dirujukkan perbincangan ini kepada sejarah yang telah kita lalui. Dengan demikian

tentulah titik tolak analisa kita bermula daripada sejarah keagungan Melaka, kerana pada ketika itu orang Melayu bukanlah dianggap sebagai satu bangsa yang lemah tetapi telah dipandang sebagai satu bangsa yang kedudukannya 'at par' dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Penulis-penulis sejarah Barat sendiri telah mengakui bahawa orang Melayu memang maju dalam perdagangan antarabangsa. Penglibatan mereka telah menjangkau sampai ke seluruh pelosok alam Melayu. Mereka membuat hubungan dengan negeri China, India, Arab dan keseluruhan Kepulauan Melayu. Yang paling penting ialah Melaka telah dijadikan pusat perdagangan yang dapat menarik saudagar-saudagar bertumpu ke sana seperti mana peranan pelabuhan Singapura hari ini.

Di antara sebab-sebab yang membolehkan Melaka menjadi pusat perdagangan yang penting itu ialah kebolehan pentadbir-pentadbir di Melaka yang berjaya mengendalikan pentadbiran pelabuhan itu. Berdasarkan hakikat itu tentulah asas pentadbiran Melaka pada ketika itu berasaskan kepada beberapa sifat murni orang Melayu sebagaimana yang telah dijelaskan pada awal tadi. Dan dengan mengamalkan sifat-sifat demikian orang Melayu turut maju setanding dengan bangsa-bangsa lain.

Sebaliknya sifat kurang ajar Portugis pula sangat-sangat dibenci oleh saudagar-saudagar 'Timur' yang berdagang. Dengan sikap sombong dan bongkak Portugis telah menyebabkan saudagar-saudagar lari dan meninggalkan pelabuhan Melaka lalu mencari sebuah pelabuhan lain yang ditadbir oleh orang Melayu, di Aceh.

Kesimpulan yang diperolehi daripada peristiwa sejarah ini ialah bahawa orang Melayu tidak harus menghapuskan sifat murninya jika lawan berinteraksinya itu orang Melayu sendiri atau orang-orang dari Kepulauan Melayu. Tetapi jika orang Melayu berhubungan dengan masyarakat lain, maka satu strategi baru harus difikirkan agar kita tidak terpedaya sebagaimana yang telah terukir dalam sejarah kita.

Orang Melayu mula mundur selepas kedatangan bangsa-bangsa Barat seperti Portugis, Belanda dan kemudiannya Inggeris. Jelas sekali kejatuhan orang Melayu apabila bertapaknya bangsa-bangsa ini di tanah air kita. Orang Melayu telah mengalami satu kejutan budaya yang bukan kepalang, sehinggakan terencat perkembangan kemajuannya dalam segenap lapangan. Orang Melayu tidak pernah menggunakan kekerasan dalam bidang perdagangan tetapi apabila datang Portugis mereka telah menggunakan beberapa strategi perdagangan yang tidak jauh berbeza dengan strategi peperangan.

Selepas kita mencapai kemerdekaan, kita telah terpinga-pinga tentang strategi apakah yang paling sesuai untuk kita gunakan bagi menjamin kejayaan orang Melayu dalam berbagai bidang. Orang Melayu memang telah betul-betul ketinggalan dalam saat-saat negara ini mencapai kemerdekaan.

Dalam zaman pendudukan Inggeris orang Melayu telah mengalami berbagai konflik jiwa. Orang Melayu mundur dalam serba-serbi lapangan. Malah segala yang buruk telah diletakkan ke bahu orang Melayu. Orang Melayulah yang malas. Orang Melayu yang *easy-going*. Orang Melayu lemah dalam pelajaran. Orang Melayu tidak pandai berniaga dan berbagai-bagai lagi yang mengutuk perasaan dan maruah orang Melayu.

Orang Melayu telah dijadikan tempat 'meletakkan tangan'. Mungkinkah sifat 'merendah diri' dan 'menghormati orang lain' itu yang menyebabkan orang lain tidak silu-silu lagi memperkatakan sesuatu yang buruk terhadap orang Melayu. Bukan sahaja orang asing tidak menaruh kepercayaan kepada orang Melayu malah golongan orang Melayu atasan (kononnya) juga sentiasa menempelak bangsa sendiri.

Selepas mencapai kemerdekaan, orang Melayu masih lagi terbawa-bawa dengan sifat rendah dirinya, tidak berani menonjolkan dirinya walaupun kebolehannya ada. Perhatikan di majlis-majlis keramaian ataupun satu perhimpunan. Kebanyakan orang Melayu gemar berkumpul di belakang. Seolah-olah membayangkan mereka tidak ada keyakinan diri untuk berada di barisan hadapan bersama-sama orang lain.

Satu contoh yang lain yang dapat kita lihat sampai hari ini ialah ketidaksanggupan guru-guru Melayu berkelulusan bahasa Inggeris untuk mengajar bahasa Inggeris di sekolah. Seolah-olah guru-guru Melayu tidak layak untuk mengajar bahasa Inggeris walaupun kelulusan yang diperolehinya boleh melayakkan dirinya mengajar bahasa itu. Ini merupakan satu hakikat yang tidak dapat dinafikan.

Ketidaksanggupan guru-guru Melayu mengajar bahasa Inggeris ini telah menjadi *standard pattern* atau pegangan kebanyakan guru besar yang tidak mahu menyerah tugas mengajar bahasa Inggeris kepada guru-guru Melayu. Kadang-kadang ada terdapat kelulusan guru bukan Melayu yang mengajar bahasa Inggeris itu lebih rendah daripada kelulusan guru-guru Melayu yang sepatutnya mengajar bahasa itu.

Ini adalah beberapa contoh peristiwa malang yang menimpa bangsa Melayu akibat daripada perasaan selalu merendah diri yang membawa kesan negatif kepada peribadi bangsa kita. Dan perasaan ini terus tersemat di hati

dan sanubari bangsa Melayu. Peristiwa 13hb. Mei 1969, mungkin cuba mengubah sedikit perasaan itu tetapi dapat dikatakan tidak dapat mengikiskannya langsung.

Era Tun Abdul Razak dapat diperhatikan sebagai satu zaman pentadbiran yang cuba memulihkan kehidupan orang Melayu dalam beberapa aspek kehidupan. Kewujudan Dasar Ekonomi Barunya dan beberapa dasar yang lain tidak syak lagi adalah sebagai usaha untuk memajukan kehidupan fizikal orang Melayu di samping pembangunan mental. Kejayaan dapat dilihat hasil daripada usaha gigih yang cuba dilaksanakan oleh Perdana Menteri itu, namun segala kejayaan lebih mirip kepada kejayaan fizikal dan tidak boleh dibanggakan kejayaan mentalnya.

Mujurlah apabila muncul Dr. Mahathir, beliau telah menitikberatkan pembangunan kedua-dua bidang ini dan lebih jauh dari itu telah cuba menerapkan nilai-nilai Islam dan pembentukan semangat dan menanamkan kepercayaan 'yakin diri' di kalangan rakyat.

Melalui konsep 'Kepimpinan Melalui Teladan' beliau telah cuba sedaya upayanya untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa bangsa Melayu bukanlah bangsa yang boleh diperkotak-katikkan, tetapi adalah merupakan satu bangsa yang mempunyai maruah tinggi. Dr. Mahathir telah menunjukkan beberapa contoh teladan yang harus diikuti oleh rakyat dalam tindak tanduk mereka.

Dr. Mahathir telah membuka mata rakyat, mengejutkan orang Melayu agar bangun dari tidur. Di samping itu tindakannya juga telah memeranjatkan kebanyakan negara dunia yang dulunya menganggap Malaysia sebagai sebuah negara mundur, di mana 'penduduknya masih bertelanjang tinggal di atas pokok'. Anggota perwakilan di Bangsa-bangsa Bersatu juga terpegun mendengar Perdana Menteri dari sebuah negara mundur telah mampu mempersoalkan tentang isu Antartika dan menyerang pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam peristiwa *Sabra* dan *Chatila*.

Apakah harus bangsa Melayu terus merendah diri jika sudah ada anak bangsa kita yang telah diberi kepercayaan untuk menjadi Pengerusi Penasihat Belia Bangsa-Bangsa Bersatu pada satu ketika dulu. Dan anak Melayu yang telah diberi kepercayaan itu tidak lain daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim. Apakah pengiktirafan Prof. Engku Aziz sebagai salah seorang pakar ekonomi dunia itu tidak boleh dijadikan ukuran tentang kebolehan orang Melayu? Dan entah berapa banyak pelajar Melayu yang mendapat kelulusan terbaik di pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri yang dapat mengatasi pelajar-

pelajar lain dari seluruh dunia.

Kesimpulannya apabila direnung kembali tentang persoalan sama ada harus dikikis perasaan merendahkan diri di kalangan orang Melayu, tentulah keputusan 'hitam putih' tidak dapat dibuat. Walau bagaimanapun perasaan merendahkan diri adalah warisan datuk nenek kita dan seharusnya dikekalkan sebagai satu nilai murni bangsa. Namun demikian datuk nenek kita juga berpesan "merendahkan tidak bererti untuk dipijak".

*Dewan Budaya, Februari 1984*

# 23

## CABARAN USAHAWAN BUMIPUTERA

**L**aporan *The Asian Wall Street Journal* 19 Julai 1988 memeriksa ramalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar sekurang-kurangnya lima peratus tahun itu.

Di samping itu, ada ahli ekonomi negara yang berani meramalkan pertumbuhan ekonomi dalam lingkungan enam hingga tujuh peratus tahun itu. Sesungguhnya ini suatu kadar kenaikan yang besar jika dibandingkan dengan kenaikan pada 1987 yang hanya dua peratus.

Ramalan-ramalan ini bukanlah tidak berasas. Ia ditunjukkan oleh kenaikan harga kebanyakan bahan mentah negara seperti getah, kelapa sawit dan bijih.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengumumkan bahawa Malaysia ber-cadang membenarkan syarikat broker saham luar negara menambah ekuiti mereka dalam firma saham di Malaysia daripada 30 peratus kepada 49 peratus. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan melihat syarikat broker saham dalam negara menakluki pasaran luar. Di samping itu, langkah sedemikian diambil untuk mengukuhkan keyakinan pelabur asing terus melabur di Malaysia.

Berdasarkan suasana ini ternyata masa hadapan negara agak cerah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Tentulah banyak aspek pembangunan negara yang dapat dipulihkan apabila ekonomi tumbuh dengan pesat. Yang paling penting untuk kita fikirkan ialah mengenai program Dasar Ekonomi

Baru yang hampir tamat tempohnya. Dapatkah kita memenuhi hasrat dasar itu dalam jangka masa yang ditetapkan? Berjayakah kita menghasilkan usahawan Bumiputera yang terkandas terutama apabila mengharung keadaan ekonomi lembap, apakah persediaan yang ada pada mereka bagi menempuh zaman pertumbuhan ekonomi sehingga tamatnya DEB pada 1990.

Tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan dan pencapaian yang paling ketara Dasar Ekonomi Baru ialah dalam bidang pendidikan. Keadaan ini dapat diukur di segi kejayaannya menambah golongan Bumiputera mendapat peluang pendidikan sama ada pendidikan rendah, menengah mahupun tinggi.

Tanaman modal kita dalam lapangan pendidikan mengagumkan banyak negara, terutamanya negara-negara sedang membangun yang lain. Keupayaan kerajaan menghantar pelajar mendapat pendidikan di seberang laut menunjukkan betapa tingginya hasrat kerajaan untuk melahirkan golongan cerdik pandai memimpin negara dalam pelbagai bidang. Kajian yang dijalankan oleh NAFSA sebuah pertubuhan yang mengendalikan pelajar asing di Amerika Syarikat) telah menunjukkan bahawa pelajar dari Malaysia menduduki tempat kedua (tempat pertama ialah Taiwan) di segi jumlah pelajar dari negara asing yang berada di USA pada tahun 1985. Bilangan pelajar di USA pada ketika itu ialah 32 000 orang. Ini tentunya tidak termasuk pelajar kita yang menuntut di negara lain seperti United Kingdom, Australia atau New Zealand.

Penekanan kepada lapangan pendidikan yang dilaungkan dalam era DEB seolah-olah memberi isyarat kepada golongan Bumiputera di bandar atau di luar bandar, bahawa ijazah atau diploma itu menjadi syarat penting untuk menempuh hidup sempurna dan sebagai tiket kepada mobiliti sosial. Hasrat ini disempurnakan pula oleh pihak kerajaan dengan memberikan pelbagai bantuan dan pertolongan bagi mencapai cita-cita itu.

Berdasarkan satu kajian tenaga manusia yang dilakukan oleh Unit Perancang Ekonomi untuk Rancangan Malaysia Ketiga pada tahun 1973, mendedahkan kekurangan yang amat ketara mengenai tenaga mahir pada Bumiputera. Laporan itu juga mendedahkan mengenai keperluan tenaga manusia yang sepatutnya sehingga 1990, dan mencadangkan agar sesuatu langkah perlu dilakukan bagi menghasilkan tenaga Bumiputera yang terlatih dalam bidang sains dan teknik. Ini akan dapat dilakukan hanya dengan menyediakan peluang-peluang pendidikan yang sempurna di peringkat rendah dan menengah, lebih-lebih lagi di peringkat tinggi.



Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa bidang-bidang profesional hanya dapat diterokai oleh Bumiputera (secara beramai-ramai) hanya sejak 1973. Waktu ini juga kesedaran mengenai betapa perlunya tenaga manusia Bumiputera terbabit dalam bidang sains dan teknik memuncak, iaitu setelah dibincangkan di pelbagai peringkat.

Bertolak daripada ini, apakah dapat dibuat kesimpulan bahawa faktor itulah yang menyebabkan Bumiputera gagal dalam bidang perniagaan? Ketiadaan ahli-ahli perniagaan yang betul-betul mahir dalam bidang pengurusan adalah faktor terpenting yang membawa kepada kegagalan Bumiputera mencapai DEB. Hakikat ini beberapa kali disuarakan oleh pemimpin-pemimpin negara. Niat hati nak peluk gunung apakan daya tangan tak sampai.

Dalam ucapannya ketika merasmikan Eksponiaga (pameran barang-barang yang dibuat oleh syarikat-syarikat Bumiputera) di Pusat Dagangan Dunia Putra baru-baru ini, Perdana Menteri menasihatkan usahawan Bumiputera agar tidak terlalu mengharap kepada kerajaan untuk menolong dan mentadbir perniagaan mereka sekiranya mereka mahu terus berjaya dalam lapangan yang diceburi. Dia seterusnya menasihatkan mereka agar memberikan tumpuan terperinci kepada bidang perniagaan mereka itu dan tidak terlalu memikirkan bagaimana hendak membesarkannya.

Sepatutnya kegagalan pada tahun-tahun lampau dijadikan pengalaman untuk menebus segala kegagalan itu. Kini keadaan ekonomi negara kita mulai pulih dan pertumbuhan ekonomi kita mungkin dapat mengatasi pertumbuhan sebagaimana yang dialami pada akhir tahun 70-an dulu. Perhatikan perkembangan ekonomi Malaysia di sekitar 1970-1980. Pengeluaran Negara Kasarnya bertambah dengan kadar purata 7.8 peratus setiap tahun. Dengan kadar pertumbuhan itu, pendapatan per kapita negara juga bertambah. Misalnya pendapatan per kapita pada 1980 ialah 60 peratus lebih tinggi daripada pendapatan per kapita pada 1970.

Bagaimanapun pemerintah pasti akan lebih berwaspada supaya tidak tersilap. Cabaran yang perlu kita hadapi ialah di segi bagaimana kita menguruskan ekonomi kita dengan menggunakan bahan mentah kita yang begitu banyak. Paling menyenangkan ialah apabila harga bahan-bahan mentah yang kita keluarkan naik. Ini sudah cukup untuk menunjukkan bahawa masa hadapan ekonomi negara akan berkembang dengan lebih pesat.

Perancangan pentadbiran negara pada masa-masa akan datang juga tentunya ke arah pendemokrasian setiap aspek kehidupan sebagaimana

yang dikehendaki oleh DEB. Kita tidak mahu lagi sejarah 'kemakmuran' 1970-an berulang lagi di mana kemakmuran negara masih dinamik oleh segelintir manusia sahaja. Jika ahli perniagaan yang akan kita lahirkan, ahli perniagaan itu bukan lahir secara *ad hoc* yang lebih banyak mengharapkan subsidi kerajaan daripada berusaha sendiri. Kita patut melahirkan usahawan yang berkebolehan dan mampu untuk bertahan walaupun dalam keadaan ekonomi bagaimana sekalipun dan bukan usahawan yang 'rapuh', 'mudah luntur' dan 'mudah cair' apabila berhadapan dengan suasana ekonomi yang mencabar.

Negara perlu melahirkan ahli perniagaan cum nasionalis, agar setiap tindak tanduk yang dilakukan itu dilihat di segi kepentingan negara dan bangsa. Ahli perniagaan yang memikirkan kepentingan dan kekayaan diri semata-mata seharusnya tidak diberikan tempat. Pengalaman lampau sudah cukup mengajar kita, kerana melahirkan ahli perniagaan yang terus-terusan mengangakan mulut untuk disuap oleh kerajaan akan memberi padah yang besar kepada Bumiputera seluruhnya mahupun kepada individu itu sendiri.

Menjelang 1990 adalah jangkamasa yang paling mendebarkan bagi kita, kerana pada tahun itulah berakhirnya program DEB kita. Walaupun kita berjaya dalam beberapa aspek, menepati hasrat yang terkandung dalam DEB itu, namun harus tidak dilupai bahawa kita masih gagal dalam beberapa lapangan yang lain.

Tetapi kita masih belum terlambat, yang penting difikirkan ialah bagaimana kita harus bekerja bagi mencapai matlamat.

Dalam hal ini kita perlu mengejar masa dan bukan menghabiskannya dengan bercakaran atau bertelagah.

*Berita Harian*, 16 Ogos 1988

# 24

## CABARAN PENDIDIKAN KURUN KE-21

**P**erkembangan dan pembaharuan bidang pendidikan di negara ini "memeranjatkan" orang ramai, terutama mereka yang tidak dapat mengikutinya dari dekat atau yang lansung tidak mahu tahu mengenai perkembangan demikian. Justeru itu tentulah banyak komen mengenai perkembangan yang "mendadak" itu.

"Falsafah Pendidikan", "Pembakuan bahasa KBSM", "Kempen Kebersihan di Sekolah", "Insan Kamil", "Pembelajaran Bahasa Asing", "Kemahiran Manipulatif", "Penekanan Kepada Pelajaran Teknik dan Vokasional" adalah beberapa elemen yang terkandung dalam reformasi pendidikan yang sedang dilaksanakan. Ini semua dilakukan bagi melengkapkan generasi hari ini menghadapi cabaran kurun ke-21.

Sungutan dan kritikan mengenai perubahan itu bukan saja dibincangkan menerusi akhbar tetapi bergema juga di sidang Parlimen dan persidangan agung parti politik. Masalah pembakuan bahasa Malaysia dan penekanan kepada bahasa asing khususnya bahasa Inggeris banyak mendapat kritikan di samping itu pihak pembangkang juga menggunakan isu ini untuk menimbulkan kemarahan rakyat mengenai dasar yang diperkenalkan.

Persoalannya ialah, apakah salah mempelajari Bahasa Inggeris jika Bahasa Melayu yang kita perjuangkan sebagai bahasa Kebangsaan telah begitu mantap dan kukuh kedudukannya? Apakah ruginya mempelajari bahasa asing sedangkan Bahasa Melayu telah pun diiktiraf oleh semua kaum

di Malaysia sebagai bahasa rasmi negara? Jadi penekanan kepada bahasa Inggeris, Perancis, Arab dan sebagainya bukanlah bertujuan mendewakan bahasa berkenaan dan memperlengkapkan diri menghadapi sebarang kemungkinan. Rakyat di negara maju mempelajari pelbagai bahasa dan ini tidak pula bererti bahawa mereka lemah di segi perjuangan semangat kebangsaan mereka. Justeru itu adalah wajar juga bagi bangsa kita yang sedang membangun ini, mempelajari pelbagai bahasa tanpa mengabaikan bahasa kebangsaan kita.

Walaupun menghadapi rintangan, Kementerian Pendidikan tidak mahu tunduk kepada "ancaman" dan meneruskan pembaharuan dan perubahan berkenaan. Lagipun tentulah pihak-pihak tertentu di Kementerian Pendidikan cukup bersedia dengan alasan yang rasional sebelum sesuatu tindakan dilaksanakan. Perubahan inovatif yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir pada awal pentadbirannya, 'Memandang ke Timur', 'Bersih, Cekap dan Amanah', 'Punch Card', 'Buy British Last' adalah antara "letupan" yang memeranjatkan rakyat Malaysia terutama yang masih "nyenyak" dengan mimpi entah tahun 60-an dan 70-an. Kerajaan ketika itu juga tidak kurang mendapat tentangan dan kritikan ramai, termasuk dari kalangan pemimpin UMNO sendiri.

Namun demikian di atas keyakinan terhadap perubahan yang diperkenalkannya itu, Dr. Mahathir meneruskannya walaupun ramai yang mengatakan beliau bergerak terlalu pantas. Sehingga kini, prinsip yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir itu masih dapat bertahan, sungguhpun ada penyesuaian kecil di sana sini.

Kini hasilnya terserlah, Dr. Mahathir masih tegak dan gagah. Beliau dikenali seluruh dunia. Penghormatan yang diberikan berasaskan kepada sumbangannya kepada negara dan juga kepada masyarakat antarabangsa. Secara tidak langsung dapat dikatakan bahawa slogan "Memandang Ke Timur" itu melahirkan Proton Saga walaupun ini juga mendapat kecaman pada awalnya.

Perubahan daya fikir masyarakat Malaysia yang diasaskan oleh Dr. Mahathir pada awal pentadbirannya membuahkan banyak kemajuan kepada negara, walaupun masih ada yang tidak mahu mengakui hakikat ini. Kemajuan dan kemakmuran masa kini adalah hasil perancangan teliti dan berkesan oleh pemimpin negara. Sungguhpun kita tidak mahu mengakui hakikat yang negara Malaysia sudah boleh dianggap negara Perindustrian Baru (seperti Jepun, Taiwan, Korea, Hong Kong dan Singapura), namun

sebenarnya ada yang mengiktirafkan Malaysia sedemikian.

Profesor Fong Chan Onn dari Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, menulis satu rencana berjudul, *Malaysia: In Pursuit of Newly Industrializing Economy Status* dalam majalah *Asian Development Review* menyatakan: "Dengan kemunculan Malaysia sebagai ahli Asian Leading Six tentunya Malaysia akan memainkan tugas sebagai kuasa yang akan menstabil dan meneruskan pertumbuhan ekonomi di kawasan Asia dan Pasifik."

Sebagai negara yang sentiasa yakin kepada mekanisme pasaran bebas, Malaysia adalah diharapkan menjadi juara dalam menghapuskan segala rintangan perdagangan, juara di segi penggalakan kemasukkan modal asing ke dalam negara dan sebagai katalis kemajuan ekonomi dan teknologi dan juara dalam penggalakan kerjasama serantau. Keadaan yang sebeginilah yang diperlukan oleh negara-negara lain untuk sama-sama berganding bahu sebagai Negara Industri baru selepas tahun 2000.

Dengan latar belakang ini, maka wajarlah masyarakat Malaysia tahun 2000 diperlengkapkan dengan pelbagai "senjata" pada masa kini. Kesilapan ataupun kegagalan kita mendidik mereka pada hari ini akan melahirkan masyarakat yang tempang di hari muka.

Kehendak negara kita dalam kurun ke-21 tentulah berlainan dengan kehendak dan keperluan negara kini. Begitu jugalah sekiranya dibandingkan keperluan kini dengan keperluan negara pada tahun 50-an, 60-an atau 70-an. Sistem pendidikan masa lampau dapat memenuhi keperluan semasa, terutama di segi usaha penyatuan kaum dan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Walaupun agak sukar untuk menyatakan objektif ini seratus-peratus berjaya, namun tentulah lebih sukar lagi sekiranya kita menafikan langsung mengenai kejayaannya. Pendek kata apa yang dihasratkan oleh sistem pendidikan kita pada ketika itu sedikit sebanyak menelurkan kejayaan juga.

Jadi, memandangkan keperluan negara yang pelbagai kini dan masa akan datang, maka tentulah kerajaan memikirkan bentuk masyarakat yang akan dilahirkan nanti, supaya sejajar dengan kehendak dan keperluan negara. Ini bermakna penumpuan ekonomi kita mahu tidak mahu akan bergerak di atas landasan industri dan perdagangan.

Sungguhpun kita berhasrat melahirkan ribuan doktor, ahli sains, akaun-tan dan sebagainya, kita tidak lupa juga bahawa cendekiawan yang akan kita lahirkan harus tidak lupa akan tanggungjawab kepada agama,

bangsa dan negara di samping kecintaan dan penghormatan yang tidak luntur kepada ibu bapa, sanak saudara dan sahabat handai. Negara tidak mahu melahirkan cerdik pandai yang hanya mahu mementingkan diri dan mengabaikan kepentingan orang lain. Sebab itulah maka pendidikan ke arah itu dimulai dari kanak-kanak yang masih "rebung". Itulah sebenarnya matlamat falsafah pendidikan yang diheboh-hebohkan itu.

Mahu tidak mahu kita mesti bergerak. Pemimpin yang dinamik harus bergerak dan memberikan petunjuk kepada yang dipimpin. Tentulah tidak wajar agaknya bagi seseorang pemimpin menunggu kebulatan kata dari seluruh rakyat sebelum sesuatu perubahan dan perancangan dapat dijalankan. Pemimpin semestinya "*farsighted*" mengenai apa yang akan berlaku dua atau tiga puluh tahun akan datang.

Sebelum merdeka dan sehinggalah beberapa tahun selepas kita mencapai kemerdekaan, ekonomi negara hanya bergantung kepada sumber bijih dan getah. Apakah akan terjadi jika amalan yang sedemikian masih diteruskan? Tentulah tidak dapat dibayangkan mengenai azab dan kesengsaraan yang akan dialami dalam tahun 1985 dulu apabila harga bahan-bahan komoditi ini jatuh menjunam.

Pemerintahan Tun Abdul Razak menyedari hakikat bahawa negara mungkin hancur jika negara hanya berharap kepada pengeluaran dua bahan eksport. Lantas disarankan mengenai pelbagai pengeluaran bahan eksport. Ini bermakna di samping pengeluaran bijih timah dan getah, Malaysia seharusnya mengeluarkan bahan eksport lain. Kelapa sawit dan nanas dijadikan bahan eksport.

Dalam zaman pentadbiran Dr. Mahathir kini walaupun bijih, getah, kelapa sawit dan yang lain masih menjadi bahan eksport utama negara, tetapi lebih banyak kepelbagaian eksport mesti dicapai perindustrian. Oleh itu negara memerlukan ribuan jurutera, akauntan dan ahli profesional yang akan mendokong aspirasi negara.

Penggerak utama ke arah pencapaian matlamat ini tentunya bermula daripada sistem pendidikan. Di samping itu juga disedari bahawa negara masih mengalami kekurangan pekerja yang serius dalam bidang teknik dan vokasional. Lantas Kementerian Pendidikan membina lebih banyak sekolah teknik dan vokasional di seluruh negara di samping memberikan latihan berkesan kepada guru.

Bagaimanapun dalam usaha membawa perubahan ini, ada ibu bapa yang bersungut bahawa anak-anak mereka ini perlu datang ke sekolah lebih

awal daripada sepatutnya dan kini diperlukan sembahyang berjemaah dan mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Tetapi mengapa terjadi demikian?

Guru juga turut gusar. Mereka dibebankan dengan pelbagai tanggungjawab baru. Sekolah mesti bersih; kegiatan kokurikulum mesti dilaksanakan dengan berkesan. Di samping itu semestinya ada keseimbangan di antara hal-hal keduniaan dan hal akhirat. Cuti guru dipendekkan. Pendek kata di atas bahu gurulah diletakkan segala tanggungjawab bagi melahirkan insan kamil, yang dicita-citakan.

*Berita Harian, 6 Mac 1990*

# 25

## PENGARUH BUDAYA LUAR-BAGAIMANA MEMBENDUNGNYA

**P**engenalan TV3 atau Sistem Televisyen Malaysia Berhad telah menimbulkan kontroversi di kalangan masyarakat khususnya di sekitar Kuala Lumpur. Ramai yang memuji siarannya tetapi tidak kurang juga yang memberikan teguran tentang keburukan dan kesan negatifnya.

Bagi yang meminati rancangan hiburan akan mengatakan bahawa siaran TV3 agak jauh lebih baik daripada rancangan yang dihidangkan oleh RTM. Tetapi ada juga pandangan yang mengatakan bahawa TV3 berunsur hiburan semata tanpa menyiarkan rancangan-rancangan yang berbentuk agama atau pendidikan.

Kita harus sedar bahawa sememang begitulah keadaannya TV3. Jikalau tidak menyiarkan rancangan hiburan yang baik dan 'up to-date', bagaimana mereka boleh dapat kekal, kerana punca pendapatan mereka adalah daripada sumbangan iklan-iklan. Dan tentulah tidak logik jika TV3 dipertanggungjawabkan untuk menyiarkan rancangan-rancangan berbentuk agama. Lagi sekali kita harus jangan lari dari hakikat bahawa tidak amai penonton yang meminati rancangan agama. Namun demikian bagi yang meminati rancangan agama bolehlah rujuk semua kepada rancangan-rancangan yang disiarkan melalui RTM.

Di samping itu tidaklah pula mustahil kalau TV3 menyiarkan siaran berbentuk agama. Para pegawai TV3 eloklah juga berhenti sebentar di Timur Tengah dalam perjalanan ke London atau ke Amerika Syarikat untuk mene-



roka filem-filem yang bermutu. Apalah salahnya berhenti seketika dan tinjaulah filem-filem cereka atau rencana dari negara-negara tersebut.

Ada juga sungutan yang mengatakan bahawa siaran TV3 akan meruntuhkan maruah anak muda kita dalam jangka masa panjang. Mungkin betul. Tetapi apakah TV3 sahaja yang dipertanggungjawabkan kerana kejatuhan moral anak muda. Bagaimana pula dengan faktor-faktor lain?

Pengaruh filem yang ditayangkan di panggung wayang, malah luar negeri dan juga dalam negeri, filem-filem yang disiarkan melalui RTM dan media-media lain juga sama-sama bertanggungjawab terhadap keruntuhan moral anak muda hari ini. Dan mungkinlah dengan siaran TV3 nanti keadaan ini akan menjadi bertambah meruncing.

Di sinilah timbulnya saranan agar rancangan-rancangan berbentuk agama itu harus disiarkan oleh TV3 bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat kita. Sekurang-kurangnya rancangan berbentuk agama boleh dijadikan sebaai pengimbang kepada rancangan-rancangan hiburan yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak itu.

Walau bagaimanapun satu hal perlu difikirkan kembali ialah bahan dari Barat yang telah hampir-hampir menghancurleburkan budaya Melayu, mempunyai motif dan objektif tertentu. Penulis-penulis Barat telah menyelitkan beberapa pengajaran dan pengaruh yang kadang-kadang kurang disedari oleh penonton. Misalnya ada pendapat yang mengatakan bahawa siri *The Little House on The Prairie* adalah satu usaha untuk menerapkan nilai agama Kristian.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa ada filem yang dibawa ke negara kita berbentuk pendidikan contohnya *Eight is Enough*, satu siri drama keluarga yang paling diminati suatu masa dahulu.

Bagaimanapun, unsur budaya yang cuba dipaparkan oleh drama demikian bukanlah milik kita orang Melayu. Apakah budaya Melayu membenarkan si anak (walau tinggi mana sekalipun pelajarannya) bercakap dengan ayah dengan nada suara yang lebih tinggi daripada nada ayahnya, (walaupun mengemukakan sesuatu pendapat). Apakah ada bapa Melayu yang telah merelakan si anak menuding jari ke mukanya apabila bercakap atau berbual? Apakah tidak biadap namanya jika seorang anak meletakkan kaki di atas meja ketika sedang berbual dengan orang tua?

Budaya Melayu telah mewariskan bahawa janggankan menghalakan kaki ke arah orang tua, duduk belunjur di hadapan orang tua sudah merupakan satu perbuatan yang paling biadap.

Budaya Barat yang dipaparkan melalui filem-filem Barat tidak me-negah perbuatan sedemikian. Bagi anak kita yang masih mentah tentang adat dan budaya Melayu tentulah akan terikut-ikut kerana pada anggapan mereka perbuatan itu adalah wajar.

Pengaruh kebudayaan Barat ini telah menghancurkan budaya asal beberapa bangsa di dunia. Antaranya yang telah menimpa masyarakat kulit hitam di Amerika Syarikat dan di timurnya ialah masyarakat Filipina. Walaupun tinjauan yang dibuat ini tidak begitu terperinci, namun cukup menjadi renungan kerana ia adalah pengalaman saya sendiri.

Bangsa Amerika yang berkulit hitam kini telah ramai yang telah lupa bahawa mereka berasal dari Afrika. 'Roots' mereka adalah daripada masyarakat primitif. Kehadiran mereka di Amerika adalah atas daya usaha beberapa orang 'perompak' yang menangkap dan membawa mereka ke Amerika untuk dijadikan mereka hamba abdi bekerja di ladang-ladang kapas. Disebabkan proses sosialisasi dan asimilasi yang begitu berjaya maka orang kulit hitam ini telah lupa tentang asal usul, apatah lagi budaya asli datuk nenek mereka. Mereka terus menganggap diri mereka sebagai *Americans* (yang sememang di kehendaki oleh perlembagaan Amerika Syarikat sebagai memenuhi konsep nasionalisme bangsa).

Keadaan begini berpunca daripada kelemahan diri bangsa tersebut yang sentiasa menganggap apa saja yang dilakukan oleh bangsa kulit putih itu baik belaka. Walaupun pada asalnya mereka menentang, tetapi akhirnya mereka tertawan sehingga mereka terlupa tentang bahasa, budaya dan kesenian nenek moyang mereka. Mereka telah terperangkap, walaupun ada usaha juga untuk menghidupkan semula budaya mereka dan cuba mengenangkan kembali akar keturunan.

Tentulah keadaan seperti ini tidak mungkin terjadi ke atas bangsa kita kerana yang memerintah kita adalah kerajaan yang dipimpin oleh orang Melayu. Budaya Melayu masih menjadi teras kepada kebudayaan kebangsaan. Tetapi soalnya, telah ada bibit-bibit yang menunjukkan ada segolongan muda-mudi Melayu yang terikut-ikut dengan budaya Barat lantas memandang rendah dengan budayanya sendiri. Sudah terdengar suara-suara yang cuba menghina rancangan *nasyid* di RTM dan telah banyak kali terdengar penghinaan mereka tentang hidangan lagu-lagu asli di TV.

Penghasilan suara-suara yang sumbang ini boleh membawa kepada kesan negatif ke atas budaya bangsa kita. Apakah ketakutan kepada soal begini yang telah membuat Dr. Mahathir menyarankan tentang falsafah

'Memandang ke Timur'. Pemujaan kepada Barat telah menyebabkan bangsa kita tidak 'bertulang belakang' pada suatu masa nanti. Ini yang ditakuti.

Barat telah berjaya menghancurkan kebudayaan satu bangsa yang pada asalnya dari rumpun Melayu, di Filipina misalnya. Di kawasan Metro Manila tidak nampak lagi amalan budaya asli itu kecuali untuk dipersembahkan di hotel-hotel untuk tontonan para pelancong. Menjejakkan kaki ke Manila tidak berbeza dengan menjejakkan kaki di bandar New York. Terlalu banyak persamaan di antara keduanya. Mundar-mandir di 42nd Street di New York.

Makati di Manila hampir serupa dengan Manhattan di Amerika Syarikat. Jadi Manila sememangnya telah hilang warna dan gerak langkah budaya Timur. Penerapan budaya Barat khususnya Amerika memang telah masuk terus ke dalam hati dan sanubari rakyatnya. Tambahan pula yang lebih 90% daripada rakyat Filipina yang tinggal di Manila beragama Kristian.

Bertolak daripada hakikat itu, apakah Kuala Lumpur juga akan mengikut jejak langkah Manila? Setakat ini jika ditinjau secara perbandingan memanglah kita masih dapat bertahan. Bagaimana sekiranya segala gejala ini tidak dapat dibendung lagi? Apakah berkemungkinan kita akan terjebak dalam arus yang serupa.

Bibit-bibit yang menuju ke arah itu telah mula kelihatan. Penyalahgunaan dadah di kalangan muda-mudi, tidak menghormati orang yang lebih tua, pakaian yang tidak sopan, bersekedudukan di antara lelaki dan perempuan adalah di antara tanda ke arah kehancuran budaya bangsa kita.

Ramai yang sedar tentang hakikat ini. Dan ramai juga yang berusaha untuk membendungnya hingga timbul persaingan. Cara yang paling berkesan ialah melalui media massa. Jika hakikat ini diterima, maka jelaslah golongan yang membenteras akan gagal dalam usahanya kerana muda-mudi hari ini lebih berminat dan condong untuk membaca bahan yang berunsur hiburan.

Tanyalah di mana-mana kedai buku, bahan bacaan yang bagaimana yang diminati oleh muda-mudi kita. Jawapannya tentulah yang bercorak hiburan. Tanyakan lagi kepada guru-guru perpustakaan di sekolah-sekolah, bahagian mana dalam akhbar harian yang paling suka ditatapi oleh pelajar-pelajarnya. Jawapannya ruang hiburan juga. Jelaslah segala gejala buruk yang boleh merosakkan budaya bangsa boleh disalurkan melalui bahan-bahan bacaan yang berunsur hiburan.

Pihak majalah yang berunsur hiburan pula kebanyakannya tidak begitu berhati-hati dalam menghidangkan bahunya untuk muda-mudi. Bagaikan tidak ada langsung unsur pendidikan. Yang dipentingkan oleh mereka ialah laris atau tidaknya majalah itu. Untuk melariskannya perlulah dihidangkan perkara atau isu-isu yang 'panas' walaupun akhirnya akan membawa kepada kehancuran budaya bangsa.

*Dewan Budaya, Julai 1984.*

# 26

## UMNO KE SABAH KE ARAH INTEGRASI YANG LEBIH MANTAP

**P**emeterian perisytiharan UMNO masuk ke Sabah oleh YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 21 Februari 1991 mungkin merupakan formula paling berkesan bagi penjalinan hubungan yang akrab di antara penduduk Sabah dengan penduduk Semenanjung khususnya orang Melayu. Selama ini kita mencari-cari 'ubat' yang mujarab bagi pengukuhan integrasi di antara Semenanjung - Sabah dan setiap kali dicuba satu formula akan diikuti dengan kegagalan akhirnya. Dalam pilihanraya kawasan Usukan yang bakal diadakan pada 11 Mei 1991, awal-awal lagi Barisan Nasional telah mengumumkan isu yang akan digemblengkan dalam masa berkempen nanti iaitu menjalinkan hubungan rapat di antara Sabah dengan Kuala Lumpur.

Ini juga bermakna bahawa tentulah ada pihak-pihak tertentu yang cuba memainkan peranan merenggangkan hubungan Sabah dan Kuala Lumpur. Kerajaan Pusat sebenarnya dapat mengesan siapa dan kumpulan mana yang menjadi petualang kepada usaha penyatuan itu tetapi disebabkan oleh wujud perasaan hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain, maka punca itu didiamkan sahaja dan dicari pula cara penyelesaian yang lain.

Walau bagaimana pun pada hari yang bersejarah perisytiharan UMNO masuk ke Sabah tempoh hari, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mendedahkan tentang adanya golongan tertentu yang cuba mahu berusaha memisahkan di antara Semenanjung dan Sabah. Dengan perkataan lain mereka mahu membawa Sabah keluar dari Malaysia. Banyak

tindakan 'durhaka' yang telah mereka lakukan demi untuk merealisasikan rancangan jahat mereka itu, tetapi tanpa kerediaan Allah hasrat mereka itu tidak juga tercapai.

Apakah cacat dan apa pula celanya Sabah berada dalam Malaysia. Apakah hanya disebabkan oleh fahaman parokial yang sempit maka sanggup rakyat Sabah memperjudikan nasib mereka kemudian hari. Apakah hanya disebabkan oleh hasutan pihak-pihak luar yang suka melihat perpecahan di kalangan rakyat, maka kita sanggup bertelagah sesama kita? Persoalan ini harus direnungkan oleh rakyat Sabah, khususnya golongan yang cintakan kedamaian.

Tindakan Datuk Seri Pairin Kitingan membawa keluar parti PBS dari Barisan Nasional dalam saat menjelangnya pilihanraya umum yang lalu amat mendukacitakan dan dari satu segi yang lain merupakan '*blessing in disguise*' pula. Tindakan itu menampakkan sebagai usaha 'memanggil' satu lagi perpecahan di kalangan rakyat. Namun demikian tindakannya itu juga bukan sahaja dapat memantapkan kesepaduan orang Islam dalam UMNO tetapi telah dapat meneruskan penguasaan undi majoriti 2/3 Barisan Nasional di Parlimen. Masyarakat Melayu di semenanjung melihat tindakan itu sebagai tindakan yang mengancam perpaduan di Malaysia. Lantas mereka bersatu semula dalam UMNO/Barisan dan menenggelamkan Parti Semangat 46. Bagi ahli-ahli USNO pula, tindakan Pairin itu merupakan satu 'catalyst' bagi mempercepatkan proses kemasukan UMNO ke Sabah.

Ura-ura tentang kemasukan UMNO itu telah wujud semenjak penguasaan PBS dalam kerajaan negeri Sabah pada tahun 1986, tetapi disebabkan oleh beberapa faktor maka usaha itu terbantut buat seketika, membayangkan seolah-olah pemimpin USNO masih lagi dalam dilema sama ada untuk menyertai UMNO atau tidak. Tetapi dengan tindakan Pairin itu telah memberikan satu keyakinan baru kepada ahli-ahli USNO. Bagi ahli USNO yang majoritinya Muslim menganggap pemerintahan berterusan PBS di Sabah itu akan membawa kepada zaman gelap orang Muslim. Mereka bimbang PBS akan terus berjaya dan sekaligus akan menindas orang-orang Muslim di Sabah.

Ada yang berpendapat bahawa sekiranya Pairin tidak membawa keluar PBS dari Barisan, tentulah isu (yang diperbaharui) UMNO pergi ke Sabah akan lenyap begitu sahaja. Tetapi keluarnya PBS dari Barisan bermakna telah menimbulkan perasaan tidak selamat bagi orang-orang Muslim di Sabah memandangkan kemiripan pemerintahan Pairin yang

condong ke arah menitikberatkan kaum Kristian (walaupun tidak dapat dibuktikan secara konkrit). Kesannya tentulah timbul keresahan di kalangan orang-orang Islam di Sabah yang berkemungkinan membawa kepada kacau bilau seperti mana yang berlaku pada tahun 1986 dulu.

Sejarah politik negeri Sabah semenjak tahun 1984 telah memperlihatkan sesuatu keadaan yang tidak stabil. *"Since December 1984 we have only seen by-elections, elections, politicking, infighting, defections, demonstrations, court cases, bombings and chaos in Sabah"*. (Asiaweek April 6, 1986) Ada pula yang berpendapat *"from day 1 a coalition has been the only solution. It was a battle of wits among them. It was only a matter of time before a coalition was formed. Moreover it is highly unlikely that any state government in the Malaysian federation with no links to the federal government could last very long in isolation"*.

USNO merupakan parti yang dianggotai oleh golongan Islam. Namun demikian ramai juga suku Kadazan yang menyertainya terutama yang telah memeluk agama Islam. USNO merupakan sebuah pertubuhan politik awal zaman kemerdekaan pimpinan Tun Datu Mustafa Datu Harun yang telah banyak mencurahkan jasa baktinya kepada rakyat Sabah. Tun tidak dapat dipisahkan dengan kedudukan sosial dan politik Sabah. Walaupun kedudukannya dalam politik Sabah sering timbul dan tenggelam, namun bagi sebahagian besar rakyat negeri itu, beliau masih seorang pemimpin yang dihormati dan disegani. *"There is a lot of sympathy for Mustafa. Some within UMNO regard him as the champion of Islam. USNO is considered a predominantly Malay party, while Berjaya is seen as multi-racial"* (Asiaweek May 6 1983)

USNO bergabung dalam Barisan Nasional tetapi terpaksa meninggalkan Barisan Nasional pada tahun 1984, ekoran daripada penentangannya terhadap usaha parti Berjaya menyerahkan Labuan menjadi Wilayah Persekutuan. Pada tahun 1986 USNO telah diterima semula untuk menyertai Barisan Nasional bersama-sama dengan PBS.

Pemimpin USNO kini seolah-olah merasakan bahawa sesuatu tindakan yang konkrit perlu dilakukan memandangkan tentang kedudukannya yang agak 'kerdil' dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri Sabah yang dikuasai oleh PBS. Mahu tidak mahu para pemimpin USNO terpaksa juga mencari sokongan dari luar dan tak lain tak bukan ialah mengharapkan sokongan daripada UMNO. Sememangnya dalam tahun 1986 telah diumumkan bahawa USNO akan dibubarkan dan ahlinya akan memasuki UMNO, tetapi

sebagaimana yang telah dijelaskan pada awal rencana ini usaha itu terbantut di separuh jalan buat seketika.

Strategi yang dirangka oleh USNO itu telah dapat dicium oleh pemimpin PBS. Pengalaman politik Sabah telah mengajar mereka tentang kegiatan lompat-melompat di antara satu parti dengan parti yang lain. Pada tahun 1986 telah nampak usaha USNO dan Berjaya untuk bergabung tenaga menjatuhkan kerajaan PBS. Kesan daripada tindakan itu telah menyebabkan Pairin mengambil tindakan yang dianggap bijak. Beliau telah mengubah peruntukan perlembagaan Sabah selepas sahaja berjaya dalam pilihanraya bulan Mei 1986. Perubahan itu mensyaratkan bahawa seseorang ahli Dewan Undangan Negeri yang ingin berpindah parti hendaklah mengosongkan kerusi mereka dan pilihanraya kecil mesti diadakan. Kini langkah seperti mana yang dilakukan oleh Datuk Seri Pairin itu telah dicontohi pula oleh pemerintahan baru Kelantan yang telah membuat pindaan kepada undang-undang tubuh negeri Kelantan. Itu juga merupakan langkah yang 'bijak' yang sekaligus pula memberikan pengertian bahawa kewujudannya sedang tergugat.

Pada pandangan USNO, bergabung dengan UMNO bererti akan memberikan banyak kuasa dan pengaruh kepada UMNO terutama memandangkan yang UMNO adalah sebuah parti yang dominan di alam politik Malaysia. Soalnya ialah sejauh manakah kerelaan seluruh ahli USNO sanggup meninggalkan parti itu dan menyertai parti UMNO yang dianggap sebagai parti milik orang Semenanjung itu. Kent Mulliner dalam rencananya berjudul, *"Politics, Potboilers and Financial Finagling"* Winter 1987 telah menyatakan, *"West Malaysians are widely perceived as colonialist carpetbeggars who are neither sought nor accepted in Sabah. Even without the constitutional requirement to vacate their seats, it is unimaginable that USNO leaders could believe that a Peninsular party like UMNO would attract popular support in the state."*

Pendapat Kent Mulliner di atas akan dibuktikan tidak tepat memandangkan sambutan yang diberikan oleh ahli USNO terhadap kemasukan UMNO khususnya dengan tindakan Tun Datu Mustafa yang sanggup mengosongkan kerusi yang dimenanginya di Usukan demi untuk memasuki UMNO. Kent Mulliner mungkin tidak dapat memahami penghayatan saudara serumpun yang tidak mudah dipisahkan. Mungkin mereka dipisahkan oleh lautan namun jalinan perasaan tetap ada dan berakar-umbi.

Jika ditinjau dari satu sudut lain, bolehkah USNO bersatu dengan PBS demi kesejahteraan rakyat Sabah. Seorang pengulas politik Sabah pernah



membayangkan tentang tidak mungkinnya ada perpaduan dan kerjasama di antara PBS dan USNO. "There is so much bad blood between PBS and USNO that it is difficult for anyone to believe that the two parties will be able to continue their relationship for any length of time. (Asiaweek April 6 1986)

Memang telah timbul penentangan daripada sebahagian ahli USNO apabila hasrat untuk menyertai UMNO itu diumumkan. Berbagai halangan terpaksa dilalui dengan tabah. Namun demikian melalui pengaruh puncak pimpinan maka akhirnya bersetuju juga untuk bersatu. Jadi usaha ke arah penubuhan UMNO di Sabah itu telah memakan masa selama lima tahun. Sehingga kini barulah ia menjadi realiti dalam erti kata yang sebenarnya.

Ada terdapat tiga elemen kependudukan di Sabah. Pertama ialah penduduk yang beragama Islam. Kedua ialah penduduk yang beragama Kristian dan ketiga ialah orang Cina yang mengandungi satu pertiga daripada penduduk di Sabah. Jika dibandingkan dengan Semenanjung, asal keturunan dapat membawa kepada unsur penyatuan kaum tetapi di Sabah ada kelainan cara. Wujudnya perasaan *esprit de corp* di antara kaum Bajau, Sulu, Kedayan dan lain-lain adalah berdasarkan kepada agama Islam yang sama-sama dianuti oleh mereka. Dengan demikian maka agama Islamlah yang merupakan unsur penyatuan mereka itu. Kaum yang terbesar di Sabah ialah Kadazan atau pun orang Dusun dan mereka ini adalah penganut agama Kristian dan agak asing kepada penduduk yang beragama Islam.

Membayangkan satu senario tentang kemasukan UMNO ke Sabah adalah merupakan sesuatu yang menarik juga. Di antara beberapa kesan yang amat jelas yang akan sama-sama dapat kita perhatikan ialah tentang keghairahan setengah pemimpin pusat mengatur berbagai strategi bagi persiapan menghadapi pemilihan pucuk pimpinan pada tahun 1993. Sungguhpun tarikh itu agak jauh, namun bagi pemimpin yang tidak begitu puas hati dengan prestasi pencapaian mereka pada tahun 1990 telah cuba dengan sedaya upaya, menjalankan berbagai tindakan agar dapat memperbaiki sedikit prestasi yang lepas. Sehubungan dengan ini para ahli UMNO yang berada di Sabah akan menjadi sasaran. Tidak hairanlah kalau terdapat ramai bakal calon yang akan menghantar 'wakil' mereka ke Sabah, walaupun usaha yang sedemikian masih dianggap terlalu awal.

Dimensi Perhimpunan Agung UMNO pada hujung tahun 1991 ini juga akan menampakkan satu wajah baru, iaitu dengan kehadiran pemimpin UMNO dari Sabah. Satu perkara yang jelas kelihatan ialah 'bertaut'nya satu

rumpun bangsa yang dulunya agak terpisah dan akan bermula satu era baru dalam sejarah perjuangan bangsa Malaysia yang tidak pernah terfikir sebelum ini.

Bagi PBS, kemasukan UMNO ke Sabah telah menimbulkan masalah. Salah satu daripadanya ialah kelewatan Barisan (UMNO) untuk menerima PBS menyertai Barisan Nasional. Dan ini tentunya merugikan PBS sendiri yang tidak dapat memperolehi bantuan dari kerajaan pusat. Dari satu segi yang lain tentulah tidak sepatutnya PBS melarang UMNO untuk memasuki Sabah. Yang boleh dilakukan oleh PBS ialah persetujuannya untuk bekerjasama dengan parti Gerakan yang tidak mempunyai matlamat yang jelas.

Kini UMNO telah mula bertapak di Sabah. Dalam ucapan aluannya Tun Datu Mustafa telah menyeru masyarakat Melayu khususnya di Sabah untuk tampil ke hadapan berganding bahu menyertai UMNO. Pengorbanan yang dilakukan oleh Tun bukanlah satu tindakan yang boleh dianggap ringan. Jarang seorang pemimpin yang sanggup meninggalkan pertubuhan yang diasaskannya ditinggalkan demi untuk menyertai satu pertubuhan lain, kalau tidak dengan tujuan dan hasrat yang paling suci untuk memperjuangkan kehidupan rakyat Sabah.

Rakyat Sabah pula seharusnya mencontohi tindakan yang dilakukan oleh pemimpin mereka itu. Mereka tidak sepatutnya menaruh syak wasangka terhadap tindak-tanduk para pemimpin pusat yang dengan ikhlas ingin membangunkan seluruh masyarakat Malaysia yang di dalamnya termasuk juga Sabah. Segala dakyah palsu yang cuba di sebarkan oleh anasir jahat seharusnya tidak dapat lagi menyerap ke dalam masyarakat Sabah.

Persoalan yang berada di hadapan masyarakat UMNO di Sabah kini ialah, apakah boleh UMNO merampas kembali penguasaan Dewan Undangan Negeri Sabah dari PBS? Ataupun dengan kata lain apakah termampu UMNO sabah menguasai kerusi Usukan dalam pilihanraya yang bakal diadakan nanti? Terlalu sukar untuk dijawab tetapi dengan memberikan sedikit perangkaan boleh membantu kita untuk memberikan satu jawapan (yang mungkin tepat dan mungkin tidak).

Elok ditinjau terlebih dahulu tentang keadaan pengundi di Sabah. Di sana ada terdapat lebih kurang 28 kumpulan etnik. Yang terbesar ialah Kadazan yang merupakan 30% daripada keseluruhan penduduk, dan 80% daripada mereka beragama Kristian. Jika hendak diperincikan maka kedudukan penduduk Sabah adalah seperti berikut:

Melayu	- 32%	(Sulu, Illanun, Brunei, Indonesia)
Kadazan	- 30%	(80% Kristian)
Cina	- 23%	
Bajau	- 11%	
Murut	- 4%	(animisme)

Pembahagian dari segi Agama pula maka terdapat keadaan seperti di bawah:

Islam	- 51.3%
Kristian	- 27.2%

Di antara 25 wakil rakyat PBS yang dipilih:

Kadazan	- 15
Cina	- 8
Muslim	- 2

USNO dan kini UMNO tentunya menumpukan harapan kepada undian daripada pengundi Muslim (walaupun tidak akan mengabaikan pengundi bukan Islam) yang datangnya daripada:

1. Kawasan Bajau di Barat Laut dan kawasan Bajau-Suluk Timur Laut dan kawasan Tenggara Sulaman, Usukan, Tampasuk, Bengkoka, Banggi, Sugut Sekong, Sukau, Kunak dan Sulabayan.

2. Bruncian-Kedayan, Melayu meliputi kawasan Barat Daya; Buang Sayang, Bongawan, Klias, Kuala Penyu, Lumadan dan Sipitang.

Namun begitu, sungguhpun secara sepintas lalu membayangkan bahawa mati hidup USNO /UMNO bergantung kepada undi Melayu/ Islam, tidak juga harus dilupakan bahawa USNO pernah memerintah Sabah yang bermakna USNO juga boleh mendapat undi daripada kaum-kaum lain di Sabah khususnya orang Cina dan Kadazan. Apakah tidak mungkin sejarah kegemilangan USNO itu juga akan berulang dan akan diulangi oleh UMNO pula? Ini bukan mustahil. Tambahan pula UMNO merupakan parti yang telah establish yang mempunyai pemimpin yang cukup liberal dan masih memegang rekod tanpa kalah dalam menerajui negara yang mempunyai berbi-

lang kaum. UMNO pasti akan mengamalkan sikap toleransinya di Sabah dan pasti akan dapat memikat hati orang Sabah.

Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan perasmiannya tempoh hari telah menyatakan tentang kemungkinan satu masa nanti seorang anak Sabah menjadi Perdana Menteri Malaysia. Syaratnya seorang pemimpin itu hendaklah mengakui yang dia adalah anak Malaysia dan bukan anak Sabah. Dengan lain perkataan Presiden UMNO mengajak rakyat Sabah berfikir secara terbuka dan tidak terkongkong untuk memikirkan tentang Sabah semata-mata. Jika saranan Perdana Menteri itu dapat diertikan dengan sejelas-jelasnya maka tidak ada sebab yang rakyat Sabah mengetepikan seruan menyertai UMNO itu. Jika hasrat ini menjadi realiti yang menepati erti kata yang sebenar, maka itu jugalah yang menandakan telah wujud satu formula yang konstruktif bagi pementapan hubungan dan integrasi nasional yang telah sekian lama dilaung-laungkan itu.

27 April 1991

# 27

## PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 1990: MUNGKINKAH AKAN WUJUD PERPECAHAN LAGI

**M**ungkinkah sejarah hitam kesan daripada perhimpunan UMNO pada tahun 1987 akan berulang? Soalan ini amat menakutkan setiap perwakilan UMNO khususnya dan orang Melayu umumnya. Perpecahan Melayu ekoran daripada peristiwa tahun 1987 itu amat perit untuk dialami. Ia mengambil masa terlalu panjang untuk diubati. Dan kini walaupun pada lahirnya 'luka' itu kelihatan sembuh tetapi 'parutnya' masih ada. Masyarakat Melayu amat takut kalau-kalau luka itu berdarah kembali. Apatah lagi apabila mengenangkan yang perhimpunan kali ini adalah untuk pemilihan Ahli Majlis Kerja Tertinggi yang baru.

Justeru itu maka Perdana Menteri selaku Presiden UMNO telah awal-awal lagi memberikan ingatan kepada setiap calon yang akan bertanding dalam Majlis Perhimpunan nanti supaya memasuki arena pertandingan dengan tindakan yang tidak harus terkeluar daripada landasan demokrasi. Beliau mengingatkan tentang kesan buruk yang akan menimpa keseluruhan ahli sekiranya ada calon yang berkempen dengan menggunakan taktik yang tidak direlakan (taktik kotor) oleh parti. Oleh itu adalah disarankan agar kriteria yang boleh digunakan oleh ahli-ahli ialah dengan cara melihat ketokohan dan kewibawaan seseorang calon dari segi 'kerja' yang telah dilakukannya. Dan Datuk Seri Dr. Mahathir telah memberikan amaran yang begitu keras kepada bakal calon yang berkempen dengan menggunakan isu memburuk-burukkan calon yang lain.

Satu perkara yang perlu juga diingat oleh para ahli perwakilan ialah tentang pembangunan dan kemajuan negara pada masa kini yang dirasakan amat rapat juga kaitannya dengan pemilihan pucuk pimpinan parti. Negara sedang menuju ke satu arus kemajuan yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah pembangunan negara baik di peringkat kebangsaan mahupun antara-bangsa. Pemimpin kita bukan lagi menjadi pemimpin di negaranya sendiri tetapi telah mula menjadi pemimpin masyarakat antarabangsa. Ini bermakna yang pemimpin kita telah mula disegani oleh masyarakat luar dan tentunya juga merupakan satu petanda yang amat baik kepada bangsa kita khususnya orang Melayu.

Dengan sebab itu pemilihan pucuk pimpinan tidak seharusnya berdasarkan kepada sentimen tetapi kepada hasil kerja yang telah ditunjukkan oleh seseorang pemimpin itu sebagaimana yang telah ditegaskan beberapa kali oleh Perdana Menteri kita. Yang terpilih nanti akan menentukan jatuh bangunnya bangsa kita, kerana kebiasaannya pemimpin UMNO itulah juga yang merupakan tonggak yang menentukan arus perjalanan pentadbiran negara ini.

Sehingga tarikh rencana ini ditulis seramai lapan orang calon yang akan merebut jawatan Naib Presiden. Ini termasuklah Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Muhammad bin Mohd Taib, Datuk Sri Sanusi Junid, Datuk Sri Rahim Tambi Chik dan Datuk Abu Hassan Omar. Bagi jawatan Ahli Majlis Kerja Tertinggi di Perhimpunan Agung UMNO pada penghujung bulan November ini tentulah tidak menghairankan ramai orang kerana itu adalah merupakan permulaan pemupukan budaya baru dalam sesuatu pertandingan dalam parti. Bagi parti UMNO inilah pertama kalinya kita menyaksikan jumlah calon yang seramai itu untuk menguji pengaruh mereka. Namun demikian mungkin senarai yang ada sekarang hanya merupakan senarai sementara dan beberapa nama akan lenyap setelah hampir hari penentuan yang sebenar.

'Trend' yang sebegini tentulah ada asas untuk diujahkan. Dalam perebutan untuk mengisi jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981 iaitu selepas sahaja Tun Hussein Onn mengumumkan tentang perletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO, ramai yang menyatakan hasrat untuk bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memenangi jawatan Presiden tanpa bertanding. Ini termasuklah Tan Sri Ghazali Shafie, Encik Ghafar Baba,

Tengku Ahmad Rithauddin, Tengku Razaliegh Hamzah dan Datuk Musa Hitam. Akhirnya hanya dua tokoh yang bertanding iaitu Tengku Razaliegh dan Datuk Musa Hitam.

Fred R. Von der Mehden dalam rencana yang berjudul, "*Malaysia in 1981: Continuity and Change*" yang tersiar dalam "*Asian Survey*" Februari 1982 telah menyatakan tentang peluang begitu besar yang mungkin diperolehi oleh Tengku Razaliegh untuk memenangi pemilihan itu.

Katanya: *The initial prognostications of most knowledgeable observers were that Razaliegh had the advantage. As Finance Minister he could call in numerous political debts, he had important contacts with the moneyed interest in Malaysia and particular with the Chinese business community...* Tetapi apabila keputusan diumumkan maka Datuk Musa Hitam yang muncul sebagai juara.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, apakah dapat dibuat satu kesimpulan yang budaya 'politik wang' di Malaysia bermula pada tarikh itu? Umum mengetahui sememangnya ada penggunaan wang yang berleluasa dalam usaha seseorang calon mempengaruhi pengundi. Namun begitu tidak pula ada tangkapan yang dilakukan bersabit dengan perkara itu.

Dalam pemilihan tahun 1987 dulu Dato' Seri Rafidah Aziz pernah mengatakan yang ada kumpulan yang menyogokkan wang sehingga \$10,000 kepada wakil wanita dari Pulau Pinang untuk menentang Datuk Seri Dr. Mahathir yang mempertahankan jawatan sebagai Presiden Parti. Dan bagi wanita dari Perak pula kononnya, mereka telah diminta untuk meletakkan harga itu berapa saja yang diperlukan oleh mereka. Walaupun kenyataan itu tidak dibuktikan tetapi 'jikalau tidak ada angin takkan pokok bergoyang'.

Majlis Tertinggi UMNO telah membuat beberapa garis panduan tentang "*do's and dont's*" yang mesti dipatuhi oleh calon yang ingin bertanding dalam perhimpunan UMNO. Pada bulan Disember 1986 sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menentukan tatacara seseorang calon yang ingin menjadi calon merebut jawatan dalam parti. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Mohd Khir Johari itu ditubuhkan bertujuan untuk menentukan agar kempen setiap calon yang bertanding dalam perhimpunan ini dijalankan secara adil dan saksama. Misalnya calon dilarang menggunakan wang untuk mempengaruhi para pengundi di samping itu mereka juga dikehendaki mematuhi beberapa larangan yang lain seperti menyebarkan risalah-risalah, mengadakan perjumpaan/jamuan dan menubuhkan kumpulan atau *team* masing-masing.

Dalam pertandingan tahun 1987 ada terdapat pihak luar daripada UMNO yang cuba campur tangan dalam urusan pertandingan ini. Datuk Musa Hitam yang pada ketika itu bertanding untuk merebut jawatan Timbalan Presiden telah memberi amaran kepada pemimpin sebuah parti komponen dalam Barisan Nasional agar tidak mencampuri urusan keluarga UMNO, di samping itu juga terdapat pemimpin parti lawan yang turut 'kacau daun' dalam pemilihan ini. Apakah kali ini juga ada 'campur tangan' daripada parti lain yang suka melibatkan perpecahan dalam UMNO wujud kembali.

Berulangnya keadaan yang sedemikian bukanlah perkara mustahil. Ada kemungkinan besar yang ahli Semangat 46 akan turut sama dalam 'pesta' UMNO kali ini. Tidak dapat dinafikan tentang keinginan ahli Semangat 46 untuk sama-sama bergerak semula dalam UMNO, apatah lagi melihatkan tentang kekalahan Semangat 46 pada pilihanraya yang lalu. Dan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kemungkinan masih ada di antara pemimpin UMNO yang ada sekarang pun masih mempunyai pertalian yang agak rapat dengan 'suku-sakat' dalam Semangat 46 itu, walaupun tidak dijemakan secara terus terang. Jadi sekiranya itu rupa keadaannya maka tidak mustahillah tentang wujudnya campur tangan dan 'pertolongan' yang akan diberikan oleh rakan karib dalam Semangat 46 itu.

Umum mengetahui bahawa pertandingan 1987 telah menelurkan berbagai-bagai perkara yang mana sehingga hari ini masih terasa kesan dan padahnya. Pertandingan itu juga telah mempertingkatkan pengalaman budaya 'politik wang' yang telah mula-mula diperkenalkan pada tahun 1981 dulu. Kemunculan budaya baru inilah yang merupakan unsur pemecahan paling ketara dalam UMNO. Munculnya budaya ini juga ada kaitan dengan persoalan kemunculan orang kaya baru hasil daripada kemunculan Dasar Ekonomi Baru yang telah menukarkan corak golongan peniaga di negara ini.

Jika dialihkan pandangan kita kepada pertandingan pada tahun ini, banyak interpretasi dan kesimpulan yang dapat dibuat oleh para pemerhati politik berkaitan dengan begitu ramainya calon yang akan bertanding dalam pertandingan ini. Pada keseluruhannya ramai mengatakan yang fenomena sebegini tidak membimbangkan tetapi sebaliknya akan mengarahkan kepada sesuatu yang positif. Yang jelasnya ialah ia menunjukkan bahawa demokrasi sedang hidup dan subur dalam negara kita berdasarkan kepada bilangan calon yang bertanding itu. Di samping itu pula ia tidak terhad kepada seseorang yang memegang jawatan Menteri Besar sahaja, tetapi meliputi calon yang



tidak memegang apa-apa kementerian dalam kerajaan.

Berkaitan dengan persoalan demokrasi tidaknya perhimpunan UMNO ini, Perdana Menteri pernah menyentuh tentang soal ini pada pertandingan tahun 1987 dulu. Beliau pernah menasihatkan ahli-ahli UMNO agar jangan ada pertandingan di peringkat Presiden kerana dengan berbuat demikian sudah tentu akan memecahbelahkan parti sahaja. Sungguhpun ramai bilangan calon itu menandakan kewujudan demokrasi, tetapi ahli-ahli UMNO tidak sepatutnya mengambil bahagian semata-mata untuk memenuhi kehendak demokrasi itu.

Kemungkinan besar pertandingan kali ini tidak akan membawa kepada perpecahan parti. Ini merupakan satu doa. Untuk menganalisis keadaan itu, perlulah kita bertolak kepada keadaan lampau meninjau tentang titik mula timbulnya bibit perpecahan dalam parti. Soalnya ialah bilakah bibit perpecahan itu bermula. Ada kalangan berpendapat bahawa perpecahan itu bermula pada tahun 1987 apabila adanya pertandingan merebut jawatan Presiden di antara Datuk Seri Dr. Mahathir dengan Tengku Razalieggh Hamzah. Bukan itu sahaja malah telah timbul ada dua kumpulan dalam UMNO, yang lebih sedap dipanggil Team A dan Team B.

Tetapi jika diperhalusi, maka kita dapat satu lagi jawatan yang boleh menunjukkan bahawa benih perpecahan bermula apabila adanya pertandingan di antara Datuk Musa dan Tengku Razalieggh pada tahun 1981 dan dilanjutkan pula pada tahun 1983 untuk merebut jawatan Timbalan Presiden. Dan di situlah sebenarnya ahli UMNO telah mula menunjukkan kecondongan mereka kepada seseorang calon. Apatah lagi apabila calon yang bertanding itu hanyalah dua orang. Jadi terpaksa mereka memilih satu di antara dua. Kesannya UMNO terbelah dua.

Berbanding pula dengan keadaan yang ada sekarang, maka para perwakilan akan mempunyai banyak pilihan di antara para pemimpin yang telah menawarkan diri. Dan pilihanraya bukan pula satu tetapi tiga. Namun demikian tentulah ada satu atau dua orang tokoh yang dianggap boleh mewakili semua UMNO dan rakyat Malaysia seluruhnya. Jadi perwakilan telah diberikan banyak pilihan. Tepuk dada tanya selera.

Satu perkara yang agak menarik perhatian dalam setiap pemilihan ialah kedudukan perwakilan dari negeri Perak yang sentiasa mendapat perhatian daripada semua calon yang mengambil bahagian. Boleh dikatakan setiap calon akan menentukan yang undian dari negeri ini akan pergi kepadanya. mereka sedar tentang kedudukan negeri ini yang mempunyai 23

bahagian dan mempunyai perwakilan yang paling ramai di Perhimpunan Agung. Perwakilan dari Perak tentunya mempunyai '*bargainning power*' yang lebih berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.

Sebagaimana yang telah dijelaskan pada awal rencana ini bahawa ramai calon untuk jawatan Naib Presiden UMNO tidak semestinya mengarahkan kepada sesuatu perpecahan dalam UMNO tetapi jika diperinci pula ia mungkin akan membawa kepada satu kesan sampingan. Walaupun tidak membawa kepada perpecahan di kalangan UMNO Melayu tetapi sedikit sebanyak akan membawa kewujudan kefahaman kenegerian. Ini disebabkan oleh kemunculan beberapa orang Menteri Besar dan Ketua Menteri yang akan menjadi calon Naib Presiden. Berdasarkan kepada pencalonan daripada bahagian-bahagian setakat ini, calon dari negeri mereka tidak ditinggalkan dari senarai calon, walaupun calon yang mendapat pengiktirafan nasional dimasukkan sama. Misalnya MB Selangor telah dicalonkan oleh beberapa bahagian di Selangor, Menteri Besar Johor dicalonkan oleh orang Johor, Menteri Besar Pahang dicalonkan oleh perwakilan Pahang dan begitu juga dari negeri-negeri lain yang akan berbuat demikian.

Usaha pihak tertentu khususnya Datuk Seri Presiden untuk menyekat berulangnya perpecahan di kalangan orang Melayu ekoran daripada pemilihan itu nanti sedang dirancang dan akan dilaksanakan. Salah satu langkah yang telah diambil dan dikira wajar ialah melarang diadakan upacara perasmian mesyuarat perwakilan Bahagian yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Kebangsaan. Memadailah jika mesyuarat itu dirasmikan oleh Ketua Bahagian sahaja. Ini dianggap sebagai langkah yang baik bertujuan untuk mengurangkan kesan-kesan negatif yang bakal timbul.

Tindakan sebegini tidak pernah berlaku pada musim pemilihan yang lalu. Mungkinkah itu boleh dijadikan alasan yang menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan ahli UMNO pada musim yang lalu. Dan disebabkan keadaan yang sebegini tidak dibenarkan maka kurangnya kegiatan lobi melobi dari kalangan calon yang bakal bertanding dan kurang pulalah elemen perpecahan dari kalangan ahli.

Apakah garis panduan yang perlu diikuti oleh calon yang bertanding? Mengikut kata Perdana Menteri.

*"Apakah seseorang itu berkempen ia akan hanya menimbulkan fitnah sama ada secara langsung atau tidak dan ini seterusnya mungkin boleh memecahbelahkan parti. Kita mahu jamuan makan tidak diadakan langsung, tetapi kerana ada satu pihak yang terlebih dahulu melakukannya, pihak lain*

*pun terpaksa buat untuk menjawab fitnah. Saya akan memberitahu kepada umum bahawa orang seumpama itu menggunakan kempen cara salah dan ahli UMNO tidak sepatutnya menyokong mereka." (Berita Harian; 12 November 1990)*

Hakikat ini seharusnya difahami benar-benar oleh para calon yang akan bertanding dan bagi para perwakilan juga. Sejarah telah membuktikan bahawa tokoh yang telah terlantik menduduki kerusi Naib Presiden UMNO semestinya calon yang telah mendapat pengiktirafan sebagai '*national figure*' ataupun sekurang-kurangnya segala kegiatan mereka ada kaitan dengan masalah nasional. Di samping itu ada juga kriteria tertentu yang harus digunakan oleh perwakilan untuk memilih calon menduduki kerusi Naib Presiden khususnya:

1. Faktor 'pelapis'. Golongan ini dianggap sebagai pewaris kepada pucuk pimpinan sekarang, yang bakal membawa '*baton*' dan menentukan jatuh bangunnya bangsa kita pada hari muka. Dengan demikian tokoh itu seharusnya tokoh yang telah pun menampakkan ciri-ciri tertentu yang mirip kepada kepimpinan yang ada pada peneraju negara pada hari ini. Tambahan pula memandangkan umur kedua-dua pemimpin kita iaitu Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang sudah agak lanjut dan tentunya bila-bila masa sahaja akan menyerahkan pentadbiran negara ini kepada pewaris muda.

2. Kebolehan dan kewibawaan seseorang calon itu juga menjadi pertimbangan yang mutlak. Walaupun syarat sebegini tidak begitu dipedulikan pada peringkat pemilihan yang lampau namun pada pemilihan pada kali ini kriteria tersebut adalah merupakan syarat paling penting terutama dalam keadaan negara yang sedang berkembang menghadapi cabaran kurun ke-21. Para perwakilan tidak boleh menafikan syarat ini kerana dengan berbuat demikian seolah-olah kita tidak peka langsung dengan perkembangan politik di negara-negara jiran khususnya dan di arena politik dunia amnya. Adalah sesuatu yang bertentangan jika di satu segi kita mahu meningkatkan pembangunan negara kita dan di satu segi yang lain pula kita mengetepikan kelulusan seseorang calon.

3. Sumbangan dan kegagalan seseorang itu dalam melaksanakan satu-satu tugas negara yang diserahkan adalah perhatian yang tidak kurang pentingnya kepada perwakilan.

4. Yang tidak kurang pentingnya juga ialah kesediaan seseorang bakal Naib Presiden itu sama-sama 'hidup dan mati' dengan pucuk pimpinan dan kesediaan pucuk pimpinan pula untuk bekerjasama dengan bakal Naib Presiden. Punca kekalahan Tengku Razaliegh di tangan Datuk Musa Hitam untuk merebut jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1981 dan 1983 dahulu ialah disebabkan oleh kepekaan rakyat yang sedar tentang kemungkinan tidak akan wujud satu 'team' yang mampat di antara Presiden dan Timbalan Presiden sekiranya Tengku Razaliegh terlantik. Dengan demikian para perwakilan telah memberikan undi mereka kepada Datuk Musa Hitam.

Sebagai kesimpulan rata-rata rakyat akan mengatakan bahawa persoalan perpecahan dalam UMNO kesan daripada perebutan jawatan pada perhimpunan yang akan diadakan pada penghujung bulan November ini tidak mungkin akan timbul. Ini adalah disebabkan oleh banyak faktor. Pertama para perwakilan sangat berhati-hati untuk membuat sesuatu tindakan agar 'pisang tidak berbuah dua kali'. Kedua dan yang paling penting ialah tentang dua jawatan Presiden dan Timbalan Presiden yang tidak dipertandingkan. Kedua-dua jawatan ini adalah amat penting disebabkan fungsi dan peranan mereka sebagai 'bapa' kepada semua perwakilan.

Seorang 'bapa' tidak begitu gusar melihatkan ada di antara anak-anaknya yang bercakaran sesama sendiri tetapi si bapa akan menentukan yang perkelahian itu tidak akan membawa kepada perpecahan yang berlanjutan. Pepatah Melayu yang mengatakan 'carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga' itu akan terus menjadi falsafah, sendi dalam segala perjuangan dan pertarungan untuk merebut jawatan Naib Presiden dan jawatan-jawatan lain.

Pendek kata apa yang berlaku pada pemilihan tahun 1987 yang kesannya membawa kepada perpecahan UMNO tentunya tidak akan berulang lagi pada tahun ini. Sebabnya jelas. Pada tahun ini tidak ada siapa yang boleh memainkan peranan 'bapa' kerana si bapa juga turut diheret sama dalam kancah perjuangan. Itu adalah merupakan satu pengajaran yang amat penting kepada UMNO khususnya dan kepada orang Melayu umumnya. Hendaklah sejarah yang sedemikian tidak lagi berulang. Kebetulan pula perkembangan UMNO juga telah meletakkan syarat yang jawatan Presiden dan Timbalan Presiden itu tidak perlu dipertandingkan. Hendaknya janganlah ada di antara perwakilan yang cuba menggugat syarat murni yang telah ditetapkan itu.

13 November 1990

# 28

## UMNO: PERISYTIHARAN MAHKAMAH DAN KESANNYA

**H**akim Datuk Harun Hashim mengatakan bahawa UMNO adalah pertubuhan yang tidak sah di segi pendaftarannya. Ayat itu dilafazkan dalam Mahkamah dan tentunya tidak dapat dirombak lagi. Bak kata pepatah Melayu: "Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya".

Orang Melayu tentunya terpegun buat seketika mendengarkan khabar yang sedemikian. Ada yang kurang percaya akan kesahihan berita itu. Rata-rata ahli UMNO mengeluh, seolah-olah tidak menyangka yang tragedi sedemikian pada parti yang mendukung kerajaan.

Tentu pula ramai yang memikirkan pelbagai kemungkinan yang akan berlaku. Yang paling ditakuti ialah ketidakstabilan negara yang berpunca daripada peristiwa malang itu.

Mujurlah dengan kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri yang mengatakan bahawasanya kerajaan tidak tergugat dengan keadaan itu, dapat mententeramkan keadaan negara. Bukan itu sahaja, malah pasaran saham juga tidak 'terkejut' mendengar berita sedemikian.

Kita tidak mahu keadaan UMNO menjadi sedemikian, tetapi ia sudah pun terjadi. Satu kesan yang jelas hasil daripada 'malapetaka' itu ialah kukuhnya kedudukan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri. Beliau ialah Perdana Menteri kita.

Kalau dulu seolah-olah ada golongan UMNO yang rasakan mereka lebih berhak 'memiliki' Datuk Seri Dr. Mahathir, tetapi kini beliau ialah

milik semua. Beliau ialah Perdana Menteri Malaysia dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Tidak ada lagi golongan di negara ini yang mengatakan lebih berhak daripada golongan lain. Beliau ialah Perdana Menteri orang Melayu, Cina, India dan beberapa suku lain yang ada di Sabah dan Sarawak.

Barisan Nasional juga akan bertambah teguh dan kukuh. Presiden MCA, Datuk Dr. Ling Liong Sik, awal-awal lagi menyatakan sokongan partinya kepada kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir. Begitu juga pendirian Datuk Lim Kheng Yaik (Gerakan).

Dari Sabah dan Sarawak pula datang curahan ikrar sokongan daripada Parti Pesaka, USNO, SNAP dan PBS. Ini dengan jelas menunjukkan kesatuan yang amat kukuh rakyat Malaysia keseluruhannya.

Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara ini, tentulah kita bangga melihat sokongan sebegini, terutama ketika menghadapi saat yang begini. Seolah-olah dalam sekelip mata sahaja kita sudah dapat melupakan apa jua perselisihan di kalangan kita.

Dunia akan melihat kematangan kita menghadapi masalah runcing begini. Kita akan ditertawakan sekiranya tersilap langkah yang diatur, tetapi sebaliknya akan dicontohi sekiranya keadaan dapat kita kawal.

Berita 'malang' yang menimpa UMNO ini mungkin akan meremuk-redamkan perasaan pengasas-pengasas UMNO yang kini masih memerhatikan tindak tanduk pertubuhan itu dengan penuh minat. Sekiranya Datuk Onn Jaafar masih ada, tentunya Allahyarham begitu hiba melihat keadaan yang berlaku kepada UMNO kini.

Tentulah tidak diduganya sama sekali pertubuhan yang diasaskan dengan linangan airmata itu, dengan senang diiktirafkan tidak sah. Paling menyedihkan ialah adanya kumpulan yang boleh dianggap sebagai perosak dalam UMNO, yang akan berbuat apa saja untuk memuaskan hati dan nafsu mereka.

Kumpulan perosak itu mungkin tidak dapat menghayati perjuangan pejuang kita pada masa lampau, terutamanya guru. Guru-guru pelatih yang menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris (kini dinaikkan ke taraf institut) pada tahun 1922 adalah antara golongan yang meniupkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu ketika itu.

Dan, mereka jugalah yang kebanyakannya menganggotai UMNO pada peringkat awal, yang tujuannya semata-mata untuk memerdekakan tanahair. Guru-guru yang mempunyai semangat waja yang sanggup dibakar

hangus, direndam basah, dicincang lumat, dipancung mati demi negara, bangsa dan agama yang dicintai.

Tentulah mereka yang mengikuti perkembangan sejarah tanahair pula, tentulah peristiwa sebegini tidak begitu menghairankan, kerana semangannya begitulah lumrah alam. Peristiwa yang menimpa UMNO bukanlah sesuatu yang boleh mengecewakan orang Melayu, kerana banyak lagi peristiwa sejarah sebelum ini boleh 'mematikan' orang Melayu.

Kejatuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 sudah dikira sebagai satu detik malang dalam sejarah bangsa Melayu dan boleh mematikan semangat orang Melayu untuk berjuang menentang Portugis.

Mungkin ramai yang tidak tahu bahawa perjuangan orang Melayu pada ketika itu tidak pernah kenal perasaan putus asa. Semangat sentiasa menyala. Walaupun mereka sedar yang kekuatan mereka tidak sekuat senjata Portugis, namun menyerah kalah tidak sama sekali.

Haruslah kita sedar bahawa perjuangan orang Melayu membebaskan tanahair memakan masa 445 tahun, bermula dari 1511 sehingga tercapainya kemerdekaan pada tahun 1957.

Dan, sehingga tahun 1946 (tahun tertubuhnya UMNO) dapat diperhatikan bahawa tidak ada sebarang kesatuan yang menyeluruh di kalangan orang Melayu, walaupun perjuangan membara di hati dan sanubari mereka.

Apa tidaknya. Perjuangan yang dilakukan oleh Maharaja Lela di Perak adalah berlainan dengan perjuangan Datuk Bahaman dan Mat Kilau di Pahang. Apatah lagi dengan perjuangan Rosli Dhobi di Sarawak, tidak langsung diketahui oleh pejuang-pejuang bangsa di Semenanjung. Orang Melayu betul-betul bersatu apabila muncul Datuk Onn Jaafar yang lantas menubuhkan UMNO untuk menentang Malayan Union.

Tan Sri Abdul Samad Idris ada menulis mengenai saat penubuhan UMNO dalam bukunya berjudul 25 Tahun Merdeka.

Antara lain katanya:

*"Jam 10.30 pagi 11 Mei 1946 bermulalah upacara penubuhan UMNO di Istana Besar Johor Bahru, Johor. Pemangku Raja Johor, Tengku Mahkota Ismail bin Sultan Ibrahim telah berangkat mencemar duli merasakan upacara penubuhan UMNO... 29 orang wakil dari tiap-tiap badan gabungan yang telah menuruni tandatangan bagi mengesahkan piagam UMNO sebagai bermulanya perjuangan UMNO itu".*

Itulah saat bermulanya UMNO sebagai pertubuhan kebangsaan yang

ulung bagi orang Melayu. Perjuangan UMNO bukan sahaja berjaya menghancurkan Malayan UMNO tetapi subur dan berjaya pula mencapai kemerdekaan tanahair bersama-sama rakan seperjuangannya, MCA dan MIC.

Ada dicatatkan senarai nama pengasas UMNO yang antaranya tidak terkenal di klangan masyarakat kini. Dalam hal ini penulis buku *25 Tahun Merdeka* ada menasihatkan:

*"Apakah generasi muda mahu melupakan begitu saja pejuang-pejuang yang telah mengorbankan segala-galanya untuk kepentingan agama, bangsa dan tanahair. Barangkali ada antaranya yang terbiar dan hampir dilupakan.*

"Sekalipun ada antara nama-nama mereka ini tidak terkemuka sebagai tokoh tanahair, namun sumbangannya yang amat besar ini tetap tercatat dalam lipatan sejarah tanahair. Mereka inilah yang telah mengorbankan segala-galanya pada peringkat awal UMNO ditubuhkan. Mengetepikan nama mereka adalah satu dosa yang tidak terampun di sisi sejarah bangsa Melayu.

Sehubungan ini, apalah agaknya rasa hati golongan yang dinyatakan Di atas apabila mengetahui UMNO sudah tidak lagi wujud di negara ini. Bagaimanalah pula perasaan mereka apabila mereka mengetahui bahawa punca yang menyebabkan UMNO tidak sah disebabkan tindak tanduk kumpulan yang tidak bertanggungjawab dan tamakkan kuasa.

Di samping itu, tentulah kita ingin meninjau perasaan kumpulan yang berjaya mencatatkan sejarah hitam dalam arena persejarahan bangsanya. Apakah mereka tidak pernah terfikir sebelum ini, bahawasanya tindakan mereka itu akan menjejaskan maruah bangsanya sendiri?

Apakah mereka tidak pernah mendengar pepatah Melayu yang berbunyi 'menang jadi abu kalah jadi arang'. Apakah mereka hanya berpaut pada pepatah yang berbunyi 'biar putih tulang', jangan putih mata'. Mereka nampaknya hanya mengikut rasa yang akhirnya binasa.

Mereka kini lebih teruk daripada Pak Kaduk, yang kalah sorak kampung tergadai.

Orang Melayu, khususnya pejuang-pejuang UMNO (yang tulen), tentunya tidak dapat melupakan perbuatan kumpulan itu dan golongan yang di belakang mereka. Walaupun tujuan asal mereka bukannya untuk 'menghapuskan' UMNO tetapi hasrat dan cita-cita mereka sama jugalah untuk memporak-porandakannya.

Apa tidaknya. Sekiranya mereka berjaya dan mahkamah meng-



isytiarkan Perhimpunan Agung 24 April itu tidak sah, maka pasti akan diadakan pemilihan yang baru.

Kita amat faham implikasinya jika diadakan Perhimpunan Agung UMNO yang baru, bukan sahaja wang dan masa terbang, malah banyak tugas membina negara juga akan tergendala, apatah lagi dalam keadaan ekonomi dunia yang lembab.

Selain daripada itu, tentulah hasrat dan cita-cita kita untuk membina bangsa Malaysia yang teguh dan bersatu juga akan tergugat.

Kini keadaan sudah berlaku. Jangan lagi ditangisi nasi sudah menjadi bubur. Dan sememangnya telah menjadi hasrat pemimpin kita untuk membetulkan keadaan yang runtuh.

Hendaknya setiap langkah yang diambil perlulah dengan lebih berhati-hati supaya tidak berlaku lagi seperti mana yang telah kita alami.

Yang paling penting untuk difikirkan tatkala membina UMNO bentuk baru ini ialah menghindarkan gejala-gejala negatif yang sentiasa mengancam keutuhan UMNO, misalnya kita sering diketemukan dengan persoalan politik wang (walaupun keadaan sebegini tidak dapat dielakkan bagi negara yang sedang menuju pembangunan).

Tentu kita ingin menyelesaikan beberapa soalan yang sentiasa ditujukan kepada kita berkaitan dengan masalah ini.

Mengapa permainan politik wang ini begitu berleluasa sekali dalam UMNO? Apakah dengan kemasukan unsur ini yang telah menyebabkan perpecahan dalam parti? Apakah tidak dapat dielakkan percaturan yang sebegitu? Bukankah pepatah Inggeris ada mengatakan bahawa '*money is the root of all evils!!!*...

Selain persoalan politik wang yang menguasai UMNO, kita perlu juga memikirkan UMNO dalam menghadapi kurun ke-21.

Apakah kita berpuas hati dengan keadaan ahli UMNO kini? Apakah begitu sebenarnya perjuangan UMNO yang kita perlukan dalam usaha kita menjadikan bangsa kita sebagai satu bangsa yang kuat di dunia?

Apakah kita berpuas hati dengan prestasi Persidangan Agung yang kita adakan pada tiap-tiap tahun itu? Apakah kita berpuas hati dengan sikap dan pendirian ahli UMNO apabila mereka menghadiri persidangan kita?

Yang paling penting dalam usaha kita membina UMNO ialah keperluan parti kepada golongan bijak pandai yang dulunya masih menjauhkan diri, untuk sama-sama menceburkan diri dalam UMNO.

Tidak dapat dinafikan bahawa telah ramai golongan ini menyertai

UMNO, (terutamanya sejak kemasukan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam UMNO), namun begitu masih ada usaha daripada golongan tertentu yang cuba menyekat kemasukan golongan muda yang berpelajaran itu.

Perjuangan UMNO berlandaskan perjuangan yang amat kukuh. Kejayaannya menumbangkan Malayan Union sudah cukup untuk membuktikan kekuatannya. Apatah lagi apabila dilihat di segi perjuangan menuntut kemerdekaan dan persahabatannya dengan MCA dan MIC yang kemudiannya ditambah dengan Gerakan PBS, USNO, Pesaka dan parti-parti lain.

Yang lebih ialah hakikat bahawa UMNO telah diterima dengan hati yang penuh terbuka oleh parti-parti yang dianggotai oleh bukan Melayu adalah diharapkan bahawa dengan pemulihan UMNO oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ditambah pula dengan semangat kita menempah satu bangsa Malaysia yang kuat dan kukuh yang setanding dengan bangsa-bangsa lain yang tinggal di muka bumi ini. Insya-Allah.

*Berita Harian*, 10 Februari 1988

# 29

## SATU PERTANYAAN BUAT SEMANGAT 46

**S**ebilangan ahli sejarah tanahair tentunya kurang senang dengan tindakan beberapa pihak tertentu yang sentiasa memperkatakan mengenai Semangat 46 atau perjuangan UMNO pada tahun 1946. Masyarakat Melayu khususnya seolah-olah telah disesatkan tanggapan mereka mengenai perjuangan UMNO 46. Perjuangan kumpulan Melayu tahun 1946 adalah perjuangan yang amat suci demi bangsa dan negara dan tanahair. Perjuangan pejuang-pejuang tahun 1946 tidak ada langsung membawa unsur cela-mencela dan jauh daripada amalan maki hamun sesama sendiri. Yang ditentang oleh pejuang 1946 ialah dasar Inggeris yang memperkenalkan dasar Malayan Union yang akibatnya akan menghancurkan bangsa Melayu.

Dalam konteks masyarakat kini, memang amat tidak wajar diheret perjuangan suci tahun 1946 itu, kerana apa yang sedang diperjuangkan oleh sekumpulan pejuang yang menamakan diri mereka 'Semangat 46' itu kini amat jauh bezanya dengan perjuangan pada zaman itu. Walau ditinjau di segi apa pun, mengheret perjuangan tahun 1946 ke zaman ini agak meleset. Masyarakat Melayu tahun 80-an amat berbeza dengan masyarakat Melayu tahun 1946. Keadaan politik negara kini tentu tidak payah dibandingkan dengan suasana politik tahun 1946. Perpaduan Melayu-bukan Melayu tentunya amat jauh berbeza dengan perpaduan zaman penjajahan. Jadi, atas dasar apakah perjuangan Semangat 46 itu berjuang?

Tidak perlu dipertikaikan kesucian perjuangan kumpulan pejuang pada tahun 1946. Siapa saja sayangkan bangsa dan negara tentu sekali tidak akan melupakan perjuangan suci pemimpin ulung Datuk Onn Jaafar. Jika tidak mereka yang berjuang habis-habisan menentang gagasan Malayan Union itu, besar kemungkinan negara ini tidak wujud sebagaimana sekarang.

Sehubungan itu, apakah 'pejuang' Semangat 46 kini benar-benar faham dan sedar mengenai perjuangan pejuang-pejuang Melayu tahun 1946 itu?

Tentulah tidak menghairankan jika yang mempersoalkan perkara-perkara itu ialah tokoh-tokoh yang berjuang pada waktu itu seperti Encik Ghafar Baba ataupun Tun Hussien Onn. Tidak juga janggal jika memperkatakan perkara itu ahli-ahli sejarah. Bagaimanapun, agak aneh apabila ada orang yang memperkatakan Semangat 46 tetapi tidak tahu secara terperinci apakah bentuk perjuangan UMNO pada tahun itu.

Berdasarkan kepada percakapan, perbualan dan perbincangan sesetengah pihak yang berkaitan dengan kumpulan Semangat 46 itu, jelas menunjukkan bahawa ramai antara mereka bukan saja kurang arif mengenai apa yang dibincangkan, malah tidak tahu langsung apakah sebenarnya perjuangan UMNO yang menjiwai Semangat 46. Jelas juga kelihatan bahawa setiap perbincangan mengenai perkara itu sentiasa dibuai dan dicampur aduk dengan perasaan kebencian yang mendalam terhadap seseorang.

Jika ada perbincangan yang berkisar di sekitar pengembalian Semangat 46, maka timbullah persoalan apakah sebenarnya yang hendak dikembalikan? Sejarah mencatatkan bahawa matlamat paling penting perjuangan orang pada awal tahun 1946 ialah untuk menghancurkan Malayan Union. Dari situ tentulah timbul pertanyaan berikut: Apakah dasar yang ingin diketengahkan oleh Malayan Union yang menyebabkan seluruh tenaga Melayu bersatu menentangnya. Pada dasarnya ada dua prinsip penting yang terkandung dalam rancangan Malayan Union yang amat menyentuh perasaan, hati dan nadi orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu pada waktu itu.

Prinsip itu ialah:

**Pemindahan kuasa raja-raja Melayu kepada kerajaan British.**  
**Pemberian hak kewarganegaraan kepada orang-orang Cina dan kaum yang lain yang tinggal dalam lingkungan Malayan union.**

Tindakan British itu tentu menimbulkan kemarahan orang Melayu.

Ini dapat dilihat melalui tulisan-tulisan yang tersiar di dada-dada akhbar Melayu pada ketika itu. Misalnya, pada 24 Januari 1946, akhbar Utusan Melayu menyifatkan tindakan kerajaan British itu sebagai satu pukulan yang sangat hebat kepada raja-raja dan orang Melayu sendiri. Akhbar itu juga mengulas mengenai rundingan yang berlangsung antara Sultan-sultan negeri Kelantan, Kedah, Terengganu, Johor dan Perak dengan wakil kerajaan British berjalan bukan dalam suasana dan semangat setiakawan.

Pada 25 Januari 1946, Seruan Rakyat menyarankan yang usaha kerajaan British memberikan hak kewarganegaraan kepada orang-orang bukan Melayu untuk menetap dalam lingkungan Malayan Union adalah satu per-buatan yang sangat tidak adil kepada orang Melayu yang menjadi penduduk asal negara ini. Pada tarikh yang sama juga, Seruan Rakyat dan Warta negara mencadangkan dua bentuk tindakan yang harus dijalankan oleh orang Melayu berhubung pengumuman Malayan Union itu.

Salah satu daripada tindakan yang harus diambil ialah agar orang Melayu dapat menyesuaikan diri dengan keadaan Malayan Union ataupun, mengambil tindakan tegas dengan menentang dan menghapuskan Malayan Union.

Nampaknya orang Melayu pada ketika itu mengambil langkah yang kedua iaitu menentang Malayan Union secara habis-habisan. Mungkin inilah kali pertama dalam sejarah perjuangan orang Melayu seluruh bangsa Melayu yang mendiami bumi bertuah ini bersatu hati dan bangun menentang Inggeris tanpa seگان silu lagi.

Kenyataan di atas dapat disahkan dengan merujuk kepada berita yang tersiar dalam akhbar Malay Mail keluaran 26 Januari 1946 yang melaporkan mengenai satu tunjuk perasaan secara besar-besaran di Alor Setar yang jelas menunjukkan yang orang Melayu di Utara menentang rancangan British itu. Pemimpin Melayu pada waktu itu menyeru agar orang Melayu bersatu demi menyelamatkan bangsa dan memelihara ke-aulatan tanahair. Akhbar *Straits Echo* bertarikh 21 Januari 1946 juga memuatkan berita penentangan terhadap Malayan Union. Berita itu melaporkan bilangan penunjuk perasaan yang berjumlah lebih kurang 5 000 orang. Di samping itu ada juga sepanduk menyeru ibu bapa mereka agar melindungi hak mereka sebagai putera bumi ini.

Bagi sesiapa saja yang sentiasa memperkuatkan mengenai Semangat 46 dan kurang arif mengenai apakah sebenarnya isu yang diperkatakannya, elok rasanya meneliti hasrat Inggeris memperkenalkan Malayan Union itu.

Mengikuti Cheah Boon Kheng dalam rencananya '*Malayan Chinese and The Citizenship Issue 1945-1946*' ada sekurang-kurangnya tiga tujuan Britain untuk memperkenalkan Malayan Union itu. Ini termasuklah:

Menghilangkan kuasa Sultan dan Raja-raja Melayu di samping menakluk negeri-negeri Melayu. Dengan cara itu tentulah dapat kuasa Sultan dipindahkan kepada pentadbiran British. Langkah ini diambil tentunya berasaskan sentiasa ingin menakluk negeri Melayu.

Untuk mewujudkan negeri Melayu yang bersatu. Sembilan negeri Melayu akan disatukan dengan negeri-negeri selat seperti Pulau Pinang dan Melaka. Singapura tidak dimasukkan dalam rancangan ini disebabkan penduduk Singapura yang sebilangan besarnya kaum Cina.

Dengan mengasingkan Singapura daripada negeri-negeri Melayu yang lain menampakkan orang Melayu adalah penduduk majoriti di dalam lingkungan Malayan Union - 49 peratus Melayu berbanding 38 peratus Cina. Dengan berbuat demikian British mengharapkan agar orang Melayu memberi sokongan padu kepada rancangan British walaupun hak kedaulatan raja-raja Melayu tergugat.

Ke arah pembentukan semangat 'Malayan' (bukan semangat kebangsaan Melayu), melalui pemberian hak kewarganegaraan Malayan Union. Yang tersirat di benak Inggeris ialah baginya untuk menghapuskan langsung kesedaran kebangsaan Melayu di kalangan orang Melayu. British mahu agar lama-kelamaan orang Melayu akan menumpahkan taat setia bukan lagi kepada Tanah Melayu dan Raja-raja Melayu, tetapi sebaliknya kepada Ratu Inggeris.

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang dikemukakan, tentulah perlu dipersoalkan pula motif perjuangan kumpulan yang sentiasa menamakan diri mereka kumpulan Semangat 46. Pastinya akan dikemukakan beberapa soalan kepada mereka.

Antaranya ialah apakah perjuangan yang diperjuangkan oleh pejuang Melayu tahun 1946 dulu belum tercapai? Atau, apakah kedaulatan raja-raja Melayu kini dalam keadaan tergugat? Apakah menyebabkan Kumpulan 46 perlu memperteguhkan lagi perjuangan ke arah itu?

Sekiranya dihalusi, maka apakah wajar bangsa Melayu diajak menoleh ke belakang sedangkan bangsa lain sedang menuju ke hadapan? Apakah sesuai semangat perjuangan dalam tahun 1946 itu digunakan sebagai landasan perjuangan tahun 80-an. Apakah logiknya masyarakat Melayu diajak bercakaran sesama sendiri sedangkan banyak perkara di hadapan

mata memerlukan penyelesaian segera? Apakah perjuangan namanya, sekiranya sikap pejuang banyak yang membawa keruntuhan daripada ke arah membina? Akhir sekali, tentulah lebih mulia agaknya perjuangan kita (perjuangan siapa saja) disalurkan kearah memantapkan ekonomi negara, mengukuhkan perpaduan bangsa demi menghadapi zaman yang penuh mencabar.

*Berita Harian, 21 Januari 1989*

# 30

## SENJATA TERAKHIR PEMBANGKANG

**P** enubuhan *Election Watch* atau Pengesan Pilihanraya yang dipengerusikan oleh Tun Sufian Hashim adalah mirip dengan penubuhan *Namfrel* (*National Citizens Movement for Free Elections*) di Filipina pada pilihanraya Presiden tahun 1986. Yang berbeza antara keduanya ialah di segi suasana politik yang membawa kepada kelahiran masing-masing. "*Namfrel*" wujud di tengah pergolakan politik yang amat runcing, ketika berlaku perebutan jawatan Presiden antara Marcos dan Corazon Aquino.

Pengesan Pilihanraya pula wujud di Malaysia dalam suasana politik yang aman. Pendek kata tidak pula wujud suasana seperti mana yang wujud di Filipina. Dan suasana menjelang pilihanraya kini tidak pula memerlukan kelahiran satu lagi badan bebas untuk memerhatikan perjalanan pilihanraya kita, kerana terbukti bahawa sejak pilihanraya pertama 1955 tidak pernah berlaku sebarang kekecohan sebagaimana yang pernah berlaku di negara lain, seperti di Filipina. Dunia mengakui keangkuhan Marcos sebagai pentadbir kuku besi, sehingga sanggup membunuh pencabar utamanya Benigno Aquino (suami Corazon).

Persoalan kita kini ialah mengapakah timbul desakan yang begitu mendadak bagi sesetengah pihak untuk menubuhkan pemerhati pilihanraya itu? Adakah ada pihak tertentu yang berasa suasana politik kita sudah menyerupai suasana politik di Filipina pada 1986 dulu?



Suasana politik yang wujud di Filipina khususnya pada pertengahan tahun 80-an amat jauh berbeza dengan keadaan politik di negara kita. Gelagat pemerintahan diktator Marcos sudah dapat dikesan sejak awal lagi yang menunjukkan beliau akan terus mempertahankan kedudukannya, walaupun dengan apa cara. Tiga perkara yang boleh menunjukkan Presiden Marcos akan bersedia bila-bila masa untuk 'bermain kasar'.

Pertama, demi untuk memelihara kedudukannya, Filipina pernah diperintah ala tentera selama beberapa tahun. Kedua, ialah kesanggupan Marcos membiarkan berlakunya tragedi pembunuhan Benigno Aquino pada 21 Ogos 1983. Ketiga, ialah pembunuhan ke atas penyokong Aquino di kawasan Makati pada 10 Februari 1986.

Memutarbelitkan keputusan pilihanraya adalah 'mainan politik di Filipina, sedangkan keadaan yang sebegini tidak pernah berlaku lagi dalam pilihanraya di negara kita. Kita belum lagi mendengar kisah seperti serangan ke atas peti undi, memutarbelitkan senarai pengundi dan perbuatan lain yang boleh menjejaskan proses demokrasi itu sendiri. Dengan demikian apakah perlunya satu badan lain untuk memerhatikan perjalanan pilihanraya kita. Suruhanjaya Pilihanraya kita amat berwibawa bagi menjalankan pilihanraya dengan adil dan saksama.

Di Filipina ada dua organisasi yang berfungsi sebagai badan untuk menyelenggara pilihanraya (sekurang-kurangnya ketika pemilihan Presiden iaitu *Commission on Election (Comelec)* dan *The National Citizen movement for Free Election (Nanfrel)*. *Comelec* adalah badan yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan perjalanan pemilihan Presiden dan *Nanfrel* pula berfungsi sebagai *election watch* yang bertanggungjawab memerhati dan menentukan kesahihan pilihanraya itu berdasarkan kepada keadaan yang wujud di Filipina ketika itu, setiap organisasi memihak kepada calon pilihanraya, menyebabkan masing-masing mendakwa yang calonnya menang. Kekacauan wujud di Filipina yang menyebabkan amat sulit diselesaikan melalui proses demokrasi dan perundangan.

Sehubungan itu tentulah kita amat bimbang kalau keadaan didakwa terlalu memihak kepada Presiden dan ada bukti menunjukkan ia berlaku demikian. Tetapi pernahkah kita terjumpa bukti yang boleh menunjukkan yang Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia memihak kepada kerajaan atau calon Barisan Nasional? Jika perkara yang sedemikian menjadi amalan di negara kita, maka sudah tentulah setiap pilihanraya kecil ataupun besar akan dibolot oleh calon Barisan nasional tetapi tidak dan buktinya, Johor Bahru

dan Teluk Pasu jatuh ke tangan parti pembangkang. Malah selama ini rakyat terbanyak tidak pernah mempertikaikan pun kewibawaan SPR dalam menjalankan tugasnya.

Berdasarkan kepada laporan yang menyentuh pilihanraya Presiden, peristiwa penipuan yang sering dilakukan dalam proses pengundian di Filipina ialah ketika membawa peti undi dari tempat mengundi ke tempat pengiraan undi. Sebagai contoh, apabila sampai sahaja peti undi dari kawasan Barat Laut Luzon (kawasan pilihanraya Marcos) ke tempat pembuangan undi, sebanyak tujuh daripada lapan *tally sheets* dipalsukan. Di samping itu ada juga kesalahan lain yang dilakukan yang tentunya amat bertentangan dengan etika pilihanraya. Sekiranya keadaan yang berlaku di Filipina itu mungkin berlaku di negara kita, maka SPR telah melakukan satu perubahan besar dengan mengadakan pengiraan undi di tempat pembuangan undi itu sendiri. Dan ini terbukti amat berkesan dengan mengambil kira pilihanraya di Sabah baru-baru ini sebagai *Try-out project*nya. Terbukti cara sebegitu amat berkesan.

Dengan sebab itulah, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba mencabar Tun Sufian supaya memberikan komennya mengenai pilihanraya Sabah pada ketika itu. Kata Encik Ghafar: "*kalau ada penyelewengan, katakan ada, supaya kita boleh kaji dan memperbaiki. Jangan diam saja*". Cabaran ini amat wajar diketengahkan, agar masyarakat dapat mengesan ke mana arah sebenarnya hasrat dan tujuan desakan kepada pembentukan pengesanan pilihanraya itu. Sekiranya SPR gagal menjalankan fungsinya dengan berkesan, maka adalah menjadi tugas pihak pengesanan pilihanraya pula untuk memberitahunya (kalau betul-betul berfungsi).

Baru-baru ini tersiar berita kerajaan akan mengundang pemerhati dari komanwel untuk memerhatikan pilihanraya nanti. Cuba bandingkan keadaan itu dengan sikap pemerintah di Filipina. Mereka tidak mengundang sebarang pemerhati luar, malah mereka tidak gemar kepada kehadiran pemerhati luar. Philip Habib, wakil khas Amerika Syarikat ditugaskan menjadi pemerhati pelaksanaan pilihanraya. Beliau tidak dijemput oleh kerajaan Filipina tetapi dihantar oleh kerajaan Amerika. Ini juga menunjukkan kebimbangan Presiden Reagan mengenai kesahihan proses pemilihan di negara itu. Di samping wakil khas Amerika, ada pula seramai 1000 orang menganggotai kumpulan wartawan asing untuk memerhatikan proses pemilihan di negara itu. Di samping wakil khas Amerika, ada pula seramai 1000 orang yang menganggotai kumpulan wartawan asing untuk memerhatikan proses pe-

ngundian di Filipina itu. Dalam keadaan yang sedemikian pun Marcos sentiasa mencari jalan untuk cuba menipu pengundian, walaupun keadaan menunjukkan Aquino mendapat kelebihan undi.

Apakah hasrat terselindung setengah-setengah pihak di Malaysia yang beriya-ya benar mendesak kerajaan untuk menubuh atau memanggil pemerhati pilihanraya?

Di segi pembangkang tentulah satu helah untuk mengaburi mata dunia bagi menunjukkan bahawa ada sesuatu yang tidak kena berlaku dalam pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad. Tindakan yang sebegini adalah senjata terakhir untuk memburuk-burukkan kerajaan dan menjadi harapan mereka agar nama negara akan tercemar di mata dunia. Pihak pembangkang sedar kegagalan mereka mempengaruhi rakyat terbanyak dengan isu yang diketengahkan. Hampir tidak ada isu besar ataupun kecil yang betul-betul dapat menafikan segala usaha yang dibuat oleh kerajaan kini. Dengan lain perkataan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan itu adalah bertepatan dengan hasrat rakyat terbanyak.

Ada pihak tertentu cuba bermain dengan isu GSP. Mereka mendesak Amerika agar menarik balik pemberian GSP kepada Malaysia, sedangkan mereka sedar bahawa betapa pentingnya keutamaan itu untuk pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan pekerja. Perdana Menteri sanggup menolak gelaran Malaysia sebagai negara baru perindustrian NIC semata-mata untuk memelihara dan mengekalkan pemberian GSP kepada negara ini. Tetapi lain halnya kepada segelintir manusia yang hanya mementingkan diri semata-mata. Hasrat golongan yang sedemikian hanyalah untuk menunjukkan kepada dunia kononnya ada penindasan pekerja di negara ini.

Kegiatan memburuk-burukkan kerajaan Malaysia di mata dunia bukanlah amalan baru, malah sejak zaman pentadbiran Tun Abd. Razak lagi. Dulu mereka memperalatkan penuntut kita yang belajar di seberang laut agar menunjuk perasaan. Mereka timbulkan pelbagai isu untuk menarik minat dunia. Tetapi kini, dengan kesedaran yang diberikan kepada pelajar kita, maka mereka tidak berjaya untuk mempengaruhi pelajar walaupun usaha ke arah itu terus menerus dijalankan.

Golongan sebegini agak iri hati dengan pencapaian Malaysia sama ada di segi sosioekonomi atau politik antarabangsa. Kemasukan modal asing mencurah-curah memberikan petanda bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang stabil di segi politiknya. Begitu jugalah dengan perkembangan ekonomi yang amat pesat dalam negara menunjukkan bahawa kepimpinan

Dr. Mahathir tentunya amat berkesan. Di peringkat antarabangsa pula, pemimpin kita telah menampakkan impaknya. Perdana Menteri bukan saja dikenali tetapi termasuk golongan pemimpin berkalibar dunia.

Perkembangan yang begini menimbulkan rasa kurang senang sesetengah pihak dalam negara kita. Golongan ini adalah terdiri daripada kumpulan yang terkeluar dari landasan kepimpinan kita. Mereka berasakan diri mereka tersisih daripada masyarakat Malaysia. Sebelumnya mereka adalah orang yang berpengaruh dalam masyarakat kita dan segala pandangan mereka diterima umum. Tetapi dengan munculnya nilai-nilai baru dalam masyarakat kita (seperti penerapan nilai Islam) maka mereka diketepikan. Namun begitu mereka rasakan masih berkuasa dan berpengaruh. Lantas mereka akan cuba untuk tegak semula walaupun dengan apa cara sekalipun.

Cara yang paling mudah bagi mereka untuk berpengaruh semula ialah dengan menyertai parti politik pembangkang, walaupun tidak tahu ke mana matlamat akhirnya. Kumpulan pembangkang terus bergabung tenaga, semata-mata untuk menumbangkan majoriti dua pertiga parti kerajaan. Mereka tidak menjelaskan kepada umum yang mereka sebenarnya tidak berniat untuk memerintah tetapi hati kecil mereka mengatakan begitu. Ada pemimpin parti pembangkang sanggup mengorbankan kepentingan kaumnya semata-mata mengikut runtunan perasaan untuk menjatuhkan pemimpin yang dia sendiri menyedari membuat bakti yang bukan sedikit kepada negara.

Berdasarkan kepada beberapa tindakan kumpulan penentang kerajaan ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sebenarnya mereka cuba memburuk-burukkan kerajaan di mata dunia. Mereka sedar mereka gagal untuk mempengaruhi rakyat terbanyak. Mereka mengharapkan agar masyarakat dunia akan yakin dengan dakwaan mereka mengatakan ada sesuatu yang tidak kena berlaku dalam negara kita.

Justeru itu, perlantikan wakil dari Komanwel nanti hanya berperanan sebagai pemerhati pilihanraya semata-mata dan tidak lebih daripada itu. Pihak pembangkang pula tentunya berpuas hati dengan peranan yang akan disumbangkan oleh perwakilan itu nanti. Sekiranya ada pula desakan dari pihak tertentu agar perwakilan menjalankan tugas yang lebih daripada sebagaimana yang dijangkakan, maka perlulah diambil kira pula tentang suasana sosiopolitik yang wujud di negara ini. Persetujuan kabinet ialah agar para pemerhati komanwel ini mempunyai status yang sama seperti dengan pemerhati pilihanraya Presiden Amerika Syarikat, Britain dan Australia.

Dan amat tidak kena sekiranya suasana menghadapi pilihanraya di Malaysia kali ini disamakan dengan suasana ketika pemilihan Presiden di Filipina dulu.

*Berita Harian, 9 Ogos 1990*

# 31

## KEMENANGAN RUBBER GAME NYATA TERBUKTI

**P**ilihanraya kawasan Ampang Jaya boleh diibaratkan permainan badminton dalam '*rubber game*'. Pertandingan pertama telah diadakan di Johor Bahru yang mana kemenangan menyebelahi kumpulan serpihan. Pertemuan kedua diadakan di Parit Raja. Barisan Nasional yang menang.

Pertandingan ketiga ialah Ampang Jaya. Dan dalam pertandingan yang dalam set penentu itu, Barisan Nasional telah menang, walaupun dengan mata kemenangan yang sedikit yang pernah dicapai sebelumnya.

Tetapi, menang tetap menang. Dan Barisan Nasionallah yang bergelar johan.

Jikalau diukur dari segi permainan badminton, pada kebiasaannya pemain yang memenangi set kedua dan ketiga itu sebenarnya yang menjadi jaguh. Jaguh yang kalah dalam set pertama bukanlah disebabkan oleh kelemahannya tetapi itu adalah taktik permainannya.

Kemungkinan dalam set pertama seorang jaguh banyak membaca dan membuat perkiraan permainan lawan, dan setiap gerak langkah lawan dapat 'dibaca' maka dalam set kedua dan ketiga si jaguh akan dapat membuat '*kill*'.

Tentulah agaknya, tidak banyak perbezaannya jika dibandingkan 'pertandingan' di Johor Bahru, Parit Raja dan Ampang Jaya dengan pertandingan badminton sebagaimana yang dikehendaki di atas tadi.

Kekalahan BN di Johor Bahru mungkin disebabkan oleh 'kejutan'

suatu suasana baru yang belum pernah dialami oleh BN sebelumnya. Apatah lagi apabila pertandingan itu diadakan di 'homeground' pihak lawan. Tentunya mendapat sokongan yang luar biasa.

Mungkin BN telah menduga yang mereka akan menghadapi kekalahan. Namun demikian BN sentiasa memerhatikan kelemahan pihak lawan untuk digunakan segala kelemahan itu bagi kepentingan pertandingan-pertandingan selepasnya.

Perkiraan dan perhitungan BN agak tepat apabila berjaya menewaskan parti lawan di Parit Raja. Kemenangan itu telah pun menunjukkan yang orang Melayu memihak kepada UMNO dan menolak serpihan atau kumpulan Semangat 46.

Kekalahan Bebas di Parit Raja mungkin disebabkan oleh penggunaan dan strategi yang sama, seperti mereka lakukan di Johor Bahru, sedangkan pihak BN telah menggunakan taktik baru. Ia juga memberi pengertian bahawa 'prinsip' perjuangan kumpulan serpihan itu mungkin hanya sesuai digunakan di Johor Bahru sahaja.

Pengundi di Johor Bahru mungkin terlalu ghairah mendengar caci hamun pihak lawan terhadap kepimpinan Mahathir, tetapi berlainan caranya bagi pengundi di Parit Raja dan Ampang Jaya. ini adalah satu hakikat yang patut difahami oleh kumpulan Semangat 46.

Ramai pemerhati politik yang menganggap bahawa keputusan pilihanraya di Ampang Jaya itu menjadi satu 'turning point'nya ialah pilihanraya di Parit Raja.

'Kemenangan di Parit Raja itulah sebenarnya yang memberikan semangat perjuangan yang baru kepada ahli-ahli UMNO.

Hujah saya begini: Diandaikan Barisan Nasional gagal di Parit Raja, sudah tentu ramai ahli pemimpin UMNO yang kecewa yang lemah semangat yang boleh memberi kesan amat buruk kepada perjuangan UMNO seterusnya. Sekiranya dapat dipulihkan sekalipun, maka proses itu tentunya mengambil masa yang amat lambat.

Yang amat membimbangkan pucuk pimpinan ialah kesan pilihanraya parit Raja itu ke atas suasana Perhimpunan Agung Khas UMNO yang diadakan selepas itu.

Diandaikan BN tewas dalam pilihanraya itu, bagaimanakah agaknya, suasana dalam perhimpunan itu. Syukur kerana Allah menyebelahi pihak yang benar. Ditakdirkan Barisan Nasional menang.

Maka menjelmalah semula semangat perjuangan yang sentiasa

membara dan itulah yang memberi makna yang amat besar kepada perhimpunan Agung Khas UMNO, Oktober lalu.

Perhimpunan Agung UMNO yang lepas adalah lain daripada yang lain. Ia bukan lagi menjadi majlis pesta-pestaan (walaupun masih ada lagi saki baki ahli UMNO yang merasakan sedemikian).

Segala perbincangan yang diadakan berlaku dalam suasana yang serius. Setiap isu yang dibentangkan telah diperbahaskan dengan hati-hati, kerana segala keputusan yang diambil nanti adalah sebagai penentu arah dasar negara.

Banyak perkara telah diperkatakan dan banyak isu telah dibincangkan, namun begitu, segala perbincangan telah dijalankan dalam suasana berhati-hati, takut kalau-kalau ada kalangan yang terusik.

Orang Melayu seolah-olah begitu takut kepada perpecahan, walaupun dalam memperkatakan sesuatu, ada juga tersentuh tentang kegiatan golongan serpihan, ataupun golongan yang ingin memulihkan semangat 46.

Ada perwakilan yang bersuara lantang mengutuk kegiatan kumpulan serpihan, tetapi di celah-celah kutukan, ada juga terselit mesej yang inginkan perpaduan. Hampir setiap perwakilan menyuarakan hujah dalam irama yang sama nadanya.

Hakikat ini telah difahami oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Dengan sebab itulah, agaknya beliau telah mengumumkan jemputan kepada Datuk Musa dan Tengku Razaleigh untuk menyertai kabinetnya, pada penghujung persidangan itu.

Para perwakilan ramai yang tersentak dengan pengumuman itu kerana ia datang dalam saat yang tidak disangka-sangka. 'Standing Ovation' yang diberikan oleh para perwakilan kepada pengumuman Datuk Seri Dr. Mahathir itu membuktikan yang para perwakilan merestuinnya.

Masyarakat Melayu, dan ahli-ahli UMNO khususnya, mengharapkan sesuatu tindakan diambil oleh dua pemimpin yang masih disayangi ekoran daripada pengumuman Dr. Mahathir itu. Orang Melayu terus menunggu dengan penuh kesabaran, namun yang ditunggu belum juga tiba.

Malah Orang yang dijemput seolah-olah tidak begitu sudi menerima pelawaan ikhlas daripada Dr. Mahathir. Kekecewaan tentunya menyelubungi hati dan perasaan orang Melayu.

Datuk Musa dan Tengku Razaleigh terus berada dalam kumpulan yang didukung oleh mereka. Masing-masing merasakan bahawa merekalah yang berhak untuk mewakili kumpulan Melayu. Mereka yang sentiasa



mendakwa bahawa orang Melayu sudah berpecah (sedangkan pada hakikatnya, tidak).

Sehubungan dengan perkara ini, hanya masyarakat Malaysia yang boleh mengadilkannya. Dr. Mahathir telah menyerahkan kepada masyarakat Melayu untuk mengadilkan tentang tindakannya itu.

Orang Melayu tahu tentang tolak ansur yang diamalkannya. Orang Melayu tahu bahawa sebenarnya dia mahukan perdamaian dan perpaduan.

Dalam keadaan dan suasana yang begitulah, maka berlaku pula perletakan jawatan Ahli Parlimen MCA dari Ampang Jaya yang menyebabkan kerusi itu perlu dipertandingkan.

Rakyat sekali lagi diminta untuk jadi pengadil. Dan peluang yang sebegini sangat dinanti-nanti oleh kumpulan serpihan. Mereka mengharap dan amat yakin yang kemenangan akan menyebelahi pihak mereka, kerana sebab-sebab tertentu yang setiap rakyat Malaysia amat fahami. Sekali lagi mereka tewas apabila keputusan diumumkan.

Apakah kumpulan itu akan terus berjuang walaupun telah ditewaskan?

Kita tidak tahu apa yang akan berlaku selepas ini. Kita tidak tahu juga apakah kumpulan serpihan kini sedar yang masyarakat Malaysia sedang dahagakan pembangunan.

Kita hanya boleh berdoa agar kumpulan ini akan menghentikan percubaan untuk melanjutkan pertandingan kerana rakyat merasakan terlalu banyak perkara yang hendak diselesaikan, terutama dalam keadaan ekonomi Negara yang sedang membangun.

*Nusantara*, 5 Februari 1989

# 32

## APABILA DATUK SERI ANWAR RELA DISIASAT

**I**su penyelewengan dan rasuah kini menjadi tajuk perbincangan hangat. Mungkin ia dihangatkan oleh suasana pilihanraya kecil Ampang Jaya, dan orang yang paling hangat berhubung dengan isu ini ialah Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai penyelewengan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sepanjang minggu ini, perkara menarik juga berakar umbi dari Ampang Jaya ialah mengenai kewibawaan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai menteri yang diberi tanggungjawab untuk memimpin jawatan kuasa yang ditubuhkan menurut konsep "*Ombudsman*" itu.

Dalam kecamuk politik Ampang Jaya, nama bapa Menteri Pendidikan itu, Hj. Ibrahim Abdul Rahman, diheret dalam kancah memancing undi. Beliau dikatakan menerima saham Industrial Oxigen Incorporated berhad bernilai \$400 000 daripada Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaliagh Hamzah pada tahun 1984.

Ramai yang berpendapat bahawa tindakan "mendedahkan saham Haji Ibrahim dan belanja membina rumah Datuk Seri Anwar Ibrahim itu" adalah satu cara musuh politik Datuk Seri Anwar dan kerajaan hari ini, menggunakan kedudukan beliau dan kewibawaan kerajaan. Matlamat akhir kumpulan yang bertindak demikian ialah menghakis kepercayaan pengundi di Ampang Jaya terhadap kerajaan.

Bagaimana tindakan itu sebenarnya adalah sebahagian daripada perang terhadap penyelewengan dan rasuah yang dilancarkan secara rasminya

oleh kerajaan dengan pembentukan *Ombudsman* yang ada pada November lalu.

'Peperangan itu adalah satu tugas yang dibebankan kepada Datuk Seri Anwar selaku pengerusi jawatankuasa berkenaan. Tugas jawatankuasa ini bukan sahaja menitikberatkan masalah rasuah tetapi apa sahaja bentuk penyelewengan dalam pentadbiran kerajaan.

Tugas ini tentulah amat berat untuk dilaksanakan kerana sistem ini seolah-olah gagal dilaksanakan apabila diperkenalkan buat pertama kali di negara ini ketika pentadbiran Tun Abdul Razak dulu. Jadi Datuk Seri Anwar akan menentukan pengenalan kali kedua ini tidak menemui kegagalan.

Telah ditekankannya berkali-kali bahawa jawatankuasa kabinet ini bukan sahaja bertindak ke atas penyelewengan yang berlaku sekarang tetapi juga segala penyelewengan yang dilakukan sebelum penubuhan jawatankuasa ini lagi. Ia meliputi jawatankuasa penyiasatan terhadap laporan mengenai kegiatan yang dianggap tidak menurut prosedur yang dilakukan pemimpin dan pegawai kerajaan yang sudah bersara seperti Menteri Besar dan wakil rakyat.

Sebagai pembuka gelanggang, Datuk Seri Anwar telah meminta Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyiasat kes bapanya sendiri yang dituduh menerima saham berkenaan. Di samping itu disebabkan oleh terlalu banyak tohmah yang membabitkan pembinaan rumahnya yang dikatakan berjumlah satu juta ringgit maka beliau juga telah meminta BPR menyiasat mengenai kes perbelanjaan pembinaan rumahnya iaitu dari punca mana wang itu diperolehi. Tindakan sedemikian tentunya tidak pernah lagi berlaku dalam sejarah negara ini di mana seorang menteri rela disiasat mengenai hartanya.

Langkahnya ini tentulah juga akan menguatkan keyakinan rakyat mengenai usaha pembentukan kerajaan yang bersih dan menepati pula dengan slogan yang sentiasa dilaung-laungkan iaitu 'kepimpinan melalui teladan'. Tidak syak lagi bahawa rakyat ingin sekali melihat hasilnya dalam jangkamasa yang amat singkat kerana rakyat terlalu mengidamkan sebuah kerajaan yang bersih.

Telah sekian lama rakyat negara ini memuji tindakan yang dilakukan oleh pemerintah Singapura. Kononnya di Singapura tidak berlaku penyelewengan dan dengan sebab itulah Singapura sentiasa menempa kemajuan. Itu memberikan pengertian bahawa negara kita tidak menjalankan pentadbiran sebagaimana yang dilakukan oleh pemerintah negara jiran itu. Hakikat

inilah yang sentiasa diperkatakan oleh pembangkang, terutama DAP.

Kini, kerajaan juga menjalankan gerakan pembersihan ini. Apakah DAP akan menyokong tindakan ini? Atau, mungkinkah tindakan itu akan mendapat sokongan rakyat terbanyak?

Isu ini akan menjadi bahan ceramah pilihanraya kecil Ampang Jaya. Jika dulu pihak pembangkang sentiasa memperkatakan mengenai rasuah dan menuduh pentadbiran kerajaan rasuah, maka kini tuduhan itu beransur reda kerana kenyataan Datuk Seri Anwar itu juga akan memerangkap mereka.

Ramai juga yang beranggapan bahawa pilihanraya kecil Ampang Jaya adalah satu rahmat bagi bangsa Malaysia dan akan dikenang dalam sejarah perjuangan bangsa. Adanya cabaran daripada pihak pembangkang terhadap Datuk Seri Anwar menyebabkan beliau merasa 'terusik' dan diharapkan pengerusi *Ombudsman* ini tidak akan tersalah langkah hingga jawatankuasa yang dipimpninya mati tidak berkubur seperti yang pertama beberapa tahun dahulu.

Selaras dengan hasrat membentuk sebuah kerajaan bersih, ketua Pengarah BPR, Hj. Zulkifli Mahmood juga mencadangkan ditubuhkan pasukan antirasuah di semua jabatan kerajaan untuk mencegah rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan kecurangan. Hakikat mengenai ada sesetengah pegawai kanan kerajaan yang menyalahgunakan kuasa, terutama yang ada hubungan dengan pemborong, diakui sendiri oleh Haji Zulkifli.

Ketua Setiausaha Negara pada ketika itu, Tan Sri Sallehuddin Mohammad juga menggesa semua ketua jabatan agar mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai yang melakukan penyelewengan dalam tugas harian mereka, dan hendaklah dilaksanakan tanpa ada perasaan takut dan segan. Gesaan sebegini hendaklah didokong dan dihayati dengan sepenuhnya agar dapat dilaksanakan dengan segera, apatah lagi dalam suasana 'peperangan' yang ada sekarang.

Mengenai kesedaran tentang adanya kegiatan penyelewengan di kalangan tertentu dalam pentadbiran kerajaan hingga kadang-kadang hairan bagaimana pegawai rendah dalam sebuah jabatan kerajaan yang berpendapatan tak seberapa misalnya mampu untuk membeli barang-barang keperluan yang dikira terlalu lumayan. Ada juga golongan tertentu yang mampu bercuti keluar negara setiap kali menjelang musim cuti. Dan ada pula di antara wakil-wakil rakyat yang mempunyai bilangan kereta yang

agak banyak sehinggakan ada yang tidak digunakan (kerana terlalu banyak).

Rakyat sudah jemu mendengar kritikan sesetengah pihak terhadap fungsi BPR. Badan ini sentiasa ditempelak kerana bertindak hanya ke atas 'ikan-ikan bilis' semata-mata sedangkan 'ikan-ikan yu' dibiarkan begitu saja. Masyarakat sudah sekian lama merasakan tindakan sedemikian amat tidak adil. Ini tidaklah pula bermakna bahawa masyarakat mengizinkan rasuah dan penyelewengan berlaku tetapi yang ditentu adalah keadilan di segi tindakan.

Semua orang yang cintakan negara amat mengharapkan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim akan berfungsi dan dapat memenuhi kehendak dan idaman rakyat terbanyak yang sudah terpendam sejak sekian lama. Lakukanlah seperti mana tindakan yang dijalankan oleh Datuk Harun Hashim terhadap bekas Menteri Besar Perak, Datuk Ahmad Said. Hasrat Datuk Seri Anwar adalah hasrat rakyat. Tentunya ia akan mendapat keredaan Allah.

Sekiranya berkesan hasrat Datuk Seri Anwar untuk membersihkan rasuah di kalangan Menteri atau bekas Menteri, wakil rakyat atau bekas wakil rakyat, maka usaha itu tentu sangat dialu-alukan. Apatah lagi kepada golongan bekas Menteri dan Menteri Besar yang sentiasa sahaja melaungkan mengenai soal anti rasuah itu. Sudah sampai masanya mereka itu dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tindakan tidak amanah mereka pula. Serahkan perkara itu ke muka pengadilan dan di situlah nanti akan diadili secara saksama.

Selama ini rakyat Malaysia sering diperdaya oleh golongan ini. Mereka mudah ditipu dengan kata-kata manis dan mereka mudah percaya pula. Sudah sampai masanya masyarakat yang berbudi itu didedahkan dengan realiti sebenarnya. Barulah kita tahu nanti siapa sebenarnya yang berbudi.

Kewujudan sistem *ombudsman* di negara ini adalah amat tepat pada masanya. Dikatakan begitu kerana pada ketika inilah negara sedang mengalami pertumbuhan ekonomi dengan kenaikan harga kebanyakan bahan mentah. Di samping itu impian untuk menjadikan negara ini sebuah Negara Perindustrian Baru (NIC) tentu tidak akan tercapai sekiranya ramai pegawai dan Menteri yang terbabit dengan rasuah dan penyelewengan.

Kegagalan orang Melayu untuk memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru (DEB), khususnya dalam bidang perniagaan korporat sedikit sebanyak

berpunca daripada kegiatan rasuah di kalangan pegawai yang tidak bertanggungjawab, walaupun ia bukanlah faktor terpenting. Ini adalah satu hakikat. Menafikan hakikat bahawa rasuah sebegini tidak berlaku di kalangan kita adalah perbuatan yang sia-sia. Cuma yang memeningkan kita ialah kegiatan rasuah ini dilakukan dengan cara yang amat licin sehingga terlalu sukar untuk mengesannya.

Jika begitulah keadaannya apakah boleh Datuk Seri Anwar menjalankan tugasnya dengan berkesan? Berpandukan kepada rekodnya yang lepas, maka rakyat tentunya menaruh kepercayaan dan menyerah tugas yang amat besar ini kepada beliau. Namun begitu masyarakat umum haruslah pula memberikan kerjasama dalam apa jua bentuk bagi menjayakan program raksasa ini, sekiranya kita mahu negara ini mencapai kejayaan seperti negara lain yang maju di dunia ini.

*Berita Harian, 26 Januari 1989*

# 33

## PERANAN BUDAYAWAN DALAM PENCAPAIAN KEMERDEKAAN

**A**gak sukar untuk membezakan di antara golongan yang dipanggil budayawan dengan golongan yang dipanggil ahli politik dalam konteks pencapaian kemerdekaan negara. Kadang-kadang dapat dilihat bahawa kedua-dua konsep itu terjelma dalam diri seorang budayawan dan seorang ahli politik.

Dalam usaha ke arah pencapaian kemerdekaan, ahli politiklah yang memainkan peranan yang sungguh penting. Hakikat ini disedari oleh semua orang, tetapi jangan lupa juga bahawa peranan budayawan tidak kurang pentingnya. Di sini juga terlalu sukar untuk memberikan garis pemisah untuk menentukan yang mana lebih penting di antara kedua golongan itu.

Yang merumitkan lagi penafsiran mengenai perbezaan di antara budayawan dengan ahli politik ialah apabila kita mula menganggap dan memberikan penafsiran yang menyeluruh dengan mengatakan bahawa sesiapa sahaja yang mementingkan budaya bangsanya (Melayu) maka dengan sendirinya boleh digelar budayawan. Dengan demikian tidak timbul lagi golongan mana yang dipanggil budayawan dan yang mana digelar ahli politik.

Bagi menyelesaikan masalah ini, rencana ini akan menekankan tentang konsep budayawan yang meliputi golongan penulis/wartawan yang menghasilkan karya-karya mereka lebih mirip kepada unsur-unsur budaya bangsa. Walaupun tokoh itu akhirnya menjelma menjadi seorang ahli politik, namun asas perjuangannya adalah melalui kebudayaan.

Boleh dikatakan setiap penulis yang lahir dalam zaman sebelum

kemerdekaan menghasilkan karya-karya mereka berasaskan kepada matlamat untuk kemerdekaan negara, mahu membebaskan bangsanya daripada belenggu penjajahan. Hasrat dan perasaan mereka disalurkan melalui karya-karya yang berbentuk cerpen, novel, drama dan sajak. Bermula dari zaman Syed Syeikh Al-Hadi, Abdul Rahim Kajai, golongan Tanjung Malim, sampailah kepada zaman Usman Awang dan Keris Mas, kesemuanya menitikberatkan pembangunan bangsa dari segi rohani dan fizikal.

Sungguhpun *Al-Imam* pimpinan Syed Syeikh Al-Hadi banyak mengkritik keadaan masyarakat Melayu yang dikatakan masih 'tidur' lemah dalam serba serbi, namun usaha yang lebih positif ke arah kesedaran bangsa tentulah dimainkan oleh Abdul Rahim Kajai melalui akhbar *Majlis* yang ditubuhkan pada 17 Disember 1931 di Kuala Lumpur. Mengikuti kata Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris dalam bukunya, *25 Tahun Merdeka*;

*... Kajai berasa bebas tanpa apa-apa teguran atau gangguan dari pihak majikan untuk menulis, membincangkan perkara-perkara politik, terkadang membidas hebat kepincangan dan penyelewengan dasar pihak berkuasa pada masa itu, demi membela hak dan kepentingan bangsa Melayu. Begitu juga dalam membangkitkan kesedaran, meniupkan semangat kebangsaan dan memberi pimpinan serta menyeru orang Melayu supaya bersatu padu dalam bidang ekonomi dan politik.*

Jika diperinci, isi atau isu yang dibincangkan oleh akhbar *Majlis* adalah berbagai-bagai dan menyentuh berbagai isu semasa. Dan isu itu dikemukakan dengan berani tanpa ragu-ragu demi untuk menegakkan maruah bangsa. Misalnya:

- i) Sekiranya ada cemuhan dan kritikan yang mendadak tentang orang Melayu, seperti mengatakan orang Melayu malas maka akhbar *Majlis* akan 'melenting' mempersoalkan tentang kewarasan sesuatu tuduhan itu;
- ii) Mempersoalkan tentang dasar pentadbiran Inggeris pada masa itu. *Majlis* pernah mempersoalkan tentang tidak terdapatnya walau seorangpun Orang Melayu dalam *Sanitary Board* Kuala Lumpur. Alasan yang dikemukakan oleh pihak penjajah yang menyebabkan



keadaan terjadi demikian adalah berpunca daripada tidak adanya orang Melayu yang fasih berbahasa Inggeris.

Akhbar *Majlis* bukan sahaja didukung oleh Abdul Rahim Kajai tetapi telah disertai sama oleh beberapa cerdik pandai yang lain, seperti Ibrahim bin Haji Yaakub, Ishak bin Haji Muhammad dan Mohd. Yusuh Ahmad. Mereka inilah yang telah memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya memupuk kesedaran orang Melayu.

Tuan Haji Muhammad bin Dato' Muda pernah memberikan ulasannya mengenai akhbar *Majlis* dalam bukunya, *Kitab Tarikh Suratkhbar* yang berbunyi:

*Akhbar Majlis inilah yang mula-mula berani membukakan ruangnya untuk membicarakan darihal siasah dengan lebih luas, dan membincangkan hak-hak Melayu daripada suratkhbar-suratkhbar yang lebih dahulu daripadanya. Kemudian barulah suratkhbar-suratkhbar lain bersuara berkenaan dengan siasah itu ...*

Sezaman dengan Abdul Rahim Kajai dan akhbar *Majlis*, terdapat juga seorang budayawan/penulis yang menjalankan kegiatannya di bidang yang lain iaitu melalui Maktab Perguruan. Harun Aminurrashid ketika menjadi pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim telah dikenali sebagai seorang yang berusaha bersungguh-sungguh membakar semangat pelajar-pelajar di atas kesedaran kebangsaan. Pelajar-pelajar bakal guru telah diasuh dengan kesedaran tentang kezaliman dilakukan oleh penjajah Inggeris terhadap bangsa Melayu, dan menganjur agar disusun satu langkah bagi memajukan orang Melayu. Di samping menjadi pensyarah, Harun Aminurrashid juga kerap kali menulis dalam akhbar/majalah Malaya, *Seruan Azhar*, *Jasa*, *Temasik*, *Warta Negara*, *Warta Malaya*, *Warta Jenaka* dan *Warta Ahad*.

Harun Aminurrashid menyalurkan fahaman yang berunsur kebangsaan-nya melalui puisi-puisi yang dikarangnya. Mengikuti kata Abdul Latif Abu Bakar dalam rencananya yang berjudul '*Puisi-puisi Harun Aminurrashid yang bertemakan Nasionalisme Melayu (1929-1939)*' bahawa terdapat tidak kurang daripada lapan puisi yang bertemakan Kebangsaan Melayu yang dihasilkannya dalam jangka masa 1929 sehingga 1939. Malah dapat dikira

bahawa Harunlah yang menjadi pelopor dalam memperluaskan semangat kebangsaan melalui puisi.

Di antara persoalan-persoalan utama yang diutarakan dalam puisi-puisi tersebut ialah:

- i) Orang Melayu harus mengambil berat tentang keadaan dan perubahan yang berlaku di Tanah Melayu pada zaman penjajah Inggeris.
- ii) Kedatangan dan keadaan yang diwujudkan oleh orang asing di Tanah Melayu.
- iii) Orang Melayu mesti rajin dan bersatu untuk bertanding dan menentang kemaraan orang asing.
- iv) Pemimpin Melayu mestilah bertanggungjawab dan tampil ke hadapan membela nasib bangsanya.
- v) Orang Melayu di Tanah Melayu sepatutnya bersatu dengan orang Melayu Indonesia.
- vi) Orang Melayu mestilah ikut ajaran Islam dan, mencontohi kejayaan orang Melayu yang lepas-lepas.

Untuk menunjukkan betapa bersemangatnya Harun Aminurrashid menyalurkan perasaannya melalui puisi, elok dipaparkan sebuah sajaknya yang disiarkan melalui *Temasik* (1 Mei 1930) yang berjudul *Seloka Harapan*:

Tidakkah sedar kaumku sekarang  
Tanahmu gelap menjadi terang  
Banyak manusia datang bersarang  
Melainkan kita sahaja yang kurang.

Bukankkah sekarang kaumku Melayu  
Orang mendatang kamu dan layu  
Tidakkah mesti insaf dan sayu  
Kita umpama tunggul kayu.

Selepas meninggalkan Maktab Perguruan Sultan Idris (kini IPSI) Tanjung Malim, Harun telah menumpukan sepenuh perhatiannya kepada

bidang kewartawanan dan penulis. Di samping itu beliau juga telah bergiat dalam lapangan politik di samping lapangan yang sentiasa diperjuangkannya seperti bahasa, kebudayaan dan pelajaran. Dalam lapangan politik beliau pernah menjadi Bendahari, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (1948) dan beliau juga boleh dianggap sebagai pengasas Pertubuhan Parti Rakyat Malaya (1955). Walau apapun yang diperjuangkannya, pada hakikatnya perjuangannya adalah untuk menebus kembali maruah bangsa dan meletakkannya di tempat yang paling wajar.

Di antara pelajar yang dapat mengikuti jejak langkahnya semasa di MPSI ialah Ibrahim bin Haji Yaakub. Ibrahim dikatakan sentiasa mendampinginya semenjak dari tahun 1928 sehingga 1931. Selepas tamat pengajiannya di MPSI Ibrahim telah menceburkan diri dalam bidang kewartawanan dan penulisan dan bagi Ibrahim akhbar *Majlis*lah yang menjadi medan tempat beliau menyalurkan semangat kebangsaan di kalangan pembaca.

Ketika Ibrahim bin Haji Yaakub memimpin *Majlis* beliau mendapat sokongan tenaga muda yang progresif seperti Mohamed Salehuddin, Abdul Samad Ahmad, Abdullah Sani bin Raja Kecil (Ahmad Boestaman) dan Melan Abdullah. Dengan gabungan tenaga muda inilah Ibrahim telah menggerakkan perasaan orang Melayu, menyedarkan betapa terhinanya bangsa di bawah penjajahan Inggeris. Penjajah telah menjalankan berbagai tindakan demi memperbodoh-bodohkan orang Melayu.

Harus disedari juga bahwa munculnya pertubuhan politik Kesatuan Melayu Muda adalah bercambah di sekitar akhbar *Majlis*. Di sini tersemainya segala bibit perjuangan kebangsaan yang dipelopori oleh Ibrahim bin Haji Yaakub sendiri. Tidak hairanlah kalau KMM itu dipimpin sendiri oleh beliau.

Apabila Malayan Union cuba diperkenalkan oleh Inggeris kepada penduduk di Tanah Melayu yang cuba menghilangkan hak dan kekuasaan raja-raja Melayu di samping memberikan kerakyatan yang luas kepada bangsa asing, maka sekali lagi akhbar *Majlis* tampil memainkan peranannya. Terang-terang akhbar *Majlis* telah menyeru agar orang Melayu menentang dasar Inggeris itu dan menjelaskan tentang bencana yang akan menimpa bangsa sekiranya Malayan Union ini tidak ditentang secara habis-habisan.

Peranan menyatu dan menganjurkan sesuatu tindakan bagi orang Melayu menentang Inggeris adalah dimainkan juga oleh penulis/wartawan. Misalnya adanya beberapa perhimpunan raksasa yang diadakan di beberapa tempat di tanahair adalah hasil daripada kesedaran dan semangat yang dilaungkan melalui akhbar-akhbar dan majalah. Di samping itu juga akhbar

dan majalah telah menyarankan agar diadakan sebuah Kongres Melayu se-Malaya dan seruan itu disambut dengan tangan terbuka oleh beberapa pertubuhan Melayu di seluruh Tanah Melayu.

Akhbar *Majlis* khasnya dan akhbar-akhbar lain amnya telah juga memainkan peranan dalam pembiayaan bagi mengadakan sesuatu kongres. Tanpa kerjasama yang kuat dari pihak akhbar maka tidak mungkin sejumlah besar wang dapat dipungut melalui derma dari orang ramai. Akhbarlah yang telah menyeru agar orang Melayu memberikan sumbangan mereka terhadap menjayakan sesuatu Kongres Melayu.

Setelah tertubuhnya PEKEMBAR (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) ataupun UMNO, maka pejabat akhbar *Majlis* telah dengan secara tidak langsung, menjadi 'Ibu Pejabat' pertubuhan itu. Ia telah menjadi tempat tumpuan para pemimpin UMNO terutamanya Dato' Onn bin Jaafar yang selalu datang untuk mendapatkan pertolongan menyebarkan fikiran kepada umum. Malah di pejabat *Utusan Melayu* juga satu ketetapan telah dibuat yang menyeru orang Melayu berkabung bagi melahirkan perasaan penentangan terhadap Malayan Union.

Peranan akhbar *Utusan Melayu* ataupun penglibatan pengarang-pengarangnya dalam mencetuskan semangat kebangsaan di kalangan pembaca, tidak harus dilupakan, malah perlu mendapat pengiktirafan yang wajar. Jasa dan sumbangan Ishak bin Haji Muhammad (Pak Sako), Yusuf bin Ishak (bekas Presiden Republik Singapura), Zainal Abidin bin Haji alias di samping beberapa orang penulis lain seperti Kamaluddin bin Haji Muhammad (Kris Mas), Usman Awang, Abdul Samad Ismail dan Abdul Wahab Muhammad harus dikenang untuk diabadikan dalam lipatan sejarah tanahair.

Apabila kerajaan Inggeris hendak memperkenalkan konsep Malayan Unionnya, *Utusan Melayu* juga bergerak bagi menentang rancangan itu. Kadang-kadang scolah-olah *Utusan Melayu* menjadi sebagai lidah resmi UMNO pada ketika itu. Utusan Melayulah yang berani 'mengutuk' tentang tipu helah yang dilakukan oleh Inggeris bagi memperdayakan Raja-raja Melayu agar menandatangani perjanjian Malayan Union. Samad Idris (ibid) ada menyatakan:

*Britain telah menghantar seorang pegawainya bernama Sir Harold Mac Michael untuk 'memulas tangan' sultan-sultan dan menggertak baginda sekalian secara halus. Akhirnya baginda sekalianpun mengalah dan menerangkan kemudiannya*

*bahawa telah menurunkan tandatangannya akibat ugutan-ugutan British.*

Isu mengenai Malayan Union itu telah digembar-gemburkan oleh *Utusan Melayu* agar rakyat keseluruhannya tahu tentang perbuatan Inggeris dan memberikan simpati kepada perjuangan UMNO. Kesan daripada tindakan *Utusan Melayu* itu telah dengan sekejap masa sahaja mendapat sokongan daripada hampir keseluruhan masyarakat Melayu. Malah kata Samad Idris lagi:

*"Utusan Melayu pernah memainkan peranan yang penting untuk menanamkan semangat kebangsaan di negara ini".*

Berdasarkan kepada hakikat ini dan fakta-fakta yang dikemukakan, maka jelaslah bahawa usaha para budayawan yang merangkumi golongan penulis/wartawan telah memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha mencapai kemerdekaan tanahair. Peranan mereka itu bolehlah dianggap sama dengan perjuangan ahli-ahli politik dengan budayawan adalah saling bergantung. Yang satu memerlukan yang lain demi untuk menuju kepada satu matlamat.

Mengikut Ungku Abdul Azizi dalam bukunya, *Asian Nasionalism And The West*:

*"Malay Nasionalism began as defensive reaction against the virtual extinction of Malay culture had been most suppressed by alien elements".*

Dengan demikian tentulah peranan untuk memulihkan budaya sesuatu bangsa itu disokong oleh para budayawannya. Ekoran daripada itu telah tertubuh Persaudaraan Sahabat Pena yang mempunyai cawangan-cawangan di serata pelosok tanahair. Tujuannya juga adalah berasaskan kebudayaan yakni untuk memulihkan kebudayaan bangsa dan bahasa Melayu.

Jika dibandingkan dengan perkembangan nasionalisme di negara lain di dunia, maka peranan budayawan di tempat lain juga berperanan penting dalam usaha mencapai kemerdekaan negara. Misalnya, jika ditinjau di negara Filipina, tentulah usaha *Jose Rizal* menyatukan bangsa Filipina tidak dapat

dilupakan. Buku karangannya yang berjudul, *Nole Me Tangere* dan *El Filibusterismo* bukan kepalang dapat menyedarkan rakyat tentang penindasan yang dijalankan oleh Sepanyol.

Jikalau ditinjau tentang sejarah negeri Perancis pula dengan Revolusi Perancis tentulah kita tidak dapat mengetepikan peranan yang dimainkan oleh Rousseau yang telah berjaya menghasilkan buku *The Prince*. Dan salah satu faktor yang menimbulkan revolusi itu ialah akibat yang ditimbulkan oleh buku itu.

Oleh kerana sejarah telah menunjukkan bahawa budayawan itu sememangnya memainkan peranan penting dalam mencapai kemerdekaan (walau di mana pun), maka hal begini tentulah tidak terkecuali bagi negara kita. Telah terbukti bahawa pencapaian kemerdekaan kita juga adalah melalui 'titik peluh' para budayawan, walaupun kadang-kadang jasa mereka kerap dilupakan.

*Dewan Budaya, Ogos 1984*

mimpin-pemimpin di semua peringkat dari kalangan guru Melayu.

Ada pihak yang terang-terang mengatakan bahawa UMNO tidak pernah menghadapi krisis yang besar ketika ia diterajui oleh majoriti kaum guru. Penulis tidak mempunyai hujah yang cukup untuk mempertahankan anggapan ini, cuma penulis hanya berani 'meninjau' beberapa keadaan yang boleh menyokong hujah itu.

Berkurangnya pembabitan kaum guru dalam UMNO seiring dengan kemunculan dan pengenalan Dasar Ekonomi Baru. Andaian ini mungkin boleh dipertikaikan tetapi ia adalah satu hakikat bahawa terlaksananya DEB menelurkan golongan peniaga Melayu yang juga pemimpin UMNO. Ini jelas, ada kalangan yang menceburkan diri dalam UMNO pada tahun-tahun 70-an semata-mata kerana ingin mencari peluang mendapat kekayaan melalui DEB.

Kemunculan ahli-ahli perniagaan Melayu inilah yang kemudiannya mengurangkan sedikit sebanyak pengaruh kaum guru dalam UMNO. Permainan wang dalam pemilihan pucuk kepimpinan UMNO terus mengetepikan kehadiran kaum guru.

Akhirnya sumbangan guru dalam UMNO menjadi amat berkurangan, malah ternampak jelas perasaan rendah diri kaum guru apabila berhadapan dengan golongan peniaga yang juga sudah mula menguasai UMNO. Mahu tidak mahu kaum guru juga cuba memberi peluang di lapangan perniagaan. Ada yang berjaya dan tidak kurang juga yang gagal dalam menempuh gelombang baru ini.

Apakah yang dapat diperhatikan, berasaskan kepada keadaan demikian ialah seolah-olah hilangnya nilai perjuangan murni dalam UMNO. Seperti yang diperjuangkan oleh kaum guru Melayu di peringkat awal itu. Apa tidaknya, kehilangan nilai murni menyebabkan pelbagai keadaan yang wujud dalam UMNO yang akhirnya membawa kepada 'malapetaka' yang dihadapi iaitu pembubaran UMNO.

Proses perpecahan dalam UMNO bermula pada penghujung tahun 70-an apabila jawatan Tun Hussein Onn selaku Presiden UMNO pada ketika itu dicabar oleh Haji Sulaiman Palestin. Saat itu adalah kejutan pertama kepada ahli-ahli UMNO. Ia adalah satu 'culture shock' kerana keadaan yang sedemikian tidak pernah berlaku sebelumnya. Ahli UMNO terpinga-pinga, tetapi akhirnya terpaksa menerima hakikat itu.

Perpecahan UMNO yang kedua ialah apabila adanya pertarungan di antara Tengku Razaleigh dengan Datuk Musa Hitam untuk merebut jawatan

Timbalan Presiden parti. Pertandingan itu betul-betul membuatkan ahli UMNO serba salah. Ahli UMNO terpaksa berpecah. Perpecahan lebih hebat daripada perpecahan awal.

Perpecahan kali ketiga menentukan bahawa UMNO harus menghadapi malapetaka dan parti UMNO sendiri dicabar begitu hebat. Perhimpunan Agung UMNO April 1987 adalah saat-saat akhir umur UMNO itu. Perpecahan itu amat sukar dipulihkan sekiranya tidak berlaku peristiwa 4 Februari 1988 di mana UMNO diisytiharkan tidak sah. Ini satu rahmat Allah, kerana dengan berlakunya peristiwa itulah orang Melayu insaf akan kesilapan mereka dan bersatu kembali, walaupun ada segelintir ahli lama parti yang masih berusaha memecahbelahkan orang Melayu demi kepentingan masing-masing.

Dalam suasana yang agak kacau inilah guru Melayu bangkit kembali menyuarakan pandangan mereka bahawa kaum guru harus berdiri teguh di belakang kerajaan bagi memastikan agar perjuangan serta Semangat 1946 itu dapat dibangunkan. Guru Melayu yang sudah sekian lama mendiamkan diri muncul sebagai wira berdiri tegak di samping Perdana Menteri memberikan sokongan dan rela menghadapi apa juga keadaan.

Sesungguhnya, inilah semangat 1946 yang memastikan bahawa perjuangan UMNO tetap di atas landasan yang murni; untuk kepentingan agama, bangsa dan sebuah negara merdeka yang bermaruah.

*Berita Harian, 25 Ogos 1988*



# 35

## BETULKAH AKTA UNIVERSITI MELEMAHKAN KEGIATAN MAHASISWA?

**G**ambaran yang telah diberikan oleh pihak-pihak tertentu tentang Akta Universiti ialah seolah-olah Akta itu sebagai satu lembaga yang amat buruk, menakutkan, membimbangkan dan sentiasa menjadi batu penghalang kepada apa jua kemajuan dan perkembangan yang hendak dilaksanakan di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi. Oleh kerana kegiatan pihak-pihak tertentu tadi "mewarnakan suasana" maka telah dapat meyakinkan para penghuni mahasiswa dan anggota masyarakat lain tentang betapa buruknya kesan yang boleh ditimbulkan oleh Akta Universiti.

Oleh itu Akta telah menjadi 'mangsa' kepada semua keadaan di kampus. Sekiranya ramai para mahasiswa kita yang gagal dalam sesuatu peperiksaan maka alasan yang digunakan menyebabkan kegagalan itu ialah disebabkan oleh Akta. Begitu juga kalau ada sungutan yang menyentuh tentang kurang berkesannya tindakan mahasiswa kini maka jawapan yang diberikan ialah disebabkan oleh Akta juga. Pendek kata setiap perkara yang buruk dan yang menyebabkan kegagalan, telah diletakkan di bahu Akta Universiti.

Melalui beberapa tinjauan yang dibuat dan perbincangan dengan beberapa orang Naib Canselor dari beberapa universiti tempatan telah menampakkan bahawa Akta tidak menghalang pelajar untuk membuat kemajuan dan menjalankan kegiatan yang sihat di kampus-kampus. Pernah seorang Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dari sebuah universiti memberikan hujahnya dalam bentuk beberapa soalan. Pernahkah ada la-

rangan kepada badan-badan Mahasiswa di kampus untuk menjalankan kegiatan yang memberi faedah kepada perkembangan intelek mahasiswa? Pernahkah pihak Universiti menarik larangan bagi mahasiswa untuk mengadakan forum atau ceramah? Malahan, -katanya pihak Universiti telah memberikan kebenaran bagi mengadakan ceramah yang disampaikan oleh pihak pembangkang. Kegiatan-kegiatan berpersatuan masih diteruskan dengan hanya kawalan yang paling minima.

Apabila ditanya kepada seorang pemimpin mahasiswa pula, dia terus mengatakan bahawa para mahasiswa di Universiti kini sudah tidak sebebaskan mahasiswa pada tahun-tahun 60-an dan awal 70-an. Mereka mempersoalkan tentang kurangnya penglibatan para mahasiswa dalam urusan pengendalian di Universiti. Sebagai contoh, mereka merasa kesal tentang tidak adanya perwakilan dari kalangan mahasiswa yang menduduki jawatankuasa Haluan Pelajar bagi menyambut pelajar-pelajar baru. Dengan demikian mereka tidak diberi peluang untuk menyuarakan pendapat dan menafikan kebolehan mereka untuk program tersebut. Mereka berasa begitu kecewa kerana mereka telah dianggap sebagai pelajar-pelajar sekolah menengah.

Dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an Badan-badan Mahasiswalah yang bertanggungjawab untuk mengendalikan program orientasi menyambut pelajar-pelajar baru. Begitu juga mengadakan pesta bersempena dengan konvokesyen misalnya. Semuanya berjalan dengan baik dan mendapat keuntungan untuk persatuan. Mengapa kebolehan ini dinafikan? Tanya seorang pemimpin mahasiswa.

Sehubungan dengan hal ini adalah dirasakan bahawa hujah yang diutarakan itu ada juga logiknya. Jikalau selama-lamanya pihak berkuasa di Universiti menafikan kebolehan para mahasiswa dan 'cemburu' penglibatan para mahasiswa dalam beberapa jawatankuasa yang ada hubungan dengan mahasiswa, maka tentunya selama itulah para mahasiswa kita akan tertekan dan tidak dapat menonjolkan kebolehan mereka. Bukanlah hasrat rencana ini untuk menyokong tentang pengwujudan semula '*Speaker Corner*' tetapi satu hakikat yang nyata ialah bahasa '*Speaker Corner*' memang banyak jasanya kepada perkembangan bakat para mahasiswa dalam berpidato. Tempat ini merupakan tempat latihan berpidato dan menguji keberanian menghadapi massa yang terdiri daripada para mahasiswa.

Bagi para mahasiswa kini, kehidupan di kampus dalam tahun-tahun 60-an dan awal 70-an adalah merupakan zaman kegemilangan pelajar. Tambahan pula apabila para mahasiswa kita kini mendengar tentang cerita-

cerita yang 'menyeronokkan' mengenai kegiatan pelajar di kampus. Mereka diberitahu tentang beberapa tunjuk perasaan yang dijalankan oleh pelajar menentang beberapa isu seperti memperjuangkan hak rakyat Muslim Thai di Selatan Thailand yang ditindas oleh pemerintahan Thai, isu memperjuangkan kedaulatan Bahasa Kebangsaan, menentang pengiktirafan ijazah daripada Universiti Nanyang dan Taiwan dan berbagai-bagai isu lain yang tidak dapat tidak mesti diperjuangkan.

Oleh itu para mahasiswa merasakan yang mereka telah kehilangan sesuatu yang menyebabkan mereka merasa terkilap apabila keluar dari Universiti nanti, walaupun mereka memperolehi ijazah cemerlang dalam sesuatu bidang. Mereka merasakan pengalaman kehidupan kampus yang mereka alami tidak selengkap pengalaman yang ditimba oleh 'abang dan kakak' yang lebih dahulu. Mereka tidak berpeluang 'berarak' menuju ke Bangunan AIA untuk menentang sokongan Amerika terhadap Israel menzalmi negara Arab. Mereka juga tidak berpeluang berarak menuju ke Kementerian Pelajaran untuk berdialog dengan Menteri. Dan mereka juga tidak dapat merasakan 'keseronokan' dikejutkan FRU. Mereka telah kehilangan sesuatu.

Nama Anwar Ibrahim telah menjadi sebutan sepanjang zaman. Kadang-kadang telah menjadi satu legenda. Tidak seorang pun di kalangan mahasiswa yang tidak kenal dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim, apatah lagi apabila beliau menjadi Menteri Pelajaran pada ketika itu. Setiap gerak dan langkahnya menjadi contoh dan ikutan para mahasiswa, malah ramai juga yang meniru cara dia berpidato.

Dengan sebab itulah apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pelajaran pada ketika itu seluruh masyarakat mahasiswa merasakan zaman kegemilangan suasana di kampus akan menjelma kembali. Tambahan pula ada ura-ura yang mengatakan bahawa beliau akan meminda sebahagian daripada Akta Universiti dan cuba bersikap liberal terhadap kehidupan kemahasiswaan.

Soalnya apakah liberal Datuk Seri Anwar Ibrahim itu akan disalah terima oleh para mahasiswa? Tentunya ada batas-batas tertentu yang akan dikenakan. Dan apabila Menteri Pelajaran bersikap liberal, tidak pula bererti bahawa para mahasiswa boleh bertindak sesuka hati, mengadakan tunjuk perasaan sewenang-wenangnya dan menyetepikan langsung disiplin yang dikenakan oleh pihak Universiti. Anwar Ibrahim bukan lagi pemimpin pelajar tetapi ialah seorang menteri yang penuh sedar tentang tanggungjawab

seorang mahasiswa kepada negara. Tentunya beliau amat tahu ke manakah haluan mahasiswa yang hendak dihalakan.

Meminda Akta Universiti tidak pula bererti bahawa kampus akan menjadi tempat *'free all'* kepada mahasiswa. Tidak juga bererti bahawa Menteri Pelajaran akan mengetepikan peruntukan dan ceraihan yang melindungi hak Bumiputera. Bagi para penghasut para pelajar, yang sentiasa mengidamkan hasrat untuk menghasut para pelajar, mungkin akan kecewa jika sekiranya mereka meramalkan yang pindaan Akta akan membolehkan mereka berbuat demikian.

Masyarakat secara umumnya sebenarnya kurang faham apa sebenarnya Akta Universiti itu. Malahan bagi setengah-setengah pemimpin mahasiswa juga yang tidak dapat memahami secara terperinci tentang Akta itu. Ada di antaranya yang menentang semata-mata kerana ingin menentang. Mungkin ramai para mahasiswa itu tidak sedar bahawa sebenarnya Akta inilah yang sentiasa memelihara keberkesanan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru di kampus. Suasana tenteram yang wujud di kampus kini sebenarnya disebabkan oleh adanya Akta Universiti. Para mahasiswa kini mungkin tidak tahu tentang keadaan di kampus pada masa sebelum Akta diperkenalkan kerana itu merupakan satu dokumen sejarah bagi mereka. Para mahasiswa juga tentu tidak dapat merasakan penindasan yang cuba berlaku tidak adil kepada satu kumpulan yang lain.

Hakikat inilah yang harus disedari oleh para pemimpin mahasiswa (terutama pemimpin Bumiputera) agar mereka tidak keliru dengan perjuangan mereka. Tidak sekali-kali mereka diperalatkan oleh satu golongan yang cuba menggunakan mereka demi kepentingan fahaman sesuatu parti atau fahaman politik. Mahasiswa seharusnya penuh sedar dengan apa yang diperjuangkan agar segala isu yang diperjuangkan itu menguntungkan negara dalam masa jangka panjang.

Melalui perbincangan yang diadakan dengan sama ada Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor mahupun para kakitangan akademik Universiti seolah-olah mereka sepakat mengatakan bahawa prestasi mahasiswa kini sudah agak lemah berbanding dengan prestasi mahasiswa yang masa lampau. Begitu juga dengan beberapa isu yang diperjuangkan oleh para mahasiswa seolah-olah menampakkan yang mereka kurang matang dan benar-benar tidak faham tentang isu yang diperjuangkan. Sebagai contoh ramai di antara bekas pemimpin mahasiswa merasakan isu 'topi keledar' yang diperjuangkan baru-baru ini adalah merupakan isu yang remeh dan enteng yang tidak patut

ditunjuk-perasaan langsung.

Mahasiswa harus sedar tunjuk perasaan adalah senjata terakhir bagi satu-satu perjuangan, iaitu apabila segala usaha damai melalui rundingan tidak mencapai kejayaan. Dengan cara demikian baru dapat meyakinkan masyarakat bahawa sesungguhnya para mahasiswa adalah golongan yang matang fikirannya, dan bukan seperti budak-budak yang masih berada di bangku sekolah menengah.

Oleh itu berdasarkan kepada keadaan yang demikianlah maka telah menyebabkan berbagai-bagai pihak bimbang, terutamanya Kementerian Pelajaran yang ketika itu di bawah jagaan Datuk Seri Anwar Ibrahim merasa bertanggungjawab penuh untuk memulihkan keadaan ini. Jika ditanya kepada pihak pembangkang tentang punca yang menyebabkan keadaan demikian, lantas mereka akan mengatakan bahawa Akta Universitilah yang sememangnya bertanggungjawab. Tidak juga dapat dinafikan tentang kemungkinan kebenaran hujah sedemikian. Namun begitu bagi kerajaan untuk terus 'mengiakan' hujah tersebut adalah amat keterlaluan kerana belum ada fakta yang konkrit yang dapat menyokongnya.

Dengan sebab itulah agaknya, YB Datuk Seri Anwar Ibrahim akan berusaha untuk meminda Akta Universiti dengan tujuan untuk mendedahkan sama ada betul atau tidak bahawa Akta itu yang menjadi puncanya. Walaupun cara ini adalah langkah bahawa tetapi dari satu aspek merupakan langkah berani dan berterus terang. Nampaknya setiap pihak mengalu-alukan sebarang usaha yang sedang diusahakan oleh Menteri berkenaan.

Soalnya sekarang ialah, apakah dengan adanya pindaan Akta Universiti nanti maka segala kekurangan yang ada sekarang dapat diperbetulkan? Kita tunggu dan lihat. Masyarakat umum kini amat sedar tentang beberapa kelemahan yang wujud di Universiti kita. Kita sudah ketinggalan dalam pencapaian *academic excellence*. Masyarakat mempersoalkan juga tentang kurangnya kajian dan penyelidikan yang dijalankan di pusat-pusat pengajian tinggi. Para mahasiswa yang ada sekarang tidak menunjukkan kebolehan yang istimewa seperti mahasiswa dalam tahun-tahun 60-an dan awal 70-an, terutama dalam tindak tanduk mereka memperjuangkan sesuatu isu negara.

Pemindaan kepada Akta Universiti akan memulihkan keadaan ini. Ia merupakan satu cabaran yang amat besar yang perlu sekali disambut secara matang oleh para mahasiswa. Mereka tidak boleh berdolak-dalik lagi. Sekiranya masih terdapat kelemahan yang amat ketara sama ada dari segi pencapaian akademik atau kegiatan ko kurikulum, maka janganlah diper-

salahkan kepada Akta atau kepada Kerajaan tetapi renung dan kritikkah diri sendiri. Selepas ini janganlah lagi dipersalahkan kepada lantai yang jongkang-jongkit, sekiranya diri sendiri tidak pandai menari.

Jelaslah kepada kita bahawa masa hadapan kehidupan mahasiswa adalah penuh dengan cabaran.

*Era*, 21 Jun 1986

# 36

## DI ANTARA SUKAN DAN NASIONALISME

**P**ada suatu waktu dalam tahun 1962, seorang ahli sejarah dari Universitas Malaya, Prof. Wang Gang Wu pernah membuat satu kenyataan mengenai nasionalisme di Tanah Melayu. Kenyataannya tidak banyak dipertikaikan (ataupun mungkin tidak ada langsung dipertikaikan) oleh cerdik pandai pada ketika itu. Sekiranya Profesor berkenaan membuat satu lagi kenyataan berkaitan dengan perkara yang sama pada hari ini, mungkin kenyataannya itu akan menjadi jauh berbeza dengan kenyataan yang dibuatnya pada tahun 1962 itu.

Prof. Wang Gang Wu dalam satu rencananya yang berjudul, "Malayan Nationalism" yang tersiar dalam "Royal Central Asian Society Journal XLIX" Oktober 1962, pernah menyarankan sebagai berikut:

*"I have already suggested that there is no unanimity about the meaning of Malayan nationalism at the moment. This might appear strange when we say that Malaya is an independent nation. But in fact Malayan leaders are fully aware that the work of national unification has only just begun. Of course there are many Malays and a few Chinese and Indians who already considers them selves first and foremost Malaysians, but the bulk of the population are still not sure what part of their present identity they would have to sacrifice before they can become Malayan". It might be said to paraphrase Prof. Joseph Strayer, that a Malay is first of all a Malay, than a Muslim and than a Malaysian; and the Chinese first of all a Chinese, then a Buddhist or Christian if he is religious and then possibly a Malaysian; and*

*the Indian is first of all an Indian, than a Hindu or Muslim and then possibly a Malayan"*

Keadaan seperti mana yang digambarkan di atas boleh dikatakan sudah tidak wujud di Malaysia kini. Kalaupun ada maka hanya berlaku di setengah-setengah tempat dan kepada segelintir anggota masyarakat sahaja. Rata-rata perasaan kekitaan atau *esprit de corp* di kalangan rakyat Malaysia sudah menyelinap di hati dan sanubari mereka. Bukti yang paling jelas dan nyata bagi menjelaskan keadaan sedemikian akan dapat diperhatikan sepanjang perjalanan Sukan Sea XV yang baru diadakan di Kuala Lumpur dulu.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan cuti umum kepada seluruh rakyat Malaysia pada 1 hb September 1989 dihadapan ribuan penonton di Stadium Merdeka. Mengapa? Apakah ia disebabkan oleh kemenangan pasukan bola sepak negara mengalahkan pasukan Singapura? ataupun disebabkan oleh perasaan terlalu gembira ataupun mungkinkah disebabkan oleh perkara lain yang diluar dugaan? Telah banyak kali dalam sejarah pertandingan bola sepak di rantau ini Malaysia mengalahkan pasukan Singapura tetapi setiap kemenangan itu tidak pula diikuti dengan pengisytiharan cuti umum seperti mana yang dibuat tempoh hari. Mengapa pula dengan tiba-tiba pada malam yang bersejarah itu Dr. Mahathir membuat pengumuman yang sedemikian? Ada beberapa andaian yang boleh disimpulkan yang menyebabkan Perdana Menteri sanggup berbuat begitu.

Siapa sahaja yang hadir pada malam penutup Sukan Sea XV pada malam 31 Ogos 1989 akan merasa begitu emosional berada di tengah suasana yang begitu riang, gembira, bangga, dan megah itu. Kemenangan pasukan bola sepak negara hanya merupakan kemuncak kepada segala kemuncak keriang yang ada di lubuk hati dan sanubari rakyat Malaysia. Yang sangat membanggakan kita khususnya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin ulung negara ialah reaksi penonton (rakyat) yang 'mendokong' (bukan sahaja sebagai penonton) perjuangan setiap ahli sukan yang mengambal bahagian. Tidak kira di stadium mana sekali pun sesuatu acara sukan dilangsungkan, yang pastinya ialah penonton akan tetap membanjiri tempat tersebut dan memberikan sokongan padu kepada ahli sukan negara.

Ada beberapa ciri tertentu yang dapat diperhatikan apabila menyaksikan pertandingan dalam Sukan Sea yang baru lalu. Di antaranya ialah amalan membawa bendera Malaysia (sambil berlari mengelilingi stadium) oleh para penonton apabila jaguh sukan negara memenangi sesuatu pertandingan. Menyanyikan lagu patriotik seperti 'Berjaya' juga menjadi satu



amalan di pertandingan sukan ini. Tetapi yang paling menyentuh perasaan kita termasuklah Perdana Menteri sendiri ialah lagu "Negara ku" yang dinyanyikan beramai-ramai secara spontan oleh ribuan penonton yang menghadiri majlis penutup Sukan Sea itu. Dan kemungkinan besar peristiwa inilah yang betul-betul dapat mengusik perasaan Perdana Menteri yang menyebabkan beliau terlalu gembira dan sebagai 'membalas budi' para penonton itu maka diistiharkan cuti umum itu (apatah lagi apabila memandangkan yang majlis penutup akan berlanjutan sehingga larut malam disebabkan oleh gangguan hujan lebat pada malam itu)

Ditinjau dari segi perspektif sejarah, kerelaan para penonton untuk menyanyikan beramai-ramai lagu kebangsaan dan mengibarkan dengan megah bendera negara adalah merupakan petanda baik yang sekaligus menampakkan bahawa rakyat negara ini sudah mencapai satu tahap nasionalisme yang tinggi. Tidak ada petunjuk dan 'gesture' yang lebih baik untuk dijadikan contoh bagi menjelaskan kedudukan itu selain daripada memaparkan beberapa contoh yang diketengahkan itu.

Sebenarnya perlakuan rakyat sebagaimana yang dilahirkan pada hari-hari pertandingan sukan Sea memang telah lama dinantikan. Tunku Abdul Rahman dan pemimpin-pemimpin lain seperti Tun Tan Siew Sin dan Tun Sambanthan hanya mengimpikan agar perkara ini berlaku dalam zaman pemerintahan mereka. Nampaknya keadaan sedemikian hanya wujud pada nama sahaja dan tidak pada perlakuan sebenarnya.

Apabila Tun Abdul Razak mengambil alih jawatan Perdana Menteri keadaan yang sama seperti dalam zaman sebelumnya masih tetap wujud. Tentulah keadaan sedemikian merupakan punca bimbang. Tun Abdul Razak pernah melahirkan perasaannya mengenai persoalan perpaduan ini apabila beliau menjadi Pengarah Mageran pada tahun 1971. Katanya:

*"The time has come for Malaysians to rise above sectional and group interest and think of the larger interest of the nation as a whole. To do this it is essential for the people to rededicate themselves to certain ideals that transcend race, religion, culture, class and political affiliations.."* (Leo Ah Bang, "New Directions in Malaysia" in "South East Asian Affairs" 1975)

'Perjalanan' untuk mencapai nasionalisme sesuatu bangsa itu mengambil masa yang agak panjang. Pengalaman dari negara-negara lain seperti Amerika (yang mempunyai penduduk berbilang kaum) juga begitu. Usaha para pemimpin negara kita untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia dalam ertikata yang sebenar-benarnya sentiasa dilakukan. Namun begitu,

walaupun berbagai-bagai usaha dijalankan ke arah itu kesannya tidak begitu menggalakkan sebelum ini. Walaupun kita mengatakan bahawa masyarakat berbilang kaum kita telah bersatu padu namun tidak ada bukti yang konkrit menunjukkan yang kita telah berpadu sebagai satu bangsa (nation).

Namun demikian, apa yang telah ditunjuk dan dibuktikan oleh rakyat Malaysia sepanjang perjalanan Sukan Sea di Kuala Lumpur baru-baru ini adalah satu gambaran lain daripada yang lain. Siapa sahaja yang memandang keadaan itu akan terpegun dan terpesona dengan perubahan sikap yang ditunjukkan itu. Mungkin sikap positif dan sayangkan bangsa Malaysia ini telah lama wujud dalam sanubari masyarakat Malaysia, tetapi kita tidak dapat melihat dengan jelas curahan perasaan yang sebegitu.

Kita tahu yang sistem pendidikan kebangsaan kita telah cuba untuk menghasilkan sesuatu demi kepentingan perpaduan rakyat Malaysia dan kita sedar juga setiap tindak tanduk yang dilakukan oleh kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan itu bertujuan untuk perpaduan bangsa, tetapi kebanyakan kesan yang dilihat tidaklah sebegitu seperti mana yang dapat dilihat sepanjang perjalanan Sukan Sea XV itu. Inilah sebenarnya keluarbiasaan Sukan Sea ke XV.

Semangat nasionalisme rakyat Malaysia secara menyeluruh telah terpancar. Tepukan gemuruh penonton adalah untuk ahli sukan Malaysia dengan tidak mengira sama ada yang menang itu adalah Zaiton Osman atau May Tan atau pun M. Kumarasami. Yang penting bagi para penonton ialah yang menang itu adalah ahli sukan dari negara Malaysia yang tercinta ini. Dan apabila bendera negara dinaikkan selepas satu-satu upacara kemenangan, maka tidak terdapat walau seorang pun yang tidak berdiri menghormati negara yang berkibar.

Pada malam penutup yang bersejarah itu, tidak siapa yang dapat menafikan tentang kegemilangan dan kekuatan bangsa Malaysia yang bersatu. Rakyat asing yang turut sama menghadiri upacara penutup tentunya amat hairan dengan sikap yang telah ditunjukkan oleh rakyat Malaysia yang begitu bersatu padu itu. Mungkin mereka akan membawa satu cerita baru mengenai hubungan kaum dalam negara kita apabila mereka pulang ke tanah air mereka kelak. Yang lebih penting lagi ialah mungkin mereka tidak mudah untuk mempercayai sebarang tulisan yang diterbitkan oleh akhbar dan majalah luar negeri yang cuba memberikan imej buruk mengenai hubungan kaum di Malaysia.

Sebenarnya Majlis penutup Sukan Sea XV adalah merupakan satu

pancaran nasionalisme rakyat Malaysia. Mungkin tidak begitu yang dirancang tetapi berlainan pula jadinya. Mungkin. Persembahan Sudirman Haji Arshad juga telah menampakkan pancaran perasaan nasionalisme yang begitu tinggi. Pendek kata setiap persembahan pada malam itu adalah merupakan lambang bahawa rakyat negara ini amat cintakan bangsa, negara dan pemimpinnya. Setiap anak Malaysia yang hadir pada malam itu (samada sebagai ahli sukan ataupun sebagai penonton) boleh disifatkan sebagai pejuang kebangsaan. Walaupun mungkin terdapat sedikit kecacatan, namun segala kecacatan itu akan ditelan oleh kejayaan.

Jadi, apa yang telah diperkatakan oleh Prof. Wang Gang Wu itu tentulah berlainan sekali dengan keadaan masyarakat Malaysia yang wujud kini. Segala usaha yang dilakukan oleh pemimpin lampau terhadap usaha penyatuan ini nampaknya telah pun menghasilkan sesuatu yang amat berguna. Keadaan masyarakat seperti yang digambarkan oleh Joseph Strayer itu memang wujud dalam masyarakat Malaysia pada ketika itu. Benih perpecahan dan '*segmentation*' dalam masyarakat di Tanah Melayu dulu telah bercambah dan tumbuh dengan suburnya dalam zaman pemerintahan British. Bagi pemerintah British pula tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk membetulkan keadaan masyarakat yang sedemikian dan menyatupadukan kaum-kaum itu. Malah ada pihak yang mengatakan bahawa British seolah-olah sengaja membahagi-bahagikan masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu.

Setelah negara ini mencapai kemerdekaan, pihak pentadbir British telah meninggalkan negara ini dan membiarkan tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India dalam keadaan yang amat renggang dari segi perhubungan di antara satu dengan yang lain. Tugas menyatukan kaum-kaum ini kemudiannya telah diserahkan kepada pemimpin-pemimpin kita di samping tugas-tugas pembangunan lain yang perlu dilaksanakan juga.

Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang membabitkan perbalahan di antara kaum sebenarnya telah memberi isyarat kepada rakyat dan pemimpin khususnya bahawa proses integrasi kaum di negara ini sememangnya belum lengkap dan berkesan. Banyak lagi yang perlu dilakukan demi untuk tujuan penyatuan itu. Jikalau pun ada slogan-slogan yang berunsur penyatuan kaum, maka itu hanyalah sebagai slogan perhiasan sahaja dan tidak menepati erti kata yang sebenar-benarnya.

Apabila Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia, beliau telah cuba mengubati penyakit yang ada. Segala masalah telah dikenalpasti

dan perlu diubah. Perbezaan pencapaian ekonomi di antara kaum telah dianggap sebagai satu faktor yang menimbulkan perbalahan pada 13 Mei itu. Ekoran daripada keadaan yang sedemikianlah maka Dasar Ekonomi Baru negara telah diperkenalkan, dengan mendapat persetujuan semua pihak. Setiap anggota masyarakat telah menyerahkan kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mengubati penyakit yang ada dan sedang menular.

Kini Dasar Ekonomi Baru telah berjalan selama hampir tiga puluh tahun. Dan dalam masa pelaksanaan DEB itu, tidak pula terdapat perbalahan kaum seperti yang pernah dialami pada tahun 1969 itu. Di samping itu pula jurang perbezaan kaum ini juga telah dapat disempitkan. Kadar kemiskinan di kalangan orang Melayu juga telah dikurangkan. DEB pula tidaklah mempapa-kedanakan orang bukan Melayu. Namun demikian masih ada juga pihak-pihak tertentu yang mempersoalkan tentang peranan positif DEB. Ada kalangan tertentu juga yang telah menyalahkan DEB yang kononnya bertanggungjawab kepada kemelesetan ekonomi negara pada awal tahun 1980an dulu. Kononnya DEB juga yang telah menakutkan kehadiran pelabur asing untuk menanam modal di negara ini.

Kini segala hujah dan tohmah pihak-pihak tertentu yang menyalahkan DEB itu telah terjawab dengan sendirinya. Malah keyakinan yang ada pada setengah pemikir kini ialah Dasar Ekonomi Baru jugalah yang bertanggung jawab ke atas penyatuan kaum dan pencapaian nasionalisme di negara ini. Kesan pencapaian nasionalisme itu telah terserlah dalam acara Sukan Sea XV yang lalu.

Kita merasa bersyukur kerana Sukan Sea XV di adakan di Kuala Lumpur. Mungkinilah matlamat para perancang dan pengurus sukan hanyalah untuk mendapatkan seberapa banyak pingat emas yang terdaya oleh peserta negara, tanpa memikirkan kesan nasionalisme yang mungkin timbul. Rupanya hasil daripada berlakunya peristiwa besar selama dua belas hari itu telah tercatat dalam sejarah bukan sahaja merupakan peristiwa sejarah sukan yang paling gemilang tetapi juga sebagai hari penilaian kepada perjuangan bangsa Malaysia untuk menentukan arah dan pedoman bangsa Malaysia pada masa hadapan.

Temasya sukan itu merupakan satu '*blessing in disguise*'. Tidak ada siapa yang dapat menafikan tentang keutuhan bangsa Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Peserta dari negara asing akan membawa pulang satu kenangan iaitu mereka amat bangga melihatkan kepada perpaduan dan keutuhan bangsa Malaysia yang mungkin selama ini dianggap oleh

mereka sebagai satu bangsa yang lemah. Mereka akan mengatakan bahawa sebenarnya bangsa Malaysia ini bukanlah satu bangsa yang boleh diperkotak-katikkan. Sambutan yang diberikan oleh rakyat Malaysia terhadap kemeriahan Sukan Sea ke XV itu adalah diluar dugaan siapa pun.

Jauh di hati dan sanubari rakyat Malaysia yang cintakan negaranya akan terselit satu ayat iaitu, "bahawa aku amat bangga menjadi salah seorang anggota satu bangsa yang hidup dalam sebuah negara yang bernama Malaysia MERDEKA".

Kejayaan Sukan Sea XV yang ditinjau dari sudut menyemarakkan perasaan nasionalisme itu, tentunya akan memberikan keyakinan kepada kerajaan untuk menghadapi dua lagi upacara besar yang bersifat antara-bangsa seperti CHOGM dan Tahun Melawat Malaysia (1990). Jikalau begitulah sambutan rakyat terhadap rancangan kerajaan, maka tidak perlulah lagi kita merasa bimbang dan ragu untuk kita menempuh dua peristiwa penting itu. Cuma kita berharap janganlah ada anasir subversif yang boleh menggugat hati dan perasaan rakyat Malaysia lagi.

14 September, 1989

## LAMPIRAN: PETIKAN UCAPAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, PERDANA MENTERI MALAYSIA : LANGKAH KE HADAPAN (WAWASAN 2020)

### Pengenalan

**T**ujuan kertas kerja ini ialah untuk mengemukakan kepada anda beberapa pandangan mengenai arah masa depan negara kita dan bagaimana kita patut berusaha mencapai matlamat membangunkan Malaysia menjadi negara perindustrian. Turut digariskan ialah beberapa langkah yang patut diambil dalam jangka pendek gabungan asas bagi perjalanan jauh mencapai matlamat utama itu.

Adalah diharapkan rakyat Malaysia yang dilahirkan hari ini dan pada tahun-tahun akan datang, akan menjadi generasi terakhir warganegara kita yang tinggal di negara yang digelar 'membangun'. Matlamat utama yang patut kita tujui ialah Malaysia yang menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Apakah, anda mungkin bertanya, 'negara maju sepenuhnya'? Adakah kita mahu menjadi seperti United Kingdom, Kanada, Holland, Sweden, Finland, Jepun? Sebagai kepastian, setiap daripada 19 negara ini, daripada masyarakat dunia yang mempunyai lebih 160 negara, mempunyai kekuatan tersendiri. Tetapi setiap negara itu juga mempunyai kelemahannya. Tanpa meniru salah satu negara berkenaan, kita masih boleh membangun. Kita patut menjadi negara maju mengikut cita rasa kita.

Malaysia tidak patut dibangunkan dalam bidang ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi negara yang maju sepenuhnya dalam semua bidang: Ekonomi, politik, sosial, kejiwaan, psikologi dan kebudayaan. Kita mesti maju dalam erti kata perpaduan nasional dan sosial, dalam erti kata ekonomi kita,

dalam erti kata keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kejiwaan, maruah bangsa dan keyakinan.

## **MALAYSIA SEBUAH NEGARA MAJU SEPENUHNYA - SATU DEFINISI**

Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi negara bersatu, dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental.

Tidak akan wujud Malaysia yang maju sepenuhnya sehingga kita akhirnya mengatasi sembilan cabaran strategik yang kita hadapi sejak kelahiran kita sebagai negara merdeka.

Cabaran pertama ialah mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya, secara adil, dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

Yang kedua ialah cabaran untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada, dengan apa yang dicapai, gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini, mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa dan dihormati rakyat negara lain.

Cabaran ketiga yang sering kita hadapi adalah usaha mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.

Keempat ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi.

Cabaran kelima yang selalu kita alami ialah untuk mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, yang mana rakyat Malaysia pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka pada negara.

Keenam ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

Cabaran ketujuh ialah untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana kebajikan insan tidak akan berkisar kepada negara atau orang perseorangan tetapi di sekeliling sistem keluarga yang kukuh.

Kelapan ialah cabaran untuk memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi. Ini adalah masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama, yang mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi, dan kemunduran ekonomi berdasarkan kaum.

Cabaran kesembilan ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

Kita sudah lama berusaha untuk mencapai matlamat berkenaan. Sembilan matlamat utama yang dinyatakan tidak semestinya menjadi keutamaan kita untuk tiga dekad akan datang. Sebenarnya keutamaan dalam satu-satu masa mesti memenuhi keadaan khusus pada satu-satu masa itu.

Tetapi agak memeranjatkan jika cabaran strategik pertama yang saya sebutkan-mewujudkan negara Malaysia bersatu-tidak menjadi keutamaan yang paling asas.

Oleh kerana apa yang akan saya katakan banyak tertumpu kepada pembangunan ekonomi, biar saya tekankan sekali lagi bahawa pembangunan sepenuhnya ke arah masyarakat maju yang kita cita-citakan walau macam mana setiap daripada kita mahu mentafsirkannya - tidak boleh dimaksudkan kepada kemajuan kebendaan dan ekonomi sahaja. Pembangunan ekonomi tidak harus menjadi satu-satunya matlamat paling utama untuk memenuhi keperluan negara kita.

Oleh kerana Majlis ini perlu menumpukan kepada isu pembangunan ekonomi dan keadilan sosial ekonomi, yang mana setiap bangsa perlu bekerjasama untuk masa depan yang lebih cerah, biar saya jelaskan tanggapan mengenai cabaran strategik utama yang berkaitan dengan dua matlamat utama ini.

Pada ketika ini, adalah lebih baik untuk menjelaskan dengan lebih terperinci matlamat mewujudkan keadilan ekonomi dalam masyarakat.



Daripada dua mata serampang Dasar Ekonomi Baru(DEB), tidak ada sesiapa pun yang menentang pembasmian kemiskinan mutlak - tanpa mengira kaum dan kedudukan geografi. Semua rakyat Malaysia sama ada mereka yang tinggal di kawasan bandar atau luar bandar, sama ada mereka di selatan, utara, timur atau barat, mesti dinaikkan daripada garis kemiskinan mutlak.

Negara ini mesti mampu menyediakan cukup makanan di atas meja supaya tidak ada seorang pun rakyat Malaysia mengalami masalah kekurangan zat makanan. Kita mesti menyediakan keperluan asas yang cukup seperti tempat tinggal, hak mendapatkan kemudahan kesihatan dan semua keperluan asas. Malaysia maju mempunyai kelas menengah yang besar dan bertenaga dan menyediakan peluang penuh untuk mereka di peringkat bawahan bagi membolehkan keluar dari lubang kemiskinan relatif.

Mata serampang kedua, iaitu memansuhkan pengenalan kaum berasaskan fungsi ekonomi utama juga diterima umum kecuali ada anggapan bahawa ia boleh dicapai tanpa mengubah sebarang kedudukan. Jika kita ingin membina masyarakat adil, kita mesti menerima beberapa tindakan perlu. Ini bermakna dalam pelbagai sektor pekerjaan, ia patut mempunyai campuran pelbagai kaum yang mewujudkan negara Malaysia. Melalui usaha yang sah, kita mesti memastikan imbalan yang adil dalam profesion dan semua kategori pekerjaan. Sudah tentu kita juga mesti berminat dalam mutu. Tetapi kita perlu memastikan pembangunan sihat bagi masyarakat Bumiputera yang mampu dan gigih dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Malaysia maju tidak patut mempunyai masyarakat yang mengaitkan kekayaan ekonomi dengan kaum. Ini tidak mencerminkan kesaksamaan pendapatan individu, keadaan di mana semua rakyat Malaysia mempunyai pendapatan yang sama. Ini adalah mustahil kerana usaha tersendiri kita sebagai individu, cara didikan hidup dan kehendak peribadi kita, nilai yang berbeza. Kesaksamaan dalam pendapatan individu sebagaimana yang dikemukakan oleh sosialis dan komunis bukan sahaja mustahil tetapi, tidak sesiapa yang mahukannya dan ia adalah formula untuk kehancuran.

Tetapi saya yakin bahawa merapatkan jurang pendapatan kaum, melalui peruntukan secara sah peluang-peluang, melalui persamaan yang lebih dekat berhubung perkhidmatan sosial dan infrastruktur, melalui pembangunan sumber manusia sepenuhnya, adalah perlu dan memang dikehendaki. Kita mesti menanam cita-cita menjelang tahun 2020 untuk mencapai

tahap di mana tidak ada seorang pun dapat mengatakan kumpulan kaum tertentu adalah mundur dari segi ekonomi manakala satu kaum lagi maju. Keadaan seperti itulah yang mesti kita usahakan secara lancar, berkesan, dengan adil dan penuh dedikasi.

“Perkongsiian penuh dalam kemajuan ekonomi” bermaksud perkongsiian penuh dalam kemiskinan. Ia mestilah bermaksud imbalan adil dalam penyertaan dan sumbangan semua kaum – termasuk Bumiputera Sabah dan Sarawak – dalam sektor ekonomi kita yang meningkat dan moden. Ianya mestilah bermaksud agihan yang adil bagi kawalan, pengawasan dan hakmilik eko-nomi moden.

Untuk mencapai matlamat keadilan ekonomi dalam masyarakat, kita mesti meningkatkan program kita secara bersungguh-sungguh untuk pembangunan sumber manusia. Memang ada keperluan untuk menjamin kewujudan masyarakat Bumiputera yang mampu bersaing serta anjal dalam kegiatan ekonomi supaya ia setaraf dengan masyarakat bukan Bumiputera. Memang ada keperluan untuk revolusi mental dan perubahan budaya. Semua tugas untuk memajukan diri perlu kita lakukan sendiri. Dalam usaha memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi, perlu wujud penekanan penuh untuk mencapai keperluan dengan segera serta hasil yang produktif – pada kos paling rendah dari segi ekonomi dan masyarakat.

Untuk mewujudkan masyarakat makmur, kita boleh menetapkan banyak matlamat yang bersumberkan aspirasi. Saya yakin kita harus menetapkan matlamat yang munasabah (sebagai berlawanan dengan matlamat beraspirasi) untuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenarnya kita setiap 10 tahun di antara 1990 dan 2020. Jika kita lakukan ini, KDNK akan menjadi lapan kali lebih besar menjelang tahun 2020 berbanding 1990. KDNK kita pada tahun 1990 ialah \$115 billion. KDNK kita pada tahun 2020 patut menjadi kira-kira \$920 billion dalam nilai ringgit pada 1990.

Pertumbuhan pesat ini memerlukan pertumbuhan kita pada kadar purata kira-kira tujuh peratus (dalam nilai sebenar) setahun untuk 30 tahun akan datang. Diakui bahawa ini adalah anggaran optimis tetapi kita patut menetapkan matlamat tinggi jika kita mahu menggalakkan diri kita untuk gigih berusaha.

Kita mesti berjaga-jaga menentang ‘penetapan pertumbuhan’, iaitu bahaya apabila memaksa untuk mencapai matlamat yang ditetapkan untuk menjamin kestabilan, mengawal kadar inflasi supaya sentiasa rendah, men-

jamin kadar pengekelan, membangunkan mutu hidup kita dan taraf hidup, dan pencapaian matlamat sosial lain. Ia akan menjadi usaha yang sukar dengan pelbagai kejayaan dan kelemahan. Tetapi saya yakin ini boleh dilakukan.

Pada 1960-an, pertumbuhan kita adalah pada kadar purata 5.1 peratus setahun; pada 1970-an, dekad pertama DEB, pertumbuhan Malaysia adalah pada kadar purata 7.8 peratus; pada 1980-an kerana tahun-tahun kemelesetan, pertumbuhan kita ialah pada kadar purata 5.9 peratus setahun.

Jika kita mengambil 30 tahun lalu, KDNK kita meningkat setiap tahun dalam nilai sebenar pada kadar purata 6.3 peratus setahun. Jika kita mengambil 20 tahun lalu, pertumbuhan kita ialah pada kadar purata 6.9 peratus setahun. Apa yang diperlukan ialah tambahan bagi pertumbuhan sebanyak 0.1 peratus. Sudah pasti jika kita berusaha sepenuhnya, Insyallah 0.1 peratus ini dapat dicapai.

Jika kita berjaya, dan andaikan pertumbuhan tahunan penduduk ialah 2.5 peratus, menjelang tahun 2020, rakyat Malaysia akan kaya empat kali ganda (dalam nilai sebenar) berbanding 1990. Itulah ukuran masyarakat makmur yang kita inginkan dan harap dapat mencapainya.

Perkara kedua dalam matlamat ekonomi kita ialah menjamin kewujudan dan ekonomi yang bersaing. Ekonomi sedemikian dapat bertahan bagi tempoh yang lebih lama, lebih dinamik, giat dan kental. Ia mesti membawa maksud, antara lain:

- \* Ekonomi yang pelbagai dan seimbang dengan sektor perindustrian yang matang dan luas, sektor pertanian yang matang dan maju dan sektor perkhidmatan yang berkesan dan produktif serta matang;
- \* Ekonomi yang cepat bertindak, pantas menyesuaikan diri terhadap perubahan penawaran, permintaan dan persaingan;
- \* Ekonomi yang mempunyai teknologi berkesan, boleh disesuaikan, diubahsuai dan dicipta sepenuhnya, iaitu sentiasa meningkatkan teknologinya – intensif, bergerak ke arah teknologi lebih tinggi;
- \* Ekonomi yang mempunyai hubungan perindustrian yang kukuh dan saling berkaitan dengan keseluruhan sistem;
- \* Ekonomi yang digerakkan oleh kuasa pemikiran, kemahiran dan

ketekunan dalam menguasai maklumat kekayaan, dengan pengetahuan mengenai apa yang perlu dilakukan dan bagaimana melakukannya;

- \* Ekonomi yang mempunyai produktiviti tinggi dan terus meningkat dalam hubungannya dengan semua faktor pengeluaran;

- \* Ekonomi keusahawanan yang berdikari, berpandangan luas dan bersifat keusahawanan;

- \* Ekonomi yang dikekalkan dengan contoh etika kerja, mutu kesedaran dan usaha terhadap kecemerlangan;

- \* Ekonomi yang ditentukan sifatnya dengan kadar inflasi dan kos sara hidup yang rendah; dan

- \* Ekonomi yang berdasarkan disiplin dan perubahan besar dalam kuasa pasaran.

Ramai di antara kita dalam majlis ini tidak akan berada di sana pada pagi 1 Januari 2020. Tidak ramai, rasa saya. Beban tugas yang perlu dilaksanakan untuk memastikan negara maju sepenuhnya yang dipanggil Malaysia satu generasi dan sekarang, sudah pasti dilakukan oleh pemimpin yang menuruti kita, oleh anak cucu kita. Tetapi kita mesti pastikan bahawa kita sudah menjalankan tugas kita untuk memimpin mereka berkaitan dengan apa yang kita mahukan. Dan biar kita letakkan batu asas untuk mereka teruskan pembinaannya.

## **BEBERAPA DASAR UTAMA EKONOMI SEKTOR AWAM UNTUK JANGKAAN MASA DEPAN**

Sejak awal 1980-an kita menekankan bahawa negara ini akan bergantung kepada sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi. Kita sebenarnya sudah mendahului negara lain di dunia, termasuk negara maju dalam memberi kepercayaan kepada sektor swasta.

Dalam tahun-tahun yang awal, sektor swasta kita yang masih muda tidak dapat memberi sambutan terhadap cabaran yang diberikan. Kemudian datang kemelesetan yang tidak diduga serta menyulitkan dan tahun kelembapan. Bagaimanapun sejak tiga tahun lalu, sektor swasta kita sudah berkembang dan mula bertindak balas. Dasar ini mula membuahkan hasil.

Hasilnya: 1988, pertumbuhan kita dalam nilai sebenar ialah 8.9 peratus; 8.8 peratus; pada 1990, 9.4 peratus tanpa penambahan Belanjawan Kerajaan. "Harimau Ekonomi Timur Laut Asia" tidak dapat berbuat demikian.

Tidak ada negara yang boleh menolak formula yang berjaya, dan negara ini tidak akan menolaknya. Untuk jangkaan masa depan Malaysia akan terus menggalakkan sektor swasta, untuk bergantung kepadanya sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi.

Pada masa yang sama, kerajaan akan terus mengurangkan saiz pembabitannya dalam bidang pengeluaran ekonomi dan perdagangan. Negara sudah tentu tidak boleh berundur sepenuhnya daripada kehidupan ekonomi Malaysia. Ia tidak boleh meninggalkan tanggungjawabnya untuk mengawal dan memperuntukkan rangka kerja undang-undang dan peraturan untuk pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat.

Kerajaan akan bersikap proaktif untuk memastikan pengurusan fiskal dan kewangan yang sihat serta kelancaran perjalanan ekonomi Malaysia. Ia akan meningkatkan pembangunan infrastruktur fizikal yang diperlukan dan suasana perdagangan yang baik—selaras dengan keutamaan sosial yang lain.

Di mana perlu, kerajaan tidak semestinya akan terikat sepenuhnya dengan komitmennya untuk menarik diri daripada fungsi ekonomi, iaitu ia tidak campur tangan. Ia akan berfungsi mengikut undang-undang dan secara giat. Proses mengurangkan peraturan akan diteruskan.

Tidak dinafikan lagi bahawa peraturan adalah perkara penting untuk mengawal masyarakat, di mana ekonomi adalah sebahagian daripadanya. Negara tanpa undang-undang dan peraturan adalah negara bermain dengan anarki.

Apa yang tidak diperlukan ialah terlebih peraturan walaupun tidak mudah untuk menentukan bila kerajaan menguatkuasakan terlebih peraturan.

Kebijaksanaan berada pada kebolehan membezakan di antara undang-undang dan peraturan yang memberi hasil kepada matlamat kita dan yang bukan sedemikian; dan ia berada pada kemampuan membuat keputusan yang tepat.

Jadi, kerajaan tidak boleh bersikap bodoh atau tidak bertanggungjawab, dan memenuhi kehendak masyarakat di samping keperluan untuk pertumbuhan pesat dan ekonomi yang bersaing, giat dan kental.

Ia akan berpandukan dengan pengetahuan bahawa membebaskan perdagangan juga – bukan sahaja undang-undang dan peraturan, dan cam-

pur tangan negara – boleh menyumbang kepada pencapaian matlamat sosial yang lebih luas.

Berdasarkan ini dan fakta bahawa memang ada ruang untuk peraturan yang tidak menghasilkan apa-apa boleh dimansuhkan, anda boleh mengharapkan proses mengurangkan peraturan akan diteruskan.

Langkah Bank Negara baru-baru ini yang meminda peraturan skim Kadar Pinjaman Asas (BLR) adalah contoh kepada perkara ini.

Penswastaan akan terus menjadi asas penting dalam pembangunan negara dan strategi kelancaran kebangsaan.

Dasar ini tidak diasaskan pada kepercayaan ideologi. Ia ditujukan khusus untuk menggalakkan persaingan, kelancaran dan produktiviti dalam ekonomi, bagi mengurangkan beban pentadbiran dan kewangan kerajaan dan mencapai matlamat pengagihan hasil negara.

Dalam melaksanakan dasar penswastaan kita, kerajaan memang sedar dengan keperluan untuk melindungi kepentingan rakyat, memastikan golongan miskin mendapat hak untuk perkhidmatan asas, menjamin mutu perkhidmatan disediakan dengan kos paling minimum, mengelakan amalan monopoli tidak produktif dan memastikan kebajikan pekerja.

Memang akan ada masalah. Tidak ada apa akan diperolehi tanpa membayar harganya. Tetapi jelas bahawa dasar ini setakat menghasilkan keputusan positif dan kita boleh menjangka pelaksanaannya akan diperluaskan lagi.

Dengan siapnya Kajian Pelan Induk Penswastaan, saya yakin banyak masalah yang mengganggu kemajuan penswastaan akan diatasi, seterusnya menggalakkan lagi pelaksanaan yang lancar.

Akan wujud pada tahun-tahun akan datang satu Galakan Perindustrian Berterusan, galakan yang tidak berdasarkan keghairahan terhadap perindustrian tetapi atas kebenaran bahawa jika kita mahu pesat membangun dalam keadaan di mana ekonomi maju akan meninggalkan perindustrian untuk memasuki peringkat lepasan perindustrian – inilah cara untuk terus bergerak.

Jika kita mahu mewujudkan perindustrian pesat, kita perlu menggunakan sepenuhnya tenaga negara dan secara bersungguh-sungguh mengatasi segala kelemahan.

Untuk mencapai dasar ini, kerajaan perlu mengendalikan masalah sempit asas sektor pembuatan. Pada 1988, 63 peratus daripada keseluruhan eksport barang pembuatan Malaysia datangnya daripada industri elektrik,

elektronik dan tekstil.

Elektronik sahaja merangkumi 50 peratus daripada keseluruhan eksport barang pembuatan. Kita mesti mempelbagaikan (industri).

Walaupun pembangunan paling pesat dalam zon perdagangan bebas, ada permintaan kecil untuk barang perantaraan tempatan. Kita perlu mengendalikan masalah kelemahan hubungan perindustrian.

Pembangunan teknologi asli pula tidak mencukupi terlalu sedikit tambahan nilai, terlalu mudah penyusunan dan pengeluarannya.

Juga diperlukan untuk mengatasi peningkatan kos pengeluaran dengan meningkatkan kos buruh, bahan mentah dan perbelanjaan awal (*overhead*) secara meningkatkan kelancaran dan produktiviti.

Memang ada kekurangan serius dari segi tenaga manusia. Semua ini banyak lagi isu perlu dibincangkan.

Industri kecil dan sederhana mempunyai fungsi penting untuk mewujudkan peluang pekerjaan, dalam mengukuhkan hubungan perindustrian, dalam menembusi pasaran dan menghasilkan pendapatan eksport.

Mereka mempunyai fungsi utama sebagai tempat asas untuk melahirkan usahawan masa depan.

Kerajaan akan menentukan skim bantuan yang wajar dan berusaha meningkatkan taraf kepakaran pengurusan, pengetahuan teknologi dan kemahiran pekerja dalam sektor ekonomi kita ini yang sangat penting dan sering diabaikan.

Industri kecil dan sederhana akan menjadi asas utama untuk penekanan perindustrian kita di masa depan. Kerajaan memang bersungguh-sungguh untuk memajukannya sepenuhnya.

Sebagaimana kita mesti mempelbagaikan barangan eksport, kita juga mesti mempelbagaikan pasaran eksport kita. Pengeksport Malaysia mesti melihat kepada pasaran bukan tradisi.

Ia memerlukan pengetahuan baru, aluran baru, hubungan baru dan pendekatan baru ke arah mengendalikan undang-undang dan peraturan yang belum biasa ditemui. Ia memang tidak menyenangkan tetapi adalah silap jika menganggap ia tidak menguntungkan untuk melalui kesulitan ini dalam mengendalikan pasaran berkenaan.

Secara persendirian mereka mungkin kecil tetapi secara keseluruhan pasaran Asia, Afrika dan Amerika Selatan yang sedang membangun adalah besar. Jika negara maju menganggap adalah menguntungkan untuk mengeksport ke pasaran ini, sudah tentu ia juga akan menguntungkan kita.

Kerajaan akan membantu tetapi sektor swasta harus melaksanakan tanggungjawab mereka. Pergantungan kepada pertumbuhan yang diterajui eksport masih menjadi cara terbaik untuk pertumbuhan pesat.

Penyertaan dalam pasaran dunia meletakkan syarikat kita berdepan saingan dan kuasa persaingan antarabangsa. Ini adalah cabaran yang kita mesti terima bukan sahaja kerana pasaran tempatan terlalu kecil tetapi kerana dalam jangka panjang ia akan menguntungkan pasaran tempatan dan mengurangkan pergantungan kita kepada eksport.

Kita mesti terus tegas dengan pertumbuhan yang diterajui eksport walaupun mengalami kelembapan sejagat, walaupun berlaku peningkatan dasar perlindungan blok perdagangan dan perdagangan terurus.

Apabila perjalanan semakin mencabar, kita tidak boleh berpatah balik. Kita tidak ada pilihan lain kecuali terus berani, berkesanggupan, produktif dan lebih bersaing, lebih mampu untuk mengendalikan pelbagai perkara.

Liberalisasi ekonomi Malaysia sudah menunjukkan hasil menguntungkan dan menyumbang ke arah pertumbuhan lebih dinamik.

Sudah pasti, liberalisasi perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan secara berperingkat untuk memastikan tidak berlaku ketidakpastian ekonomi dan kewujudan kos pelarasan struktur berlebihan.

Kita patut menimbang kemampuan Malaysia untuk melaksanakan liberalisasi. Kita tidak patut menolak hujah industri baru tetapi kita juga tidak boleh tunduk kepada tekanan yang tidak berasas.

Pada masa yang sama, liberalisasi yang memberi hasil akan memastikan sektor swasta kita kurang bergantung kepada keuntungan tidak bernilai dan perlindungan, yang menguntungkan sesetengah pengeluar yang memperoleohnya daripada tekanan terhadap pengguna dan pengeluar lain.

Bayi mesti membesar. Mereka mesti membesar untuk menjadi kuat. Dan ini tidak boleh dilakukan jika mereka terlalu dilindungi.

Kerajaan akan meneruskan usaha menarik pelaburan asing. Ini perlu bagi Galakan Perindustrian Berterusan. Sekali lagi, kita tidak akan menolak strategi yang berjaya.

Tetapi kita akan mengubahsuai untuk memastikan semuanya kemas bagi membolehkan usaha sungguh-sungguh menggalakkan pelaburan tempatan kerana kita terlalu menumpukan pelaburan asing.

Ini sebenarnya tidak seratus-peratus benar tetapi kita akan mengkaji keadaan ini apabila mendapat maklum balas yang lebih tepat.



Perusahaan kecil dan sederhana perlu dibantu untuk terus berkembang. Lebih simpanan dan modal tempatan perlu disalurkan dengan lebih produktif kepada pelaburan. Lebih ramai usahawan perlu dihasilkan. Apabila diperlukan, bantuan latihan teknologi perlu diperluaskan, dan bantuan infrastruktur diberikan.

Adalah penting ditegaskan sekali lagi bahawa pembangunan yang kita perlu tidak boleh wujud tanpa sokongan infrastruktur. Kita mesti terus selangkah ke depan daripada permintaan dan keperluan. Dalam Belanjawan baru-baru ini, kita dengan jelas menyatakan kita akan melakukan dalam jangka pendek. Rancangan Malaysia Keenam akan menjelaskan apa yang kita lakukan dalam jangka sederhana manakala garis kasar Pelan Perspektif kedua akan menentukan arah untuk jangka panjang. Kerajaan memang sedar mengenai masalah infrastruktur dan keperluan untuk pelaburan besar-besaran dalam tahun-tahun akan datang. Kita tidak akan membiarkan pertumbuhan terencat dengan gangguan pelaburan berlebihan yang pernah berlaku di banyak negara.

Dalam usaha kita untuk maju, tidak ada yang lebih penting daripada pembangunan sumber manusia.

Daripada pengalaman dua dekad lalu berhubung keajaiban ekonomi terhadap negara yang miskin dalam erti kata 'sumber semulajadi' adalah jelas sumber utama di mana-mana negara adalah bakat, kemahiran, kepakaran kreatif dan semangat rakyat. Apa yang kita ada di antara dua telinga, pada siku dan hati adalah lebih daripada apa yang kita ada di bawah kaki dan sekeliling kita. Rakyat kita adalah sumber paling utama. Tanpa diragui lagi, pada 1990-an dan selepas itu. Malaysia memberi penekanan kepada pembangunan sumber utama ini.

Malaysia mempunyai satu sistem pendidikan yang terbaik di Dunia Ketiga. Tetapi untuk perjalanan yang kita perlu sediakan kepada generasi kedua, tahap dan piawaian baru perlu ditetapkan dan hasil baru perlu dicapai.

Kita perlu berhasrat untuk mencapai taraf paling tinggi berkaitan dengan kemahiran rakyat kita, terhadap tumpuan mereka kepada pengetahuan dan peningkatan ilmu serta usaha memperbaiki diri, kebolehan berbahasa, sikap kerja dan disiplin, kebolehan pengurusan, pencapaian, motivasi, sikap terhadap kecemerlangan dan mewujudkan semangat keusahawanan.

Kita tidak boleh mengabaikan kepentingan keusahawanan, yang berfungsi lebih besar daripada latihan dan pendidikan. Kita mesti memastikan

adunan tepat berhubung dengan golongan profesional, separuh profesional, artisan, dan imbangan tepat dengan mereka dalam bidang sains dan teknologi, seni dan sains sosial.

Dalam pembangunan sumber manusia kita tidak boleh mengabaikan separuh daripada penduduk negara, iaitu Bumiputera. Jika mereka tidak dibawa ke dalam masyarakat, jika kebolehan mereka tidak dikembangkan sepenuhnya, jika mereka hanya menjadi perlambangan, tentu kemajuan kita akan tergendala. Tidak ada negara yang dapat mencapai kemajuan penuh dengan hanya sekarang, dengan sikap dan pengurusan yang betul, akan menjadi tenaga yang akan meringankan beban dan meneruskan kemajuan kita. Bumiputera mesti berfungsi sepenuhnya untuk mencapai matlamat negara.

Inflasi adalah racun kepada semua perancang ekonomi. Kecuali sewaktu kenaikan harga minyak pertama, inflasi meningkat sehingga 17 peratus, Malaysia masih bernasib baik dapat mengekalkan kadar inflasi yang rendah. Satu-satunya cara terbaik untuk memerangi inflasi adalah untuk hidup mengikut kemampuan. Jika kita tidak mampu, jangan beli. Di Malaysia, ini boleh dilakukan kerana kita dapat menghasilkan apa yang kita mahu dalam erti kata makanan, tempat tinggal dan pakaian. Apabila kita mengalami kemelesetan baru-baru ini, kehidupan masih seperti biasa kerana kita mampu membeli keperluan kita pada kadar harga yang hampir sama, iaitu kita tidak mengalami inflasi. Sekarang kita mempunyai lebih banyak wang, permintaan secara perlahan-lahan menaikkan harga. Jadi, walaupun kita lebih senang sekarang, walaupun kita lebih kaya dengan wang, tetapi dalam erti kata kuasa membeli, kita sebenarnya belum senang.

Umum mesti memahami apa yang menyebabkan inflasi dan cukup berdisiplin untuk memeranginya. Di sesetengah negara, apabila kadar inflasi meningkat sehingga beribu-ribu peratus, kerajaan sentiasa bertukar-tukar tanpa dapat membendung inflasi. Sebabnya ialah rakyat tidak berdisiplin dan bersedia untuk mengawal diri. Tidak ada kerajaan dapat mengekang inflasi kecuali rakyat bersedia menghadapi kesukaran itu. Dalam usaha menentang inflasi, tidak ada yang lebih berkesan daripada pendidikan dan sikap disiplin rakyat.

Dalam dunia perdagangan yang saling bergantung, kadar tukaran mata wang mempunyai fungsi penting. Kadar mata wang yang terlalu murah akan meningkatkan import dan bayaran hutang tetapi ia akan menyebabkan persaingan eksport. Tetapi keuntungan sepenuhnya melalui

kadar tukaran rendah bagi eksport boleh ditolak dengan kos bahan import yang ditukarkan kepada barangan eksport. Nilai mata wang tinggi akan 'mengkayakan' rakyat kita, khususnya dari segi pembelian barangan import yang mewah tetapi eksport kita tidak akan bersaing dan ekonomi akhirnya akan terjejas.

Jelasnya, pengurusan kadar tukaran adalah penting untuk kemajuan negara. Ia hanya mempunyai kemampuan terhad untuk digunakan sepenuhnya. Dalam analisis terakhir bagaimana kita mengimbangkan perdagangan kita akan menentukan bagaimana mata wang kita dinilai. Malaysia mesti belajar supaya lebih bersaing melalui produktiviti lebih tinggi daripada sekadar melalui manipulasi kadar pertukaran. Sekali lagi rakyat mesti faham fungsi mereka, khususnya yang berkaitan dengan produktiviti.

Dalam dunia teknologi, Malaysia tidak boleh ketinggalan. Kita tidak boleh berada di barisan depan teknologi moden tetapi kita mesti sentiasa bersama-samanya, terutama di bidang yang mana kita mempunyai kelebihan tertentu. Kita sudah menerima Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Pembangunan Teknologi. Ini adalah bahagian yang mudah. Sekarang kita mesti meneruskan usaha yang lebih sukar, iaitu melaksanakannya.

Kerajaan sudah tentu akan memberi komitmen dan kepimpinan sebagai satu keutamaan negara ini. Infrastruktur institusi dan sampingan akan diletakkan di tempat utama untuk memastikan pembangunan kemampuan teknologi kita yang berasaskan pasaran pesat, realistik dan ditumpukan sepenuhnya. Tetapi kita jangan lupa bahawa teknologi bukan untuk makmal tetapi kilang dan pasaran. Sektor swasta dan rakyat kita mesti bertindak. Selalunya hasil penyelidikan tidak dihiraukan kerana orang lebih berminat kepada bahan yang sudah diuji. Sering dikatakan bahawa rahsia kejayaan Jepun ialah kemahiran melaksanakan hasil penyelidikan untuk barangan yang boleh dipasarkan. Jika kita tidak melakukan ini, kita akan ketinggalan tanpa mengira tahap teknologi kita.

Dalam meningkatkan sektor industri pembuatan kita, Malaysia mesti memastikan sektor pertanian dan perkhidmatan tidak akan diabaikan. Kita mesti maju. Kita mesti berusaha ke arah kecekapan, pemodenan dan persaingan. Ini patut menjadi prinsip asas panduan kepada dasar kebangsaan kita terhadap pertanian, pelancongan dan kemajuan sepenuhnya sektor perkhidmatan.

Kita juga tidak boleh mengabaikan sektor luar bandar dalam ekonomi dan masyarakat kita. Dalam tahun-tahun akan datang, kita mesti ber-

usaha untuk pembangunan luar bandar. Kedua, membina semula kampung supaya lebih sesuai dengan pertanian dan industri moden. Petani yang semakin kurang akan menghasilkan lebih banyak makanan, dan seterusnya menyediakan tenaga kerja masyarakat perindustrian.

Dalam melakukan semua ini, kita juga mesti memastikan sumber semulajadi kita yang bernilai tidak dibazirkan. Bumi kita mesti kekal sebagai hasil dan subur, persekitaran terang dan bersih, air tidak cemar, sumber hutan dapat ditanam semula, mampu menghasilkan keperluan untuk pembangunan negara. Keindahan bumi tidak patut dinodai – untuk kepentingannya dan untuk kemajuan ekonomi kita.

Dalam zaman maklumat, masyarakat Malaysia mesti kaya dengan maklumat. Hari ini tidak ada negara kaya dan maju yang tidak mempunyai maklumat dan negara kurang maklumat yang miskin dan tidak membangun.

Pada suatu masa dulu tanah memang menjadi asas kemakmuran dan kekayaan. Kemudian datang arus kedua, zaman perindustrian. Asap keluar daripada cerobong yang dahulunya adalah ladang. Sekarang, bukan pengetahuan sahaja menjadi asas kuasa tetapi juga kemakmuran. Sekali lagi kita mesti terus bersama. Rakyat Malaysia adalah di antara yang paling ramai menggunakan komputer di rantau ini. Pengetahuan komputer adalah satu kemestian jika kita maju dan membangun. Usaha berterusan mesti dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang mempunyai maklumat tinggi.

Dalam hubungan antarabangsa, penekanan terhadap politik dan ideologi patut dikurangkan tetapi patut dilebihkan kepada keperluan ekonomi. Walaupun kita kecil kita mesti berusaha untuk mempengaruhi aliran perdagangan antarabangsa. Untuk berkembang kita mesti mengeksport. Pasaran tempatan kita terlalu kecil. Adalah penting untuk kita supaya perdagangan bebas dikekalkan. Arah aliran terhadap pembentukan blok perdagangan akan menjejaskan kemajuan kita dan kita mesti menentanginya. Dengan itu kita mesti berfungsi sepenuhnya dan tidak menerima secara pasif kata dua daripada negara lain yang kuat yang mungkin tidak menyedari bagaimana keputusan mereka memberi kesan kepada kita.

Negara tanpa kemampuan ketahanan ekonomi yang kukuh dan kebolehan mempengaruhi serta mewujudkan pakatan dalam arena ekonomi antarabangsa adalah negara yang lemah dalam pertahanan ekonomi Malaysia tidak boleh jadi seperti ini.

Ada banyak dasar yang mesti diletakkan pada tempatnya jika kita

mahu menjadikan 1990-an sebagai dekad yang paling produktif dalam sejarah kita. Biar saya akhiri dengan mengemukakan satu lagi pandangan; keperluan untuk menjadikan Persyarikatan Malaysia sebagai kejayaan sebenar.

Biar saya tekankan bahawa tidak semua kerjasama di antara sektor awam dan swasta adalah tepat atau produktif. Dalam banyak segi, ia mesti mempunyai pendekatan kawalan berpanjangan. Tetapi sudah pasti usahasama yang produktif akan membawa kita ke arah aspirasi yang diharapkan.

## **APA YANG SEKTOR SWASTA PERLU SUMBANGKAN**

Saya sudah menggariskan apa yang saya fikir dasar utama ekonomi yang sepatutnya diwujudkan untuk meneruskan usaha kita ke arah kemakmuran dan ekonomi yang bersaing. Biar saya tekankan sekarang mengenai fungsi yang perlu dilaksanakan oleh sektor swasta.

Negara ini tidak boleh bergantung kepada sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan jika sektor swasta tidak cekap dan lemah. Anda mesti kuat dan dinamik, giat dan berdikari, kukuh dan jujur.

Malaysia tidak boleh mengurangkan undang-undang dan peraturan jika ahli bank, berlagak sebagai pakar bank, jika kebebasan kepada usahawan hanya menjadi lesen untuk mengeksploitasikan tanpa sebarang perasaan tanggungjawab sosial. Syarikat kita mesti mempunyai rasa tanggungjawab korporat. Perjuangan kita adalah untuk menjamin keadilan sosial untuk meningkatkan kedudukan dan daya saingan Bumiputera dan mencapai matlamat sosial lain – mesti menjadi perjuangan anda juga.

Penswastan tidak boleh dilaksanakan jika matlamatnya dipatahkan oleh mereka yang mahukan keuntungan peribadi tanpa tanggungjawab sosial. Galakan perindustrian berterusan dan usaha membangunkan dengan pesat industri kecil dan sederhana mesti dilaksanakan oleh usahawan kita. Mereka mesti bersedia untuk berfikir secara jangka panjang, menyertai pasaran dunia yang penuh persaingan. Usaha menarik pelabur asing tidak patut menjadi tanggungjawab kerajaan sahaja. Sektor swasta mesti membatikan diri dengan pelabur asing dalam usahasama, kerana ini akan membantunya dalam pembabitan ekonomi Malaysia dan tanggungjawab pelabur tempatan perlu lebih luas daripada rakan asing mereka kerana Malaysia adalah negara kita, bukan negara mereka. Kita boleh bertanya kepada diri sendiri untuk berkorban kepada negara tetapi kita tidak boleh mengha-

rapkan mereka melakukannya untuk kita.

Dalam pembangunan sumber manusia, sektor swasta kita mempunyai tanggungjawab penting. Latih sumber tenaga anda sendiri. Lengkapi mereka dengan perubahan tugas. Jaga kepentingan mereka. Tingkatkan kemahiran. Urus akan mereka dengan baik dan berikan penghargaan yang sewajarnya untuk menghargai sumbangan mereka.

Sudah pasti banyak yang perlu dilakukan oleh semua orang. Sayangnya tidak ada satu formula ringkas yang mudah untuk membangunkan negara. Banyak perkara mesti dilakukan oleh ramai orang. Dan ia perlu dilakukan dengan sebaik dan setepat mungkin. Kita mesti bersedia untuk bersikap lebih kritikal terhadap diri sendiri dan sanggup membetulkan kesilapan. Tetapi Insya-Allah, akan berjaya.

## PENUTUP

Ini adalah agenda kita dalam majlis ini dan negara kita. Saya harap anda akan membincangkan agenda ini dan mengkritik atau membetulkannya. Sama ada kita mencapai kesempurnaan atau keputusan sebulat suara dalam agenda ini tidak terlalu penting. Tetapi yang tidak baik dan tidak produktif ialah agenda yang sempurna tidak dilaksanakan.

Abu Hassan b. Adam lahir di Kampung Keruh Hilir, Padang Rengas, Perak lebih kurang 46 tahun yang lalu.

Mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Padang Rengas sehingga darjah IV. Kemudiannya melanjutkan pelajaran di Clifford School, Kuala Kangsar sehingga tamat Sijil Rendah Pelajaran.



Oleh kerana tekanan kemiskinan keluarga telah menyebabkan beliau menangguhkan pengajiannya buat seketika dan memasuki Maktab Perguruan Harian di Taiping, Perak sehingga tahun 1964.

Ketika berumur 19 tahun, telah mula menerokai alam kehidupan dengan menjadi guru terlatih di Sekolah Kebangsaan Ulu Mungkuang, Selama, Perak iaitu sebuah kawasan pedalaman, lima batu merentasi jalan tanah merah dari sebuah pekan kecil Rantau Panjang, Selama, Perak.

Dalam masa lima tahun berada di kawasan pedalaman itulah beliau berjaya menamatkan peperiksaan MCE(SPM) dan HSC(STP)nya, lantas memasuki Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 1970.

Apabila tamat pengajian di Universiti, beliau telah ditugaskan sebagai seorang guru di Sekolah Menengah St. Patrick, Kulim, Kedah. Oleh kerana hasratnya untuk berkhidmat di kawasan desa maka beliau hanya berada selama tiga bulan di sekolah itu dan lantas menawarkan diri untuk bertugas di Sekolah Menengah Serdang, Kedah. Selepas tiga tahun di Kedah, beliau telah 'singgah' sebentar di Sekolah Menengah Bukit Mercu, Kuala Kangsar, Perak selama sepuluh bulan sebelum di tugaskan sebagai salah seorang Jemaah Nazir, Kementerian Pelajaran Malaysia, berpusat di Terengganu.

Hanya satu tahun berada di Bahagian itu, maka beliau ditukarkan pula ke Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia, sebelum dilantik sebagai Pegawai Khas kepada Menteri Pelajaran Malaysia.

Bagi menambahkan ilmu, beliau telah menghadiri berbagai kursus dalam dan luar negeri. Di antaranya ialah: Kursus Pentadbiran Pelajaran di Manila, Filipina dan juga Kursus Educational Testing Service di Princeton, New Jersey, USA.

Pada tahun 1985 beliau melanjutkan pelajaran peringkat Sarjana di Stanford University, USA, di samping mendapat diploma dalam bidang Political Science dan Mass Communication di University yang sama. Kini beliau bertugas di Jabatan Perdana Menteri.

Berdasarkan pengalaman yang berbagai-bagai itulah beliau telah dapat menghasilkan ratusan rencana mengenai Politik, Pelajaran, Kebudayaan yang di siarkan dalam majalah dan surat khabar di Tanah air.

ISBN-983-805-002-4

HARGA: \$12.00